

DEWAN RAKYAT**PARLIMEN KESEBELAS****PENGGAL KEDUA****MESYUARAT KETIGA**

Bil. 66	Isnin	21 November 2005
----------------	--------------	-------------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2006

Jawatankuasa:-**Jadual:-**

Maksud B. 24	(Halaman 22)
Maksud B. 25	(Halaman 54)
Maksud B. 26	(Halaman 111)
Maksud B. 27	(Halaman 144)

USUL-USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2006

Jawatankuasa:-

Maksud P. 24	(Halaman 22)
Maksud P. 25	(Halaman 54)
Maksud P. 26	(Halaman 111)
Maksud P. 27	(Halaman 144)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 21)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 21 November 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Mohd. Daud bin Haji Tarihep [Kuala Selangor]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kriteria, garis panduan dan kayu pengukur yang ditetapkan oleh kerajaan bagi melayakkan sesebuah negeri itu diiktiraf sebagai sebuah negeri maju.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, ciri-ciri bagi menentukan sama ada Malaysia akan dapat mencapai negara maju adalah berdasarkan kepada sembilan cabaran yang telah ditetapkan dalam wawasan 2020, serta pencapaian kuantitatif pembangunan ekonomi negara. Selain kuantitatif akan dibuat untuk menterjemahkan kesemua sembilan cabaran, Wawasan 2020 sebagai kayu pengukur Malaysia negara maju.

Di peringkat negeri, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan negeri Selangor telah mengisytiharkan pencapaian status negeri maju pada bulan Ogos yang lalu, ia berasaskan kepada beberapa *indicator* dan ciri-ciri yang ditentukan oleh kerajaan negeri Selangor dan Kerajaan Pusat, Kerajaan Persekutuan tidak ada halangan dengan pengisytiharan negeri Selangor sebagai sebuah negeri maju. Metodologi yang digunakan oleh negeri Selangor berasaskan kepada kajian daya saing negeri Selangor yang dijalankan oleh Perbadanan Produktiviti Negara ataupun (NTC). NTC pada tahun 2004 berasaskan kepada perseptif daya saing atau *competitiveness* sebanyak 75 *indicator* yang digunakan oleh kerajaan negeri Selangor dan *indicator* ini digunakan dengan kerjasama daripada pihak UiTM dan juga UIA.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Selangor mendapati bahawa daripada 75 indikator yang telah digunakan itu negeri Selangor telah mencapai lebih 70 peratus daripada sasaran yang telah ditetapkan. Sasaran ini ditetapkan berdasarkan kepada negara-negara maju di dunia kira-kira 30 yang mempunyai *population* atau penduduk yang sama negeri Selangor, Selangor mempunyai lima juta penduduk. Maka negara-negara di dunia yang mempunyai penduduk yang hampir sama digunakan sebagai benchmark atau asas bagi perbandingan antara negeri Selangor dengan negara-negara lain. Data yang digunakan ini meliputi dengan izin, *hard and soft data* 75 semuanya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat pihak kerajaan melalui Pnit Perancang Ekonomi sekarang ini sedang berusaha membangunkan *indicator - indicator* bagi negeri-negeri untuk memastikan sama ada negeri-negeri berkenaan telah pun mencapai status negeri maju ataupun tidak dan *indicator* ini akan dihebahkan pada umum apabila di muktamadkan nanti. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Selangor.

Tuan Mohd. Daud bin Haji Tarihep: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Selangor dah jadi negara maju 2005. Kedah dan Melaka insya-Allah tahun 2010, Negeri Sembilan 2015. Saya nak tanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah perancangan dan strategi yang sedang di atur oleh kerajaan untuk memastikan semua negeri dalam Malaysia termasuk Kelantan, Sabah dan Sarawak menjadi negeri maju menjelang tahun 2020. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terutama Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ingin melihat semua negeri mencapai status negara maju menjelang 2020. Ia tak mahu negeri Kelantan atau Sabah pada tahun 2020 menyatakan bahawa mereka belum sedia untuk menjadi negeri maju. Ilni merupakan kerajaan. Yang kedua, berkaitan dengan perancangan yang sedang diusahakan oleh kerajaan ia melibatkan oleh usaha-usaha untuk menambah kemudahan-kemudahan di negeri-negeri tertentu yang mempunyai taraf ataupun tahap sosioekonomi yang rendah ia melibatkan usaha-usaha untuk merapatkan jurang antara negeri-negeri maju dengan negeri-negeri kurang maju. Ia melibatkan usaha-usaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan menambahkan infrastruktur di negeri-negeri berkenaan.

Jadi, perancangan ini adalah merupakan perancangan berterusan dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan beberapa strategi baru akan diperkenalkan dalam usaha untuk merapatkan jurang antara negeri-negeri maju dengan negeri kurang maju supaya menjelang tahun 2020 ke semua negeri di Malaysia tanpa kecuali dapat mengisytiharkan dirinya sebagai sebuah negeri yang telah mencapai status negeri maju dan negara maju.

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan, kalau ikut *development Composite Index* nampaknya bukan sahaja Selangor adalah sebenarnya enam negeri yang diistilahkan sebagai sudah maju dan ada negeri Pulau Pinang lebih maju daripada negeri Selangor dan apa definisi mengenai pengisytiharan negeri Selangor kalau untuk Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak dan Pulau Pinang dalam kategori ini tidak termasuk diisytiharkan atau diiktirafkan oleh Kerajaan Persekutuan sebagai negeri maju dan bukannya benar bahawa kalau kita mengikut per kapita DGP, Terengganu pun lebih maju tinggi daripada Selangor sungguh pun rakyat miskin, dan bukannya satu kriteria yang penting ialah bahawa pentadbiran bersih dan kalau daripada segi itu korapsi, Selangor antara empat negeri yang terkorup sekali dan Menteri Besar patut pun diheret kepada mahkamah, oleh kerana banyak

tuduhan korupsi terhadap beliau. Adakah, adakah ini diambil kira apabila kita kaji sama ada sebuah negeri *develop* atau tidak di *develop*..

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: *develop corruption ...*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini apa soalan, ini..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat .

Tuan Lim Kit Siang: Kita pun patut ambil kira termasuk Menteri Besar yang korup.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab soalan-soalan tambahan yang ada kaitan dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Mustapa bin Mohamed: ...soalan pokok...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Mustapa bin Mohamed: ...yang dikemukakan oleh Kuala Selangor. Yang pertama, bukan Yang Berhormat Ipoh Timor menyatakan bahawa Kerajaan Pusat mengisytiharkan sebuah negeri sebagai negeri maju. Saya nak membetulkan persepsi ini, bukan kerajaan pusat pada masa ini yang mengisytiharkan negeri Selangor sebagai negeri maju. Kerajaan negeri Selangor mengisytiharkan negerinya sebagai negeri maju, tetapi Kerajaan Pusat tidak ada halangan. Jadi, bukan kita mengisytiharkan. Itu yang pertama,

yang keduanya berkaitan dengan per kapita GDP, ini satu sahaja ukuran, banyak lagi, kita ada sembilan cabaran dan cabaran dalam dokumen Wawasan 2020 ini yang dibentangkan dalam bulan Februari tahun 1991, banyak bercakap tentang aspek-aspek *qualitative beside something quantitative*. Jadi, per kapita bukan satu-satunya ukuran, bukan satu sahaja ukuran. Dalam kes negeri Selangor digunakan 75 *indicator* termasuk *hard data* yang merujuk kepada kuantitatif aspek dan juga kualitatif data. Jadi, adalah tidak benar Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menggunakan satu sahaja kriteria iaitu DGP sebagai ukuran untuk memastikan sebuah negara telah mencapai status negeri maju.

Mengenai definisi Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya maklumkan tadi kita ada rangka untuk negeri, dan untuk negara kita sudah ada *indiatomya*, untuk negeri kita sedang merangka supaya konsisten dan ini akan kita umumkan apabila muktamad nanti.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, aspek-aspek kuantitatif juga diberi perhatian, kecekapan kerajaan, kecekapan pentadbiran, ketelusan dan lain-lain. Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa kita bukan merujuk semata-mata kepada aspek-aspek yang dapat kita *tangible* dengan izin, tetapi aspek-aspek lain juga diberi perhatian. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bera. Kemudianlah

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kemudian dan tak kaitan dengan Jabatan Perdana Menteri Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apa, Yang Berhormat nanti lain kalilah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak, ini ada kaitan dengan masalah negara dan rakyat..

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya ambil kesempatan..

Tuan Yang di-Pertua: Bera.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Menterinya ada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kemudianlah Yang Berhormat, ya. Nanti pula.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kemudian dah tak kena Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apa, kemudian Yang Berhormat, nantilah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sayang Tuan Yang di-Pertua, ini ada kaitan dengan rakyat dan negara Tuan Yang di-Pertua, yang berlaku hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Inilah Ahli Parlimen, Tuan Yang di-Pertua, bagilah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kemudianlah Yang Berhormat, ada peluang lain untuk berucap kita akan bincang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Bera.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kepentingan rakyat dan negara Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bera hendak. Bera hendak beri soalan atau tidak?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

2. **Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah kesan kepada peningkatan mutu sukan negara selepas pengambilan penasihat suka dari Australia Barat serta penubuhan Panel Penasihat Sukan dan sila berikan jenis-jenis sukan yang mengalami peningkatan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bera. Kegagalan Malaysia memenangi sebarang pingat di Sukan Olimpik Athen 2004 telah mendedahkan kekurangan dalam pendekatan sukan bagi sukan berprestasi tinggi. Dua aspek utama dalam pendekatan ini adalah penumpuan terhadap aspek-aspek pengurusan dan teknikal. Aspek-aspek pengurusan mengandungi elemen-elemen seperti penubuhan pusat-pusat latihan, penyediaan kemudahan dan peralatan, pengendalian kebajikan atlet, penganjuran dan penyertaan pertandingan sama ada di dalam atau di luar negara.

Sebagaimana kita sedia maklum, aspek pengurusan sukan yang diamalkan oleh kerajaan adalah setanding dengan negara-negara yang maju dalam sukan. Ini terbukti dengan kejayaan negara dalam penganjuran dan pencapaian Sukan Komanwel 1998.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun negara masih menghadapi kekurangan pengalaman dan kemahiran dalam menangani aspek teknikal. Keperluan kepakaran dalam bidang ini sangat-sangat diperlukan dalam menghadapi Sukan Olimpik. Di antara-antara elemen-elemen yang terkandung dalam aspek ini ialah disiplin sains sukan seperti latihan kekuatan, pemakanan, fisiologi, biomekanik, psikologi sukan dan perubatan. Ke semua disiplin sains sukan ini perlu di kembang, digabung dan diaplikasikan ke atas atlet negara. Walaupun disiplin sains sukan ini telah di sedia wujud di negara kita tetapi ia masih berada di peringkat yang belum mantap jika dilihat dari sudut penubuhan dan pelaksanaannya.

Kelemahan pelaksanaan ini sering menyebabkan atlet tidak dapat mempamerkan potensi mereka yang sebenar. Justeru itu pihak kerajaan mengambil langkah bagi mengenal pasti pakar-pakar yang mempunyai pengalaman dan kemahiran mengendalikan atlet sehingga ke peringkat Sukan Olimpik. Panel penasihat sukan yang dilantik di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 telah mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan agar melantik pakar dari Australia Barat, memandangkan mereka mempunyai pengalaman yang luas kepakaran dalam persediaan atlet ke sukan Olimpik.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, atlet Australia Barat sahaja memenangi empat emas, tiga perak dan dua gangsa daripada 17 peringkat yang dipungut oleh Australia di temasya sukan Olimpik 2004 di Athen. Sekiranya Australia Barat bertanding secara sendiri ia akan diletakkan di tangga ke 19 dari kesemua negara yang bertanding.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan, apakah peningkatan mutu selepas pengambilan Penasihat Sukan. Pada masa sekarang, nasihat yang diambil oleh Penasihat Sukan belum lagi, boleh dikatakan *tested* tetapi pihak kementerian mewujudkan satu program yang diberi nama Program Khas Asia Com 2006 di Majlis Sukan Negara dengan tujuan memberi fokus kepada atlet-atlet dalam acara-acara sukan yang berpotensi memenangi pingat di Sukan Komanwel dan Sukan Asia 2006.

Program ini mengandungi 17 jenis sukan serta melibatkan 138 atlet. Melalui usaha serta panduan kepakaran asing ini, kita akan menggembeleng sumber-sumber pengurusan dan teknikal yang sedia ada bagi memastikan kita mencapai pingat-pingat yang disasarkan bagi Sukan Komanwel dan Sukan Asia 2006. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita mempunyai dua penasihat iaitu Panel Penasihat Sukan dan penasihat daripada Australia Barat. Jadi, ramai yang terkeliru, mengapa perlu ada dua penasihat. Tidakkah ini ada pertindihan dan sebagainya. Jadi, soalan saya, apakah perbezaan dari segi tugas dan tanggungjawab penasihat sukan Australia Barat dengan Lembaga Penasihat Sukan? Dan, apakah berbezaan dari segi

pendapatan? Berapa yang kita bayar kepada Panel Penasihat dan berapa yang kita bayar kepada penasihat yang diimport tadi?

Dan, dari segi perbezaan jenis sukan, adakah dibahagi-bahagikan, penasihat ini jaga beberapa jenis sukan dan lembaga jaga beberapa jenis sukan? Tadi, Yang Berhormat sebut masih *not tested*, jadi soalan saya apakah yang akan jadi indikator dan tanda arasnya yang kita hendak letakkan, yang hendak menunjukkan kejayaan Lembaga Penasihat dan juga Penasihat Sukan tadi? Dan, apakah jaminan dengan mengambil Penasihat Sukan dari luar tadi, kita akan berjaya di dalam bidang sukan? Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Untuk soalan pertama, tidak ada gaji *permanent*, dengan izin, untuk Penasihat Sukan tetapi beliau dibayar bila sahaja dia membuat pusingan ke Malaysia untuk memberi nasihat sebagai elaun.

Yang kedua, dari segi bayaran yang diberi kepada Penasihat Sukan di bawah akta, saya memohon untuk memberi jawapan itu secara bertulis kerana saya tidak ada maklumat pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, indikator yang ditanya adalah dalam Sukan Doha 2006 dan Sukan Olimpik kerana kita memberi penekanan kepada kedua-dua sukan ini, dan boleh dikatakan kementerian menaruh indikator kepada kedua-dua sukan ini untuk mengetahui adakah keberkesanan membawa penasihat dari luar negara. Apa lagi yang tadi? Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang berikut?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu, Yang Berhormat bagi Larut. *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa kita masih kurang pengalaman dalam sudut untuk mempertingkatkan mutu sukan kita. Terutama sekali kita amat merasai selepas kita gagal mendapat sebarang pingat di Sukan Athens yang lalu. Kita akan menghadapi Sukan Asia pada tahun hadapan di Doha dan Sukan Olimpik yang lebih besar di negara Beijing pada tahun 2008. Apakah kita akan menggunakan peluang ketika di Doha pada tahun 2006 ini untuk menimba segala teknik termoden yang telah digunakan oleh Kerajaan Qatar, bagaimana untuk kita mendidik bakat-bakat baru terutama sekali dari segi akademik?

Ini kerana kita mengetahui bahawa inilah peluang terbaik untuk kita mewujudkan seberapa banyak pusat akademi bagi melahirkan bakat-bakat baru. Apakah kementerian, selain daripada menggunakan kepakaran dari Australia, sebagai contoh, tetapi kita juga memerlukan teknik-teknik baru, tenaga-tenaga baru daripada negara luar ini, sebagai contoh Qatar sebuah negara kecil yang sedang melangkah lebih jauh di dalam soal ini. Apakah pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini?

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maafah kalau Yang Berhormat bagi Larut ini boleh ulang dia punya soalan. *[Ketawa]* Tolong ulang soalan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa kita masih ketandusan ilmu dalam menaikkan lagi mutu sukan kita, terutama sekali selepas kita gagal meraih sebarang pingat di Sukan Athens yang baru lalu di Sukan Olimpik.

Tahun hadapan, kita akan menghadapi Sukan Asia di Doha, di Qatar, sebuah negara Arab yang kecil, kaya dengan minyak. Kemudian pada Sukan Olimpik pada tahun 2008, kita akan menghadapi Sukan Olimpik di negara Beijing, China. Persoalan saya, apakah kita ingin melihat menggunakan peluang ketika kita berada di Doha untuk melihat bagaimana usaha dan pencapaian negara Qatar, Doha dalam sudut akademi sukan.

Saya tidak hendak huraikan apa yang telah dilakukan oleh Qatar, tetapi sebagai sebuah negara kecil mereka telah mempelajari teknik-teknik moden dari segi pemakanannya, dari segi pembelajarannya, dari segi persediaannya, semua atlet yang belajar di situ sebagai contoh, akan disediakan pekerjaan. Mereka akan masuk ke universiti, belajar di situ, makan di situ, semuanya di situ. Sebagai contoh di Qatar, di Doha. Jadi, apakah sebagai langkah, selain daripada kita menggunakan kepakaran dari negara Australia, yang juga telah berjaya untuk mencapai kemajuan di sukan antarabangsa, pihak kementerian akan menggunakan peluang ini untuk mempelajari segala ilmu, teknik-teknik moden yang diadakan di negara Qatar, sebuah negara kecil yang sedang membangun.

Itu persoalan saya. Saya tidak mahu menimbulkan soal ada di kalangan pegawai majlis sukan kononnya makan angin ketika berlakunya Sukan SEA. Itu saya tidak timbul. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Memang Kementerian Belia dan Sukan pada tahun yang akan datang, pada tahun 2006 di Sukan Qatar memang kita akan mempelajari segala yang dilakukan oleh Qatar dari segi apa yang dia telah diberitahu oleh Yang Berhormat. Dan, saya memang mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana sudah memberi pandangan beliau dan kementerian bukan sahaja akan menerima pandangan, tetapi akan memastikan bahawa kita akan mempelajari segala yang dilakukan oleh Qatar.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan apakah perbezaan dengan penasihat dari Australia dengan Penasihat Sukan. Penasihat dari Australia adalah dari pakar, elemen-elemen yang terkandung dalam aspek disiplin sains sukan seperti kekuatan, pemakanan, fisiologi, *biomechanics*, psikologi sukan dan perubatan.

Dari segi Penasihat Sukan di bawah akta adalah dengan budaya Malaysia, dari segi persepsi, dengan izin, *attitude*, yang berlaku di negara ini. Ini ada dua perbezaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

3. **Tuan Raime bin Unggi [Tenom]** mina Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan berapakah jumlah peminjam TEKUN di seluruh negara dan sejauh manakah keberkesanan dan pembayaran balik pinjaman yang diberikan oleh pihak TEKUN.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, sejak TEKUN dilancarkan pada 25 Mei 1999 sehingga 31 Ogos 2005, program peminjaman TEKUN telah mengeluarkan pinjaman bernilai RM548.69 juta kepada seramai 111,237 peminjam di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, jumlah RM283 juta atau 52% telah berjaya dikutip semula. Pelbagai faktor yang menyumbang kepada kegagalan kutipan pinjaman, antaranya kerana sikap dan mentaliti usahawan yang menganggap pinjaman ini adalah duit kerajaan dan tidak perlu dibayar semula. Terdapat juga usahawan yang menyalahgunakan pinjaman yang diberi bagi kegunaan peribadi.

Bukan sahaja faktor dalaman yang mendorong kepada kegagalan ini bahkan ia turut didorong oleh faktor luaran seperti berlaku apabila ada pihak-pihak tertentu mengambil alih tapak premis mereka dan dipindah ke lokasi-lokasi yang kurang berpotensi dan sekiranya ini berlaku agak sukar untuk usahawan ini menjana semula pendapatan mereka. Apa yang berlaku di atas adalah lebih baik berbanding sekiranya premis terus diroboh dan tidak diberi atau diganti semula. Perkara sebegini juga turut menyumbang kepada kegagalan bayaran balik tersebut.

Pelbagai usaha telah dilakukan bagi memastikan bayaran balik dapat dikutip sepenuhnya. Antaranya ialah pemantauan oleh staff di pejabat kawasan semasa membuat kutipan setiap minggu di premis perniagaan peminjam. Selain itu, Yayasan TEKUN negara juga telah menempatkan semula Penolong Pengurus TEKUN negeri di setiap negeri mulai bulan Ogos 2005. Dengan penempatan tersebut segala urusan kerja seharian pejabat kawasan akan dapat dipantau sepenuhnya oleh PPTN ataupun Penolong Pengurus TEKUN Nasional dengan lebih dekat dan lebih berkesan. Walau bagaimanapun, penyalahgunaan pinjaman untuk tujuan peribadi adalah di luar kawalan.

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang berdaya saing dan berdaya maju, YTN dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan kerajaan negeri telah melaksanakan latihan keusahawanan melalui kursus-kursus kepada para usahawan TEKUN di seluruh negara. Melalui kursus tersebut usahawan didedahkan bukan sahaja dengan kaedah bagaimana untuk meningkatkan perniagaan malah mereka turut diberi pendedahan mengenai prinsip perakaunan dan pemasaran.

YTN juga mempunyai unit khas untuk pembangunan usahawan yang akan mengenal pasti usahawan yang memerlukan bimbingan serta mengadakan dan memberi latihan yang bersesuaian dengan usahawan tersebut. Dalam usaha membantu usahawan mempromosi barangan mereka, pejabat-pejabat kawasan telah digunakan untuk mempamerkan barangan usahawan tersebut.

Dijangkakan seramai 600 usahawan akan mendapat manfaat daripada kursus ini yang akan dilaksanakan sehingga Disember 2005. TYN juga dalam usaha menerbitkan *directory* usahawan TEKUN, di mana objektif penerbitan adalah untuk mewujudkan jaringan di kalangan usahawan TEKUN, dengan harapan melalui komunikasi dan perhubungan sesama mereka akan mewujudkan pasaran baru, *business matching* serta penghasilan produk yang lebih kreatif.

Bagi membantu usahawan TEKUN yang cemerlang untuk mendapatkan pembiayaan yang lebih besar, Yayasan TEKUN telah mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi MECD yang berkaitan bagi memudahkan usahawan tersebut mendapatkan pinjaman seperti yang diperlukan.

Tuan Raime bin Unggi [Tenom]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah difahamkan pinjaman TEKUN ini maksimum yang mereka boleh meminjam sebanyak RM20 ribu. Pada masa akan datang, adakah pihak kementerian bercadang untuk meningkatkan jumlah pinjaman yang telah dipohon oleh para peminjam TEKUN ini?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang sebenarnya pada masa akan datang kita akan tambahkan lagi pinjaman daripada RM20 ribu maksimum sekarang kepada RM30 ribu. Malahan kita telah pun berusaha. Saya ingin memberi contoh kepada peminjam yang berjaya dari Kelantan, umpamanya pinjaman yang pertama dia meminjam RM5 ribu, kedua RM10 ribu, ketiga RM18 ribu. Akhirnya dia telah pun mendapat pendapatan hingga RM30 ribu ke RM200 ribu sebulan.

Di mana peminjam TEKUN yang terakhir yang berjaya kita akan beri sokongan kepada pinjaman yang lebih besar melibatkan di Bank Pembangunan ataupun agensi-agensi di bawah kementerian sendiri. Terima kasih.

Tuan Che Azmi bi Hj. A.Rahman [Kuala Nerus]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri tidak berapa tempat. Sebab utama kegagalan peminjam membayar pinjaman ini pada saya adalah kerana penyelewengan kakitangan, bukan kerana sikap usahawan. Dari bermulanya memberi pinjam kepada pemohon-pemohon, itu telah berlaku penyelewengan dan sebenarnya diberi pinjam itu bukan kepada usahawan-usahawan yang betul. Yang keduanya, masa memungut hutang, ramai peminjaman membayar hutangnya tetapi tidak dimasukkan dalam akaun. Soalan saya, kenapa pihak kementerian tidak mengambil tindakan yang lebih tegas kepada pegawai-pegawai atau kakitangan TEKUN. Tindakan-tindakan yang saya tahu hanyalah minta berhenti dan sebagainya, tapi tidak ada tindakan polis atau tindakan laporan polis atau laporan kepada Badan Pencegah Rasuah dibuat kepada pegawai-pegawai tersebut. Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Penjelasan kita adalah dasar yang kita tetapkan kepada Tekun. Jika terdapat pegawai kita yang tidak menjalankan tanggungjawab dengan tegas, dengan betul, atau jujur, itu adalah faktor kemanusiaan yang memang sukar di luar kuasa kita. Namun begitu, Yang Berhormat di antara orang yang terpenting

di kawasan itu dan sepatutnya, sememangnya pegawai TEKUN sebelum meluluskan sebarang pinjaman kepada peminjam, perlu merujuk kepada wakil rakyat di kawasan masing-masing. Kalau, maaf Yang Berhormat, jika mereka tidak merujuk kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat sendiri boleh membuat aduan terus kepada kementerian atau saya sendiri bagi tindakan seterusnya.

Memang kita sedar, banyak penyelewengan berlaku dan kita memang dalam tindakan yang sewajar, malah kita akan C-TOSkan kepada usahawan-usahawan. Tetapi kalau peminjam hanya sekadar meminjam RM1,000 atau pun RM2,000, jadi tindakan itu agak sukar untuk kita mengambil tindakan terhadap mereka. Walau bagaimanapun, usaha sedang dijalankan untuk mengambil tindakan yang lebih tegas juga kepada peminjam, juga kepada pegawai-pegawai yang terlibat seperti mana yang dimaksudkan. Jadi, jika Yang Berhormat ada maklumat yang tempat berhubung maklumat Yang Berhormat sebutkan di kawasan Yang Berhormat, sila beri saya maklumat yang jelas. Terima kasih.

4. **Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar [Subang]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah akan diambil oleh pihak kementerian dalam menangani masalah permohonan projek perumahan "*gated community*" di kawasan bandar

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S.G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini amat prihatin ke atas keperluan pasaran pembangunan hartanah masa kini dan dengan itu telah mengambil tindakan menyemak dan mencadangkan pindaan ke atas Akta Hak Milik Strata 1985 bagi memasukkan peruntukan yang membolehkan pembangunan yang berbentuk *gated community* diguna pakai di Semenanjung Malaysia. Antara pindaan yang dicadangkan adalah bagi membolehkan bangunan di atas lot-lot tanah individu yang dibina menggunakan bagi konsep *gated community*, *gated community* diberikan hak milik strata dan membentuk perbadanan pengurusan untuk melaksanakan tugas-tugas pengurusan serta penyelenggaraan skim-skim perumahan berkenaan. Cadangan pindaan akta Hak Milik Serata 1985 ini sedang dalam penyelidikan Jabatan Peguam Negara dan dijangka akan dapat diutamakan pada akhir tahun ini.

Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan langkah pihak kementerian mengambil inisiatif dan memastikan dasar-dasar dan garis panduan atau undang-undang untuk *gated community* sedang digubal. Soalan tambahan saya, baru-baru ini saya melihat *bill board* yang menyebut kawasan-kawasan perumahan bukan sebagai *gated community* sahaja tetapi sebagai *double gated community*. Ini pun wujud. Adakah pihak kementerian mempunyai rancangan menyediakan garis panduan atau undang-undang tentang *double gated community* agar ini boleh dipatuhi oleh pemaju dan penduduk-penduduk terlibat. Tanpa garis panduan ini yang jelas pembeli mungkin ditipu oleh pemaju. Terima kasih.

Dato' S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, memang konsep *gated community* yang ada adalah tidak mengikuti perundangan yang sedia ada. Jadi konsep *double gated community* itu memanglah keluar daripada peruntukan undang-undang sedia ada. Itulah sebabnya kita hendak mengadakan satu perundangan pindaan kepada akta sekarang supaya kita boleh membenarkan pembangunan *gated community* kita secara teratur di negara ini. Jadi, kita harap dalam sidang Parlimen akan datang, kalau akta ini boleh dibentangkan, maka ini akan membolehkan satu pengurusan skim perumahan *gated community* yang lebih teratur di masa akan datang.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Gated community* ini, yang saya tahu sampai sekarang adalah satu *gated community* yang tidak valid dari segi undang-undang, tetapi telah banyak berlaku. Mengapa *gated community* ini berlaku atau pun popular, kerana masalah-masalah keselamatan, jaminan keselamatan dan sebagainya. Soalan tambahan saya mengenai aspek pembangunan kerana dalam *gated community* ini, saya difahamkan bahawa ada beberapa permohonan telah dilakukan terutama di Pulau Pinang dan permohonan ini telah diluluskan walaupun Akta Serata ini belum diubahkan. Ini bermakna, adakah permohonan ini diluluskan, masih valid ataupun kesahihannya masih berlaku? It satu.

Nombor dua, mengenai pembangunan di masa depan. Kalau sesuatu *gated community* dluluskan, bagaimana dengan pembangunan di sekeliling di masa depan ini. Ini akan memberi pengaruh atau satu implikasi yang serius kepada pembangunan di tempat-tempat yang berdekatan dengan *gated community*. Saya nak tanya, adakah ini telah di masuk dalam penggubalan akta yang akan datang ini ataupun bagaimana cara untuk menyelesaikan masalah ini di masa depan. Terima kasih..

Dato' S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, memang konsep *gated community* ini adalah satu konsep yang semakin hari semakin popular kerana taraf kehidupan Malaysia semakin meningkat dan juga tiga isu penting yang kita hadapi dalam dalam isu *gated community* ini ialah isu pembakaran kawasan awam, isu harta bersama dan isu pengurusan skim. Jadi, oleh kerana tidak ada peruntukan perundangan untuk melaksanakan *gated community* ini, maka isu-isu ini menjadi masalah kepada orang awam. Jadi itu sebabnya, tapi penggunaan itu diluluskan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan berdasarkan pelan *layout* yang di kemukakan kepada mereka, tetapi pemagaran dan pengurusan itu adalah di luar kawalan mereka. Jadi di sini ada percanggahan dengan peruntukan perundangan khususnya berkaitan dengan pengurusan kawasan-kawasan, kemudahan-kemudahan awam, jalan masuk dan sebagainya. Jadi, itulah sebabnya kita lihat bahawa ini akan menjadi satu masalah yang besar di masa-masa akan datang dan perkara ini semua telah pun diambil kira dalam pindaan yang dicadangkan di masa akan datang. Sekian.

5. **Tan Sri Dato' Hew See Tong [Kampar]** minta Menteri keselamatan Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah kerajaan untuk menjaga keselamatan nyawa dan harta para nelayan negara kita terutama sekali di perairan Selat Melaka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Keselamatan Dalam Negeri khususnya Polis Diraja Malaysia telah meningkatkan tahap keselamatan perairan negara terhadap sebarang ancaman, rompakan kapal-kapal dagangan dan juga menjaga keselamatan harta dan nyawa para nelayan. Pasukan PDRM Polis Marin telah mengambil tindakan-tindakan proaktif dengan, yang pertama mempertingkatkan rondaan di kawasan strategik, menggunakan bot-bot ronda bagi tempoh lapan bulan iaitu dari Januari hingga Ogos. 2005 sahaja PDRM telah menjalan 2,741 operasi di perairan negara.

Keduanya, mempertingkatkan secara rawak terhadap bot-bot yang dicurigai di semua wilayah perairan negara termasuk Melaka. PDRM sentiasa membuat pemeriksaan ke atas bot-bot asing dan tempatan bagi memastikan tiada unsur-unsur kegiatan jenayah dijalankan. Yang ketiganya menubuhkan Unit Risikan Marin dengan pegawai dan anggota yang terlatih untuk mengumpul maklumat dan informasi mengenai kumpulan penjenayah, lanun dan juga perompak. Yang keempat, melancarkan operasi khas dengan gabungan kepakaran unit-unit dan jabatan-jabatan dalam PDRM seperti Unit Udara Komando 69, Jabatan Siasatan Jenayah dan juga Cawangan Khas. Yang kelima, Memperkukuhkan hubungan dua hala dengan pasukan-pasukan penguat kuasa negara jiran dalam kerjasama menguatkan kuasa undang-undang di perairan, mengadakan latihan operasi bersama serta perkongsian maklumat mengenai kegiatan jenayah di perairan.

Kerajaan Malaysia sentiasa menjalin hubungan secara *bilateral* yang rapat dengan negara-negara seperti Thailand, Indonesia, Brunei, Philippines dan Singapura. Antara kerjasama yang dijalankan adalah seperti:

- a. Latihan Laut Bersama Malaysia Thailand;
- b. Mesyuarat dengan izin, *Combine Navel Working Group*;
- c. Mesyuarat Tahunan *Royal Thai Marin Police* dan *Royal Malaysia Marin Police*;
- d. Program di bawah *General Border Committee* Malaysia Indoensia or MALINDO;
- e. *Border Petrol Coordinanate Group* Malaysia dan Philippines;
- f. Latihan Mencari dan Menyelamat di antara kerjasama Malaysia Brunei,

dan yang keenam, kerjasama dengan agensi-agensi penguat kuasa kerajaan yang lain seperti Tentera Laut di Raja Malaysia, Tentera Udara di Raja Malaysia, Jabatan Perikanan, Jabatan Laut, Kastam Di Raja melalui mesyuarat dan operasi bersepadu seperti Ops Sumatera Gagah, Ops Jangkar, Ops Tambak dan Ops Sempadan serta Ops Paliken dalam menguatkuasakan undang-undang dan menjaga keselamatan perairan negara.

Dengan tindakan-tindakan tersebut, keselamatan dan ketenteraman di perairan negara akan lebih stabil secara tidak langsung, kapal-kapal dagang yang menggunakan perairan negara dan para nelayan akan lebih terjamin dan membolehkan mereka menjalankan aktiviti masing-masing dengan lebih selamat dan lebih terjamin. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkan Yang Berhormat menerangkan kejayaan di dalam operasinya yang disebutkan tadi dan juga langkah-langkah yang diambil, adakah kita perlu bantuan orang-orang lain seperti Amerika Syarikat yang menawarkan bantuan untuk mengatasi masalah di Selat Melaka dan juga bagi setiap tangkapan yang kita buat, lanun ini punca atau negara asal mereka dan bagi setiap tangkapan apakah bilangan yang dianggarkan terlepas.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada segi kejayaan ataupun kemampuan penguat kuasa kita melalui PDRM ini, kalau dari seti rekod-rekod yang disimpan oleh Pasukan Malaysia di Raja Malaysia Bahagian Marin, bahawa kalau daripada segi laporan-laporan rompak yang berlaku di laut, di perairan negara kita, saya ingin memaparkan bahawa:

<u>Tahun</u>	<u>Bot nelayan</u>	<u>Kapal dagang</u>	<u>Jumlah</u>
2000	28	29	57
2001	16	4	20
2002	27	Tiada	27
2003	20	Tiada	20
2004	7	4	11
2005 (sehingga September)	2	13	15

Daripada segi tangkapan, tindakan yang berjaya diambil oleh pihak PDRM bahagian Marin, bagi tahun 2000 daripada 57 kes yang dilaporkan, sejumlah 24 lanun dapat ditangkap dan begitu juga bagi tahun 2001 sebanyak 13. Tahun 2002 sebanyak 2. Tahun 2003 tiada dan tahun 2004 tiada.

Bagi tahun ini, sebanyak 17 lanun telah dapat ditangkap. Ini kalau dilihat daripada segi data, bahawa kita dapat mengawal kes-kes yang berlaku, yang melibatkan lanun-lanun di kawasan perairan kita ini. Dari segi penangkapan juga dari semasa ke semasa kita melihat bahawa PDRM, Bahagian Marin berjaya membuat tangkapan terhadap lanun-lanun ini, di mana akhirnya kita membawa mereka ke pengadilan di mahkamah dan mereka ada setengahnya telah pun dihukum.

Apa yang kita telah laksanakan ini, kita tidak menafikan bahawa ada batasan-batasannya yang dihadapi oleh pihak pasukan Marin kita terutama kejadian atau kes ini berlaku di tempat yang terpencil. Umpamanya seperti di perairan berhampiran dengan sempadan jiran kita Indonesia dan juga terdapat bahawa kapal-kapal atau bot nelayan ini menangkap ikan di tempat

yang terpencil, yang mana mereka tidak dalam satu kumpulan. Mereka berasing daripada kumpulan-kumpulan nelayan yang lain-lain. Ini memudahkan pihak-pihak lanun melakukan jenayah-jenayah ini.

Begitu juga dari segi pemantauan, dari segi penglihatan apabila badan penguat kuasa berada di laut bahawa keadaannya tidak begitu jelas. Walau bagaimanapun dengan rintangan-rintangan ini bahawa penguat kuasa PDRM ini berjaya membuat tangkapan. Dari apa yang telah saya nyatakan tadi bahawa kerajaan kita mampu mengawal dan juga mengesan lanun-lanun ini, di mana kita tidak perlu mana-mana negara untuk mengambil alih tugas yang dilaksanakan pihak PDRM yang kita tugaskan kepada mereka.

Berkaitan dengan lanun-lanun asalnya dari negeri mana yang telah ditanya oleh Yang Berhormat Kepong tadi, bahawa kebanyakan adalah daripada Indonesia yang mana terdapat daripada tahun 2000 hingga 2005 sebanyak 38 jenayah daripada Indonesia. Filipine 16, Thailand 2. Daripada segi data itu tadi jelas bahawa lanun-lanun yang melakukan jenayah rompakan di atas nelayan-nelayan kita dan juga kapal dagang adalah daripada Indonesia. Sekian, terima kasih.

6. Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang] minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah zakat perniagaan yang telah dibayar oleh Petronas kepada badan-badan agama negeri-negeri atau pihak-pihak yang layak menerima zakat semenjak ia mula beroperasi sehingga sekarang mengikut tahun.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pihak Petronas tidak membayar zakat kepada mana-mana badan agama negeri ataupun pihak-pihak lain yang layak menerima zakat. Sebaliknya Petronas membayar cukai syarikat dan juga cukai pendapatan petroleum kepada kerajaan dan sehingga ini Petronas telah membayar RM110.8 bilion dalam bentuk cukai syarikat dan juga cukai pendapatan petroleum pada tahun kewangan 2005. Jumlahnya ialah RM14.3 bilion yang dibayar oleh Petronas.

Pada bulan Oktober 1983, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah membuat keputusan bahawa syarikat-syarikat milik penuh kerajaan termasuklah Petronas tidak diwajibkan membayar zakat dan setakat ini, ini merupakan keputusan fatwa yang terpakai bagi Petronas dan pihak-pihak lain yang terlibat.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi. Kita tahu setiap peniaga dia ada kaedah-kaedah pengeluaran zakatnya dan Majlis Fatwa telah mengeluarkan fatwa berhubung dengan zakat Petronas. Tetapi walau macam mana pun, kita berbalik kepada ayat Allah S.A.W. [*Membaca sepotong ayat suci Al-Quran*] Zakat ini merupakan suatu pembersihan kepada harta yang merupakan perolehan negara hasil daripada anugerah Allah iaitu minyak.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bilakah agaknya kira berhasrat ataupun Majlis Fatwa akan *review* semula fatwa mereka berhubung dengan pembersihan harta yang dikeluarkan oleh Petronas ini kerana dengan mengeluarkan zakat, saya rasa mungkin Allah S.A.W akan menganugerahkan lebih banyak lagi minyak kepada kita dan insya-Allah akan kita pergunakan lebih kepada pembangunan negara kerana setakat ini rakyat tidak tahu, berapakah banyak harta yang telah diperolehi oleh Petronas, hatta Ahli Parlimen sendiri pun tidak mengetahui jumlah daripada dahulu sampai sekarang. Minta perhatian daripada Yang Berhormat Menteri jawapannya. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, memanglah zakat itu adalah untuk membersihkan harta yang kita perolehi daripada usaha kita di atas muka bumi ini. Mengenai sama ada kita tahu ataupun tidak, Yang Berhormat Pendang hendak tahu harta Petronas. Ini semua terdapat dalam *Website Petronas*, harta tanggungan, keuntungan dan lain-lain lagi terdapat dalam *Website Petronas* yang boleh diperolehi oleh mana-mana individu yang berminat untuk mendapatkannya.

Akhir Tuan Yang di-Pertua, berkaitan, bila Petronas akan membuat keputusan untuk membayar zakat ataupun tidak. Ini tertakluk kepada Jawatankuasa Fatwa. Ini merupakan badan agama tertinggi dalam negara kita dan mana-mana isu berkaitan dengan hukum, adalah diputuskan oleh Jawatankuasa ini Petronas dan mana-mana jua syarikat milik penuh kerajaan yang lain akan tertakluk kepada keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa. Setakat ini kita tidak tahu bila pihak Jawatankuasa ini akan membuat keputusan berkaitan perkara ini, terserah kepada mereka untuk menentukan tarikh. Terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri menyebut tadi bahawa syarikat yang dimiliki 100% oleh kerajaan tidak perlu membayar zakat mengikut fatwa. Apakah syarikat yang tidak 100% dimiliki oleh kerajaan, misalnya 50% diwajibkan?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak membuat sedikit pembedaan. Fatwa ini merujuk kepada syarikat milik kerajaan. Fatwa yang dibuat pada bulan Oktober 1983 menyebut perkataan yang digunakan ialah "Syarikat Milik Kerajaan" tidak disebut sama ada milik penuh ataupun tidak. Itu fatwa yang dibuat oleh Majlis Fatwa Kebangsaan.

7. **Datuk Dr. Yee Moh Chai [Kota Kinabalu]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk menaikkan tahap kesedaran sains di kalangan masyarakat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini usaha yang telah dijalankan oleh MOSTI dalam meningkatkan tahap kesedaran sains dan teknologi di

kalangan masyarakat bolehlah dikatakan menyeluruh meliputi kesemua lapisan masyarakat. Aktiviti sains dan teknologi yang dilaksanakan di bawah Program Penggalakan Sains dan Teknologi umpamanya meliputi peringkat sekolah, negeri dan juga Persekutuan.

Matlamatnya ialah supaya generasi muda berminat mempelajari, menghayati serta membudayakan sains dan teknologi kerana sejarah telah membuktikan bahawa sains dan teknologi telah berjaya meningkatkan kesejahteraan hidup manusia. Oleh itu tumpuan utama MOSTI dalam program peningkatan kesedaran masyarakat terhadap sains dan teknologi ialah disebabkan kepentingan *capacity building* di mana negara perlu mempersiapkan sejumlah tenaga pakar yang terdiri daripada *researcher*, *scientist* dan juga *engineer (RSE)* yang mencukupi menjelang tahun 2020 apabila negara mencapai status negara maju.

Persepsi masyarakat terhadap sains dan teknologi juga perlu dibetulkan supaya mereka tidak semata-mata menjadi masyarakat pengguna teknologi malah diharap menjadi sebuah masyarakat yang berjaya menyumbang kepada pembangunan teknologi menerusi kerja-kerja penyelidikan, reka cipta dan inovasi yang dijalankan. Kesedaran ini juga perlu ada apatah lagi memandangkan buat masa ini negara hanya mempunyai 18 RSE bagi setiap 10,000 tenaga pekerja berbanding dengan apa yang dimiliki oleh sesetengah negara maju pada masa ini, iaitu 90 RSE bagi setiap 10,000 tenaga pekerja.

Menyedari hakikat tersebut, MOSTI dengan kerjasama Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pendidikan Tinggi telah mengambil beberapa tindakan yang boleh meningkatkan tahap kesedaran sains dan teknologi di kalangan masyarakat. Menerusi media cetak umpamanya, MOSTI telah menerbitkan sisipan '*Estidotmy*' setiap hari Rabu minggu keempat setiap bulan yang memuatkan berita-berita terbaru perkembangan sains dan juga pengetahuan berhubung dengan asas-asas sains yang mudah difahami oleh pembaca dan masyarakat umum. Selain daripada itu maklumat mengenai sains dan teknologi juga turut disampaikan oleh para saintis dan penyelidik menerusi media elektronik kerajaan seperti menerusi rancangan 'Selamat Pagi Malaysia' dan sebagainya.

Bagi kefahaman pelajar-pelajar dan mahasiswa pula terhadap teknologi robotik. Misalnya MOSTI menerusi anak syarikatnya SIRIM Berhad dengan kerjasama Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi telah menganjurkan Pesta Robot di mana para pelajar berpeluang memperlihatkan bakat mereka dalam penciptaan robot dan kemahiran terhadap kepintaran buatan.

Begitu juga dengan keazaman yang ditunjukkan oleh mahasiswa kita dalam sektor pertandingan mereka cipta robot '*Robotcom*' peringkat antarabangsa anjuran *Asia Pacific Broadcasting Union* ataupun ABU.

Selain sasaran untuk memenangi sesuatu pertandingan, apa yang lebih penting lagi ialah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat generasi muda bahawa mereka juga berupaya menerokai bidang-bidang baru sains dan teknologi seiring dengan penggunaan sains dan

teknologi semasa, tidak gentar menghadapi persaingan agar tidak ketinggalan jauh ke belakang daripada negara-negara maju. Terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang pihak kerajaan telah mengambil banyak langkah untuk menaikkan tahap kesedaran sains di kalangan masyarakat khususnya di peringkat sekolah. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah pengajaran mata pelajaran sains yang menggunakan bahasa Inggeris di kalangan sekolah-sekolah begitu kritikal untuk menaikkan kesedaran sains di kalangan masyarakat pelajar supaya dapat menarik minat pelajar-pelajar untuk memberi kesedaran dalam mata pelajaran Sains sekiranya menggunakan bahasa Inggeris dapat membantu. Minta penjelasan, terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya. Sebenarnya ini adalah merupakan dua isu. Pertama, adalah penggunaan bahasa Inggeris dalam subjek Sains dan Matematik dan satu lagi adalah penggalakan ataupun pendedahan ataupun celik sains dan teknologi kepada masyarakat. Untuk program celik sains dan teknologi kepada masyarakat, ini rasanya adalah lebih sesuai oleh kerana pendedahan ini diberikan kepada golongan masyarakat umum.

Ini adalah lebih sesuai digunakan dalam medium kita, iaitu medium dalam bahasa Malaysia atau Bahasa Kebangsaan. Tetapi bagi mendapatkan *acquire* ataupun *acquisition of knowledge* kita rasakan bahawa dalam medium bahasa Inggeris adalah satu medium yang lebih wajar dan lebih cepat, mempercepatkan kita mendapatkan *knowledge*, walaupun kita telah ada Dasar Pendidikan Kebangsaan dan sebagainya.

Ini kita dapati bahawa negara-negara maju seperti Japan, Perancis dan juga Korea telah mula pun. Walaupun mereka memang menggunakan medium bahasa negara sebagai pengajaran di peringkat sarjana muda tetapi mereka telah pun menggunakan, boleh kata sepenuhnya di dalam program *post graduate*, menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium untuk *acquire knowledge* di dalam sains dan teknologi. Ini saya rasa adalah perkara yang patut kita contohi bersama. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya berpendapat bahawa menaikkan tahap kesedaran sains di kalangan masyarakat ada dua langkah. Yang pertama adalah langkah formal iaitu melalui pendidikan yang telah pun diterangkan tadi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tetapi yang kedua adalah di kalangan masyarakat umum. Di kalangan masyarakat umum peningkatan tahap kesedaran sains adalah sangat penting kerana ianya boleh memberi pemikiran yang baik kepada masyarakat kerana di alam sekeliling kita, kita melihat semua yang ada adalah berkaitan dengan sains.

Oleh yang demikian, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah peranan Akademi Sains Malaysia di dalam peningkatan tahap kesedaran ini? Dan, adakah persidangan

dan *conferences* dengan secara umum, bukan dalam subjek-subjek yang spesifik dalam bidang sains tetapi sains umum, adakah ini diadakan di negara kita? Sekian, terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Saya setuju, memang kita ada dua program penggalakan sains dan teknologi ini iaitu dalam bentuk formal dan tidak formal. Sebenarnya program yang tidak formal sebenarnya adalah lebih dilaksanakan di bawah MOSTI dan program formal adalah lebih dilaksanakan di bawah kementerian seperti Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Sebagai contohnya kita di bawah sama ada Pusat Sains Negara ataupun Akademi Sains Malaysia, kita ada dua program sebenarnya yang kita laksanakan iaitu Program Jangkau Dalam (*In Reach Programmed*) dan juga Program Jangkau Luar (*Out Reach Programmed*) yang mana program-program ini yang bercorak *interactive, hands on, minds on* dan *hearts on*, untuk memberikan pengetahuan, kefahaman dan juga apresiasi masyarakat kepada sumbangan sains dan teknologi dalam kehidupan seharian.

Sebagai contohnya, Program Jangkau Dalam antara yang dilaksanakan ialah kita menyediakan pameran galeri tetap. 11 galeri yang disediakan di Pusat Sains Negara. Ini adalah untuk tontonan ataupun lawatan daripada masyarakat umum. Kemudian, kita ada laksanakan pameran bertema setiap dua kali setahun. Pameran ini diadakan secara berkala mengikuti tema-tema tertentu seperti Pameran 100 Tahun Anugerah Nobel, Pameran Kreativiti *Ignited*, Pameran Sains Islam dan Sains, Pameran 100 Tahun Penerbangan, Pameran 50 Tahun DNA dan sebagainya.

Jadi, ini kalau kita tengok semua adalah program secara tidak formal untuk masyarakat umum dan sebagainya dan tidak pun diajar di sekolah ataupun di universiti. Terima kasih.

8. **Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman [Kuala Nerus]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mempercepatkan proses kelulusan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) bagi menjamin kursus-kursus yang diluluskan tidak menjadi "*out-dated*" apabila mendapat kelulusan, terutama kursus-kursus yang berasaskan teknologi maklumat dan kejuruteraan.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Kementerian Pengajian Tinggi melalui Lembaga Akreditasi Negara (LAN) sentiasa berusaha bagi memastikan proses kelulusan kursus pengajian yang dipohon oleh institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Justeru itu, sistem pusat serenti telah dilaksanakan pada Jun tahun 2004 dan menepati piagam pelanggan. LAN telah menasaskan bahawa proses kelulusan pada umumnya dikira dari tarikh permohonan lengkap dikemukakan akan mengambil masa tidak melebihi 15 minggu. Tempoh yang diambil ini adalah lebih singkat berbanding dengan amalan antarabangsa. Selain daripada itu, bagi mempercepatkan proses kelulusan ini LAN turut melaksanakan beberapa pendekatan lain yang di antaranya seperti berikut:-

- (i) menilai kursus pengajian baru berdasarkan dokumen kecuali bagi kes yang memerlukan lawatan;
- (ii) mewujudkan proses *fast track*, dengan izin, bagi permohonan dalam kategori tertentu dengan masa yang diambil iaitu di antara dua minggu hingga satu bulan. Ini termasuklah permohonan pembaharuan kelulusan yang tertakluk kepada perubahan kurikulum dan permohonan kursus pengajian cawangan IPTS yang telah dinilai kurikulumnya;
- (iii) membenarkan IPTS membuat pilihan pakar daripada senarai panel LAN terlebih dahulu dan kemudiannya laporan disertakan dalam permohonan kelulusan yang dikemukakan kepada pihak LAN.

Melalui kaedah ini tempoh proses yang diambil adalah dua bulan satu minggu dan ini tertakluk kepada pematuhan syarat yang ditetapkan. Melalui kaedah ini, dalam tempoh Januari 2005 sehingga 31 Oktober 2005 dari 1,064 permohonan kelulusan kursus pengajian IPTS, LAN telah dapat menyelesaikan sebanyak 901 kes.

Pihak kementerian percaya tempoh proses kelulusan masa adalah bersesuaian dan munasabah bagi membolehkan penilaian kualiti dilaksanakan dengan berkesan dan dalam waktu yang sama tidak menyebabkan kurikulum yang dinilai menjadi *out-dated*, dengan izin. Dalam pada itu, pihak kementerian dan LAN akan sentiasa memperkemaskan dan mempertingkatkan proses kelulusan yang sedang dilaksanakan dari masa ke semasa. Sekian, terima kasih.

Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita tahu bahawa LAN ini tidak mempunyai kakitangan yang cukup untuk menilai dan menjalankan proses kelulusan itu. Soalan tambahan saya, kenapa kerajaan tidak melantik satu kumpulan ataupun pakar runding ataupun menjalankan proses-proses kelulusan ini melalui *cross university*, dengan izin.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar mengatakan LAN tidak mempunyai kakitangan yang tidak mencukupi. Sebenarnya kita kini telah senaraikan 1,127 penilai untuk menjalankan penilaian kita terhadap kursus yang telah dipohon. Antaranya 941 adalah daripada pensyarah IPTA dan bakinya adalah dari pihak industri dan pensyarah-pensyarah daripada IPTS yang mempunyai taraf universiti atau kolej universiti.

Walaupun begitu ada kadangkala kursus yang tertentu mungkin kursus yang lebih unik di situ, kadang-kadang kita sukar mendapat penilai yang mempunyai kepakaran untuk menjalankan penilaian. Maka dalam kes-kes tertentu itu masa yang diambil mungkin lebih lama sedikit. Sekian, terima kasih.

Puan Chong Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai satu laporan di dalam Malaysia Kini, *Chinese edition* yang mengatakan bahawa terdapat 31 program Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) yang ditawarkan oleh enam universiti kerajaan iaitu Universiti Malaya,

Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains, Universiti Teknologi Mara dan Universiti Putra Malaysia yang tidak diakui oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Guru-guru lepasan kursus ini tidak boleh diiktiraf kedudukan mereka sebagai kelulusan ijazah. Adakah ini perkara yang benar dan bagaimana ia boleh berlaku? Ini kerana universiti kerajaan dan program ini juga adalah dilancarkan oleh pihak kerajaan. Bagaimana ia boleh berlaku? Terima kasih.

Dato' Fu Ah Kiow: [*Pembesar suara tidak berfungsi*] ...di sini bahawa pengiktirafan sesuatu kursus bukan dijalankan oleh LAN. Ia adalah dijalankan oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JKTPPK) iaitu satu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah jemaah Menteri pada tahun 1972. Walau bagaimanapun, biasanya jawatankuasa itu akan berasaskan kepada pengiktirafan LAN untuk memberi pengiktirafan terhadap sesuatu kelulusan. Apa yang dikatakan di situ saya tidak ada maklumat spesifik tapi biasanya ia tidak berlaku.

Dalam proses mendapat pengiktirafan oleh jawatankuasa tersebut, universiti itu walaupun merupakan universiti kerajaan (IPTA), mereka perlu juga membuat permohonan secara rasmi, baru dia boleh mendapat pengiktirafan. Mungkin ini adalah prosedur yang belum dijalankan IPTA, saya tidak pasti. Ini perlu rujuk kepada pihak yang mengendalikan kursus KPLI itu iaitu Kementerian Pelajaran.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak penjelasan. Saya difahamkan bahawa pengiktirafan kelulusan dari segi kedoktoran akan dipindah daripada pihak berkuasa yang ada sekarang ini kepada pihak Kementerian Kesihatan. Adakah ini benar kerana kalau ini berlaku maknanya badan yang kita tubuh ini sudah tidak boleh menilai. Saya kira dipihak kementerian, mereka tidak mempunyai cukup kakitangan dan kepakaran untuk mengiktiraf dan memberi kelulusan kepada para pelajar untuk mendapat pengiktirafan mereka sebagai seorang doktor perubatan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Fu Ah Kiow: Seperti yang dijelaskan tadi, jawatankuasa yang saya sebut tadi itu bukan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi tetapi adalah satu jawatankuasa yang di tubuh di bawah jemaah Menteri. Setiausaha ialah JPA dan Menteri Pengajian Tinggi adalah pengerusi kepada jawatankuasa tersebut. Tentang isu pengiktirafan kursus perubatan itu adalah tidak benar bahawa ia akan dipindah kepada Kementerian Pengajian Tinggi. Tidak! Ia masih dalam bidang kuasa jawatankuasa tersebut dan biasanya pengiktirafan adalah berasaskan kepada cadangan daripada MMC sebagai satu badan profesional. Sekian, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Maksud saya Tuan Yang di-Pertua, daripada MMC kepada Kementerian Kesihatan. Adakah itu benar? Maknanya kelulusan bukan daripada MMC tetapi daripada Kementerian Kesihatan.

Dato' Fu Ah Kiow: Tidak. Memang sekarang MMC yang merupakan badan profesional yang memberi cadangan kepada jawatankuasa untuk segala pengiktirafan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi soal jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.12 pagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.30 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari.”

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan Anggaran Pembangunan 2006 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” ***[Hari Kesembilan]***

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

**Maksud B.24 [Jadual] –
Maksud P.24 [Anggaran Pembangunan 2006] –**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.24 dan Kepala Pembangunan P.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya minta pihak kementerian untuk menyambung menjawab.

11.15

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Pengerusi, semasa sebelum Dewan ini ditangguhkan, saya sedang menjawab mengenai isu automotif dan sebagai produk global. Saya ingin menyentuh perkara tersebut sebagai menyambung perbincangan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Mengenai dengan isu ini Yang Berhormat Timbalan Menteri pada masa itu ada mengatakan bahawa kalau kita ikut jalan cara Korea Selatan hari ini industri automotif sudah begitu moden dan maju tetapi kita tidak terbuka dan kita terus *protectionist* dan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun akan kata bahawa daripada segi *competitiveness* pekerja-pekerja Malaysia apabila dibandingkan dengan pekerja-pekerja Korea Selatan ialah 1 kepada 7 iaitu bererti kalau rakyat Malaysia mengeluarkan nilai 10,000 pekerja-pekerja, South Korea boleh mengeluarkan nilai 70,000.

Kenapa kerajaan benarkan perkara ini berlaku dua tiga dekad ini oleh kerana apabila dalam 70-an atau sekurang-kurangnya awal 80-an apabila proton dimulakan saya percaya bahawa *ratio productivity* atau *competitiveness* antara pekerja-pekerja Malaysia dengan pekerja-pekerja Korea Selatan tidak begitu merosot. Mungkin satu ratio 1 kepada 2. Mengapa sekarang sampai 1 ke 7 dan kenapa kerajaan tidak ambil tindakan yang sewajarnya supaya kita produktiviti pekerja-pekerja kita, *competitiveness* pekerja-pekerja kita tidak turun begitu mendadak. Hari ini kita tengok ada berita laporan bahawa Toyota sekarang dengan izin "Toyota Motors Corp is making a big bet that it can ride a host of new models past struggling General Motor" dan menjadi dunia yang pertama dan *dethrone General Motors* sebagai automotif mereka yang pertama dengan yang nombor satu dengan *target* pengeluaran 9.2 juta buah kereta. Malaysia apa proton, 9.2 juta kereta mungkin 100 tahun barulah kita boleh mencapai *target* itu. Bukankah ini menunjukkan betapa belakng kita dan kita perlu satu strategi yang drastik untuk *revamp* industri automotif dan sampai sekarang *national automotif policy frame work* nampaknya tidak memberi perangsang kepada tujuan itu.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan mesyuarat**]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, izinkan saya meneruskan isu yang disambuang daripada minggu lepas kemudian saya sentuh apa yang dibangkitkan oleh Ipoh Timur. Bila saya menyatakan bahawa automotif adalah produk global, ia bermaksud beberapa *characteristic* dapat kita lihat dalam industri tersebut. Ini berlaku melalui proses evolusi, perubahan-perubahan yang berlaku termasuk pada tahun 1997 bila berlaku krisis ekonomi dunia, syarikat-syarikat membuat *rationalization* dan *consolidation* mengakibatkan kepada perubahan tersebut.

Antara *characteristic*, pertama automotif adalah produk global produk pasaran. Kalau kita lihat dari segi automotif hanya negara-negara Amerika Syarikat, Perancis, Jerman dan Jepun sahaja yang mempunyai *home base* yang besar untuk berdikari dalam pasaran tersebut. Yang lain perlukan kepada pasaran antarabangsa.

Kedua, dari segi berlakunya global *alliance* kita dapat lihat ada banyak kumpulan di bawah satu syarikat besar yang membentuk *alliance* ini dan *alliance* ini mewujudkan apa yang kita kata *synergy*. Synergy dalam beberapa banyak aspek, R&D, perkembangan kejuruteraan, pasaran, kewangan dan sebagainya.

Ketiga dari segi *sourcing* Kalau dahulu syarikat automotif membeli komponen atau mempunyai komponen dalaman. Sekarang ini atas usaha untuk meningkatkan daya saing dari segi kos maka kos dan juga kualiti, syarikat-syarikat membeli dari merata tempat melalui program *multi-sourcing*. Bermakna tidak lagi tertumpu kepada negara masing-masing.

Yang keempat dari segi pengeluaran tidak tertumpu di negara *host country* ataupun negara *origin*. Toyota seperti mana Yang Berhormat nyatakan mempunyai banyak *base* pengeluaran. Yang ada kalangan di pegang ekuiti 100% ada 20 atau 30 mengikut penyesuaian keperluan pasaran tersebut.

Yang kelima kita melihat bahawa dari segi pemilikan syarikat telah berubah daripada nasional identiti kepada global identiti. Syarikat Nissan umpamanya dibeli oleh Renault sampai hampir 50%. Ini adalah ciri-ciri bagi menjawab bahawa automotif adalah berbentuk global.

Menyentuh apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor, saya hendak lihat dari segi statistik. Kalau tidak silap saya dari segi Malaysia dengan Korea bukan tujuh kali tetapi saya ingat dua kali sahaja. 20 kita 10,000 lebih dan Korea 20,000 lebih. Ini bukan ada kaitan dengan sektor automotif tetapi ini adalah kaitan dengan daya saing pekerja di negara tersebut dengan pekerja di negara kita. Maknanya dari segi pekerja di negara tersebut lebih tinggi lagi daya saing. Tentulah kerajaan berusaha untuk meningkatkan produktiviti kita di mana saya telah panjang lebar menyatakan bahawa berbagai-bagai bentuk program dibuat sama ada melalui NPC ataupun melalui sektor badan-badan lain.

Tetapi ingin saya nyatakan di sini bahawa apabila kita bercakap tentang ekonomi tugas kerajaan adalah sebagai fasilitator kepada ekonomi, menyediakan undang-undang, peraturan

dan *environment*. Akhirnya ekonomi ini adalah dijalankan oleh sektor swasta. Sektor swasta yang mesti menjalankannya dan di sini memerlukan

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Nanti Yang Berhormat, saya belum, nanti saya bagi. Sektor swasta ini perlu kepada peningkatan kapasiti. Dalam konteks negara kita, kita lihat bahawa syarikat-syarikat kita banyak berbentuk syarikat-syarikat IKS. Kita ada *survey* kita ada lebih kurang 20 ribu syarikat dalam bidang *manufacturing* dan daripada itu lebih kurang 2,000 lebih *large* kami agak besar tetapi definisi besar jika dibandingkan dengan syarikat lain di negara lain, dia tidak sebesar negara lain. Sebahagian besarnya lebih kurang 17,000 syarikat adalah syarikat IKS dan untuk meningkatkan daya saing sektor swasta ini memerlukan pendekatan. Itu yang saya kata total *factor productivity* adalah perkara asas. Ia tidak lagi berteraskan kepada modal dan juga buruh. *Total Factor Productivity* memerlukan kepada R&D, peningkatan teknologi dan sebagainya.

Pihak SMIDEC sedang membuat satu kajian sejauh mana syarikat-syarikat kita terlibat dari segi *technological diffusion*, penggunaan teknologi yang dijangka siap pada hujung tahun ini dan ini akan menjadi asas bagaimana kita hendak membawa syarikat kita daripada kedudukan penggunaan teknologi pada tahap sekarang kepada yang lebih tinggi. Apakah polisi-polisi yang akan diperkenalkan. Sehingga ini

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh minta penjelasan sedikit?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Sekejap, sekejap. ... sehingga ini dari segi kajian yang dilakukan pada tahun 2000 dari segi penggunaan teknologi, itu adalah seperti berikut. Tahap automasi ini kajian pada tahun 2004, tahap automasi sepenuh 6% separuh 74% manual 21%, R&D 60% dan tiada R&D 40% teknologi maklumat 66 %, dari segi penggunaan ICT dan sebagainya ia berbeza daripada 4% kepada 59%. Ada beberapa komponen di situ. Ada dari segi penggunaan *e-commerce*, *robotic*, *flexible mic... system*, *computer integrated manufacturing* (CAD) dan sebagainya. Ini akan menjadi asas kepada akhirnya bentuk-bentuk dasar yang akan kita laksanakan untuk mempercepatkan proses tersebut. Sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tidak dengar Yang Berhormat, tak dengar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Oleh kerana tidak ada lagi. Mengenai *total factor productivity* dan *protectively* mungkinkah ini satu komen yang ada dibuat dalam *block* saya dan ini mungkin satu komen daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai *competitiveness total productivity*. *As a Chinese says* dengan izin "in Korea, Japan and Taiwan *one person is a worm, 10 person working together is a dragon*" – seorang sebagai cacing tetapi 10 orang sebagai naga. In Malaysia *one person is a dragon 10 person working together is a*

worm. Di Malaysia sebaliknya seorang sebagai naga tetapi 10 orang bekerjasama cacing. Apa ini? Kalau inilah hakikatnya apa *total productivity* yang boleh kita capai? Perkara semacam ini apa penyelesaian atau *solution* dalam perkara ini?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Itu retorik Yang Berhormat. *Politician* selalu menggunakan retorik untuk membetulkan apa yang dia kata. Saya ingat akhirnya di Parlimen ini dalam proses kita berbincang kita perlu berbincang secara rasional. Dari segi statistik sebenarnya

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya hendak jawab *boss you* punya dahulu e. Dari segi produktiviti kita kalau kita bandingkan dengan negara maju produktiviti kita dari tahun ke tahun tinggi daripada lain malah di kalangan negara-negara di Asia Tenggara ini pun lebih tinggi. Maknanya kalau kita ambil dari sudut jangka panjang akhirnya akan ada pertemuan tetapi itu terlampau jangka panjang. Kerajaan tidak mahu begitu. Kerajaan mahu proses ini dipercepatkan. Itu sebabnya.

Kita tidak melihat produktiviti dari sudut produktiviti kerana itu mudah. Berapa *national out-put* dibahagikan dengan tenaga buruh. Tetapi kita melihat kepada *Total Factor Productivity* lebih lagi menumpu kepada faktor-faktor yang penting untuk kita bersiang pada abad ke 21. Yang Berhormat menyentuh mengenai

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya seronok kerana Yang Berhormat sekarang dia memandang terhadap industri automotif ini secara lebih luas, pandangan lebih luas sikit termasuk *synergy* dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita kalau kita berbanding dengan pihak Korea dari segi produktiviti dari segi penyelidikan dan sebagainya, daripada syarikat-syarikat Korea ini di mana mereka dapat penyelidikan, sama ada ini sendiri ataupun seperti Malaysia yang membeli *lotus*. Adakah kalau kita kira sebab saya hendak tanya semalam minggu lepas lagi mengenai *lotus* kita ini. Adakah *lotus* ini benar-benar *sophisticated*, benar-benar *infront run*?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sangka jahat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Mana sangkaan jahat pula. Kita membincang dan membahas secara rasional. Secara rasional. Kita tidak mahu masuk penjara di Kemunting.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, siapa tegur tadi? Kalau dia tegur tetapi tidak bangun tidak ambil kiralah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak ambil kiralah. Saya pun tidak ambil kira. Dia tidak ikut peraturan. Tidak ikut peraturan langsung.

Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita apakah tahap *lotus* kita di dalam penyelidikan dan hasil daripadanya. Saya ada dengar pernah dengar daripada proton ini memang canggih dan sebagainya tetapi ada yang pihak yang lain yang kata *lotus* bukan begitu canggih juga.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, saya tidak mempunyai statistik mengenai dengan R&D oleh syarikat-syarikat Korea Tetapi apa yang saya tahu dari segi industri automotif Korea hanya Hyundai kemudian Hyundai beli Kia yang dipegang oleh orang Korea. Macam Samsung umpamanya telah dibeli oleh Renault kemudian Dawoo telah dibeli oleh GM Motors.

Kalau kita lihat dalam dari segi pembelian tersebut maknanya syarikat-syarikat ini termasuk dalam *alliance* tadi jadi mereka menggunakan *synergy*. Dari segi *lotus* pada maklumat yang saya perolehi melalui *synergy* lotus dan juga dari segi kepakaran yang ada pada proton mereka telah menghasilkan antara lain enjin *Campro*..

Dalam industri automotif, kita ambil Proton umpamanya kita tidak mengatakan bahawa kereta *Savvy* yang dikeluarkan itu dari segi kualiti tidak tinggi. Sebenarnya dari segi kualiti, kereta tersebut tinggi. Isunya adalah sama ada pembeli mahu beli atau tidak, itu soal lain. Dalam konteks syarikat-syarikat automotif terkemuka, di antara aspek penting yang ditekankan oleh syarikat tersebut adalah sistem *feedback* yang diperolehi daripada *consumer*. Ini ditekankan begitu besar. Saya pergi ke Toyota, bincang, pergi ke Fuji Industries, bincang. Inilah aspek yang penting. Maknanya *feedback* daripada pembeli ini ataupun dari *consumer* adalah faktor penting. Berdasarkan kepada *feedback* tersebut, barulah pihak syarikat pengeluar menyediakan bentuk model yang dikeluarkan oleh kerana model tersebut menepati kehendak pembeli, maka pembeli membelinya. Di sini kita lihat dari segi perbezaan antara Perodua dengan Proton kerana Perodua menggunakan platform yang sama dengan Daihatsu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Maknanya Daihatsu telah melakukan semua pendidikan untuk mendapat *market survey*. Berteraskan kepada *market* tersebut, Perodua, *R&D officemya* pergi pula mengadakan perbincangan lebih lanjut untuk *tailor* pula kepada keperluan Malaysia. Dengan itu melahirkan *Myvi* dan ini diterima oleh pembeli. Jadi perkara-perkara inilah yang berlaku. Sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, saya hendak bertanya tentang sejak adanya industri automotif ini, Proton umpamanya, kita telah lihat bagaimana kebolehan bumiputera. Kalau dahulu kita tahu orang mempertikaikan kemampuan orang bumiputera ini, tetapi hari ini ternyata bahawa bumiputera telah begitu ramai menjadi jurutera, juruteknik, *designer* dan sebagainya walaupun kita akui bahawa kejayaan ini sedikit sebanyak dicemburui oleh sesetengah pihak. Apa yang saya ingin bertanya ialah tentang persaingan, kita tidak nafikan, kita memerlukan persaingan dalam apa juga bentuk politik baik,

ekonomi baik, apa juga bentuk, kita mesti ada persaingan untuk meningkatkan produktiviti kita, kualiti kita.

Tetapi dalam hal ini, tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang peluang-peluang di mana syarikat-syarikat itu sudah tentu melibatkan bumiputera. Bumiputera juga mesti tidak boleh lari daripada persaingan kalau kita ingin maju. Tetapi kita lihat bagaimana setengah peluang dan kesempatan ini, mahu tidak mahu bumiputera masih lagi, sama ada kita hendak istilah tertekan ataupun terlepas peluang, jadi apakah MITI melihat pentingnya perkara ini. Baru-baru ini kita ada timbulkan supaya unit penyertaan bumiputera diwujudkan, kemestian, sama ada di MITI atau pun di MATRADE itu sendiri supaya selain syarikat-syarikat bumiputera yang diwujudkan ini, peluang-peluang yang ada, kita dapat memantau apakah kejayaan sebenarnya mereka dan jika ada masalah, apakah kelemahan yang berlaku dalam syarikat bumiputera ini supaya kita tidak hanya bertindak apabila mereka ini menghadapi masalah.

Yang berjaya itu, kita akan terus membantu mereka dengan memberi peluang-peluang yang ada dan yang tidak berjaya, di manakah tindakan yang perlu diambil kerana kita tidak mahu isu-isu seperti AP sebagai contohnya yang membabitkan bumiputera yang telah menjadi satu isu hangat kerana hanya ada dua, tiga kerat individu yang memperoleh peluang ini sedangkan mereka yang benar-benar kita lihat secara zahirnya tidak berpeluang walaupun ini telah diperjelaskan.

Jadi apakah Yang Berhormat melihat supaya unit penyertaan bumiputera ini perlu diwujudkan di MITI dan juga di MATRADE supaya apa juga peluang ada, bukan setakat kita beri mereka peluang, pemilikan ekuiti yang ada tetapi kita mesti memantau dari semasa ke semasa perjalanan syarikat-syarikat bumiputera ini di semua bidang yang mereka ceburi. Apakah pandangan Yang Berhormat dalam hal ini? Saya percaya Yang Berhormat sebagai Timbalan Menteri tentu berhak memberi pandangan walaupun Yang Berhormat Menteri tidak ada di sini, ini yang kita mahu. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, ini isu lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut. Sebenarnya perkara ini ada dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai dan saya ingat biar saya jawab bila tiba masanya. Bolehkah Yang Berhormat? Biar saya pergi kepada yang lain supaya proses kita cepat sedikit ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kalau Yang Berhormat boleh jawab dahulu lebih baik, sebab benda ini serius.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: : Okey.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: [Bangun]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri....

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Nanti, nanti, nanti saya sekejap, biar saya jawab. Okey sila, sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Yang saya hendak sebut ini....

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzalah: Yang ini nanti dahulu. [*Sambil menunjuk ke arah Yang Berhormat bagi Larut dan Bera*]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Berkaitan dengan topik yang sebelum ini, berhubung kait dengan *market service recovery*, bagaimana memulihkan pasaran kita, boleh? Ia berkaitan dengan Yang Berhormat bagi Kepong tadilah, sebelum menjawab Yang Berhormat bagi Larut...

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzalah: Okey, *market* apa?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Boleh?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzalah: *Market* apa itu, sila?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: *Market Service Recovery System*.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzalah: Apa dia itu?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Sistem pembaikpulihan apa yang telah kita keluarkan, produk yang telah kita sediakan kepada pengguna-pengguna kitalah. Tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang bagaimana Proton mendengar suara pengguna-pengguna, suara pelanggan-pelanggan Proton supaya produk selepas itu dihasilkan mengikut kehendak dan keperluan pelanggan-pelanggan tetapi Yang Berhormat, hari ini kalau kita dapat lihat Proton mungkin telah jauh ke hadapan untuk mendengar suara pelanggan terhadap produk-produk baru yang dikeluarkan. Hari ini kita hendak lihat apakah sikap Proton pula terhadap produk-produk yang sedia ada di pasaran yang mengalami *defect*, mengalami kerosakan dan sebagainya.

Ini yang kita hari ini bangkitkan terhadap sikap pengurusan Proton kepada produk-produk mereka yang ada di jalanan untuk mereka memanggil balik produk-produk ini kembali ke kilang untuk dilihat dan dikaji secara terperinci bagaimana kerosakan itu tidak akan berlaku lagi. Dan inilah yang sebenarnya mengecewakan pengguna-pengguna dan pelanggan-pelanggan, Yang Berhormat. Ini kita hendak tahu sikap MITI terhadap pengeluar kereta negara dan saya nampak apa yang berlaku ini tidak begitu patriotik, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzalah: Sila.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih. Saya hendak tanya dari segi pemasaran tadi. Kalau kita lihat masalah yang dihadapi oleh Proton adalah pasaran. Kalau Proton hanya bergantung kepada *market* ataupun pasaran dalaman, saya rasa memang Proton tidak akan pergi jauh kerana *market* kita terlalu kecil. Saya hendak tanya cuma dari segi perjanjian usaha sama kita ini. Yang Berhormat sebut tadi kita mempunyai perjanjian usaha sama yang banyak dengan Daihatsu, dengan Mitsubishi dan sebagainya. Adakah semasa perjanjian ditandatangani, kita melibatkan sama perjanjian untuk memasarkan kereta itu bersama? Adakah setakat kita membuat enjin sahaja seperti yang ada sekarang ataupun kita lebih daripada itu iaitu memasarkan kereta yang dikeluarkan bersama tadi? Itu yang pertama.

Yang kedua dari segi masalah pasaran di luar negara tadi. Kalau kita lihat dahulu banyak pasaran baru yang cuba ditembusi oleh Proton tetapi pasarnya itu akhirnya tidak menjadi, *businessnya* tidak menjadi. Jadi persoalan saya, mengapa perkara ini berlaku? Adakah kerana mutu Proton itu sendiri? Adakah kerana harga kita tidak *competitive* dengan kereta-kereta daripada negara lain? Ataupun cara pemasaran kita itu salah di negara-negara yang kita tembusi tadi? Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzalah: Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu ini sebenarnya dari segi MITI kita telah mengadakan perbincangan dengan pihak Proton beberapa kali dan ada jawapan-jawapan yang diberi kepada kita dan kita sendiri minta kepada Proton untuk mengambil perhatian dalam perkara tersebut dengan serius itu, itu *stand* kita. Dari segi MITI, tanggungjawab kita bukan pemegang saham Proton, pemegang sahamnya adalah orang lain, kita menjaga industri tersebut tetapi kita laksanakan seperti mana yang saya nyatakan kepada Yang Berhormat tadi.

Tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, mengenai dengan pasaran, Proton tidak ada perjanjian dengan Mitsubishi, itu sudah habis. Yang ada Perodua dengan Daihatsu. Pada pemahaman saya dari segi pemasaran ini mesti dilakukan oleh syarikat tersebut sendiri. Yang Berhormat mengatakan tentang kedudukan pasaran Proton pada masa lalu terdapat di 25 buah negara. Ini melibatkan soal daya saing, daya saing ini *on going*, bukan satu yang mati di setakat itu. Itu sebab dalam industri automotif dia kata ada konsep *winning cars, losing cars*. Maknanya *meaning cars of today, may not necessarily we winning cars of the future*.

Maknanya pada hari ini macam kita tengok di pasaran kita, masa dahulu kereta UK dan sebagainya tetapi 20 tahun lalu, UK sudah tidak ada kereta kerana ekuiti kereta-kereta telah dibeli oleh orang lain dan kemudian kita nampak Jepun lebih baik, ini melibatkan soal daya saing. Daya saing melibatkan berbagai-bagai perkara. Jadi untuk mengatasi masalah ini, apa yang dibuat oleh Proton sekarang ini daripada pergi ke 25 buah negara, kita tahu dalam ekonomi kita ada konsep *scarcity of resources*, sumber yang terhad.

Jadi Proton hendak menggunakan sumber ini secara yang lebih dinamik. Jadi dia fokus kepada pasaran tertentu daripada 25 kerana menjual kereta ini bukan kita bawa kereta jual begitu sahaja, perlu ada *main dealer*, selepas itu *dealer* dia, dia ada *showroom*, maknanya mewujudkan satu *distributorship network* yang luas di negara tersebut yang mempunyai keyakinan di pasaran tempatan. Sambil itu *after sales service component* melibatkan penggunaan dana yang banyak. Jadi pihak Proton pada masa ini telah membuat dan merangka rancangan, dia akan fokus hanya kepada pasaran tertentu terlebih dahulu di UK, Timur Tengah, di kawasan ASEAN, Australia dan cuba ke China.

Pihak Proton cuba untuk membuat kilang di China dan kita ingat tetapi akhirnya dalam perbincangan kita dengan pengurusan, lebih baik dia tidak buka kilang di sana kerana perbelanjaan untuk membuka kilang memerlukan sebanyak RM1 bilion . Di China pasaran

begitu *competitive*, jadi apa yang akan dilakukan oleh pihak Proton dia akan jual secara CBU terlebih dahulu, apabila pasaran sudah ada, baru dia lihat kepada yang lain. Jadi *target* Proton pada *financial year end*, dengan izin, pada tahun 2005, Proton eksport 17,000, *financial year end* pada tahun 2008 *targetnya* ialah sebanyak 100, 000 unit...

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzalah: Panjang lagi, saya baru jawab dua sahaja, ada 13 Ahli Parlimen yang berucap.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ini pun mustahak, Proton, *national car*...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ambil kira ada banyak kementerian lagi.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzalah: Ya, itulah saya terpulang kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, terakhir, yang terakhir untuk saya, terakhir untuk saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang terakhir ya, nanti tidak akan layan soalan lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, Yang Berhormat ada sebut mengenai, saya ingat manis apabila didengar iaitu *winning cars of the past*, kalau bukan masa *of the past* atau masa hadapan *of the future*, tetapi apabila kita akan ada satu *winning car*? Bila kita akan ada *winning car*? Kita nampaknya semua car ialah *losing cars*. Apa jaminan kita boleh dapat satu *winning car*? Apabila tadi ada sebut, Nissan sekarang ada *target* 9.2 juta buah kereta satu tahun, kita mungkin mahu seratus tahun baru boleh capai matlamat itu. Apa maknanya *winning car* itu?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzalah: Yang Berhormat, kita membuat strategi, berdasarkan kepada strategi itu kita membuat *projection* dan sebagainya. Dari segi Proton, *projectionnya* pada tahun 2008, 100,000 unit kereta yang akan dijual. Kita perlu melihat dari segi dua sudut. Pertama dari segi dasar automotif negara, ini yang Yang Berhormat sebut tadi, Yang Berhormat sebut minggu sudah, hendak beri maklumat Ahli Parlimen dan sebagainya. Apa yang berlaku sekarang ini, dasar automotif negara dalam peringkat *framework*. Perbincangan sedang dibuat oleh kerajaan dengan pihak swasta yang terlibat dalam bidang automotif dan juga *association*, termasuk dari luar negara yang terlibat dalam bidang tersebut untuk kita akhirnya dapat kita menghasilkan satu dasar automotif negara. Antara tujuan untuk meningkatkan daya saing kita sebagai satu *hub* pengeluaran dan *distribution automotive*. Itu satu perkara.

Tuan Fong Kui Lun: [Bangun]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzalah: Nanti ya. Jadi kalau Yang Berhormat ada pandangan, saya ingat tidak perlu untuk kita tunggu. Yang Berhormat buat *paper*, hantar kepada kerajaan, itu boleh kita lakukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzalah: Ya, saya teruskan, cukup.

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun] [Menyampuk]*

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzalah: Kemudian dari segi... Ya, nantilah dahulu. Dari segi Proton, Proton dalam proses penyusunan apabila kita tiba kepada satu situasi atau satu masa ke satu masa, kita membuat satu penstrukturan atau penyusunan untuk kita *consolidate* dan untuk *rationalize* dan proses ini sedang dibuat oleh pihak Proton.

Pertama dari segi untuk meningkatkan pasaran macam mana, adakah mereka hendak ada *alliance* atau tidak ini perkara-perkara ini sedang dirunding dan dikaji. Kemudian dari segi Proton itu sendiri, bila kita cakap tentang syarikat dia ada dua aspek satu aspek pemasaran satu aspek penawaran *the supply side of a company*. Yang ini ada beberapa perkara yang dilihat oleh Proton dari segi model yang dikeluarkan, R&D dia, platform dia. Berbagai-bagai perkara yang sedang dibuat, yang pentingnya adakah apa yang dibuat ini akan akhirnya berjaya atau tidak itu perlu kita pastikan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak tanya sedikit, Yang Berhormat saya hendak tanya sedikit sahaja, tentang *time frame* Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzalah: Tuan Pengerusi, kena tanya Tuan Pengerusi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak sambung sedikit sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebelum itu Yang Berhormat, saya minta kerjasama.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit sahaja saya *last last*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebelum saya menggunakan Peraturan Mesyuarat 32.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini *last* sebab tentang Proton Tuan Pengerusi, saya hendak tanya *time frame*, sebab apa kalau negara-negara lain boleh kenapa kita tidak boleh? Kita mesti pelajari teknik yang dibuat oleh negara lain, takkan kita selama-lamanya kita hendak mengatakan itu tidak boleh ini tidak boleh. Jadi mesti ada *solution* di mana kereta kita juga mesti berada di pasaran antarabangsa. Jadi apakah pihak Yang Berhormat melihat dengan strategi yang dibuat dengan langkah-langkah yang lain kita mesti ada satu *time frame*, 10 tahun akan datang, 20 tahun akan datang supaya masyarakat tahu.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Itu Yang Berhormat cakap tentang *time frame* saya menyatakan tadi pada tahun 2008 - 100,000 unit itu *time frame* dia. Kemudian itu mereka sekarang ini pada peringkat mereka lihat pada tahun 2008. Kemudian dalam dasar automotif negara kita melihat dari segi bukan sahaja dari segi hendak menjadikan - dia banyak cerita ya. Salah satu cerita untuk meningkatkan kapasiti kita, untuk meningkatkan kapasiti kita apa yang kita perlu? Kita perlu R&D, kita perlu latihan, kita perlu meningkatkan teknologi, itu sebabnya kita hendak mengadakan perjanjian dengan negara-negara lain supaya kita dapat ini semua untuk kita gunakan. Itu yang sedang berlaku dalam industri ini.

Tuan Lau Yeng Peng: Tuan Pengerusi yang akhir *last, last*. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Bagi saya permasalahan persoalan di Proton ini ialah satu permasalahan *opportunity cost* dengan izin. Kerana apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain bahawa Proton memang kita ada menghadapi masalah dari segi pasaran iaitu pasaran dalaman kita ini adalah terlalu kecil kalau dibandingkan di pasaran global. Pasaran dalaman kita lebih kurang 420,000 unit setahun, itu pun bergantung kepada kadar pertumbuhan ekonomi negara kita. Dan saya difahamkan bahawa dengan ada dasar dalam perlindungan terhadap Proton ini memang kerajaan mendapat pendapatan lebih kurang RM3 bilion setahun. Tetapi pada masa yang sama pembeli ataupun potensi pembeli mengalami masalah yang tertentu iaitu mereka ini terpaksa bayar dengan kadar cukai atau kadar *import duty* yang tinggi. Dalam masa yang sama mereka mengalami kekurangan pilihan dari segi model kereta dan juga kualiti kereta yang kurang ataupun yang kurang memuaskan.

Persoalan saya ialah adakah hala tuju Proton ini mungkin akan bertukar ataupun kalau kita pengeluaran kereta Proton tidak kompetitif dari segi daya saing, bolehkah Yang Berhormat mencadangkan kepada Proton supaya hala tuju Proton bertukar kepada mungkin dengan *supporting-supporting industry* ini kita menjadi satu pengeluaran atau satu syarikat pengeluaran *spare part* atau alat-alat ganti yang terunggul di dunia ini. Kerana kalau kita tidak ada *competitiveness* untuk mengeluarkan kereta-kereta nasional dan kita terpaksa tukar hala tuju ini. Dan apakah pandangan ataupun pendapat Yang Berhormat mengenai hala tuju atau ini demi kepentingan Proton pada masa-masa depan. Mungkin melalui *strategy alliance* ataupun melalui ekuiti MNA dan sebagainya. So, apakah pendapat Yang Berhormat mengenai persoalan ini?

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila jawab.

Tuan Fong Kui Lun: Saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak lama Yang Berhormat Menteri telah jawab dalam soalan tentang AP bahawa hanya 20 unit kereta Proton yang dijual di negeri China pada 20 tahun yang lalu, ini adalah suatu hakikat. Saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh manakah pasaran di negeri China telah di

explore oleh Proton bahawa dalam pasaran China boleh dikatakan satu pasaran automobil yang besar. Pada tahun ini dijangka 2.79 juta unit kereta akan dikeluarkan di negeri China dan mengikut laporan *World Economic Outlook Report* dengan izinnya *the International Momentary Fund predicted that the number of cars on Chinese roads will sky-rocket from 21 million in 2002 to almost 3.90 million* unit pada tahun yang 2030. Ini bermakna pasaran di China boleh dikatakan satu *market* yang terbesar, terlebih besar dari negara US. Adakah Proton berhasrat untuk mengeksportkan satu pasaran di negeri China bahawa tidak hanya tinggalkan 20 unit dalam tempoh 20 tahun ini. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ini saya telah jelas tadi.....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini cukuplah, jangan cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Cukuplah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tadi saya sudah jelas kepada Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Beri peluang kepada Menteri habiskan jawapan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Biar, biar saya habis dahulu ya. Saya telah jelaskan kepada Yang Berhormat bahawa ada lima *region*, salah satu China, saya telah jelaskan kepada Yang Berhormat semua orang tahu. Dalam mana dokumen Yang Berhormat baca kalau Yang Berhormat tahu Proton pun tahu saiz pasaran tersebut dan memang ini menjadi salah satu *target* pada Proton dan mereka sedang membuat persiapan. Peringkat pertama hantar CBU terlebih dahulu kemudian baru lihat dari segi pemasangan CKD dan sebagainya.

Yang Berhormat Puchong menyentuh mengenai dengan soal adakah kita patut tukar Proton dari mengeluarkan kereta kepada komponen. Saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat industri automotif Malaysia satu industri yang telah membangun secara begitu *matured, is a matured industry* dengan izin. Kita *manufacturer*, kita ada *assembler* lebih kurang sepuluh, kita ada *importer of CBU* dengan izin, kita ada *component suppliers*, kita ada lebih kurang 350 *component suppliers*. Pemain-pemain ini akan terus menjalankan perniagaan mereka kecuali mereka *deserve* kerana *business* tidak maju dan sebagainya. Jadi apa yang cuba dibuat oleh dasar automotif negara adalah untuk mengukuhkan keseluruhannya termasuk Proton.

Seperti mana saya nyatakan tadi Proton bukannya satu entiti yang tidak *feasible, it is a feasible entity*. Dia memerlukan kepada *restructuring* mungkin dapatkan *partner* daripada antarabangsa. Kita ambil contoh Nissan. Nissan was not doing well dengan izin di Jepun kemudian dia ada *partner* daripada Renault, Renault dia bawa dia punya CEO, dia melakukan

segala sinergi sampai sekarang ini Nissan adalah salah satu daripada pengeluar kereta yang terbesar di Jepun. Jadi perkara-perkara ini yang sedang berlaku, itu sebab saya kata industri ini adalah satu industri yang *on going* bukan industri yang statik dan tidak bergerak.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [*Bangun*]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Boleh saya bagi Yang Berhormat Tuan Pengerusi ataupun.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lebih elok teruskanlah.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Pengerusi, satu Tuan Pengerusi, last Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semua pun last.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya hendak tanya berkenaan ini, umum mengatakan bahawa masalah yang dihadapi oleh Proton ialah kerana kebanjiran kemasukan terlampau banyak kereta asing. Yang saya tidak faham ini Tuan Pengerusi mengapa *double standard* kementerian? Seseorang yang hendak import besi apabila mohon AP kepada MITI, MITI mengambil pendapat industri besi tempatan. Adakah perlu diimport, cukup tidak kita keluar? Kalau industri tempatan kata tidak boleh MITI pun tidak bagi, begitu juga dengan seramik-seramik jamban Tuan Pengerusi. Seramik jamban kita hendak import MITI akan tanya *local players* dahulu adakah kita mengeluarkan cukup tidak seramik-seramik jamban ini. Kalau tidak ada baru MITI keluarkan AP tetapi kereta suka-suka hati sahaja Tuan Pengerusi dia keluarkan AP. Ini yang saya tidak faham kepada MITI ini, mengapa ada *double standard*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik cukup.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tidak ada *double standard* Tuan Pengerusi. Kita perlu melihat satu dari segi '*curiosity*' industri tersebut dia tidak sama. Kita tidak boleh kata automatik dengan besi sama, dia tidak sama. Dan kalau kita melihat dari segi industri automotif kita kata *industry player* siapakah *industry player* nya? Industri *player automotive* bukannya satu Proton atau Perodua, kita ada pengeluarannya pun ada enam tujuh termasuk bidang yang komersial punya. Kemudian dari segi *assembler* kita ada sepuluh, malah *assembler* ini telah wujud lama sebelum wujudnya Proton lagi. Dan kita tidak boleh buat perlindungan tidak memberi mereka mengimport CKD, itu rakyat kita.

Kemudian kita ada pula *component players* maknanya kalau kita cakap dari segi industri pemainnya ramai bukannya sedikit. Kita selalu bercakap tentang soal kebanjiran dan kita rasa bimbang dengan kebanjiran tersebut. Kita selalu kata oleh kerana kita bagi kemasukan AP ini maka berlaku kebanjiran, sebenarnya ini telah saya terangkan dari segi AP pertambahan pasaran kereta untuk pengimport AP hanya satu peratus pada tahun 2003 sehingga tahun 2004. Tetapi dari segi pemasangan dia banyak 8%, 2003-2004, 2002-2003 - 9% makna 17%

pertambahan itu yang kita dapat lihat beberapa kereta kita nampak Honda, Toyota dan sebagainya di pasaran.

Dan kalau katalah kalau kita tidak import langsung kereta melalui CBU - 49,000. 49,000 campur dengan penjualan Proton lebih kurang baru 250,000. Untuk capai *economy of scale* dalam bidang industri automotif memerlukan lebih kurang 500,000 unit, maknanya Proton tidak ada pilihan melainkan kena keluar. Itu dia punya *bottom line* dari segi untuk industri tersebut.

Tuan Pengerusi saya ingin meneruskan mengenai dengan - saya akan jawab sekali perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat Larut dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat. Yang Berhormat Batu Pahat bertanya tentang langkah-langkah yang diambil oleh pihak MATRDE dari soal untuk meningkatkan kapasiti pengeksporth bumiputera. Saya ingin memberi jawapan di sini, pihak MATRDE sebenarnya mempunyai program berterusan untuk eksport produk-produk kita ke luar negara, maknanya kita ada *market on grant*, kita ada geran jenama, yang ini boleh digunakan oleh semua syarikat bumiputera ataupun tidak bumiputera.

Di samping itu pihak MATRDE mengadakan satu program yang kita panggil end top, end top ini MATRDE *out reach* program yang bertujuan untuk kita kenal pasti usahawan bumiputera yang mempunyai kapasiti untuk dibawa ke peringkat eksport. Apa yang kita lakukan kita membuat penyelidikan ke atas banyak syarikat, akhirnya kita kenal pasti lebih kurang 40 lebih syarikat yang mempunyai kapasiti dan setiap tahun kita bawa 12 syarikat. Sekarang ini 36 syarikat yang terlibat dengan program end top ini dan program end top ini saya anggap berjaya kerana daripada tidak ada eksport kepada adanya eksport. Pada tahun ini dari segi penjualan lebih satu juta telah dicapai manakala dari segi jualan yang masih dirunding ada lagi berapa juta yang sedang dalam proses.

Kemudian kita bercakap tentang perkara kedua mengenai dengan halal. Halal ini merupakan satu bidang pada saya merupakan bidang yang mempunyai potensi yang cukup besar untuk dikembangkan kerana kita tahu dalam industri halal dari segi makanan sahaja saiz pasarannya lebih kurang USD750 bilion manakala dari segi pasaran keseluruhan halal kerana halal bukan *confine* dengan izin kepada industri makanan keseluruhannya kewangan, pakaian dan sebagainya adalah USD2.3 trillion, lebih kurang RM7 trilion atau RM8 trilion .

Apa yang berlaku pada peringkat ini kita telah menyediakan *frame work* untuk halal, dari segi halal kita telah register standard. Malah standard kita ini kita sedang dalam proses untuk diketengahkan sebagai standard dunia dan ini telah diterima oleh pegawai-pegawai kanan negara OIC dan kita sedang melaksanakan proses tersebut. Mengapa kita hendak ia menjadi satu standard halal dunia kerana ini memberi *advantage* kepada kita apabila produk dikeluarkan daripada negara kita secara automatik akan diterima oleh negara luar sebagai produk yang mempunyai standard, makna dia akan menjadi *bench marking* kepada kita.

Apa yang kita kurang sekarang ini adalah dari segi kapasiti pengeluaran. Yang ini kita masih lagi kurang. Ini sedang diusahakan, kerajaan mengadakan beberapa *funding*, kita adakan insentif, kita harap dengan adanya *funding* dan insentif ini, industri ini akan dapat berkembang dan kita dapat ambil *advantage* sebagai industri yang berdaya maju. Dari segi eksport makanan halal, kalau kita lihat dari segi eksport makanan yang diproses, negara kita lebih kurang RM6 bilion pada tahun lalu. Sebenarnya makanan semua ini adalah halal, tetapi hanya tidak dilabelkan sebagai halal. Itu sahaja.

Kemudian, menjawab apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Larut ini tidak ada pula. Saya ingin kaitkan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pontian bangun.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita sering memperkatakan mengenai dengan usaha-usaha kita, program-program kita dalam menjayakan rancangan halal *hub* ini, kita menjelajah ke seluruh dunia untuk memastikan label halal kita itu mendapat pengiktirafan. Ada negara yang menerima *certification* kita, ada negara yang memerlukan penjelasan yang lebih lanjut, ada sesetengah negara yang merasakan bahawa ianya tidak dapat memberi pengiktirafan atas sebab-sebab yang tertentu. Adakah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bersedia untuk membuat usaha sama dengan negara-negara yang kita anggap mempunyai potensi yang besar dari segi halal produk, keluaran produk, usaha sama kita.

Kita juga mengiktiraf piawaian yang ditetapkan oleh negara-negara luar dan tidak memberi satu seolah-olah MITI dalam halal *hub* yang dipengerusikan oleh MATRADE ini ataupun satu Jawatankuasa Khas dalam MATRADE ini, seolah-olah kita mengimpose kepada negara-negara tertentu tentang standard halal yang kita hendak tetapkan. Bagaimana dengan kita bekerjasama dengan negara-negara yang mempunyai potensi yang luas, pasaran yang luas dari segi potensi yang ada dalam mengetengahkan ciri-ciri halal *certification*?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: Ada beberapa perkara Yang Berhormat bangkitkan. Satu *certification* halal. Dari segi *certification* halal, kita mempunyai kerjasama dengan dua, tiga puluh negara lain. Tetapi kita tidak bagi halal *certification* kita ke negara lain kerana pernah kita bagi ke negara lain dan disalah gunakan. Sebenarnya kita lihat dari segi *certification* halal negara lain, ia dikeluarkan oleh badan-badan Islam - kita negara yang mengeluarkan. Jadi standard *certification* itu lebih diterima oleh dunia. Kemudian dari segi standard, selama ini kita gunakan *codec* standard untuk makanan halal. Apa yang kita buat, standard halal Malaysia lebih superior daripada standard tersebut dan dalam proses untuk diterima sebagai standard halal makanan dunia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Kemudian tiga, Yang Berhormat bercakap tentang soal kerjasama. Kerjasama ini boleh dibentuk, tetapi makan masa juga. Apa yang kita lihat sekarang ini lebih kepada kapasiti pengeluaran. Macam mana kita hendak jadikan halal *hub* Malaysia ini mempunyai *dynamism* nya dan ada juga syarikat-syarikat kita yang telah menandatangani perjanjian dengan negara-negara luar, dengan China dan sebagainya. Di peringkat MITI, ia sebenarnya Tuan Pengerusi, bukan MATRADE, MITI di bawah menteri kita. Di peringkat MITI dan MATRADE, kita berusaha untuk mengadakan usaha-usaha untuk meningkatkan kapasiti dan juga pemasaran melalui penglibatan dalam *trade exhibition* luar negara, dalam negara dan kita sendiri mengadakan MIHAS dengan kerjasama badan lain untuk menjadi satu *focal point* kepada kalendar tahunan. Maknanya dari segi produk halal yang terbesar, *exhibition* nya diadakan di Malaysia.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Panjang lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau boleh pendekkan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ya, saya pendekkan. Kemudian, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai mengenai dengan masa depan Butra, ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Maknanya kita mesti menekankan kepada masa hadapan Butra dalam sistem ekonomi yang mana tidak mewujudkan keseimbangan di antara Butra dengan bumiputera. Ini lebih penting lagi kerana dalam pemikiran kita, setiap kali kita kata, kita ada sampai tahun 2020, saya lihat mungkin kita tidak ada jangka waktu yang begitu mudah sampai tahun 2020. Kerana pada tahun 2010, akan dilaksanakan ASEAN-CHINA Free Trade Area; antara 2010-2012 kita ada ASEAN-KOREA, ASEAN-JAPAN, ASEAN-NEW ZEALAND, ASEAN-AUSTRALIA dan ASEAN-CHINA. Ini akan mengubah *ground* kita. Jadi masa itu akan menjadi lebih sukar lagi bagi bumiputera untuk penglibatan tersebut.

Tetapi saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat, kalau kita bergantung 100% kepada kerajaan, ini mungkin tidak akan menyelesaikan masalah. Kita telah bergantung kepada kerajaan, dan sehingga ini kapasiti kita lebih kurang 18% dari segi pemegang saham dan dari segi kawasan komersial lebih kurang 5%. Apa yang perlu kita wujudkan oleh pihak kerajaan dan swasta ialah *entrepreneurship*, *entrepreneurship* ini yang sebenarnya tidak ada dalam masyarakat kita. Jadi kalau ini tidak kita *address*, saya percaya pada masa-masa akan datang, *wealth creation* ekonomi bumiputera itu tidak akan cepat. Kalau kita lihat dalam konteks 5% pemegangan kawasan komersial oleh bumiputera, kita lihat 95% oleh bukan bumiputera, saiz nilainya banyak mana dan dengan peningkatan mereka pada setiap tahun, kita tidak akan capai 30% tersebut.

Kalau bergantung semata-mata pada kerajaan, kita perlu mewujudkan keusahawanan ini, bagaimana kita hendak mewujudkan keusahawanan ini, perlukan kedua-dua pihak - pihak kerajaan dan pihak swasta untuk melaksanakan dan mungkin kita perlu dasar-dasar baru, perlu

melihat juga kepada bidang-bidang baru macam halal umpamanya. Saya lihat negara-negara Scandinavian umpamanya, mereka kadang-kadang ada satu produk sahaja. Tetapi satu produk ini membuatkan mereka berjaya melalui *vertical, horizontal integration*, mereka menguasai pasaran, kemudian pendapatan per kapita mereka tinggi. Jadi mungkin dalam bidang halal salah satu *new sources of growth* untuk kaum Butra ini boleh kita tumpu di situ, maknanya bagaimana sektor ini hendak kita lihat, adakah kita hendak semata-mata hendak jadikan Malaysia halal *hub* atau kita buat halal *corridor* di negara lain, semua perkara ini mesti dirumuskan untuk kita mewujudkan keusahawanan tersebut.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih minta penjelasan sedikit. Sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita dapat lihat rakyat Malaysia sudah sebat di antara kaum-kaum yang ada ini dari segi pergaulan, dari segi hormat-menghormati dan sebagainya. Yang perlu kita tekankan lagi ialah dari segi perdagangan, perniagaan, usaha sama dan sebagainya. Kadang-kadang mentaliti orang kita dan juga mentaliti pegawai-pegawai kita, kalau kita berniaga dengan orang Tionghua, depa anggap kita Ali Baba. Tetapi sebenarnya tidak. Kadang-kadang kita berniaga dengan orang ini, dia anggap begitu. Jadi depa masih menganggapkan bahawa masyarakat bumiputera ini begitu lemah.

Memang benar pun kita masih lemah, sebab itu apabila datang *wave* pertama, *recession* kita meredum balik, bina dalam perjalanan, *wave* datang lagi kita meredum bali. Jadi kita tidak tahu bila kita akan kesampaian dari segi dasar yang kita hendak kita samakan, sekurang-kurangnya kita samakan dengan kaum-kaum lain supaya dengan ada persamaan ini maka kita dapat berniaga dengan baik.

Yang wujud pada hari ini Yang Berhormat, saya dapati kementerian Yang Berhormat lemah dari segi hendak mengawal dan hendak menolong. Maklumlah bumiputera ini dia ibarat macam orang baru belajar. Budak-budak yang masih merangkak, yang perlu dibimbing, yang perlu di dukung sehingga dia boleh berjalan dia hendak lari, dia lari. Jadi hari ini, cuba Yang Berhormat terang dekat saya, kalau seorang syarikat bumiputera menghadapi masalah, dia hendak tuju dekat siapa? Kementerian mana dia hendak pergi? Siapa yang hendak bertanggungjawab? Dulu saya ingat, saya juga adalah bekas ahli Jawatankuasa Dewan Perniagaan Melayu Malaysia dan juga negeri Kedah. Saya masih ingat, dalam perjuangan kami itu, kami mewujudkan Unit Penyertaan Bumiputera. Supaya kalau orang Melayu berniaga dia menghadapi masalah, unit ini lah yang mai tolong. Dia ada satu Ketua Pengarah dulu. Dan dia ada jambatan dia. Unit inilah yang akan menghubungi dengan syarikat itu, menghubungi dengan syarikat ini, untuk memberi minta penjelasan kerana kadang-kadang kita tertindas. Kita tertindih. Walaupun kadang-kadang kita, contohnya, contohnya kita daripada pengedar-pengedar kenderaan. Tertindih walaupun Proton sendiri syarikat Malaysia, kerajaan punya. Perodua yang dikatakan syarikat Malaysia begitu juga dikatakan tertindih dan tertekan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini bukan Tuan Pengerusi, ini saya kena bercakap Tuan Pengerusi. Ini daripada rayuan peniaga-peniaga ini. Sebagai mewakili..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini bukan masa bercakap, masa bertanya Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tak, masa saya bertanya pun tak boleh bercakap. Masa saya nak bersoal jawab pun tak boleh. Waktu bila saya nak boleh Tuan Pengerusi? Saya pun tak faham. Masa kita sambung sampai 8.30 malam. Kalau tak boleh tak apa Tuan Pengerusi, sambung sampai pukul 10 malam pun kita tunggu demi untuk rakyat Tuan Pengerusi. *[Disampuk]*. Kita tunggu. Betul tak, Yang Berhormat? Demi untuk rakyat kita tunggu. Ini sampai tak boleh bercakap, yang Berhormat, jadi susahlah saya nak terang Tuan Pengerusi.

Saya keluar nanti dia orang bising. Apa Dato' tak bercakap? Saya bercakap sedikit pun dia orang *criticize*. Dia orang *threaten* saya dan sebagainya. Tapi tak pa, yang tu saya tak kisah. Tapi yang pentingnya, Tuan Pengerusi..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Perjuangan, perjuangan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini perjuangan!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi bila nak pi Kelantan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey, ada isi tak Yang Berhormat? Bagi isilah. Bagi isilah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, jadi saya nak tahu Tuan Pengerusi, contoh Perodua menekan pengedar. Pengedar dia suruh masa jual Tuan Pengerusi, jual, jual, jual, ambil *booking*. Sekali kereta tak datang, pembeli maki pengedar. Tapi pengilang tak ambil tahu. Duit deposit kena ambil. Ambil deposit kereta tak boleh bagi. Kerana dia tak keluarkan kereta Myvi ni, dia keluarkan kereta lain. Ha, jadi inilah tekanan-tekanannya kita dapat daripada syarikat-syarikat besar. Begitu juga syarikat-syarikat luar.

Jadi saya nak berharap kepada Tuan Pengerusi, apa salahnya yang Menteri dulu pi tuntutan unit tu pasal apa? Masa tu, kita tengok dalam perhimpunan. Masih ada lagi teriakan. Tak cukup, sampai dasar tu tak sampai lagi. Jadi apa salahnya kita bubuh satu Ketua Pengarah Unit Penyertaan Bumiputera. Kalau apa-apa masalah, tumpulah di situ. Jadi, ini pandangan saya.

Saya nak minta Yang Berhormat tolonglah panggil CEO-CEO ini, Proton dan Perodua ini, supaya jangan mereka ini buat kerja mengikut kehendak Jepun dan kehendak mereka sendiri. Tolong pengedar. Yang kita dok kata meniaga tak laku, kereta tak laku, yang sebenarnya depa dok tekan pengedar. Tuan Pengerusi, untung kereta, mana boleh modal berpuluh-puluh ribu, untung dua peratus, ini berniaga apa? Kilang untung ratus-ratus juta, ribu sebij, yang pengedar ini, yang dok jual kereta dengan showroom, dengan salesman dengan semuanya, untung 2%.

Nak makan apa Sri Gading? Mati! Mana cakap Dasar Ekonomi Baru. Ini koi geram, tak palah, saya berhentilah, terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Perkara ini Yang Berhormat bangkitkan minggu sudah ya, dan pagi tadi kita dah bincangkan perkara ini. Nanti, perkembangan nanti, saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat ya. Dan semua isu yang Yang Berhormat nyatakan tentang Proton, sekiranya Yang Berhormat tulis kepada kita, lebih mudah untuk ambil tindakan, ya. Tentang *dealer* dan sebagainya.

Yang Berhormat daripada Ipoh Timur telah menyentuh tentang beberapa perkara, tapi ini telah saya jawab semua, ya.

Yang Berhormat Santubong menyentuh mengenai dengan enjin teknologi, perkara ini pun telah saya sentuh.

Tuan Lit Kim Siang [Ipoh Timur]: Yang belum jawab khasnya, mengenai *competitiveness* bila berbanding dengan Thailand. Kita sekarang nampaknya, sudah lebih banyak aspek lebih belakang. Bagaimana kita menghentikan kejatuhan kita *competitiveness* apabila bandingkan dengan Thailand, khasnya sama ada daripada industri, pendidikan, IT dan semua aspeknya.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ini saya dah sentuh Yang Berhormat. Saya dah jawab. Saya tengok masa saya jawab, Yang Berhormat tak ada masa itu. Jadi Yang Berhormat, saya ingat kalau dapat tengok balik Hansard dia. Saya dah sentuh perkara ini. Yang paling panjang saya sentuh ialah mengenai dengan daya saing.

Yang Berhormat Bukit Bintang ada satu. IKS semua saya dah jawab. Yang Berhormat menyentuh tentang *industry linkage programme*. Ini juga saya telah jawab. Mengenai dengan AFTA, kita juga telah berbincang.

Tuan Lit Kim Siang: Boleh satu sahaja, sebab apa Yang Berhormat kata sudah jawab, bolehkah dia menjelaskan kenapa kita boleh kalah kepada Thailand dalam *World Competitiveness Year Book* itu. 27 tempat yang didapati oleh Thailand dan kita duduki 28, kenapa kali yang pertama kita kalah? Semacam universiti kita pun kalah kepada Chulalongkorn University. University of Malaya, kenapa?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita bincang panjang lebar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, saya soal jawab tu, soal yang mesti dijawablah apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen. Macam Jerai tadi. Tapi yang lebih penting, bukan jawapan, tindakan. Jawapan yang tidak ada tindakan susulan, semua yang dikeluarkan oleh Ahli-ahli Parlimen menjadi sia-sia. Dan di Parlimen inilah tempat suara rakyat didengarkan. Jangan lupa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak, tak.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jangan lupa, jangan lupa Tuan Pengerusi. Yang penting dalam negara ini ialah rakyat. Kerana rakyat memberi kita mandat. Memberi kita kepercayaan. Atas mandat dan kepercayaan rakyat, maka kita bertanggungjawab. Bertanggungjawab dalam perkara-perkara mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah yang dibangkitkan oleh rakyat.

Wakil rakyat. Ahli Parlimen ini, wakil rakyat. Peranannya itu tidak boleh hanya sekadar kalau pihak kerajaan menjawab, kita jawab. Kami bukan sahaja nakkan jawapan, tetapi kami juga hendakkan tindakan. Tindakan itu harus bersesuaian pula dengan kehendak dan kemahuan rakyat. Ini yang harus difahamkan oleh kerajaan berparlimen.

Jadi, ini saya sukalah nak ingatkan Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen. Kita bukan sekadar untuk mendengar jawapan, tetapi kita juga mahu tindakan. Terima kasih Tuan Pengerusi yang bijaksana.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ya terima kasih Yang Berhormat. Saya jawapan saya kepada Yang Berhormat. Kita lihat, kita ambil dari sudut ekonomi. Kita lihat pertumbuhan-pertumbuhan berlaku dari segi negara kita sebagai negara perdagangan merupakan negara ke lapan belas. Dan tahun ini sentiasa bertambah kedudukan kita. Dan tentulah ini melibatkan mekanisme daripada kerajaan mengambil tindakan. Macam saya sendiri sebagai Timbalan Menteri. Yang Berhormat Jerai cerita tentang bumiputera. Untuk membangunkan usahawan bumiputera, memerlukan penglibatan banyak pihak. Kalau kita buat perbandingan, secara jujur dan ikhlas ya, perniagaan ini akan menjadi peniaga lebih mudah bangun sekiranya persatuan main peranan, ya. Persatuan main peranan. Dan apa yang kita, kita mahu persatuan juga main peranan. Walaupun kita lihat persatuan yang melibatkan usahawan bumiputera dia tidak begitu aktif. Tetapi dari segi kita, kita panggil berbincang, mendapatkan maklumat, hasil itulah kita dapat wujud *M-Top*. Kalau tidak kita tidak dapat wujud *M-Top*.

Apabila Yang Berhormat Jerai wujud masalah *dealer* dan sebagainya, bila kata kita ambil, kita ambil tindakan. Dan ada lebih baik kalau kita ada satu kertas yang lebih spesifik kerana apa, dari segi kita di kementerian, kita dilaporkan begini. Kata ada penindasan. Kemudian kita bagi tahu kepada Proton, Perodua ada penindasan. Kemudian dia kata penindasan itu dah kita selesaikan.

Tapi kalau ada *paper*, ada kertas, dia akan lebih mudah. Jadi apa yang akan kita laku, kita akan panggil pula persatuan dealer bumiputera ini untuk kita ambil maklumat daripada mereka untuk kita mengambil tindakan tersebut.

Apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Ipoh Timur, sebenarnya saya telah sentuh begitu dalam. Berdasarkan laporan IMD tersebut. Saya menyatakan, saya ada baca minggu

sudah dengan izin, *methodology in a nutshell*. Kerana kita perlu faham apakah asas pihak IMD untuk menghasilkan satu laporan. Salah satu, nombor lapan. Dengan izin *criteria can be hard data which analyses competitiveness as it can be measured or soft data which analyses competitiveness as it can be perceived. Hard criteria represents a weigh of two over three in ranking whereas the survey data represent a weigh of one over three*. Dia maknanya, survey ini main peranan yang penting. Dan saya jelaskan di sini, kalau saya lihat dari empat faktor tersebut,

Satu faktor Thailand mengatasi kita - jauh, dua faktor Malaysia mengatasi Thailand - jauh. Satu faktor Thailand mengatasi Malaysia hanya satu *ranking* sahaja tapi *overallnya* entah macam mana, kita di belakang, okey itu satu hal. Kemudian saya lihat daripada sudut *competitiveness*, dari segi perkara-perkara yang bawa kedudukan kita ke belakang ada sepuluh perkara. Antaranya tujuh aspek adalah berteraskan kepada *survey*, antara yang saya bangkitkan "*Harassment and violence do stabilize the work place*" dan saya nyatakan kepada Parlimen. Saya menjadi Ahli Parlimen Kesembilan sama dengan Yang Berhormat, Parlimen Kesepuluh Yang Berhormat tidak ada, Parlimen Kesebelas - kalah.

Daripada tahun 1995 sampai sekarang, belum pernah saya dengar wakil rakyat membangkitkan isu *harassment and violence* di *work place*. Jadi kalau lihat daripada konteks itu, saya boleh pertikaikan adakah ini benar-benar berlaku dan ini salah satu faktor yang membawa kita ke bawah dan ini telah saya bincang, kesemua faktor ini telah kita bincang. Dan apakah kita mesti *worry* dengan kedudukan tersebut? Saya pula menyatakan, kalau kita lihat dari segi *competitiveness* tadi ni, kita dapat lihat

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan mengenai perkara tadi itu.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:nanti, nanti saya selesaikan dulu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Okey, okey.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Kemudian kita lihat negara-negara yang *advance* dari segi ekonomi, kita gaduh kita nombor 28 ya. Korea nombor 29, Jepun nombor 21, Itali 53, India 39, Germany 23, France 30, China yang kita kata membawa cabaran kepada seluruh dunia nombor 31. Ya, sila.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, memang kita boleh *argue* mengenai metodologi, mengenai *harassment and violence at work place* sama ada sebenarnya adalah *harassment and violence* di negara yang mereka bekerja, itu kita boleh *argue*. Tapi apa yang mustahak di sini ialah dulu tak pernah sesiapa yang boleh menjangka bahawa Thailand boleh lebih *competitive* daripada Malaysia, sekarang depan.

Tahun sebelum itu, Malaysia diletakkan di tempat 16, dan itu 2004, sekarang sudah jatuh 12, tempat ke 28, satu tempat belakang Thailand. Metodologi tahun sebelum itu kita boleh terima, sekarang kita mempertikaikan metodologi, kita boleh *argue* tapi *raw fact* ialah bahawa

dari segi *perception competitiveness* Malaysia sudah jatuh. Adakah kita terus *complacent* kata ini tak betullah, metodologi kita boleh *argue* atau kita merelakan untuk menerima, ini satu kenyataan yang kita rela menerima, berhentikan *denial complex*, *denial syndrome*, itu bukan masalah tetapi menghadapi ini satu realiti yang menunjukkan pada keseluruhannya, Malaysia sudah kurang *competitive*.

Dan adakah satu jawatankuasa khas atau satu *task force* ditubuhkan untuk mencari sebab kenapa dulu Thailand tak pernah, kita tak pernah menganggap Thailand sebagai *competitor*, sekarang ada orang khususnya IMD menganggap Thailand lebih *competitive*. Kita boleh *argue* mengenai metodologi, dan lain-lain, *raw fact* itu adakah kita *rise above our complacency*, berhentikan *denial syndrome* dan menghadapi realiti ini.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ya Yang Berhormat, minggu lalu saya jelaskan kepada Parlimen dari segi negara kita, *ranking* kita, tadi saya sentuh dari segi perdagangan, sekarang *ranking* kita dari segi FDI kawasan Asia Tenggara ini kita nombor dua besar. Ini menggambarkan adakah kerajaan kita *complacent* ataupun tidak. Kerajaan tidak pernah *complacent* sebelum Yang Berhormat bangkitkan isu IMD, kerajaan bercakap tentang soal *delivery system* dan sebagainya.

Apa yang saya katakan tadi ialah, Yang Berhormat gaduh tentang IMD, Yang Berhormat tidak bangkitkan tentang daya saing oleh badan lain. Banyak badan yang buat daya saing, mengkaji daya saing - *Economic Intelligent Unit Heritage Foundation Nations Development Programme, World Bank and International Finance Corporation* dan sebagainya yang semua melonjakkan kita ke atas, tetapi itu bukan persoalannya. Persoalannya Yang Berhormat kata kita *complacent*, saya ingin menyatakan kita tidak pernah *complacent* malah dari segi Kabinet telah pun mengarahkan pihak EPU untuk mereka membuat strategi untuk kita meningkatkan daya saing.

Dan di samping itu tidak ada negara yang menubuhkan jawatankuasa *competitiveness*, Kabinet *Committee on Competitiveness* yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri. Maknanya ini merupakan *on going process* yang sentiasa kita nilai, apakah yang harus kita buat walaupun kita sudah capai tahap *competitiveness* yang tinggi, adakah kita mesti berhenti di awal jawapan saya tempoh hari, *is on going process*. Macam kapal di atas laut sentiasa bersaing antara negara dengan negara, kita tidak boleh *complacent* dan kerajaan kita tidak pernah *complacent*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ayer Hitam Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Cukuplah Yang Berhormat ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ayer Hitam.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu kita ada kajian yang lain, WEF, T. Kenny dan lain-lain. Tapi masalah kita ialah apabila ada satu kajian yang tidak begitu *adverse* kepada kita, kita perlu

menanganinya. Bukan kita mahu terima sahaja berita yang baik, tetapi apabila laporan tidak baik kita menolaknya. Kita tahu bahawa dalam Mei tahun lalu apabila IMD mengeluarkan laporan yang menunjukkan, menempatkan Malaysia ke tempat 16, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masa tu baru-baru ada program di negeri China, di dalam ucapan beliau dia ada sebut *highlight* bahawa tempat kita begitu *competitive*, diiktirafkan nombor 16, itu baik.

Tetapi tahun ini sudah jatuh 12 tempat, untuk lima bulan kerajaan tidak mahu mengakui, tidak ada apa-apa sebutan, tolak sahaja. Barulah di bulan September, Oktober, baru mengakui masalah ini, kenapa? Itu *denial syndrome*, kita perlulah mengatasi *denial syndrome* semacam itu, kalau ada berita atau laporan yang tidak *adverse*, kita pun perlu *handle it*, menanganinya dan bukan lari daripada itu.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya ingat kita tak lari daripada itu Yang Berhormat. Antara cakap dan laporan, ini kita tak tahu nak menilai, kadangkala apa yang kita kata di*highlight* oleh surat khabar, kadangkala tidak. Tidak bermakna selepas lima bulan kenyataan itu dibuat masuk akhbar kemudian kita rasa bahawa seolah-olah kerajaan ada *denial syndrome*. Saya duduk di MITI saya tahu, apabila keluar laporan tersebut, pihak NPC, *National Productivity Centre* terus sahaja membuat laporan dan kita bincang secara mendalam. *Approach-approach* kita di mana kita rasa lemah dan sebagainya, Yang Berhormat tak ada minggu sudah? Apabila saya menyatakan tentang *delivery system* kita, macam mana kita bersaing dengan negara luar, kita ada sistem ICU di mana melalui internet, mana-mana pelabur daripada 240 buah negara di dunia boleh akses kepada internet kita dan membuat pendaftaran untuk hendak melabur dan juga minta kita cari *partner*. Jadi perkara-perkara ini kita buat, *it is on going process*.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Baru sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang daya saing dan juga tindakan-tindakan pihak kerajaan untuk kita sentiasa memelihara atau meningkatkan daya saing kita. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagai seorang pakar ekonomi, yang arif dalam industri dan perdagangan antarabangsa.

Baru-baru ini ada satu laporan yang dikeluarkan oleh *World Bank, doing business in 2006*, dengan izin. Dalam laporan itu juga menyenaraikan Malaysia di tangga ke 21 dan negara jiran kita yang terdekat, Singapura nombor 2 dan Thailand nombor 20. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sebenarnya kalau kita melihat setiap seksyen dalam penilaian itu, daripada 155 negara, kita Malaysia ini boleh rasa kagum untuk beberapa kategori iaitu dari segi melindungi pelabur-pelabur asing, kita di tangga ke 5. Tetapi untuk proses memperolehi lesen, kita duduk di tangga 101 dengan masa 226 hari untuk membuat satu proses lengkap memohon lesen dan menelan belanja lebih kurang RM13 ribu.

Saya nak minta pandangan Yang Berhormat, Yang Berhormat kata pihak MITI, pihak atasan memang ada polisi yang baik, dasar yang baik, kita begitu dinamik. Apabila sampai ke

bawah, nampaknya kita masih lagi menyentuh tentang sistem penyampaian yang tidak sempurna. Apa tindakan yang boleh diambil supaya tangga kita naik ke atas kerana nombor 21 dari segi keseluruhan. Dan kebanyakan kategori yang lain, kita duduk di tangga yang lebih selesa. Dan inilah yang menyebabkan kita ini kurang kompetitif apa pandangan Yang Berhormat dan apakah formula penyelesaian oleh pihak Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi apa Yang Berhormat telah yang bangkitkan ini telah kita jawab dahulu, ada satu soalan Yang Berhormat bangkitkan tentang *delivery system* ini apa yang kita buat ini di bawah MIDA kalau *manufacturing license*. Pertama kita mempunyai piawaian berapa tempoh waktu dan kemudian pihak MITI biasa dalam mesyuarat Post Kabinet, ini dibentang, kita mahu tahu berapa lama satu-satu proses kita dapati bahawa sekiranya permohonan tersebut memenuhi semua dokumentasi yang perlu dia akan ikut masa tersebut kalau tidak, tidak ada dan kita sentiasa membuat *remedy measure* satu *and enhancement measure* satu.

Antaranya saya sentuh minggu sudah kita ada piagam pelanggan, kemudian kita buat kajian kita ada *fast track* program, kita ada dari segi jawatankuasa asing kelulusan tertentu secara automatik kemudian kelulusan untuk insentif dibuat secara *fast track*, kelulusan bahan mentah *fast track*, kemudian saya kata tadi PICU *Project Implementation Coordination Unit* kita ada *hands holding*, *hands holding* ini kerana bila kita bercakap dari segi seorang pelabur, dia akan melalui proses bukan sahaja mendapatkan *manufacturing license*, dia juga akan berhadapan masalah untuk dapat kelulusan pelan bangunan, jadi kita ada *hands holding* program di mana bila dia datang kita akan pegang dia dan kita bantu sampai ke peringkat akhir.

Jadi di samping itu, kita minta NPC yang merupakan *focal point* kepada kebanyakan badan-badan yang membuat kajian ini supaya mengadakan perbincangan dengan pihak yang menyediakan laporan supaya kita dapat mengetahui sebenarnya apa kehendak mereka supaya maknanya dari segi laporan dia keluar dengan apa yang kita buat ini biar ada *sinergi*. Itu antara perkara-perkara yang kita buat. Yang Berhormat Johor Bharu menyentuh mengenai.....

Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]: Tuan Pengerusi, sambung sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang kita ada piagam-piagam yang telah ditetapkan oleh semua jabatan dan bahagian untuk melaksanakan tugas dengan baik. Saya harap kementerian dapat betul-betul memastikan, memantau piagam tersebut bukan sahaja untuk pandangan sahaja. Contohnya dari segi pengambilan pekerja asing untuk kilang-kilang, untuk syarikat. Memang dah ada piagam untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja dapat diambil dengan kebenaran yang secepat mungkin tetapi dari segi pelaksanaan, dari segi perjalanannya tidak seperti yang kita katakan.

Ramai syarikat memohon pekerja asing mengambil masa yang begitu lama sekali untuk membolehkan mereka mendapat pekerja. So saya rasa walaupun ini bukan di bawah tanggungjawab MITI tetapi MITI sebagai satu kementerian untuk memastikan pelabur-pelabur

asing datang ke Malaysia dapat menjalankan perniagaan mereka dengan berkesan, dapat memastikan bahawa syarikat yang melabur tak kira luar ataupun dalam negeri dapat berjalan dengan baik tetapi perkara ini masih lagi berlarutan. Sedarkah kementerian bahawa pada masa sekarang salah satu faktor yang tidak menggalakkan pelabur luar datang ke Malaysia ada kerana faktor pekerja asing yang dasarnya tidak menentu dan juga masa yang panjang untuk mendapatkan pekerja. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, di peringkat MITI kita ada sistem *check and balance*, *check and balance* dari segi pada setiap tahun kita ada MITI dialog selama empat hari, dua sesi satu hari, makna ada lapan sesi sekurang-kurangnya 30 atau 40 *association* terlibat dalam satu sesi, makna lapan kali empat, tiga ratus lebih dan *feed back* ini diberi kepada kita dan daripada *feed back* ini dibawa kepada Kabinet dan turun kepada kementerian masing-masing. Kita dapati ada beberapa kelemahan dari segi sistem kita dan ini telah dikenal pasti maknanya kelemahan-kelemahan yang besar terutama melibatkan pelabur daripada India banyak masalah IT itu, saya ingat yang ini dah kita selesaikan kemudian yang lainnya adalah proses-proses yang sedang kita lakukan.

Saya menerima pandangan Yang Berhormat kita mesti sentiasa memantau perkara tersebut. Yang Berhormat Johor Bharu menyentuh mengenai soal *role of origin*, mana-mana kenderaan yang dikeluarkan di Asean yang ada 40 peratus akan dapat insentif di bawah CEPT dan siapakah yang mengendalikannya. Ini dikendalikan oleh jawatankuasa di peringkat kementerian MITI, melibatkan komponen-komponen kos buruh, kos bahan mentah, kos *overhead* dan kos keuntungan. R&D tidak masuk dalam komposisi tersebut. Yang Berhormat Kuala Selangor menyentuh mengenai dengan kawasan kilang di tempat beliau yang operasi telah tutup dan tidak ada pengganti dan minta supaya MITI bantu.

Melalui MIDA kita memang berusaha tetapi akhirnya yang akan tentu untuk menentukan di mana akan pergi itu adalah syarikat sendiri, pelabur sendiri berdasarkan pada *business* logik. Banyak faktor yang diambil kira oleh syarikat-syarikat. Maknanya dari segi MITI kita akan menawarkan kepada mana-mana pelabur ini dia kawasan-kawasan industri yang ada di seluruh Malaysia termasuk koridor timur yang memberi insentif yang banyak tetapi akhirnya pelabur sendiri yang akan putus yang mana mereka hendak pergi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruddin [Jerai]: Boleh Tuan Pengerusi, sedikit Tuan Pengerusi fasal ini *Hi-tech*. Saya difahamkan Tuan Pengerusi di Kulim *Hi-tech* ini di Kedah tempat banyaklah pelabur-pelabur masuk ke Kedah dan melabur dan kerajaan negeri pun dia buat satu macam kerajaan tempatan untuk mengawasi supaya benda berjalan dengan baik dan sebagainya. Jadi boleh tak boleh Tuan pengerusi saya difahamkan bahawa dia akan ada lagi satu *Hi-tech* yang akan dibuat di negeri Perak. Jadi buat apa kita ada *Hi-tech* merata tempat, kita ada *Hi-tech* satu tempat sudahlah. Jadi saya hendak cadangkan, buatlah *H-tech* fasa dua di

Kulim, kerana Tuan Pengerusi Kedah ini miskin, jadi kalau kita masuk *Hi-tech* ini bolehlah rakyat-rakyat Kedah yang keluar-keluar universiti dan sebagainya bekerja di situ.

Jadi Perak ini negeri kaya, jadi kemudian kawasan menteri pula orang tengok pun tak elok, menteri bawa projek mari dalam kawasan dia. Jadi kalau bawa mari di Kedah tak ada apa, neutral, kemudian negeri Kedah pula negeri yang macam saya kata tadi miskin dan tak ada apa, jadi boleh tak Dato' tolong supaya *Hi-tech* fasa dua ataupun *Hi-tech* yang hendak buat satu lagi di Perak ini sambungkan di Kedah dan saya beri jaminan kerajaan Kedah akan bekerjasama sampai ke akhirnya untuk menjayakan *Hi-tech* ini dan lagipun tak ada masalah apa komunikasi bagus, jalan elok, perkapalan ada, semua ada. Tak ada masalah apalah di Kedah cuma nak minta tambah sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi. Perlis tak payahlah Perlis dia tumpang sahaja Kedah itu.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi perkara ini saya akan bawa kepada pihak MIDA lah kerana yang akan akhirnya mengesyorkan kepada EPU dan juga kerajaan dari pihak MIDA jadi perkara ini saya akan bawa kepada MIDA, keinginan Yang Berhormat untuk mengadakan *Hi-tech* kedua ya, sambung daripada *Hi-tech* yang ada sekarang.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yuso bin Yacob]: Kuala Selangor Yang Berhormat Menteri boleh habiskanlah jawapan.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Saya hendak rujuk jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, terima kasihlah dan daripada jawapan itu tadi menunjukkan bahawa MIDA akan memainkan peranan walaupun akhirnya terletak kepada pelabur, cuma kalau boleh pandu arah kerajaan, penekanan. Seperti yang saya sebut pembangunan seimbang bandar luar bandar tadi menteri pun jawab soal nak seimbangkan pembangunan negeri maju yang tak maju, jadi pandu arah kerajaan itu cukup penting. Memang duit-duit pelabur tetapi hala tuju industri ke luar. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terima kasih Yang Berhormat, itu sebabnya kita ada insentif-insentif untuk kilang diletakkan di mana untuk tujuan untuk menarik minat bagi pelabur-pelabur untuk menempatkan di tempat-tempat yang tertentu ini, jadi pandangan Yang Berhormat akan kita ambil kira.

Intan edit

Mengenai dengan Yang Berhormat bagi Kuala Langat menyentuh mengenai MATRADE, kita telah mengambil bahagian dalam 66 pameran antarabangsa dan ini menjana jualan yang dirunding sebanyak RM1.7 bilion. Kemudian, mengenai dengan adakah MATRADE merupakan badan penguji standard? Tidak, MATRADE bukan badan penguji standard.

Mengenai dengan MIDA - penjualan kereta, usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pihak MAIDA. Sebenarnya bukan MIDA, ya! MATRADE, untuk mempromosi kereta tempatan. Seperti mana yang saya nyatakan tadi automotif berbeza, kereta berbeza sistem promosinya perlukan

satu-satu pengeksporth Proton umpamanya untuk mewujudkan satu sistem *distributive ship* yang lengkap di negara-negara tertentu. Ia tidak boleh kita bawa kereta itu dalam satu pameran, kemudian cuba untuk jual.

Kalau tidak ada *distributive network* orang tidak akan beli. Walau bagaimanapun, ada beberapa *exhibition* kita, umpamanya *Care Bin Fair* yang kita buat di Dubai, di Jeddah dan di Manama. Bukan Dubai, di Sharjah, Jeddah dan Manama, di mana kita bawa Proton untuk kita *display* produk yang dihasilkan di Malaysia dan satu lagi di Mauritius.

Kemudian galakan mengenai dengan pelabur tempatan, ini kita laksanakan. Yang Berhormat bagi Kepong menyentuh tentang isu Bangunan MATRADE. Seperti mana kita maklum Bangunan MATRADE ini masih lagi dalam proses untuk disiapkan pembinaannya, ya Yang Berhormat? *[Ketawa]* Dalam proses untuk disiapkan bangunannya. Dari segi kos asal, menjawab soalan Yang Berhormat, kos asal kontrak kita adalah sebanyak RM160 juta. Ini ditandatangani pada tahun 1994, dan sekarang sehingga ini perbelanjaan kos *overrun* adalah sebanyak RM257 juta.

Apa yang berlaku Yang Berhormat, bangunan ini menghadapi dua masalah besar, satu dari segi lantainya. Apabila sudah siap, tiba-tiba lantai dia lemah, jadi kita terpaksa letak *composite* material untuk memperkukuhkan lantai tersebut. Selepas itu dinding dia pula, fasad dia tidak elok kita dapati dinding dia tidak elok.

Dengan sebab itu, pihak yang menjaga, yang mengurus pembangunan tersebut, JKR telah pun melantik dua syarikat baru iaitu ROTO dan 'Angeric'. ROTO untuk buat kerja-kerja luar dan juga 'Angeric' untuk kerja-kerja dalam.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya satu langkah ke belakanglah berkenaan dengan peranan dan tanggungjawab MATRADE.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kementerian menyediakan ataupun sudah mempunyai satu ukuran, apakah jumlah pelaburan yang diperolehi oleh pihak MATRADE yang berpejabat seluruh dunia. Banyak pejabat seluruh dunia ini seimbang dengan jumlah pelaburan yang dibawa masuk ke dalam negara kita. Satu, dan yang keduanya, adakah pihak kementerian juga mempunyai ukuran-ukuran dalam aktiviti-aktiviti penggalakan pelaburan ini di peringkat, katakan *exhibition* yang besar, pameran yang besar? Berapa ramai pelabur yang dibawa masuk? Kemudian di *follow up* berapa ramai? Kemudian di *follow through* berapa? Adakah hasil tadi itu jika disemak balik sejajar ataupun *worth while* dengan usaha yang telah dilakukan oleh pihak kementerian. Adakah ukuran-ukuran ini berlaku dan di manakah kedudukan kita pada hari ini ataupun kita mungkin syok sendiri sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri? Itu saya hendak dengar. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: Okey, dari segi promosi perdagangan, saya bagi beberapa contoh dari segi *cost mission* ini kita boleh nilai, dengan izin,

trade an investment mission to USA. *Cost mission* tersebut adalah RM998 ribu. *Potential sale* yang dijana sebanyak RM122,588 juta.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Kemudian, *trade an investment mission to Asian*, ini masuk Myanmar, Laos, Thailand, Indonesia. Kos *mission* RM166 ribu, *immediate sales*, *sale* yang terus dijual sebanyak RM516 juta, *potential sales* RM208 juta. Jadi, kalau saya kumpulkan semua berteraskan kepada perbelanjaan dengan yang kita jana, saya boleh nyatakan bahawa dari segi kos *effect*, kos *benefit analysis*, maknanya menguntungkan kita. Saya ingat, nanti saya tengok.

Saya ada senarai syarikat kita yang kita telah bawa ke luar negara yang menjadi *top companies*, ada beberapa *companies* macam, *Top Gloves* yang dahulu tidak pernah jual ke luar negara, sekarang telah jual dan menjadi syarikat yang terkemuka. Antara *top Malaysian exporters* yang kita lihat, ada beberapa...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Kepong mahu ganggu!

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: Nantilah Yang Berhormat bagi Kepong, *Top Gloves* tadi,.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak hendak bagi jalankah, Yang Berhormat?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: *Top Gloves sales* dia telah capai RM324 juta daripada tidak ada eksport langsung melalui program kita yang kita buat, salah satu contoh yang saya bagi. Dari segi MIDA tadi, Yang Berhormat menyentuh mengenai dengan soal...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak bagi jalan Yang Berhormat bagi Kepong?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: Sekejap, sekejap biar saya.....

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak itu sebelum kita pergi syarikat syarat yang terbaik dan sebagainya.....

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: Sekejap, sekejap saya pergi situ.

Dr. Tan Seng Giaw:itu dinding dan lantai runtuh itu bangunan MATRADE....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, sudah jawab Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Itu dia sudah jawab tadi.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Itu sudah jawab tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri kena jawab soalan saya dulu, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Mana dia ada jawab?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah jawab Yang Berhormat bagi Kepong, ya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Dia sudah jawab, tambah composite apa itu, sudah jawab tadi, you tidur tadi saya nampak.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak jawab lagi itu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Sudah jawab, biar Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab soalan saya dahululah, saya tengah dengar, saya tengah fokus ini.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: *[Ketawa]* Nanti ya, Yang Berhormat

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Saya tengah fokus ini, saya tengah fokus Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab menjawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua-dua pun duduk.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Duduklah Yang Berhormat Kepong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat Kepong *[Bercakap dalam bahasa Cina]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Yang Berhormat bagi Kepong, duduk Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab tadi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: Nanti saya bagi Yang Berhormat, Tuan Pengerusi saya minta *rolling*. Saya ingat biar saya habis jam satu kalau tidak kementerian lain itu jadi saya jawab satu, dua kemudian saya akan teruskan.

Mengenai dengan MIDA jumlah kos pejabat kita di luar negara sebanyak RM26.5 juta perbelanjaan tersebut dan seperti mana saya nyatakan, kita ambil semua sekaligus daripada yang kita bawa pelabur secara yang kita buat sendiri dan keseluruhannya dari segi FDI yang kita perolehi RM3.14 bilion satu tahun. Sila. Yang last, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kesianlah dekat dia, Tuan Pengerusi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ini memang satu perkara yang penting, Yang Berhormat bagi Jerai dan Yang Berhormat bagi Tangga Batu itu. Jika batu di dalam lantai dan dinding itu runtuh tidak ada tangga pun. Bilakah Yang Berhormat, saya hendak tolong Yang Berhormat sahaja. Bilakah ini akan disiapkan? Sama ada satu bulan lagi ataupun satu tahun lagi, atau 10 tahun lagi, bagilah kita tahu. Kalau tidak ada batu di situ tentu runtuh, tangga pun tidak ada.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: Dari segi maklumat awal, kita jangka akan diserahkan kepada MATRADE bangunan ini pada 23 Mac 2006, ya Tetapi mesyuarat pada 24 Oktober lalu, pihak JKR akan maklumkan pada kita tarikh baru, sama ada dapat siap pada 23 Mac ataupun diminta tangguh sebentar. Itu akan dimaklumkan kepada kita. Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan dalam MATRADE ini. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri patut sedar masalah bukannya lantai, masalah bukanlah dinding, masalah ialah tanggungjawab, *accountability*. Siapa bertanggungjawab dan

siapa akan, adakah perlu membayar ganti rugi daripada *overrun*, daripada RM196 juta kepada RM260 juta. Siapa bertanggungjawab atau akhirnya pembayar cukai rakyat Malaysia menjadi bodoh perlu bayar oleh kerana kecuaiannya, ketidakbertanggungjawabannya, sesiapa yang bertanggungjawab.

Bolehkah kita tahu siapa bertanggung jawab dan sama ada dalam pihak Kementerian MITI, Kementerian Kerja Raya, kenapa tidak ada orang yang bertanggungjawab dan syarikat-syarikat yang berkenaan, syarikat UMNO sebenarnya ini semua syarikat-syarikat kroni, kita tahu syarikat-syarikat kroni, syarikat-syarikat UMNO, dan kalau bukan ...*[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bersorak] [Dewan riuh]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Ini tidak boleh ini, Tuan Pengerusi

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of Order* Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: ...ada bersangkutan paut dengan UMNO atau tokoh-tokoh UMNO.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of Order* Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: Apa lagi itu. Apa lagi itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Menghina Ahli-ahli Parlimen tentang mengatakan kami ini terlibat dengan syarikat-syarikat UMNO.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ini syarikat-syarikat UMNO, kroni-kroni UMNO tetapi apa mahu tahu.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tidak terlibat dan kawan-kawan kita tidak terlibat.

Tuan Lim Kit Siang: Apa yang mahu tahu ialah apa akan diambil.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: apa itu syarikat, syarikat UMNO, tak boleh lari daripada itulah

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Be reasonable* Ipoh Timor, *be reasonable and*

Tuan Lim Kit Siang: ...apa itu syarikat melainkan UMNOlah, tidak boleh lari daripada itulah, iaitu *the tradition* UMNO, *tradition* UMNO, kita mahu tahu apa tindakan diambil supaya mereka yang bertanggungjawab perlu memikul tanggungjawab itu.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: 36(6) sangkaan jahat, itu Naja, mana ada UMNO punya, itu dia sendiri punya.

Tuan Lim Kit Siang: itu kebenaran saya tidak ada niat jahat.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Mana ada kena mengena dengan UMNO.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada sangkaan jahat. Tuduhan yang betul.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Itu Naja bukan UMNO punya, tak ada kena mengena

Tuan Lim Kit Siang: Mana tau, akan rela adakan satu siasatan sama ada bersangkut paut dengan UMNO atau tidak.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Tak boleh, itu sangkaan jahat, tak payah jawablah itu sangkaan jahat.

Tuan Lim Kit Siang: Habis bolehkah saya tau dari Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, Ipoh Timur cukup, Yang Berhormat mencelah banyak sangat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Sebenarnya Yang Berhormat Ipoh Timor, Ipoh Timor hendak bertanya siapa yang bertanggungjawab, itu saja,

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tetapi suara dia bukan main lagi...

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya ingat tak perlu bising-bising Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Tak perlu bising-bising, saya pun boleh buat begitu.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Siapa bertanggungjawab, okey, dari segi.....

Tuan Lim Kit Siang: Wang rakyat berpuluh-puluh juta ringgit, bukan masalah kecil.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Yalah, biar saya jawab Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Berjuta-berjuta, berpuluh-puluh juta ringgit, mana boleh anggap ringan, beratus-ratus juta ringgit, khasnya apabila penglibatan syarikat-syarikat UMNO

Puan Teresa Kok Suh Sim: Hah? Hah? Nampak.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Mana ada syarikat UMNO

Beberapa Ahli Pembangkang: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruslah Yang Berhormat, Timbalan Menteri menjawab, habiskan jawapan Yang Berhormat

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tak payahlah kita sebut wang rakyat dan sebagainya, saya tahu Yang Berhormat Ipoh Timor daripada Parlimen Ke 9 dahulu, semua isu yang dia bangkit, dia kata skandal-skandal. Kalau kita terima apa Yang Berhormat Ipoh Timor kata, negara ini di perintah secara skandal, negara kita tidak mencapai negara maju, kalau kita dengar cakap dia.[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi, dari segi-isu ini pihak kerajaan telah mengambil tindakan yang dipanggil sebagai *liquidated ascertain damages* (LED) berjumlah RM95 juta. Saya ingin pergi jauh sikit ya. Yang Berhormat mengatakan mengenai dengan kontraktor yang dipilih. Sebenarnya dari segi kontraktor yang dipilih, pihak JKR pada tahun 1993, 30 April, telah mengadakan satu proses pra

kelayakan pada 16 November 1992, dan kemudian telah memilih kontraktor syarikat Ureka Construction Bhd.. Oleh kerana projek ini perlu kelulusan Kementerian Kewangan, jadi di bawa ke Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan menolaknya dan minta supaya dibuat tender semula dan tolak juga akhirnya atas arahan Kementerian Kewangan pada tahun 1993 supaya menyerahkan projek ini kepada Perangsang Internasional Sdn. Bhd. Maknanya, Kementerian Kewangan ketika itu, Menteri yang mengarahkan dan siapa menteri ketika itu? Itu isu dia, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Menteri UMNOlah , siapa, Menteri UMNOlah.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Siapa Menteri ketika itu? Tanya Yang Berhormat, Ketua Keadilan di mana dia tidak ada. Ah! itu dia Yang Berhormat. Biar kita jelas dalam soal ini..

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Menteri Pembangkanglah.

Seorang Ahli Pembangkang: [*Menyampuk*]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Okey, saya ada tinggal 7 minit saja Tuan Pengerusi ya. Yang Berhormat Parit menyentuh tentang soal yang sama dari segi kawasan Industri yang tidak ada syarikat. Yang ini telah saya beri jawab sama dengan ..

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kalau sama tak payah ulaslah..

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tak payah, tak payah ulas. Kemudian Yang Berhormat bagi Ledang menyentuh mengenai dengan dana RM90 juta ini. Ini adalah di bawah *free package* program yang bertujuan untuk supaya pihak kita memperkukuhkan dari segi industri-industri yang terlibat, industri yang berisiko tinggi dan industri yang mempunyai *high-tech*. Saya ingat itu saja Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM310,000,000 untuk Maksud B.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM310,000,000 untuk Maksud B.24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM173,650,000 untuk Maksud P.24 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM173,650,000 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

Maksud B.25 [Jadual]**Maksud P.25 [Anggaran Pembangunan]**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.25 dan Kepada Pembangunan P.25 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terbuka untuk di bahas. Ya, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, sabar ya? Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap tentang Perdagangan Dalam negeri dan juga 020100 iaitu berkenaan dengan kos yang meningkat dari semasa ke semasa dan tanggungan yang ditanggung oleh masyarakat agak begitu beban pada hari ini.

Saya nak mintak dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri supaya pertama, mengadakan satu program atau jadual jangka panjang untuk mengatasi masalah yang kita jangka kenaikan minyak di peringkat antarabangsa di peringkat dunia. Kita kena ada satu persediaan supaya sekarang ini kita dapati bahawa rakyat terutama sekali rakyat yang pendapatan rendah menghadapi hidup yang begitu tertekan, apatah lagi rakyat yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, kais malam tidur. Masalah-masalah ini harus kita tangani bersama.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan. Minta penjelasan sedikit.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Boleh minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sila, sila

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tangga Batu dahulu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Jerai. Saya betul-betul sayu bila dengan Yang Berhormat menyebut tentang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Baru-baru ini Yang Berhormat, saya tahu Yang Berhormat nak cerita tentang minyak ini, tapi saya nak minta Yang Berhormat beri penjelasan sedikit, benda yang berada rapat betul di hati rakyat, iaitu tentang timbang dan sukat.

Timbang dan sukat ini Yang Berhormat, dahulunya Yang Berhormat Jerai, dilaksanakan oleh pegawai-pegawai kerajaan, penguat kuasa kerajaan yang kita tahu sejauh mana integriti dia orang, sejauh mana kejujuran dan ketelusan dia orang. Hari ini Yang Berhormat, timbang sukat ini pihak swasta dah ambil alih dan pihak swasta ini pula yang pergi ke kedai-kedai hendak ukur sama ada kayu ukur itu betul tidak satu meter, timbang itu betul tidak satu kilogram, sama ada yang digunakan stesen minyak, pam minyak itu betul tidak satu liter diukur.

Yang Berhormat, di sini saya hendak tengok, betul Yang Berhormat sebut tadi, tambah kos, kononnya nak tambah kecekapan dan keberkesanan dalam perkhidmatan. Yang Berhormat boleh tidak berikan sedikit ulasan, saya tahu Yang Berhormat pandai mengulas, bolehkah pihak

ini memberikan keuntungan kepada kerajaan, bolehkan pihak ini memberikan perkhidmatan dengan cekap dan berkesan, yang akhirnya Wakil Rakyat macam kita kena jawab. Minta tolong Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu yang prihatin tentang keadilan dari segi penimbangan. Kalau kita tengok, timbang ini ialah lambing kita juga, lambang Barisan Nasional, maknanya lambang kita adil dari segi segala-galanya, Saya faham, bahawa sekarang ini kerajaan sudah swastakan. Penswastaan ini Yang Berhormat, saya bersetuju ada yang mendatangkan keuntungan tetapi ada penswastaan yang menyusahkan, yang tak patutnya di swasta.

Contoh, ura-ura dulu kita hendak swastakan klinik atau pun hospital. Ini menjadi masalah kerana *social contribution* kepada rakyat akan tertinggal. Begitu juga kerja-kerja lain, yang tidak sepatutnya diswastakan tidak usah swasta. Kalau semua hendak diswastakan, jadi pegawai kerajaan kita hendak bubuh di mana mana? Saya hendak tanya. Kita swastakan keseluruhannya, jadi pegawai-pegawai kerajaan kita ini macam mana, nak VSS semua kah? Bila kita swastakan, dia ada '*kautim*, kes '*kautim*' ini yang teruk. Kautim ini dia kira *slow talk* Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bahasa apa Yang Berhormat, bahasa Inggeris ke bahasa apa?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bahasa Cina, bahasa Tiounghwa, betul tidak Yang Berhormat Kepong, dengan izin.

Dr. Tan Seng Giawlebi: [*Senyum*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kepong pun mengaku dia kata betullah, jadi ada timbang balas.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya tertarik Yang Berhormat Jerai...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hadhari. Ini hadhari sudah mari hah [*Ketawa*]

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Jerai, Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya saya tertarik tadi soal swasta, soal kerajaan kah. Sebab itu dalam Islam ada Rakib dan Atid, Kiroman dan Katibin. Dia ada di sebelah kanan dan di sebelah kiri, juru tulis. So kita hendak monitoring, biarlah dia diswasta pun tetapi ada monitor. Kalau tidak ada monitor, kita akan berlaku, dalam kerajaan pun boleh berlaku, bagaimana? Terima kasih, setuju tak kita tubuhkan monitor? [*Disampuk*].

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Badan pengawasanlah, memang kita bersetujulah, untuk memonitorkan. Tetapi tu saya dah cakap dah, dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa. Kalau kita tidak ada, kita tidak tahu kawalan. Contohnya Tuan Pengerusi, sekarang ni saya difahamkan, saya buat *home work*, baru ini bila saya tanya Menteri Kebudayaan pasal *Central Market*, dia kata depa pun dah *fifty-fifty*, dalam surat khabar Menteri kata dia akan ambil alih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tapi bila saya siasat, balik, saya dapati bahawa pihak Melawar telah jual kepada Danaharta, Danaharta telah jual dengan sebuah syarikat di luar negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak habiskan atau hendak sambung?..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak sambung, itu saya melayani kawan-kawan

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau hendak sambung, sambung 2.30 petang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dua petang..terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Jerai, sila sambung.

2.32 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin menyambung tadi tentang pandangan saya iaitu supaya pihak kerajaan dan pihak kementerian merancang untuk jangka masa panjang di atas kenaikan harga minyak di peringkat dunia yang juga akan terbabit di dalam negara kita ini kerana pada hari ini, Tuan Pengerusi, mungkin tahun hadapan dan sebagainya, kos minyak akan meningkat lagi apabila kita dapat lihat hari ini dunia huru-hara dan negara-negara pengeluar minyak berada dalam keadaan ekonomi yang tidak stabil, dalam keadaan politik yang tidak aman dan juga dengan negara yang huru-hara. Jadi ini secara tidak langsung akan melibatkan kos minyak dan kita memahami pengorbanan kerajaan yang telah berbelanja berbilion-bilion ringgit untuk mengekalkan supaya harga minyak tidak naik atau memberi subsidi kepada pengguna-pengguna.

Walaupun kita dapat lihat banyak juga orang kita yang telah mengkhianati hasrat kerajaan dengan menyelewengkan subsidi-subsidi minyak yang telah diberi untuk orang yang

miskin, orang yang memerlukan. Contohnya, Tuan Pengerusi, petani-petani menghadapi masalah. Kos menanam padi telah meningkat begitu mendadak disebabkan oleh kos traktor dan kos *harvester* yang meningkat. Begitu juga dengan nelayan-nelayan yang mencari rezeki di lautan. Mereka juga terpaksa menanggung. Walaupun saya sedar bahawa kerajaan memberi subsidi kepada mereka tetapi banyak juga yang tidak kesampaian kepada pengguna-pengguna yang betul itu, pengguna-pengguna yang patut menggunakannya.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mungkin terpaksa buat kerja banyak sedikit supaya mengkaji apakah sebabnya contoh seandainya minyak naik dengan harga RM0.10 tetapi harga makanan naik begitu mendadak. Apa sebabnya kadang-kadang dengan harga minyak naik RM0.20 tetapi harga barangan itu naik begitu mendadak. Kalau kita kaji balik seperti rakan-rakan kita.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, Kinabatangan, sila.

Tuan Pengerusi: Ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya Yang Berhormat dalam keadaan negara kita iaitu kita melihat kawalan harga barang-barang ini cuma tertumpu apabila ada perayaan ataupun pesta dan sebagainya. Jadi tidak ada kawalan secara menyeluruh seperti Yang Berhormat maklumkan bahawa kenaikan harga minyak diesel, petrol sedikit tetapi barang-barang lain pun turut serta naik sedangkan tidak ada relevensinya. Antara contohnya ialah minuman, kuih dengan harga petrol ini.

Saya juga meminta Yang Berhormat menyuarakan perkara yang sama iaitu contohnya di Kinabatangan ini, tidak ada satu pun stesen petrol dan tidak ada depot minyak. Jadi semua petani tertumpu kepada Sandakan. Jadi apabila keadaan minyak gawat, minyak tidak ada, dia jual minyak RM20 sedangkan kos hendak balik ke kampung itu pun sudah RM20. Jadi untuk tujuan ladang, untuk tujuan perikanan sudah tidak ada dan tidak dibenarkan pula membeli lebih.

Jadi, apakah Yang Berhormat ingin menyampaikan hasrat ini kepada kementerian supaya melihat semua sudut. Jangan melihat di satu sudut seperti ada penyeludupan subsidi minyak dan kita terus mengenakan semua pihak sebab ini tidak adil bagi masyarakat di luar bandar. Minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Memang saya telah mengatakan tadi bahawa satu perancangan jangka masa panjang kerana Yang Berhormat Tuan Pengerusi rungutan rakyat ini cukup besar di bawah sama ada pegawai kerajaan yang makan gaji, orang-orang yang meniaga kecil-kecilan ataupun petani, nelayan, penoreh getah dan sebagainya kerana apabila kos meningkat sudah tentu kos mereka meningkat sedangkan pendapatan mereka itu tidak meningkat. Ini menyebabkan rintihan rakyat. Ini menyebabkan keadaan keluarga itu menjadi kucar-kacir. Apabila keadaan ekonomi rumah

tangga itu kucar-kacir, sudah tentu hidup dalam rumah tangga itu pun kucar-kacir disebabkan oleh faktor kewangan dan pendapatan.

Jadi kalau Kementerian, pertamanya iaitu mempertingkatkan lagi atau menambahkan *enforcement officer*, pegawai penguat kuasa kena kita tambah. Saya sedar bahawa pegawai penguat kuasa kurang di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan kadang-kadang tidak kesampaian tugas mereka kerana banyak laporan yang masuk dan mereka kata tidak boleh buat kerja kerana tidak cukup kakitangan.

Jadi, di sinilah kita mengharapkan bahawa JPA yang bertanggungjawab dalam *recruitment* pekerja-pekerja ini supaya kita mengambil orang supaya kita dapat menguatkuasakan. Kita cari pegawai-pegawai penyelidik, minta pakar-pakar universiti, minta pakar-pakar ekonomi untuk mengkaji jangka masa panjang bagaimana kita hendak berhadapan dengan keadaan ekonomi dunia yang sedang meningkat, hidup yang sedang meningkat.

Jadi kadang-kadang Tuan Pengerusi, kita lihat orang hidup dengan amat susah. Bila harga minyak, bas sekolah naik. Bila harga bas sekolah naik, terpaksa bapa menanggung, keluarga menanggung. Bila barang makan naik, kita sendiri pun terpaksa belanja lebih dan sebagainya. Ini disebabkan oleh faktor hendak salahkan kerajaan, bukan salah kerajaan. Ini faktor dunia. Minyak dunia naik. Kebanyakan orang menyalahkan Petronas. Petronas tidak boleh disalahkan. Petronas juga adalah syarikat perdagangan yang mendapat keuntungan perdagangan dibagi balik kepada kerajaan untuk membangunkan negara kita ini.

Tuan Pengerusi: Masa cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya Tuan Pengerusi. Masa sedikit lagi Tuan Pengerusi. Orang kampung pesan sedikit lagi Tuan Pengerusi. Boleh ya, Tuan Pengerusi. Okey, Tuan Pengerusi.

Jadi saya berharap pihak kerajaan, pihak Kementerian tanda pastikan harga itu kena betul-betul. Letak kalau harga roti canai berapa duit tulis siap-siap. Kalau tidak buat, *enforcement* pergi tangkap. Kalau minyak naik sekupang, harga roti canai naik sekupang ini kot mana cara dia. Kadang-kadang roti canai kita angkat Tuan Pengerusi boleh nampak muka orang sebelah itu, punya jarang. *[Ketawa]* Harga dok macam itu naik juga.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi fasal apa? Yang telur ayam pergi naik tidak fasal-fasal, fasal apa? Ayam pergi naik pula tidak fasal-fasal, fasal apa? Satu lori ayam itu berapa ribu ekor? Minyak naik berapa duit?

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi kita kena kaji. Jadi minta pihak Kementerian gunakan pakar-pakar kita mengkaji dan kita kerajaan meletakkan harga supaya rakyat faham. Kalau kita beli telur ini dia harganya tidak boleh lebih walaupun sudah buat tetapi tidak mencukupi. Banyak lagi barang yang perlu, kecuali barang-barang *branded item* tu biar

pilah kerana itu orang kaya-kaya hendak pakai. Tetapi untuk penggunaan rakyat, untuk berpendapatan miskin, untuk pak tani dan nelayan kadang-kadang kita tengok kesian. Bawa balik mai ikan tidak berapa duit, tolak harga minyak diesel dan sebagainya tidak balik modal. Bawalah dengan anak-anak pergi ke laut, tenggelam dalam laut dan sebagainya. Jadi yang ini yang kita terima yang kita lihat di bawah, pak tani sekarang ini dengan harga kos baja, harga kos racun makhluk perosak, dengan harga kos minyak yang naik, pendapatan mereka sudah tidak ada, cuma terpaksa buat kerana hendak hidup. Jadi inilah harapan saya kepada pihak menteri dan pihak kementerian dan pegawai-pegawai. Saya faham tetapi kita kena pakatlah kerana ini adalah negara kita dan kita kena jaga supaya

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jerai,

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, yang ini kena bagi Tuan Yang di-Pertua, yang ni kalau tak bagi nanti.... ini kena bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Lepas itu terus habis.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kena bagi Tuan Yang di-Pertua, yang ini angin, angin. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Jerai. Yang disuarakan oleh Yang Berhormat Jerai adalah suara yang disuarakan oleh seluruh rakyat. Dan pernah juga disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, tidak munasabah tidak masuk akal minyak naik 10 sen, roti canai naik tiga kali ganda, teh tarik dua tiga kali ganda, semua naik.

Seorang Ahli: PLUS sahaja naik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak apalah memang turun. *[Ketawa]* Rakyat faham, rakyat sudah suarakan kementerian pun faham, tetapi benda ini macam tidak dapat dibendung. Dalam negara kita ada dua jenis barangan, satu barangan yang dikawal. Apakah agak kementerian sudah berfikir-fikirkah kalau sudah tidak boleh lagi hendak dikawal, hendak dimunasabahkan apakah perlu semua barang kita kawal, sehingga roti canai pun kawal?

Tuan Yang di-Pertua, buka puasa di bulan Ramadhan RM100 satu kepala. Saya congak-congak meja saya tu ada 10 orang makan, kena bayar RM1,000 tetapi kami fikir-fikir makanan yang kami makan tak habis pun RM100. Tak tahulah sama ada kementerian tahu atau tidak perkara ini. Sewenang-wenangnya. Jerai, macam mana hendak menyelesaikan ini. Sama-sama faham benda ini. Sehingga kepimpinan yang tertinggi pun faham, kita Yang Berhormat Jerai salah seorang pejuang rakyat bahagianlah rakyat di Jerai, saya harap TV malam ini akan keluar gambar Yang Berhormat Jerai.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Jerai boleh jelaskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini belum selesai Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Yang Berhormat Jerai ini suka yang jelas fasal dia akan jawab lebih jelas, jadi semua faham. Tuan Yang di-Pertua pun tidak bersetuju barang ini naik, tidak munasabah, ya lah naik minyak

dijadikan alasan. Yang saya pelik di negara lain tidak pula menjadi penyakit macam ini. Tidak pula, semua lebih mahal minyak tetapi barangannya. Ada saudara saya baru balik dari Jakarta dan harga minyak di Jakarta lebih tinggi daripada Malaysia tetapi barangan dia lebih murah. Mengangkut benda ini pun ada macam-macam, dengan lori dengan kereta api, gunakan minyaklah juga tetapi tidak pula harga itu naik. Jangan macam mana Yang Berhormat Jerai punya pendapat yang bijaksana untuk menyelesaikan masalah yang sama-sama kita faham tetapi kita semua dibodohkan secara hidup-hidup.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sudah Tuan Yang di-Pertua. Saya patuh. Kalau saya menyoal Tuan Yang di-Pertua berilah saya laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Okey Sri Gading? Dia sudah dibagi, tak apa, kalau tidak bagi boleh *curfew* Parlimen ini. Berbalik kepada rintihan ini pertamanya *enforcement* kita kena kuat. Kalau *enforcement* tidak kuat, memanglah kita ada sekarang ini rakyat boleh kompelin tetapi kadang-kadang rakyat susah hendak kompelin. Dia susah hendak buat surat, dia bukan mahu kerja macam ini.

Yang keduanya kita hendak minta bahawa saya hendak mencadangkan, kedai-kedai makan semua ini tidak ada 24 jam. La-ni buat apa, 24 jam buka kedai sampai di Malaysia orang mati kerana sakit makan - kencing manis, darah tinggi, jantung semua kes makan. Roti canai dilumur minyak itu yang dia caj mahal. Dia lumur minyak di roti tu. Kolesterol tinggi. Saya hendak mencadangkan supaya restoran-restoran - tengok negara membangun di mana restorannya pukul 9.00 malam *kitchen* tutup. Tetapi kita pukul 1.00 pagi dok canai roti, telur rebus, telur setengah masak tengah-tengah malam makan lagi. Di Kuala Lumpur pukul 11.00 malam baru dia kata *happening*. Saya pun hairan apa dia *happening*. Rupa-rupanya pukul 11.00 malam baru keluar rumah pergi duduk di kedai kopi kena teh tarik, kena nasi apa semua, macam Yang Berhormat Jasin kata dia bubuh sikit kas-kas.....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Kas-kas.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Kas-kas? Bukan saya kata, Jasin kata. Nanti depa sue kita pula. Jadi yang ini pun kita kena kawal.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, cukup. Jadi penghujungnya, dia ada bermula kena ada penghujung Tuan Yang di-Pertua. Bermula kena ada penghujung, pembukaan mesti ada penutupan. Jadi di penutupan ini Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya semua rakyat kalaulah harga naik tidak munasabah, kita boikot benda-benda itu. Kita boikot dan jangan guna benda-benda itu supaya rakyat, saya seru kepada rakyat menolong kerajaan syarikat-syarikat, kedai-kedai mana yang menaikkan harga benda makanan dan penggunaan yang tidak munasabah maka kita mula boikot benda-benda itu supaya kita ajar

kepada mereka. Takkanlah peniaga hendak ajar pengguna. Pengguna ajar peniaga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Baharu.

2.47 ptg.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rujuk kepada Butiran 010100 – Khidmat, Pengurusan, Pentadbiran dan Kewangan, 030000 – Perdagangan Antarabangsa, 020000 – Perancangan Strategik. Saya juga ingin menyambung sedikit apa yang disebut oleh Jerai dan Sri Gading mengenai harga barangan di negara kita. Kita mesti terima hakikat bahawa orang-orang yang berpendapatan rendah dan sederhana menghadapi masalah kebelakangan ini untuk menyara hidup mereka dengan gaji yang ada. Walaupun kita tahu pegawai-pegawai kerajaan diberi kenaikan, tetapi ramai lagi rakyat Malaysia yang tidak menerima kenaikan apa-apa dari segi ekonominya, dari segi kegiatan-kegiatan yang mereka lakukan. Dia punya *cost of living* telah meningkat, ini kita kena terima hakikatnya.

Dan hari ini bukan sahaja di luar bandar tetapi di bandar sendiri. Kita telah mendengar keluhan orang ramai, hendak beli ikan kembung pun fikir dua tiga kali, apatah lagi barangan yang lain seperti ayam dan daging. Jadi saya harap kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri memikirkan cara-cara yang lebih kreatif untuk mengatasi masalah ini. Masalah ini bukanlah mudah semata-mata kita luluskan rang undang-undang ataupun kita memperluaskan barangan-barangan yang dikawal. Kalaulah kawalan harga (*price control*) itu begitu efektif, sudah tentu kita tidak ada masalah ini. Tetapi kita tahu *price control* ini tidaklah dapat menyelesaikan segala-galanya. Kadang-kadang bila *price control* ataupun had harga ini ditetapkan, masih ada lagi cara-cara lain mereka mengatasinya. Apatah lagi bila penguatkuasaan itu agak sukar kerana negara kita luas, manakala kakitangannya tidak cukup.

Jadi kita harus memikirkan perkara-perkara lain, dalam hal ini saya ingin bertanya ataupun mencadangkan, sama ada *price control* itu sendiri perlu dikaji, kerana kalau kita lihat di negara-negara lain dan ekonomi-ekonomi lain juga, mereka dapati dalam hal-hal tertentu, *price control* ini juga menyebabkan kos tinggi. Jadi, saya harap soal dan perkara ini dapat diberi penelitian atau kajian dan kita diberitahu, selepas kajian itu dibuat, apakah perlu diteliti semula, cara-cara mekanisme kita mengawal harga-harga barang ini.

Kedua, harga barang juga meningkat bukan sahaja kerana ini disebabkan banyak perkara, misalnya dari segi *distribution network* kita, dari segi pengimportan barangan itu jika sukar untuk kita import, jika monopoli-monopoli tertentu sahaja yang boleh mengimport, itu juga menyebabkan harga naik. Begitu juga dari segi *distribution*, dari segi *middleman*, orang-orang tengah, kadang-kadang petani ataupun nelayan yang dapat hasilnya tidak begitu dan apabila harga itu sampai kepada orang ramai, kerana melalui mekanisme *marketing* yang tidak begitu baik ataupun diguna oleh orang-orang tertentu untuk keuntungan mereka maka harganya jadi naik. Jadi *distribution network* ini juga perlu kita kaji misalnya di sebuah negara jiran kita, 25

tahun dahulu mereka dapati bahawa *price control* ini tidak semestinya dapat menjamin harga yang berpatutan, maka mereka tubuhkan koperasi dengan sokongan kerajaan. Mereka buat *supermarket* yang mempunyai moto dan harganya yang terendah dalam negara itu, dan ini memberi cabaran kepada peniaga-peniaga lain untuk sama-sama mengikuti ataupun sama-sama menyaingi harga pasarannya itu. Jadi mungkin kita juga dapat ataupun boleh bertindak demikian kerana walaupun koperasi bukan di bawah kementerian ini, tetapi saya rasa kalaulah kita ingin jayakan hasrat kerajaan untuk membolehkan orang ramai mendapat harga yang baik yang berpatutan, maka perlulah *distribution* atau barangan ini melalui *supermarket* ataupun melalui kedai-kedai yang dapat dikawal kualitinya, harganya oleh kerajaan. Ini juga salah satu cara pada saya yang boleh dipertimbangkan untuk menjamin ataupun membela orang-orang yang mempunyai pendapatannya yang tidak begitu tinggi.

Saya juga ingin mencadangkan Tuan Pengerusi, kementerian harus juga melihat aspek-aspek kos yang tinggi yang boleh kita kawal. Kadang-kadang misalnya sebagai contoh, dalam kita memulakan perniagaan, kita hendak daftar syarikat, kos pendaftaran itu mungkin kita boleh kaji, *do it incorporate, company* hari ini bukan murah, mungkin kita boleh membantu dalam kita menurunkan sedikit. Kadang-kadang, khususnya orang-orang bumiputera mereka *incorporate the company*, selepas itu mungkin tidak dapat berjaya, tidak maju ataupun tidak aktif, maka mereka akan dibebankan dengan kalau tidak bayar *annual return* ataupun tidak kemukakan *annual return* mereka akan didenda lagi. Kalau dia hendak mansuhkan syarikat itu melalui *voluntarily winding up* di mahkamah itu, itu juga melalui kos, jadi saya harap dalam aspek perniagaan ini, khususnya orang-orang biasa. Kita janganlah terlalu mekanikal dalam kita menyediakan peraturan-peraturan itu, kita permudahkan. Dendanya kita murahkan, *incorporation fees*nya kita turunkan dan kalau dia hendak masukkan syarikat itu kita tukarkan peraturan yang ada supaya mudah, tidak perlu pergi *winding up*, tidak perlu dengan melalui *advertisement* dalam akhbar dan sebagainya. Jadi saya harap dengan cara ini mungkin boleh menolong orang-orang yang ingin berniaga supaya mereka tidak dibebankan dengan *fees* ataupun penalti yang terlalu tinggi.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya dalam hal kita ingin memberi keselesaan kehidupan rakyat, saya tahu kita ada banyak agensi yang ditubuhkan di bawah kementerian ini untuk membuat kajian, kalau kita tengok dalam buku bajet persekutuan ini, banyak peruntukan diberikan untuk seminar. Banyak peruntukan diberikan untuk ceramah itu ataupun sesi-sesi seminar dalam pelbagai tajuk dan perkara sama ada *entrepreneur*kah, dari segi hendak buat *intellectual property*, hendak jaga *intellectual property*, dari segi kesedaran, *consumers* dan sebagainya. Tetapi kita tidak dapat sebarkan maklumat ini lebih luas hanya mereka yang menghadiri seminar ini ataupun kursus yang dapat memahami ataupun menganuti perkara-perkara yang diberitahu. Bolehkah kita fikirkan cara-cara yang lebih meluas. Misalnya kalau akhbar sudah tentunya tidak akan menyiarkan perkara-perkara yang seperti ini. Mungkin

kementerian juga harus memikirkan *consumers newspaper* kalau boleh saya cadangkan. Satu perkara yang khusus untuk perkara-perkara konsumerisme itu, kita tidak boleh mengharapkan sahaja kepada majlis *consumer* negeri ataupun badan-badan seperti ini, saya harap kementerian ambil inisiatif ini, kesedaran mengenai isu-isu harga barang, kualiti barang dan semacam itu perlu diperluaskan supaya dapat menjadi satu *culture*, supaya orang ramai atau *consumer* faham, hak mereka dan cara-cara mengatasi perkara ini. Itulah sedikit sebanyak cadangan saya Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kota Melaka.

2.55 ptg.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih, saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi kerana diberi peluang untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 030200 dan juga 030300, iaitu masing-masing di bawah tajuk Hal Ehwal Pengguna dan juga Tribunal Tuntutan Pengguna. Tuan Pengerusi, saya ingin rujuk kepada hal ehwal pengguna, sebenarnya saya rasa adalah wajar bagi negara kita sebagai sebuah negara yang membangun kita mempertahankan harta intelek iaitu *intellectual property*, tetapi pada masa yang sama saya percaya juga bahawa mestilah kita wujudkan satu keseimbangan yang mana kita haruslah menjaga juga, iaitu kepentingan bagi peniaga-peniaga dalam negara kita kerana saya difahamkan bahawa di bawah Akta Hak Cipta tahun 1987 iaitu *Copyright Act 1987*, dengan izin yang mana wujudnya satu peruntukan iaitu Seksyen 3 yang memberikan terjemahan bagi perkataan, "*Broadcast*" yang begitu meluas sekali.

Sebenarnya dia merangkumi semua aspek dari perniagaan yang melibatkan Makro kah, Tesco kah, sehinggakan penggunting rambut di bawah pokok pun kerana *broadcast* terjemahan yang telah pun diberikan oleh Seksyen 3 ini dia begitu meluas sehinggakan apabila kita buka radiokah, buka televisyenkah, ataupun kita mainkan lagu-lagu P. Ramlee, Theresa Teng semua, dia dirangkumi dan mereka haruslah membayar mengikut Seksyen 3 ini terjemahan, peniaga-peniaga kecilkah, mereka terpaksa membayar kepada *licensing body* iaitu PPM atau Photographic Performance (M) Sdn Bhd dan juga MACP iaitu Music Author's Copyright Protection Bhd, dan saya difahamkan mereka telah pun menuntut bayaran daripada peniaga-peniaga, dan saya percaya bahawa mestilah wujudnya satu keseimbangan yang mana apabila kita mempertahankan harta intelek dalam negara kita, tetapi pada masa yang sama, kita haruslah memberikan satu suasana yang lebih selesa kepada peniaga-peniaga kecil dan saya ingin cadangkan kepada pihak kementerian bahawa jika seseorang peniaga kecil yang dapat memenuhi tiga syarat sekurang-kurangnya, maka kita boleh berikan pengecualian kepada peniaga itu untuk membuat bayaran lesen kepada *licensing body* dengan izin.

Syarat-syarat yang saya cadangkan iaitu yang pertama, jika peniaga itu dia tidak mengenakan apa-apa bayaran untuk pintu masuk apabila dia menayangkakan wayangkah ataupun dia membuka radio dan televisyen, jika dia tidak mengenakan bayaran untuk pintu masuk dan pada masa yang sama, jika harga barang ataupun harga perkhidmatan yang diberikan oleh peniaga itu adalah sama dengan peniaga-peniaga lain yang tidak menggunakan kemudahan itu.

Yang ketiga, jika barang-barang ataupun perkhidmatan yang ditawarkan oleh peniaga yang pertama itu dia tidak ada kena-mengena dengan lagu-lagu yang dia siarkan. Saya rasa ini adalah penting Tuan Pengerusi, kerana dia dapat memberikan satu suasana yang lebih ceria kepada sektor perniagaan dalam negara kita. Disebabkan oleh *licensing body*, yang saya nyatakan tadi ramai peniaga mereka tidak mahu memainkan lagu-lagu ketika hari-hari perayaan. Dan ini menjadikan jalan-jalan besar *high street* di negara kita, dengan izin, sentiasa senyap sahaja jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, iaitu 030300 - Tribunal Tuntutan Pengguna. Saya difahamkan mengikut statistik yang diberikan oleh kementerian, wujudnya lebih kurang 5,076 kes di mana telah pun dikendalikan oleh Tribunal. Dan, seperti mana yang telah pun dilaporkan oleh SUHAKAM, Tuan Pengerusi iaitu salah satu hak asasi manusia ialah kita haruslah mendapatkan satu kemudahan dalam sistem kehakiman dalam negara kita iaitu *expeditious trust*, dengan izin iaitu kita dapat menyelesaikan sesuatu pertikaian itu, masalah undang-undang itu dengan secepat mungkin.

Ini kerana penyelesaian pertikaian dengan cepat ialah salah satu daripada petunjuk keadilan sosial dalam sesebuah negara. Saya cuma ingin tanya pihak kementerian, di bawah Seksyen 114 yang menyatakan bahawa sesuatu pengerusi ataupun ahli yang mempengerusikan tribunal itu haruslah memberikan alasan keputusan. Tetapi baru-baru ini saya dapat berita daripada warga setempat yang menyatakan ada sesetengah kes yang mana tribunal tidak memberikan alasan keputusan. Keputusan bertulis dia beri tetapi alasan keputusan dia tidak beri. Jadi, saya cuma ingin tahu daripada pihak kementerian iaitu di bawah Seksyen 114 setakat manakah daripada 5,706 kes ini yang telah pun dikendalikan oleh tribunal dalam tahun 2004 itu, setakat manakah tribunal telah pun memberikan alasan keputusan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri: *[Bangun]*

Tuan Markiman bin Kobiran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Jasin, ya.

3.03 petang

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya juga ingin berbahas tentang Butiran 010000 – Pengurusan dan Perancangan dan 020000 - Perdagangan Dalam Negeri.

Saya kira sudah sampai masanya dan ketikanya bagi kita, Kerajaan Malaysia, pada hari ini kita ada dua kementerian berasingan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Saya kira sudah sampai masa dan ketikanya oleh kerana Kementerian Perdagangan Dalam Negeri ini mempunyai pejabat di cawangan-cawangan di peringkat negeri dan juga di daerah-daerah, adanya di peringkat daerah maka saya kira kerajaan terpaksa membuat satu benda yang drastik iaitu ada perkara yang dekat Kementerian Perdagangan Luar Negara ini diberi kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Contohnya soal AP.

Saya kira tentang mencari pelabur luar, Kementerian *International Trade* tetapi masalah dalaman dalam negara, kegunaan negara kita kena bagi kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Baru-baru ini kita telah timbulkan masalah AP yang disebut di seluruh negara. Apabila kita kemukakan maka Kementerian Perdagangan Luar Negara mengatakan bahawa dia berpandukan pada penyata dan juga pendaftaran perniagaan yang dikemukakan oleh pemilik-pemilik AP. Maka, saya kira oleh kerana Kementerian Perdagangan Dalam Negeri ini mendaftarkan perniagaan dia lebih tahu tentang status kompeni-kompeni yang menjalankan perniagaan dalam negara. Oleh demikian, mengapa tidak tugas dan tanggungjawab benda-benda dalam negeri ini diberi pada kementerian ini.

Dan, nombor dua Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pengagihan saham-saham IPO. Saya kira oleh kerana dia jaga pendaftaran, dia lebih tahu tentang syarikat-syarikat. Mengapa tidak kerja pengagihan saham-saham, yang pada hari ini dijalankan oleh dua kementerian, Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Luar Negara, diberi kepada kementerian ini kerana dia lebih tahu. Apatah lagi tentang saham-saham yang diberi kuota kepada bumiputera. Ini kerana kita lihat pada hari ini banyak syarikat yang pada peringkat awalnya memohon saham-saham daripada kerajaan ataupun daripada kementerian-kementerian ini atas dasar kuota bumiputera tetapi akhirnya dijual tanpa pengetahuan kementerian yang memberi.

Tetapi kalau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, dia menjaga pendaftaran, dia tahu sama ada syarikat ini adalah milik bumiputera atau tidak, kan lebih baik supaya tugas dan tanggungjawab ini diberi kepada kementerian ini supaya dia dapat menjaga ekuiti-ekuiti, saham-saham syarikat ini supaya yang mana hak bumiputera ini tidak terlepas kepada yang bukan bumiputera. Itulah sebabnya kita lihat pada hari ini, pernah suatu ketika hak milik bumiputera, ekuiti bumiputera di dalam negara ini sudah sampai 21%, 22% tetapi hari ini sudah tinggal 18%. Ini kerana tidak ada kawalan yang baik untuk menentukan ekuiti bumiputera ini terus berada di tangan bumiputera.

Dan, saya kira oleh kerana pendaftaran syarikat di dalam negara ini dipegang oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, maka kerja-kerja tentang IPO syarikat-syarikat swasta ini yang hendak pergi *public*, kita gunakan *mechanism* ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Kita kena gunakan *mechanism* Kementerian Dalam Negeri supaya mereka lebih tahu tentang status syarikat-syarikat di bawah jagaan mereka. Hari ini dia setakat pendaftaran.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, sila Yang Berhormat bagi Kinabatangan sahabat saya, Tuan Pengerusi.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Pengerusi. Saya terpanggil dalam isu-isu pengambilalihan saham bumiputera oleh Kementerian Luar Negara. Seperti contoh baru-baru ini telah didedahkan di mana terdapat saham bumiputera dalam bidang hospital perubatan swasta, seperti Hospital Pantai dan sebagainya. Tanpa diketahui oleh mana-mana pihak pengambilalihan saham ini telah bertukar tangan dan ini telah menjejaskan usaha ke arah memberi bumiputera itu tempat dalam perubatan.

Jadi, apakah Yang Berhormat mencadangkan kepada kementerian bahawa syarikat-syarikat yang didaftar di bawah sendirian berhad dan mempunyai operasi yang besar dalam saham-saham melibatkan bumiputera hendaklah didaftar. Dan, dalam pendaftaran tersebut syarat, pengambilalihan ataupun penjualan sebarang saham hendaklah dirujuk kepada kementerian untuk mendapat kelulusan, barulah diberi kebenaran untuk *transfer* ataupun pertukaran ahli saham-saham tersebut. Kalau tidak satu ketika bahawa seluruh negara kita ini, ekuiti saham bumiputera itu akan dikuasai oleh orang lain, dari luar-luar negara. Minta pandangan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Kita semua tahu dahulu kerja-kerja yang membabitkan di hospital-hospital ini dilakukan oleh kontraktor-kontraktor kecil. Tukang dobi, tukang sapu, tukang *supply* makanan, apa semua oleh peniaga-peniaga kecil dan kebanyakannya peniaga bumiputera. Tetapi oleh kerana sistem penswastaan *hospitality* ini diberi oleh Pantai, banyak syarikat-syarikat kecil, kontraktor-kontraktor kecil bumiputera ini hilang pekerjaan diambil oleh Pantai.

Tetapi malang bagi kita pada hari ini, apabila Pantai mengambil alih kerja-kerja ini, kita tengok Pantai milik bumiputera, maka sejujukkan sedikit hati. Tetapi apabila Pantai diambil alih oleh *Park Way* ataupun syarikat yang milik Singapura pada hari ini, maka benda hari ini sudah timbul, meletup. Dan, lebih menyedihkan lagi untuk makluman Yang Berhormat bagi Kinabatangan, kita pun tahu bahawa pemeriksaan kesihatan untuk pekerja-pekerja asing FOMEMA.

FOMEMA ini salah satu cabang perniagaan dari Pantai Hospital. Hari ini telah diambil oleh *Park Way* milik Singapura, sehinggakan peperiksaan pekerja-pekerja asing di dalam negara ini pun, orang Singapura yang memeriksa, orang yang hendak bekerja dalam negara kita.

Oleh yang demikian, kita berharap kerajaan serius tentang ini kerana yang mengetahui berkenaan dengan pendaftaran syarikat, ekuiti syarikat adalah kementerian ini. Kita hendakkan

supaya mereka lebih tahu dan mereka lebih dan jaga apabila kepentingan bumiputera ini haruslah kita sama-sama mempertahankan dan jaga.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya lagi, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Ini kebimbangan kita, di mana FOMEMA ini pula diselewengkan oleh agensi-agensi swasta ini, di mana tidak ada pemeriksaan tetapi pembayaran terus dijalankan. Jadi, apakah makna pengambilalihan saham-saham ini, bermakna kita diperbodohkan oleh syarikat asing ini. Minta Yang Berhormat komen.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya. Memanglah kalau kita hendak cerita bab ini nanti lari daripada tajuk.

Tuan Pengerusi: Sila, akhirkkan....

Datuk Haji Mohd.Said bin Yusof: Tidak boleh? Kerana FOMEMA ini....

Tuan Pengerusi: Tidak, akhirkkan ucapan.

Datuk Haji Mohd.Said bin Yusof: Ya?

Tuan Pengerusi: Sila akhirkkan ucapan.

Datuk Haji Mohd.Said bin Yusof: Akhirkkan ucapan. Tuan Pengerusi, oleh kerana tidak cukup masa, saya jadikan ucapan sahabat saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan sebahagian daripada ucapan saya. Dengan harapan ini Tuan Pengerusi, kita berharap supaya kerajaan ubah sedikit cara, kita hendak jaga kepentingan bumiputera yang sedang terhakis ini dan kementerian yang tahu berkenaan dengan ini, ialah Pendaftaran Perniagaan. Ekuiti-ekuiti syarikat yang diketahui oleh kementerian ini. Mengapa tidak tugas dan tanggungjawab ini diberikan kepada kementerian ini supaya akan datang masalah-masalah ini tidak timbul, sekian sahaja terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Cheras.

3.10 ptg

Tuan Tan Kok Wai: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya memulakan tajuk saya sendiri, saya ingin menimbulkan satu perkara yang dirujuk oleh Yang Berhormat bagi Kota Baharu tadi.

Datuk Bung Moktar bin Raden: Tajuk sendiri mana boleh?

Tuan Tan Kok Wai: Ini ucapan sayalah. Perkara yang dirujuk oleh Yang Berhormat bagi Kota Baharu yang bercadang supaya kementerian mengadakan satu surat khabar pengguna. Saya memang mengalu-alukan. Tetapi saya ingin menasihatkan kementerian untuk mengambil ajaran daripada kesilapan yang dilakukan pada masa dahulu di mana satu majalah pengguna yang dianjurkan oleh kementerian sendiri, tetapi diswastakan oleh pihak yang lain di luar kementerian dan pencetak itu menerima iklan-iklan daripada sesiapa yang ingin mengiklankan dalam majalah dan pada satu ketika ada sebuah syarikat yang tidak berlesen,

syarikat dipanggil Jualan Langsung tidak berlesen, mengiklankan dalam majalah pengguna yang diterbitkan oleh kementerian sendiri dan beribu-ribu jika bukan beratus-beratus pelabur yang percaya kepada kementerian, melabur wang ke dalam syarikat itu dan ditipu begitu banyak juta ringgit. Saya harap perkara ini tidak akan berulang. Ini adalah satu kesilapan yang sangat besar.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Perkara di bawah Butiran Perancangan dan Penguat Kuasa. Izinkan saya merujuk salah satu strategi kementerian iaitu meningkatkan aktiviti penguatkuasaan bagi mengelak dan membendung aktiviti perniagaan yang tidak beretika. Dalam ini saya merujuk *online shopping*, iaitu jual beli barang menerusi *internet*.

Tuan Pengerusi, kementerian ini banyak menumpukan penguatkuasaan ke atas aktiviti yang dilangsungkan secara realiti. Banyak tanggapan dibuat selama ini ke atas peniaga-peniaga yang melanggar undang-undang kerana wujudnya penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan.

Malangnya kementerian telah mengabaikan aktiviti *online shopping* yang kian berkembang di negara yang mana tidak ada peruntukan undang-undang bagi mengawal selia kegiatan perniagaan berbentuk *internet*, terutamanya Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang tidak memberikan perlindungan pengguna dalam aspek *online shopping* ini. Sungguhpun di Malaysia kegiatan perniagaan melalui *internet* masih baru, tetapi ia maka mula berkembang.

Tuan Pengerusi, para pengusaha mula berminat mengusahakan perniagaan menerusi *internet* kerana ia menjimatkan dari segi tidak perlu menyediakan *premis* yang besar, bilik pameran, tidak perlu memakai tenaga kerja dan mereka mengambil kesempatan dari perubahan sikap dan gaya hidup rakyat Malaysia termasuk bentuk atau gaya membeli belah.

Mereka menjadikan perniagaan melalui *internet* yang mana mereka boleh menjimatkan masa dan tidak perlu bersusah payah berkunjung ke kedai-kedai untuk mencari dan memilih barang-barang yang dikehendaki. Mereka boleh melayari *internet* bagi mencari barang-barang tersebut.

Tuan Pengerusi, masalah timbul apabila barang-barang dibeli itu tidak menepati spesifikasi yang mereka pesan ataupun rosak dan sebagainya tetapi para pembeli tidak boleh mendapatkan ganti rugi sama ada barang baru ataupun pengembalian wang, malah mereka tidak boleh menuntut di Tribunal Tuntutan Pengguna kerana Akta Perlindungan Pengguna memperuntukkan pengecualian bagi *e-commerce* atau *electronic transaction* yang tidak boleh dituntut di bawah tribunal. Melindungi kepentingan pengguna adalah isu semasa kerana kita berada dalam era menuntut keadilan. Malangnya kementerian dipandang sebagai tidak mampu dari segi perundangan untuk menangani isu baru ini untuk mempertingkatkan penguatkuasaan dan membendung aktiviti perniagaan yang tidak beretika.

Akta Perlindungan Pengguna 1999, yang dikuatkuasakan sejak enam tahun lalu, amat penting kerana ia satu undang-undang yang melindungi 26 juta pengguna di Malaysia termasuk

kita semua di sini. Akan tetapi ia tidak didapati sudah tidak menepati masa dan suasana sekarang yang mana banyak perubahan berlaku setiap masa dan para peniaga yang mempunyai niat menipu lebih pantas menjalankan kegiatan menipu orang ramai dan sudah dianggap terkebelakangan dari suasana perniagaan masa kini. Kerajaan nampaknya sudah terlewat memindanya untuk pertepatan masa.

Tuan Pengerusi, urusan niaga *internet* atau *online shopping* ini memang belum popular di Malaysia tidak seperti di negara maju. Tetapi perlu diingatkan bahawa kemudahan *internet* ini semakin diterima rakyat sebagai salah satu cara untuk membeli barang yang biasanya mereka mengamalkan.

Saya difahamkan orang ramai telah membuat aduan kepada kementerian berhubung salah laku perniagaan menerusi *online shopping* ini termasuk jualan langsung multi *level*, tidak berlesen tetapi kementerian tidak boleh berbuat apa-apa kerana tidak ada peruntukan undang-undang. Sudah banyak diperkatakan *Corridor* Raya Multimedia Teknologi Maklumat yang pesat tetapi undang-undang untuk melindungi para pengguna dari kegiatan *online shopping* yang tidak beretika masih belum ada.

Justeru itu, pindaan kepada Akta Perlindungan Pengguna bagi meliputi kegiatan *e-commerce* haruslah dipercepatkan. Sehubungan itu Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, selama ini apakah bilangan kes aduan yang pernah diterima oleh kementerian berhubung penipuan *online shopping* ini dan juga apakah usaha inisiatif dan tindakan yang telah pun diambil oleh kementerian, untuk membantu mangsa-mangsa penipuan itu dan adakah perbincangan awal untuk merangkumi peruntukan bagi mengawal *e-commerce* ini telah pun diadakan pada peringkat kementerian dan saya mohon jawab, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

3.18 petang

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kerana membenarkan saya untuk turut serta dalam perbincangan berkenaan dengan maksud Bekalan 25 ini. Saya ingin menyentuh Perkara Butiran 030100 berkenaan dengan penguatkuasaan.

Tuan Pengerusi, pada tahun 2000, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, telah pun mengemukakan dan mendapat kelulusan daripada Dewan yang mulia ini, Akta Cakera Optik 2000 yang bertujuan untuk mengawal selia pengilangan cakera optik bagi tujuan membanteras cetak rompak di peringkat akar umbi.

Namun, sehingga kini situasi cetak rompak masih tidak dapat dibendung. Malah lebih parah lagi apabila ia melibatkan penjualan VCD, DVD haram dan lucah semakin tidak terkawal. Apa yang dikesalkan sehingga setakat ini, terdapat penjualan secara berleluasa seolah-olah menjual sayur di pasar malam. Pembeli bukan sahaja terdiri daripada orang-orang dewasa,

malah daripada remaja dan kanak-kanak sekolah yang masih tidak mengerti apakah yang dimaksudkan dengan bahan lucah tersebut.

Tuan Pengerusi, masalah penjualan bahan VCD dan DVD lucah ini boleh dibahagikan kepada dua puncanya. Yang pertama ialah diakibatkan oleh pengilang, pengeluar, atau pencetak, yang ingin mendapatkan keuntungan segera dengan cara yang tidak dibenarkan oleh undang-undang. Yang kedua oleh pengedar itu sendiri yang selalunya mendapat *demand* atau permintaan daripada pengguna yang begitu baik.

Soalan saya, Tuan Pengerusi, telah banyak kali kita memperkatakan tentang penguatkuasaan VCD, DVD haram dan lucah ini. Tetapi nampaknya, apabila perkara ini dibangkitkan, pihak kementerian akan mengambil tindakan secara bersepadu. Tetapi apabila perkara ini didiamkan, pihak kementerian menutup segala urusan atau tindakan penguatkuasaan. Sehingga sekarang ini, pihak kementerian masih gagal, masih kalah, tewas, atau tidak berupaya untuk menguatkuasakan atau dengan kata lain, menghapuskan jualan VCD haram, VCD lucah yang terdapat di merata-rata tempat.

Tuan Pengerusi, jualan yang dilakukan oleh penjual atau pengedar VCD ini dibuat secara terbuka dengan rangkaian-rangkaian komunikasi yang canggih, bukan sahaja menggunakan hubungan telefon bimbit, malah mereka sekarang ini mempunyai *walkie-talkie* dan lain-lain peralatan yang lebih canggih daripada peralatan yang dimiliki oleh pegawai-pegawai penguat kuasa kementerian.

Mereka juga dikawal, dibantu oleh samseng-samseng tertentu serta menggunakan *touts* atau kutu yang sedia berkeliaran di pasar-pasar malam bagi menyampaikan maklumat. Mereka juga mempunyai kod serta signal tertentu bagi memaklumkan peniaga-peniaga tentang penguatkuasaan atau serbuan yang akan dilakukan oleh penguat kuasa kementerian.

Tuan Pengerusi: Sabak Bernam.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Ya, silakan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat, sahabat saya. Ini tentang VCD lucah ini khususnya. Perkara ini sebenarnya, begitu berleluasa. Dan sebenarnya kita tidak boleh menyerahkan kepada pihak berkuasa sahaja untuk mengambil tindakan terhadap perkara ini, jika kita benar-benar serius. Ahli komuniti sendiri, masyarakat sendiri, harus mengambil peranan dan tindakan yang proaktif ataupun yang aktif. Apa pandangan daripada Yang Berhormat bagi Hulu Langat kalau kita mencadangkan supaya mereka yang memberi maklumat tentang pengedaran VCD ini supaya mereka diberi hadiah, hadiah yang benar-benar lumayan. Tetapi di samping itu, seharusnya masyarakat disedarkan bahawa ini adalah tanggungjawab bersama. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Hulu Langat? Terima kasih.

Tuan Markiman bin Kobiran: Ya, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Tetapi, saya berharap ianya bukanlah dijadikan satu jalan keluar kepada

tugas dan tanggungjawab serta obligasi pihak kementerian dalam menguatkuasakan undang-undang. Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya, sekali lagi saya ingin bertanya, sampai bilakah, sampai bilakah kementerian mampu untuk menghapuskan sama sekali masalah penjualan VCD lucah, VCD haram ini? Pihak-pihak kementerian, pegawai-pegawai kementerian, dibantu oleh Polis Diraja Malaysia, dibantu oleh anggota RELA, dibantu oleh kuasa yang ada pada pihak berkuasa tempatan tetapi dengan adanya kekuatan bala tentera ini, kita masih tewas dengan penyangak-penyangak VCD haram dan VCD lucah. Adakah perkara ini tidak memalukan kita?

Tuan Pengerusi, banyak juga cadangan, rancangan atau usaha-usaha untuk menguatkuasakan, membuat serbuan, bocor begitu sahaja. Apabila pegawai-pegawai penguat kuasa menyerbu tempat-tempat yang dimaklumkan oleh penduduk setempat, orang ramai berkenaan dengan penjualan VCD lucah, berkenaan dengan tempat pengilangan VCD lucah, apabila serbuan dibuat, kilang sudah jadi kosong. Penjual sudah tidak ada berjualan di tempat itu. Soalannya, dari manakah perkara ini boleh bocor? Adakah dia boleh bocor melalui operator telefon tau dari pegawai penguat kuasa sendiri atau daripada jabatan-jabatan lain yang terlibat?

Di Hulu Langat, Tuan Pengerusi, penjualan VCD haram dan VCD lucah ini berlaku di pasar malam, di hadapan mata kepala pemimpin-pemimpin masyarakat tempatan. Ia dilakukan di tepi-tepi warung, di hadapan-hadapan pintu masuk kondominium. Ianya juga dilakukan melalui jualan *door to door*, dari pintu ke pintu, malah dia lebih berleluasa lagi dijual dari meja makan ke meja makan di warung-warung. Penjualan ini dilakukan dengan membawa album yang menyelitkan kulit hadapan VCD itu sahaja. Apabila berlaku persetujuan di antara penjual dan pembeli, maka penjual ini akan bergerak ke kereta atau ke tempat yang disembunyikan VCD itu dan datang dengan bekalan yang dipohon.

Tuan Pengerusi, perkara ini cukup membimbangkan saya. Perkara berkenaan VCD haram, VCD lucah ini akan menyebabkan gejala sosial yang lebih berat. Bukan sahaja masalah rogol, sumbang mahram, kegiatan seks rambang, jenayah-jenayah berat yang lain juga akan berlaku secara berleluasa. Turunnya nilai-nilai murni masyarakat juga disebabkan adanya sumber untuk mendapat maklumat daripada VCD-VCD haram, VCD-VCD lucah yang tidak ditapis dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Baik.

Tuan Markiman bin Kobiran: Ya, saya gulung Tuan Pengerusi. Sebelum perkara ini menjadi perkara yang tidak dapat dielakkan, perkara yang menjadi bertambah teruk, saya memohon sekali lagi, kepada pihak kementerian untuk lebih serius dalam memerangi masalah VCD haram, VCD lucah.

Soalannya yang terakhir, Tuan Pengerusi, adakah pegawai penguat kuasa Kementerian yang dibantu oleh agensi-agensi berkuasa yang lain, banyak contoh, takut, bimbang dengan desakan “tonto”, serangan-serangan oleh samseng, berlakunya pembakaran kereta dan serangan terhadap pegawai-pegawai penguat kuasa. Adakah dengan adanya ugutan ini, kita ingin membiarkan sahaja mereka terus berleluasa? Penguatkuasaan mesti terus dilakukan dan matlamatnya ialah penghapusan secara total. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Batu Gajah.

3.18 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 030000 dan 030100 – Penguatkuasaan di bawah Kementerian ini. Tuan Pengerusi, kalau kita pergi ke, tidak kiralah kat mana, kat pasar ke, kat kedai ke, walaupun kat hotel ke, atau dalam Parlimen ini, kita boleh nampak ada jualan air botol.

Saya ingin rujuk khas kepada dua jenis air botol, air minuman dan juga air mineral. Dan saya agak terharu sebab kalau saya tidak silap, pihak menteri juga adanya menyatakan bahawa beliau begitu risau sekali dengan harga yang ditetapkan oleh syarikat-syarikat yang membekalkan air botol ini yang dijual pada harga yang berbeza.

Saya dimaklumkan bahawa *ceiling price* yang telah ditetapkannya untuk air mineral, *mineral water* untuk 500ml, 85 sen dan 1.5 liter punya adalah RM1.20. Manakala air minuman, *drinking water*, 500ml, harga siling ialah 55 sen, dan juga 1.5 liter punya adalah hanya RM1.00. Tapi persoalan kita nampak sekarang, kalau kita pergi KTM baru-baru ini, saya terharu, di dalam koc itu menjual air minuman ini pada harga RM2.20.

Tuan Pengerusi: Satu botol?

Cik Fong Po Kuan: Satu botol. Dan satu itu jual 500ml punya. Satu keluarga, dia ada empat, lima orang anak naik koc dan bagaimana KTM boleh jual pada harga RM2.20? Saya dimaklumkan kat *airport*, RM3.90. Dan kalau kita melawat kantin Parlimen, RM2.00. *[Disampuk] [Ketawa]* Jadi, saya hendak tahulah, kedai makan RM3.00 untuk air mineral. Jadi, apakah bentuk pengawalan yang sedia ada dan apakah pihak Kementerian ada menasihatkan penguatkuasaan dan juga memberi satu kesedaran kepada orang ramai bahawa *cap* yang berwarna biru itu *mineral water*. Harga yang paling mahal ialah berapa? *The highest price* 85 sen kalau 500ml.

Dan juga *drinking water white cap* berapa ramai orang yang tahu *white cap* ialah *drinking water* harganya yang sepatutnya lebih murah. Jadi saya mohon pihak Kementerian memberi satu penjelasan setakat mana penguatkuasaan dijalankan di dalam aspek ini. Saya tak nak orang ramai terperangkap dengan harga yang begitu tinggi sekali.

Saya juga ingin merujuk kepada tiket bas, saya sebelum ini pernah bangkitkan, saya tahu banyak syarikat bas macam ada satu *alliance*, kalau nak pergi Ipoh pada masa itu dia tidak ada tiket, dia akan hubungi syarikat bas yang lain. Tiket yang biasa kita beli itu, bila kita naik bas

dia akan tukar tiket yang lain yang harganya RM1 lebih murah daripada yang sebenar kita bayar. Di kaunter dia beri tiket syarikat A, bila kita naik masuk bas, dia tukar tiket ada pegawai datang tukar tiket kepada tiket syarikat bas lain dan harga lebih murah.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Apakah bentuk penguatkuasaan dijalankan? Mengapakah kita selalu biar *consumer* yang rugi dalam aspek ini dan kalau boleh pihak kementerian menghantar pegawai pergi ke Pudu Raya pada hari Jumaat. Hari itu saya terkejut Tuan Pengerusi, saya nak ambil bas balik Ipoh, malam. Dia kata sudah tak ada tiket, kalau mahu RM20, biasanya RM11 lebih sahaja kalau bas biasa. Dia kata RM20, saya kata "Super VIP ke?" Dia kata bukan, bas lebih teruk daripada bas biasa dan harga RM20. Dan juga apabila saya pergi kaunter lain, dia kata RM15, tapi tak ada pilihan.

Jadi saya pohonlah, saya tahu sekarang ini bukan setakat masa perayaan sahaja harga bas tiket terlebih caj, keadaan bas yang teruk, sekarang termasuk juga hari minggu. Jadi saya pohonlah satu jawapan yang bermutu tinggi dan juga bukan sahaja hanya *lips service*, saya pohon satu jawapan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Beluran.

3.32 petang.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara 030100 – Penguat kuasa. Saya ingin menyokong perbahasan yang dibuat oleh Hulu Langat tadi tentang keperluan untuk menentukan penguatkuasaan dalam kementerian ini benar-benar diperkasakan. Kita melihat dalam bajet bahawa penguatkuasaan, kakitangan penguatkuasaan akan ditambah untuk kementerian ini. Ini merupakan satu langkah yang harus diambil dan dipastikan ianya berlaku kerana kementerian ini kalau kita lihat masalah diesel yang berlaku tidak lama dulu adalah disebabkan oleh berpuncunya kegagalan dari segi penguatkuasaan.

Kita lihat masalah diesel yang sepatutnya dikawal disebabkan oleh penjualan secara tidak terkawal, disebabkan oleh subsidi diesel dan disebabkan oleh kekurangan kakitangan penguatkuasaan kementerian maka kementerian telah mengambil tindakan untuk mengadakan sistem kuota di mana sistem itu sendiri telah mengakibatkan satu perkara, satu masalah yang lain yang dihadapi iaitu masalah kekurangan diesel. Dan ini merupakan aspek yang dilihat oleh kementerian untuk menentukan penguatkuasaan diperkasakan untuk kementerian ini. Saya ingin tahu apakah status pengambilan kakitangan baru yang sedang dijalankan oleh kementerian untuk mengisi kekosongan-kekosongan untuk penguatkuasaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Beluran, apakah Yang Berhormat menyedari bahawa memang agensi penguatkuasaan kita terlalu kurang, contohnya di Sandakan, kita hanya ada satu pegawai sahaja, tidak termasuk penguatkuasaan. Jadi menyukarkan untuk pemantauan, penyelewengan yang dilakukan oleh para peniaga. Jadi apakah Yang Berhormat juga ingin mencadangkan memandangkan negara kita ini menuju negara maju, 2020, tinggal 15 tahun.

Kalau penguatkuasaan pun kita kurang, bagaimana kita boleh menjadi negara maju seperti yang diidam-idamkan, tidakkah ini merupakan satu faktor kelemahan bagi agensi-agensi kerajaan kita, alasannya tidak ada cukup kewangan, tidak cukup peruntukan. Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya kita tidak mahu mendengar lagi di masa akan datang, kita tidak ada pegawai penguat kuasa? Terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee: Saya setuju cadangan dan saranan yang dibuat oleh Kinabatangan. Terutama sekali kementerian ini untuk mengawal penjualan diesel, *subsidize* diesel kepada orang yang tidak sepatutnya menerima, mendapatkan diesel ini. Kementerian telah mengenakan sistem kuota dan sistem kuota telah mengakibatkan kekurangan diesel hingga menjadi satu krisis yang besar. Saya setuju agar kementerian terutama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini melihat kekuatan penguatkuasaan yang ada pada kementerian dan menentukan bahawa setiap *post*, setiap kekosongan yang sepatutnya diisi untuk penguatkuasaan, diisi secara cepat oleh kementerian untuk menentukan pengguna keseluruhannya mendapat manfaat daripada gerakan tersebut.

Perkara lain yang saya ingin bahaskan adalah tentang perdagangan dalam negeri. Kerajaan dalam bajet telah memaklumkan tentang subsidi diesel yang diberikan kepada nelayan. Ramai yang akan mendapat manfaat daripada subsidi ini Tuan Pengerusi, tetapi persoalan di bawa sekarang, kementerian masih belum meletakkan satu garis jelas untuk kumpulan masyarakat yang sepatutnya menerima subsidi ini dapat menerima subsidi yang diberikan oleh kerajaan. Tidak ada garis panduan yang jelas bagaimana mekanisme penyaluran *subsidize* diesel ini kepada kumpulan nelayan. Sehingga hari ni kita tidak dapat kepastian daripada kementerian, hari ini kita mendapat penjelasan di akhbar bahawa stesen Petronas akan digunakan sebagai stesen untuk menyalurkan *subsidize* diesel ini.

Persoalannya, tidak semua tempat ada stesen Petronas, tidak semua kawasan ada stesen Petronas sedangkan banyak kawasan ini mempunyai nelayan-nelayan yang seharusnya mendapat *subsidize* diesel ini. Perkara ini harus diperjelaskan secara terperinci, adakah ia akan melibatkan persatuan nelayan, adakah ia akan disalurkan melalui LKIM umpamanya ataupun agensi negeri seperti agensi Konelayan yang ada di Sabah. Ini harus mendapat penjelasan yang secara terperinci, secara jelas daripada kementerian untuk menentukan *subsidize* diesel ini akan pergi kepada kumpulan sasaran yang *ditargetkan*, disasarkan. Saya inginkan penjelasan yang terperinci daripada kementerian mengenai perkara ini.

Saya cuba ingin membawa kementerian untuk melihat keperluan untuk mensubsidikan (*subsidize*) petrol pula kepada nelayan, dalam konteks yang sama. Kalau kita lihat diesel ini, kebanyakan daripada pengguna nelayan untuk diesel ini adalah mereka yang memiliki bot-bot nelayan yang besar. Dan nelayan pesisir pantai hanyalah menggunakan diesel pada bot nelayan yang kurang daripada 70GRD, satu motobot yang kecil tetapi sebahagian besar dari subsidi akan pergi kepada nelayan-nelayan yang mempunyai bot-bot nelayan yang lebih besar. Tetapi kita lupa tentang nelayan pesisir pantai yang menggunakan *old* bot enjin yang menggunakan bahan api petrol dan bukan diesel. Kerana itu saya ingin membawa kementerian untuk melihat juga perkara ini tentang penyaluran *subsidize* petrol ini kepada nelayan-nelayan pesisir pantai yang juga memerlukan bantuan daripada kerajaan untuk bahan api mereka.

Jadi saya inginkan penjelasan tentang perkara ini dan langkah yang benar-benar jelas untuk menentukan satu mekanisme penyaluran yang lebih rapi untuk menentukan *subsidize* diesel dan petrol ini akan jatuh, akan dimanfaatkan oleh kumpulan sasaran yang dikehendaki oleh kerajaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat pihak kerajaan boleh menjawab pada pukul 4. Yang Berhormat Ledang sila.

3.39 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus menuju kepada Butiran 010000 – Pengurusan dan Perancangan dan 030000 – Konsumerisma sekali gus. Tuan Pengerusi, tadi Hulu Langat menyebut tentang cetak rompak, tentang pengedaran VCD lucah dan sebagainya. Tetapi saya lebih cenderung kepada satu isu iaitu cetak rompak dan saya lebih cenderung kepada cadangan untuk mungkin menyelesaikan sebahagian daripada kemelut tersebut.

Dari segi hakikatnya Tuan Pengerusi, kita telah pun sedia ada akta-akta yang tertentu, kita juga telah sedia ada pegawai-pegawai penguat kuasa dan banyak juga dari segi kekerapan penguatkuasaan dijalankan daripada satu masa ke satu masa. Sekadarkan Tuan Pengerusi, mungkin penguatkuasaan dijalankan berasaskan ataupun berdasarkan kepada keperluan apabila berlaku sesuatu krisis. Krisis dalam bentuk penjualan CD cetak rompak yang berleluasa dan sebagainya.

Tetapi Tuan Pengerusi, pada pandangan saya, kita tidak boleh bebaskan keseluruhan masalah tersebut kepada kerajaan semata-mata ataupun masalah tersebut kepada penguatkuasaan semata-mata. Pada pandangan saya, penguatkuasaan bukanlah sesuatu jalan yang muktamad. Penguatkuasaan hanya boleh dibuat sebagai penyokong ataupun pelengkap kepada sesuatu akta ataupun undang-undang yang telah pun diwartakan. Kepada saya Tuan Pengerusi, kita harus menggalakkan supaya suatu kaedah yang tertentu untuk memudahkan orang ramai tidak membeli VCD atau CD cetak rompak. Misalnya sebagai contoh, Tuan

Pengerusi, setelah saya baca beberapa artikel. Mungkin perkara ini sudah jemu orang dengarlah kan?

CD Mawi, Mawi ini tempat Tuan Pengerusi. CD Mawi komplikasi telah pun terjual hampir 200 ribu unit dan laporan yang dijual daripada artikel tersebut 60% pembeli adalah membeli yang *original*. Yang *ori* kata orang remaja sekarang. Makna ada *balance* lagi 40% , tadi 60% , ada *balance* lagi 40% yang membeli secara cetak rompak, daripada kajian secara rambang. Tuan Pengerusi, ia bergantung kepada publisiti, bergantung kepada sejauh mana personaliti tertentu menarik minat dan menambat hati masyarakat untuk membeli CD yang *original*. dan

Dari satu sudut apabila permintaan itu bertambah tetapi CD yang *original* tidak ada di pasaran kerana kementerian misalnyalah, yang saya terima aduan ini, kementerian lewat sedikit ataupun lewat banyak mengeluarkan *hologram*, permit mengeluarkan CD, di mana permit tersebut kalau kita dikeluarkan kementerian akan caj 20 sen setiap CD.

Saya menerima laporan ataupun aduan, biasanya untuk mengeluarkan permit tersebut ataupun *hologram* tersebut mengambil masa selama dua minggu. Dalam masa dua minggu, bekalan sudah pun habis sedangkan *demand* ataupun permintaan daripada pasaran amat tinggi. Oleh yang demikian, pembeli-pembeli yang memang satu ketika dahulu dilanda oleh 'TsuMawi' dan sebagainya terpaksa membeli CD yang tidak *ori*. Perkara ini berlaku di seluruh Malaysia, Tuan Pengerusi, apabila sesuatu permintaan yang besar berlaku.

Di Muar, saya tidak malu mengatakan di Muar juga berlaku. Saya sendiri, Tuan Pengerusi, pergi ke kedai-kedai tersebut secara rambang menyamar sebagai orang biasa, menyamar sebagai orang biasa. Saya dapati cukup mudah untuk mendapatkan CD cetak rompak. Mereka mengatakan di kedai situ ada, di kedai sini ada dan saya pergi memang ada. Ketaranya seperti yang disebut seperti oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat tadi. Maksud saya tadi, Tuan Pengerusi, CD tersebut kebanyakannya dibeli oleh mereka yang tidak ada pilihan. Apabila saya semak CD *original* tidak ada. Ramai yang nak beli tetapi kehabisan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik cukuplah, Yang Berhormat

Ir. Haji Hamim bin Samuri : Apabila saya semak semula, rupa-rupanya lambat dikeluarkan oleh pengeluar iaitu *Mystro* kerana kelewatan mendapatkan permit tadi

Kedua, Tuan Pengerusi, pada saya kalaulah selama ini kementerian telah pun memerah segala tenaga, fikiran dan sebagainya untuk mencari satu pendekatan iaitu mengenakan ataupun mengimposes, dengan izin, ciri-ciri keselamatan kepada sesuatu CD, kepada saya perkara ini bukanlah sepatutnya terletak kepada jabatan atau kementerian semata-mata.

Kepada saya lebih baik kita galakkan pengeluar-pengeluar CD tersebut mencari jalan untuk mengadakan ataupun mereka *create*, mungkin mereka lebih proaktif supaya mengadakan ciri-ciri keselamatan masing-masing. Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, kalau perkara ini mereka tidak ambil, sebagai contoh CD Mawi yang terbaru tajuknya, apa - Yang Tercinta. Tajuk CD Mawi Yang Tercinta, mudah di *download* oleh komputer, oleh *internet*.

Sekarang kalau kita buka komputer, kita buka CD Mawi yang terbaru kita boleh *download* dan boleh diedarkan di seluruh dunia, tak perlu edar dalam Malaysia. Maknanya, tidak ada ciri-ciri keselamatan yang tertentu, sesiapa boleh *download* dan kalau ini pun kita nak bebankan kepada kerajaan semata-mata saya rasa tidak adil. Lebih baik kita galakkan kepada syarikat-syarikat berkenaan supaya mengadakan ciri-ciri keselamatan masing-masing. Kerajaan mungkin boleh mengeluarkan sedikit dana untuk membantu mereka, untuk mencipta ciri-ciri keselamatan mereka masing-masing. Tuan Pengerusi, saya fikir cukup sahaja setakat ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ringkas, ya. Yang Berhormat baru masuk, sekejap dulu. Saya kasi Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [*Menyampuk*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini bantahan daripada - saya terpaksa terima bantahan daripada...

[*Dewan gamat seketika*]

3.35 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Daripada saya. [*Ketawa*] Tuan Pengerusi, buat beberapa bulan, di Sarawak kita menghadapi masalah kekurangan simen. Sejak bulan Julai sehingga awal bulan ini, ramai kontraktor dan pemaju, itu *construction* dan sektor pembinaan mereka menghadapi kekurangan simen. Tiap-tiap pagi kontraktor-kontraktor akan pergi ke satu kedai *hardware* demi satu kedai *hardware* untuk cari simen kerana tidak dapat di kedai. Walaupun mereka dapat beli simen, mereka hanya dapat sedikit sahaja. Ia telah menimbulkan banyak masalah. Projek mereka tergendala atau *delay* dan kontraktor-kontraktor itu tidak dapat menamatkan kerja mereka dalam jangka masa yang telah ditetapkan dalam kontrak mereka dan pekerja-pekerja buruh kasar mereka kerana kebanyakan keramaian itu adalah *daily pay*.

Oleh itu, tak ada simen tak payah kerja dan kehidupan pekerja-pekerjanya juga terjejas. Masalah ini timbul kerana di Sarawak hanya ada satu sahaja, satu syarikat pembekal simen dan ianya adalah CMS Simen Sdn. Bhd. Satu syarikat yang dimiliki oleh isteri dan anak Ketua Menteri Sarawak. Alasan-alasan yang diberi oleh CMS Simen Sdn. Bhd. Adalah ia ada satu pertikaian di antara CMS Simen Sdn. Bhd. dengan pembekal bahan mentahnya, iaitu Sarawak 'kingker' dan ada juga kedengaran mesinnya telah rosak. Oleh itu, dia tak dapat mengeluarkan, membekalkan simen dengan kuantiti yang diperlukan dalam Sarawak.

Bagaimana, apa sahaja alasan yang diberi itu tak penting but apa yang penting sekali adalah yang menunjukkan satu masalah yang serius di Sarawak iaitu di Sarawak sebagai satu pembekal simen tunggal di Sarawak. Kalau CMS menghadapi apa-apa masalah sahaja, seluruh sektor pembinaan akan *come to stand still*, akan tak bergerak lagi. Kalau CMS ada apa-apa masalah sahaja, pekerja buruh kasar *construction* itu tak dapat mencari kehidupan, rezeki

mereka. Kontraktor-kontraktor mungkin akan dituduh dalam mahkamah kerana tidak dapat menyiapkan kontrak mereka dalam jangka masa yang telah ditetapkan dan pemaju juga mungkin akan dituduh oleh pembeli-pembeli rumah.

Oleh itu saya ada membangkitkan satu soalan dalam sesi lalu iaitu soalan bertulis dan jawapan yang saya terima daripada kementerian adalah, "Tidak ada apa-apa sekatan untuk membeli simen dari Semenanjung Malaysia untuk diimport ke Sarawak".

Tetapi kebelakangan ini saya telah bertanya dengan *shipping agent* di Sarawak dan saya telah diberitahu bahawa sekiranya ada sesiapa yang hendak mengimport simen daripada Semenanjung Malaysia masuk ke Sarawak dia akan dikenakan satu takrif, 50% daripada harga simen. Saya ada sedikit keliru tidak tahu siapa yang benar, sama ada ia tiada apa-apa sekatan sahaja atau takrif akan dikenakan sekiranya kita hendak memasukkan simen dari Semenanjung Malaysia kerana harga simen di Semenanjung Malaysia adalah banyak sangat, lebih murah daripada di Sarawak. Di Sarawak satu paket simen 50 kilogram itu akan dijual pada harga RM12.50 atau RM13. Di Semenanjung sini, kini ia dijual pada harga RM8 dan beberapa bulan lalu oleh kerana terlalu banyak *supply* ia dijual pada harga RM4, RM3 pun ada.

Tetapi di Sarawak harganya ditetapkan oleh satu monopoli *business*, CMS Simen Sendirian Berhad dan harganya ditetapkan di tahap RM12.50 satu paket. Oleh itu kos pembinaan di Sarawak juga meningkat dan harga rumahnya juga meningkat oleh kerana kos pembinaan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, isu ini cukuplah.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya saya akan gulung, oleh itu saya haraplah Yang Berhormat Menteri boleh menerangkan kekeliruan saya sama ada, ada apa-apa takrif atau *tax* yang akan dikenakan untuk memasuki simen ke negeri Sarawak dan apakah langkah yang akan diambil supaya harga simen di *West* Malaysia dan harga simen di Sarawak akan segera diselaraskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kenapa tiba-tiba ramai?

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Memang ada, Yang Berhormat Sabak Bernam ada, Yang Berhormat Sabak Bernam. Dia memang ada bukan cuti.

3.53 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya akan bercakap mengenai Butiran 030100, 030200 - Konsumerisma. Saya yakin Tuan Pengerusi bahawa setiap kita ini pernah tertipu, ditipu ataupun sekurang-kurangnya merasa kena tipu dari segi pembelian berbagai-bagai jenis barangan.

Baru-baru ini saya telah membeli pen *drive* ataupun *thumb drive* di Shah Alam dan saya merasa benar-benar tertipu apabila saya pergi ke Imbi harganya 30% murah, jadi apa yang saya ingin cadangkan kepada kementerian ini ialah, boleh atau tidak saya mencadangkan supaya diwujudkan satu aduan *online* maknanya ketika kita membeli itu kalau kita rasa ragulah, tidak percaya maka kita boleh telefon dengan menggunakan *hand phone* ataupun seumpamanya kepada kementerian untuk *verify* ataupun mengesahkan mengenai satu-satu harga barang. Kerana kita dapati kalau saya ambil di kawasan saya Sabak Bernam, Kuala Selangor tetapi sebelum itu saya ingin mengucapkan syabas, tahniahlah Tuan Pengerusi kepada kementerian ini walaupun sepatutnya pegawai ada 30 orang dia ada 19 orang, tetapi mereka saya rasa berjalan dengan cukup baiklah melaksanakan tugas penguatkuasaan.

Tetapi kita pun yakin kalau ditambah kepada 30 mereka boleh berkhidmat dengan lebih baik, tetapi dalam konteks harga barangan ini kita merasai bahawa pihak kementerian patut ada satu bentuk kawalan ke tahap manakah syiling ataupun tertinggi satu-satu harga barangan itu boleh diletakkan. Memang dari segi mereka meletakkan tanda harga, saya ingin rujuk kepada dua daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor saya sendiri pun turut melaksanakan tugas sebagai orang awam memerhatikan mengenai tanda harga ini, di mana-mana pun kita lihat bahawa tanda harga ini ada, ini satu perkara yang baik tetapi tahap harga yang sepatutnya diletakkan di situ. Di dalam konteks ini kita rasa bahawa pihak kementerian inilah yang mempunyai *authority* untuk menentukan tahap tanda harga ini. Perkara yang keduanya ialah, mengenai Akta Jualan Langsung.

Kita dapati bahawa ini sangat lumrah, kalau saya ingin sebut hampir semua peralatan ataupun barangan di rumah-rumah ini serba ada dan kemudian pihak berkaitan jualan langsung ini akan pergi ke rumah-rumah sama ada dalam bentuk barangan elektrik, dapur ataupun seumpamanya. Tetapi yang Sabak Bernam ingin sebut ialah barang-barang yang disebut sebagai yang ada nilai kesihatan. Kita dapati sebagai contoh umpamanya jenama minyak ataupun air lenang ini, kita difahamkan bahawa di negara China ia satu perkara yang telah ditolak, *reject* tetapi di tempat kita ini nampaknya ia dibenarkan dijual secara berleluasa. Oleh kerana itu kita merasa bahawa pihak kementerian ini dengan kerjasama Kementerian Kesihatan harus benar-benar memastikan bahawa barangan ini sebenarnya baik untuk kesihatan dan satu lagi kita dapati bahawa minyak lenang ini ada unsur ketagihan.

Maknanya mereka yang menggunakan minyak ini akan menggunakannya kerana dia ada kaitan dengan kesihatan, tidak minum ataupun tidak menggunakan minyak ini, maka tidak kuat kerja ataupun tidak sihat, jadi ini satu perkara yang harus diberikan perhatian kerana pihak ataupun komuniti merasa terpedaya ataupun tertipu dalam perkara ini dan yang akhir sekali kita dapati bahawa kesedaran kepenggunaan ini sangat rendah di kalangan masyarakat. Oleh kerana itu kita menyarankanlah supaya pihak kementerian memperhebatkan lagi kempen

ataupun usaha untuk memberikan penjelasan mengenai hak-hak kepenggunaan, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bagan, saya hanya berikan 3 orang lagi ya.

3.58 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, dalam zaman IT dan zaman elektronik dan selaras dengan slogan kecekapan dan keberkesanan, Jabatan Pendaftaran Perniagaan atau *Registration of Business* patut bergerak pantas dan laju dalam hal ehwal mengendalikan kes-kes yang dirujuk tetapi ia berlaku sebaliknya di negeri Pulau Pinang.

Contohnya, pada masa yang lalu *business search* atau pencarian *business* boleh dapat jawapan dalam satu hari, sekarang ia memerlukan 7 hari. Pada masa yang lalu permohonan mendaftar perniagaan boleh disiapkan dalam 7 hari, sekarang 28 hari. Syarikat perkongsian atau *partnership* jikalau antara seseorang *partner* hendak menarik diri nama syarikat perlu ditutup dan ia perlu didaftar baru sebagai sebuah syarikat *sole proprietor* dan ini selepas menukarkan nama *company* ini ia menyulitkan hal ehwal hutang dan pemiutang dan juga bank-bank akaun dan lain-lain lesen berkenaan.

Pada masa lalu kalau tempoh pendaftaran perniagaan sudah tamat iaitu sudah *expired*, dan kalau hendak memperbaharui semula ia boleh dilakukan dengan bayaran denda RM100 dan yuran pembaharuan RM60 dan boleh menghidupkan semula nama perniagaan yang telah dipakai itu, tetapi sekarang tidak boleh.

Nama perniagaan menjadi lapuk dan perlu mendaftar nama perniagaan baru atau yang lain dan ini juga menyulitkan hal ehwal berkenaan dengan hutang dan pemiutang dan juga akaun-akaun bank dan lain-lain lesen.

Satu perkara lagi ialah gores dan menang. Walaupun *business* ini telah lama wujud di negara kita dan ramai tertipu dan banyak juga ada ditonjolkan dalam surat-surat khabar, tetapi masih ada orang ramai yang tidak merasainya dan kena tipu. Selalunya ejen-ejen *business* ini akan pergi ke satu-satu rumah atau kawasan perumahan dan dikatakan kononnya menyelidik soal berkenaan dengan kesesuaian membuka sebuah *supermarket* di kawasan berkenaan dan apabila dia masuk ke rumah dan ia memujuk suri rumah atau penduduk-penduduk di sana untuk membeli barangan syarikat mereka dan mereka berkata, sekiranya membeli barang-barang mereka, mereka boleh ada peluang untuk menggores dan mendapat hadiah bertuah dan hadiah-hadiah yang ditawarkan adalah lumayan seperti kereta, motosikal atau alat-alat elektronik atau elektrik tetapi selepas membayar melalui kad kredit atau secara tunai, mereka dapat gores tetapi tidak dapat apa-apa hadiah.

Selepas itu mereka rasa tertipu kerana barang yang diberi itu tidak bernilai sebenarnya dan ini ramai penduduk atau ramai orang telah mengadu dengan berkenaan hal ini, tetapi nampaknya kerajaan tidak boleh buat apa-apa kerana kompeni ini ada nombor pendaftaran ada

pendaftaran perniagaan, tetapi saya rasa mesti ada cara yang kementerian boleh membawa mereka yang terlibat dalam penipuan ini ke muka pengadilan. Saya berharap kerajaan atau kementerian Yang Berhormat boleh bertindak terhadap kompeni-kompeni seperti ini supaya orang ramai tidak lagi tertipu. Sekian sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bagi Ipoh Barat, kemudian Menteri jawab.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi saya telah buat keputusan pukul 4 minta pihak kerajaan menjawab. Kepada mereka yang tidak berada, minta maaf, saya terpaksa berpegang kepada keputusan saya. Selepas Ipoh Barat, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen menjawab.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Pengerusi, semasa Rang Undang-Undang Perlindungan Pengguna mula-mula di bawa ke Parlimen ini pada tahun 1999, saya telah membawa cadangan lebih daripada 40 pindaan kepada akta tersebut. Hari ini saya telah terima satu surat dari seorang bernama Encik Ibrahim dari Kuala Lumpur. Surat ini berbunyi..., saya rasa merangkumi semua yang saya ingin bahaskan. Saya baca surat tersebut dan ia akan ada maknanya sendiri.

"Saya kagum dengan lebih 40 pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat kepada Rang Undang-Undang Perlindungan Pengguna yang dibentangkan di dalam Dewan Rakyat pada Julai, 1999 oleh Dato' Seri Megat Junid, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada masa itu. Malangnya tidak satu pun pindaan diterima tetapi Menteri berkenaan telah berjanji untuk menyemak semula kelemahan yang terdapat dalam *bill* itu selepas setahun. Dalam bulan Ogos tahun itu, Timbalan Menteri tersebut telah menyentuh perkara yang sama dan menyatakan Akta Perlindungan Pengguna akan dikaji semula selepas setahun. Sudah lebih lima tahun akta itu diperkenalkan oleh kementerian tetapi hingga sekarang tidak ada sebarang pindaan yang dibuat. Saya harap Yang Berhormat dapat membentangkan beberapa soalan yang berkaitan dengan perkara ini.

Ada empat soalan Tuan Pengerusi:

- i. Adakah akta ini telah disemak semula seperti yang dijanjikan? Jika ya, apakah pindaan yang dicadangkan? Jika tidak disemak, kenapa tidak disemak kelemahan-kelemahannya dan apakah sudah jadi kepada janji bekas Menteri dan kementerian tersebut?
- ii. Beberapa kes akta ini terdapat peniaga-peniaga yang dibawa ke mahkamah. Berapa orang peniaga yang dibawa ke mahkamah dalam lima tahun yang lepas? Apakah seksyen-seksyen yang terlibat? Apakah jumlah kes mahkamah itu berpatutan memandangkan banyak aduan pengguna mengikut FOMCA?

- iii. Beberapa kes di bawah akta ini yang telah dikompaunkan. Kenapa diambil jalan mudah dan tidak dibawa ke mahkamah?
- iv. Beri pecahan kes mahkamah dan kes kompaun bagi 7 Akta Perlindungan Pengguna di bawah kementerian bagi tempoh 2002 hingga 2005. Apakah hasil atau keputusan semua kes yang dibawa ke mahkamah?

Surat ini ditulis kepada saya oleh seorang yang bernama Ibrahim bin Ismail. Saya harap satu jawapan diberi.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh mengenai diesel. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu, apakah *content* dalam diesel? Berapa banyakkah sulfur digunakan lagi? Saya difahamkan sulfur adalah, dengan izin, *the amount of sulfur is higher than in so many comparisons to so many countries* dan ini menyebabkan asap yang mencemar udara dan apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian supaya *sulfur content* dalam diesel ini dikurangkan kepada satu tahap yang diterima yang disyorkan oleh badan-badan yang tertentu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, saya ingin minta hanya satu soalan saja, saya tidak mahu buat ucapan, soalan sahaja. Tolong bagi saya 30 saat, itu sahaja saya minta

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Satu soalan sahaja, baiklah

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada Butiran 02000 – Perdagangan Dalam Negeri, hanya satu soalan sahaja iaitu soalan tentang Falun Dafa Research Center Sdn. Bhd. yang mana itu daripada Kumpulan Falun Gong. Mereka telah diberi saman kerana gagal mematuhi peruntukan dalam Akta Syarikat di mana syarikat itu telah pun membayar kompaun tetapi kenapakah selepas itu sembilan pengarah dalam syarikat yang sama itu, setiap daripada mereka diberi saman yang sama.

Saya hendak tanya kenapa *double penalty* dikenakan atas mereka? Saya juga difahamkan 'Falun Dafa Research Center Sdn. Bhd ini kesalahan yang disabitkan kepada mereka sebenarnya adalah kesalahan yang sama yang sentiasa dilakukan oleh semua syarikat iaitu seperti tidak mengadakan AGM dalam negeri di mana mereka mendaftar dan juga tidak memfailkan '*profit and loss account*' kepada ROC. Jadi saya hanya tanya, kenapakah *double penalty* dikenakan untuk....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, itu sudah ada dua, bukan satulah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...pengarah syarikat itu. Sekian, terima kasih.

4.09 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Terima Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya bagi pihak kementerian saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat

yang telah membangkit isu-isu yang ada berkaitan dengan kementerian ini dalam perbahasan bajet peringkat Jawatankuasa.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, memang kalau mengikut dasar dan juga peranan dan tanggungjawab kementerian ini, kita tumpukan kepada perdagangan dalam negeri dan juga hal ehwal pengguna dan memang menjadi cabaran kepada kementerian ini di mana kita harus berusaha untuk menjadikan perdagangan dalam negeri ini terus maju dan juga termasuk mengenal pasti peluang-peluang baru dalam sektor perdagangan, peredaran dan sebagainya. Pada masa yang sama dalam sudut hal ehwal pengguna, kementerian juga sentiasa mewujudkan dan meningkatkan kesedaran kepenggunaan di kalangan masyarakat dan peniaga melalui pendidikan dan penguatkuasaan undang-undang.

Di samping itu juga, kita di kementerian memang mengawal selia perdagangan barangan kawalan supaya harga berpatutan dan bekalannya sentiasa mencukupi. Di samping itu bagi kepentingan pengguna juga, saya dengar tadi ramai Ahli Yang Berhormat yang tanya tentang hak-hak mengenai para pengguna dan kami di kementerian juga bagi kepentingan pengguna juga, kita di kementerian mewujudkan saluran dan ruang bagi memastikan masyarakat mempunyai perlindungan pengguna iaitu melalui satu saluran lagi selain daripada aduan-aduan yang dapat kita kemukakan kepada kementerian,

Salah satu yang efisien ataupun efektif adalah melalui Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia yang membolehkan pengguna membuat tuntutan ganti rugi secara murah, mudah dan cepat. Tuan Pengerusi, saya lihat dari segi perbahasan Ahli Yang Berhormat.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Minta sedikit penjelasan. Boleh ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya belum mula lagi, saya belum mula lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkin dia sedang hendak jawab soalan Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya belum mula lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak. Saya hendak tanya tadi pasal pengedaran. Pasal pengedaran tadi.

Tuan Hoo Seong Chang: Biar saya jawab dahulu, baru Yang Berhormat tanya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak apa, tidak apa. Okey, okey.

Tuan Hoo Seong Chang: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, negara kita memang menawarkan sistem perniagaan bebas. Kawalan ke atas barang-barang termasuk barang makanan adalah dibuat dari segi bekalan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1991, dan pada masa yang sama terdapat 46 jenis barang kawalan iaitu 21 barang kawalan sepenuh masa dan 25 barang kawalan masa musim-musim perayaan dan secara pentadbiran kita kawal 12 jenis barangan iaitu ada kita tetapkan harga siling.

Jadi dalam aspek ini bukan kita dapat kawal semua harga barangan di negara kita, tetapi kementerian berusaha sedaya-upaya untuk memastikan kita akan sentiasa mengambil tindakan bagi menentukan bekalan barang-barang tersebut mudah diperolehi ataupun cukup dan dalam masa yang sama harganya akan berpatutan.

Saya lihat dari segi perbahasan Ahli Yang Berhormat, mungkin saya rumuskan dalam kandungan iaitu, pertama ada kaitan dengan isu kenaikan harga dan juga tentang tenaga penguatkuasaan ia termasuklah bagaimana efisien dapat kementerian mengawal mengenai selain daripada mengawal harga barangan dan juga termasuk bagaimana kita dapat menangani masalah cetak rompak dan sebagainya. Ini termasuk Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Kota Bharu, Yang Berhormat Hulu Langat, Beluran, dan Yang Berhormat Sabak Bernam.

Yang kedua, saya lihat dari segi Ahli Yang Berhormat Batu Gajah yang sentuh tentang bagaimana kita kawal harga air mineral dan juga air minuman.

Yang ketiga, Yang Berhormat Jasin mengatakan bahawa tanggungjawab dan peranan kementerian ini sama ada peranan kementerian yang lain boleh dibahagikan kepada tanggungjawab kementerian ini. Mungkin dari sudut soalan ini, ini terpulanglah kepada bijaksana dan juga keputusan kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menentukan. Juga tentang Yang Berhormat Bandar Kuching yang mengatakan bahawa.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Pengerusi, bila sebut Jerai kena tanyalah.

Tuan Hoo Seong Chang: Nanti saya akan jawab soalan Jerai dahulu. Nanti. Lepas saya rumuskan lebih kurang apa yang perlu saya jawab. Bandar Kuching menyentuh tentang kekurangan simen. Yang Berhormat Bagan mengatakan tentang masalah SSM dan ahli-ahli yang lain mungkin sentuh tentang akta dan juga kes-kes spesifik. Mungkin saya tidak dapat jawab dengan *detail*, dengan lengkap, maka saya berjanji akan jawab secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, mengenai cara macam mana kita kawal ataupun menangani keadaan sekarang sama ada harga barangan pada hari ini tinggi ataupun bagaimana kerajaan khususnya kementerian ini dapat mengawal dengan baik. Untuk makluman Dewan yang mulia ini saya sebut tentang anggota dahulu. Kementerian ini memang mempunyai 1,429 anggota dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian memang rasa perlu kita tambah lagi bilangan anggota untuk kita selesaikan banyak cabaran yang dihadapi oleh kementerian ini.

Maka dengan sukacitanya, kementerian memang dapat kelulusan daripada pihak kerajaan supaya menambah 745 anggota lagi. Jadi jumlah akan menjadi 2,174 pada awal tahun depan supaya kita dapat mengadakan satu kumpulan ataupun pihak penguatkuasaan yang lebih tepat untuk kita selesaikan masalah-masalah yang mungkin kita hadapi pada masa sekarang.

Selain daripada tindakan undang-undang yang dijalankan oleh pihak kerajaan, saya ingin memberitahu Dewan yang mulai ini sepanjang tahun ini kementerian memang tidak berhenti.

Pada tiap-tiap minggu kita akan pungut 255 jenis barangan di 63 pusat pungutan harga untuk menentukan ataupun mengenal pasti sama ada harga barangan di sesuatu tempat itu meningkat ataupun di luar daripada jangkaan, maka kementerian akan ambil tindakan tentang perkara ini.

Saya ingin memaklumkan di sini ialah seperti yang saya sebutkan tadi kalau kita jalankan melalui undang-undang memang ada Akta Kawalan Harga tahun 1946, Akta Kawalan Bekalan 1961 dan juga di bawah akta-akta ini dapat kita lihat dari segi kawalan tentang memastikan peniaga-peniaga meletakkan tanda harga ataupun *labeling* yang jelas supaya para pengguna dapat menilai sendiri sama ada barang itu berpatutan ataupun tidak.

Selain daripada itu, kementerian sentiasa mengadakan rundingan dan juga perbincangan dengan pihak peniaga dan persatuan-persatuan. Bukan setakat kita menentukan sama ada mereka menghadapi masalah ataupun tidak, buat masa yang sama kita merahsiakan kepada para peniaga, pengilang supaya produk mereka apabila dipasarkan di pasaran memperoleh harga yang berpatutan dan bekalan yang cukup.

Selain daripada itu, dengan adanya inisiatif daripada masyarakat sendiri, sukacita dimaklumkan bahawa kita memang mengadakan ahli ataupun sukarelawan pemantauan harga. Di seluruh negara kita ada 14,000 anggota ini dan kebanyakan mereka daripada pihak NGO, dan kita harap melalui pasukan besar ini ataupun sukarelawan pemantauan harga ini dapat membantu pihak kerajaan supaya kementerian dapat bekerjasama dengan mereka untuk menentukan barang-barang yang dijual di pasaran ini bukan setakat cukup tetapi harga berpatutan.

Melalui skim-skim ini ataupun kempen yang dijalankan bersama dengan sukarelawan pemantauan harga ini, kita dapat menentukan kedai-kedai ataupun tempat-tempat perniagaan yang sentiasa mengadakan satu keadaan yang selesa dan juga buat masa yang sama dapat membekalkan barangan ataupun memberi perkhidmatan yang lebih memuaskan kepada pihak pengguna.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Tuan Hoo Seong Chang: Selain daripada itu, kementerian juga mengadakan banyak kempen....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading, Jerai.

Tuan Hoo Seong Chang: Sri Gading dahulu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya bangun dahulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih sahabat lama saya, Kluang. Kluang ini sempadan Tuan Pengerusi dengan Sri Gading.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Jadi soalan, tentu soalan yang lunaklah....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau jiran tidak payah tanyalah. Nanti balik kampung.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Lagi jiran lagi patut bertanya. Tapi tentu soalan yang lunaklah Tuan Pengerusi. Saya dan ramai orang sebenarnya termasuk Tuan Pengerusi juga memang sukacitalah tindakan kementerian mewujudkan pemantauan melihat harga barang-barang supaya peniaga-peniaga tidak sewenang-wenanglah.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, memang tujuan itu. Tidak perlu sebut lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tentu kena sebut Tuan Pengerusi. Kalau tidak ayat saya macam mana? Ia akan tergantung Tuan Pengerusi. Jadi kena sebut dari awallah. 14,000 - ramai. Kesannya itu saya hendak tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kesannya itu. Ramai itu apakah kesannya juga amat baik dan apakah dengan ramai pemantau itu maklumat yang disampaikan kepada pihak kementerian pun banyak.

Maknanya, kalau ramai pemantau tetapi maklumat yang hendak disampaikan kepada kementerian tidak ada, untuk tindakan selanjutnya kementerian bagi menguatkuasakan tentang pengawalan harga supaya tidak sewenang-wenangnya peniaga mengambil keuntungan yang berlipat ganda, yang tidak munasabah. Jadi, itu yang saya hendak tanya, sikit sahaja pertanyaan, sikit sahaja. Tuan Pengerusi, harap bersabarlah. Kita pun hendak mesyuarat sampai 8.30 malam, jadi kita ada masa yang panjang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita lanjutkan masa panjang itu bukan untuk beri peluang kepada Yang Berhormat sahaja. Kita ada banyak urusan lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Banyak. Jadi, dengan pertanyaan saya ini mungkin dan bukan mungkin tetapi ini sebahagian daripada tugas dia. Dia boleh menjawab lebih *detail* lagi supaya rakyat

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yalah, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi berterima kasih kepada saya atau kepada siapa?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih kepada soalan Yang Berhormatlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dengan saya. Rakyat memang

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukuplah, duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:terasa tertekan hari ini dengan harga yang mahal, tertekan. Minta maaf, Tuan Pengerusi, rakyat kita memang bergantung kepada tindakan kerajaan bagi menentukan mereka dapat barangan dengan harga yang munasabah supaya sesuai dengan pendapatan-pendapatan mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat. Kalau hendak jawapan perlu berhentikan hujah, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey, saya Ahli Parlimen yang baik Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya baik, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, kena puji saya Ahli Parlimen yang baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *[Ketawa]* Amat baik, syabas dan tahniah. Cukuplah tu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Akan patuh arahan, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya akuihlah, walaupun ada 14 ribu sukarelawan dan pemantauan harga ini saya rasa perlu kita tingkatkan lagi dari sudut kesedaran dan juga aktiviti-aktiviti yang patut mereka jalankan. Ini saya akuihlah masih belum cukup lagi. Kita harus mengadakan banyak lagi aktiviti kepada mereka. Saya sendiri pernah turun padang sebenarnya pergi ke negeri-negeri yang lain. Sebenarnya kalau kita lihat dari segi tahap kesedaran ini memang ada sebenarnya cuma kita haruskan gerakkan mereka supaya menjalankan banyak lagi aktiviti.

Misalnya pada Jumaat yang lalu saya pergi ke Kuala Terengganu, untuk makluman Yang Berhormat. Jadi bersama-sama dengan pihak NGO di sana, khususnya kaum wanita yang ada, yang melibatkan diri untuk kita bersama-sama, bukan setakat kita mengadakan seminar dan juga kita mengadakan satu program dinamakan Kementerian Bersama Pelanggan di Kota Terengganu. Saya nampak dari segi penyertaan daripada pihak NGO dan juga apa yang kita katakan sukarelawan pemantauan harga ini, mereka memang bersedia untuk bersama-sama dengan kementerian dan maklum balas daripada mereka ini cukup membanggakan.

Saya rasa kalau kita teruskan dengan kempen-kempen dan juga aktiviti, khususnya aktiviti-aktiviti untuk mereka supaya dapat kita meluaskan lagi pengetahuan dan juga makluman-makluman yang harus kita sampaikan kepada mereka, saya pasti bukan setakat jumlah yang ada tetapi kekuatan yang dipegang oleh mereka ini dapat membantu bukan setakat di bandar tetapi di luar bandar juga dapat kita sama-sama memikul tanggungjawab ini untuk memantau harga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Yang Berhormat, kali keempat saya bangun boleh atau tak?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, belum habis lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya? Sri Gading puas hati, ha?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat bagi Jerai, silakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat turun ke padang. Sebenarnya Yang Berhormat saya minta kementerian bekerjasama juga dengan Kementerian Penerangan untuk kita adakan Laporan Harga Komoditi supaya masyarakat tahu hari ini harga telur, esok harga sayur-sayuran berapa. Dia ada, di semua

negara ada diberitahu, Tuan Pengerusi. Jadi, benda ini kena ada, dalam laporan surat khabar, kita bagi orang baca. Macam Yang Berhormat bagi Arau kata, harga buah-buahan macam mana, tergantung kah, harga naik turun kah. Yang ini semua kena, ini pendidikan. Dan, satu lagi kita tengok sama ada, Tuan Yang di-Pertua sedar atau tidak, hari ini banyak Hyper Market, Supermarket, itu market, ini market, habis kedai kecil-kecilan ini tutup dan tidak boleh mencari makan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi soalan tidak langsung berkaitan dengan apa yang sedang dibangkitkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, pasal tadi saya hendak tanya awal Datuk Setiausaha Parlimen kata tidak sampai. Ini bila sudah sampai saya kena tanyalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat sudah terangkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen setakat hari ini di 14 ribu ni berapa jauh sudah kita *educate*kan pengguna-pengguna supaya mereka faham. Contoh baru-baru ini, bila hari raya, ikan temenung di Yan yang tepi laut naik sekilo sampai RM8. Ikan temenung sekilo RM8 bukan yang tidak temenung tu, yang dok temenung tu RM8 sekilo di Yan. Kalau sampai di Kuala Lumpur tidakkah sampai RM18? Jadi, di Kota Baharu pun begitu juga. Di Arau pun begitu juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini kerana Yang Berhormat

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, kawalan ini yang saya minta. Saya minta kementerian supaya mengkaji dan monitorkan ke depan ini macam mana. Saya hendak tahu. Tadi saya tanya *planning* untuk *future* ini macam mana. Tadi sudah beritahu hendak tambah penguat kuasa, baguslah alhamdulillah, itu saya *agree*. Tetapi yang keduanya, apa jangkaan kalau barang naik bagaimana. Puncanya adalah pengilang. Pengilang ni depa hendak untung melampau sangat. Kita tengok kata benda makanan, minta maaf cakap macam Nestle, dia punya *market share* sekarang ini ada RM20 satu syer, satu lot. Bermakna keuntungannya beratus juga setahun tetapi susu cap junjung dok naik situlah. Maggi Mee naik, susu cap junjung naik, yang itu naik, yang ini naik, keuntungan pengilang begitu besar sedangkan pengguna menanggung. Jadi, kenapakah kita tidak boleh panggil pengilang-pengilang ini untuk memastikan benda-benda yang keperluan masyarakat

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukankah tadi Yang Berhormat telah berucap dan sekarang minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pasal tak jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik cukuplah, dia akan jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tadi dia tak jawab. Jadi saya hendak balik, jawab di kampung macam mana, Tuan Pengerusi? Ikan temenung RM8 saya hendak jawab macam mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu ikan harga yang mahal hanya Jerai, lain tempat tak ada.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Pengerusi, ikan temenung sekilo RM8, kalau biasanya sekilo RM2.50. Ini naik RM8, siapa hendak kawal? Lagi satu pengguna, okey persatuan ini NGO sendiri buat. Dia hendak lapor. Apakah tindakan kementerian hendak ambil terhadap laporan-laporan itu? Jadi, yang inilah, Tuan Pengerusi, bukan apa, kalau kita tidak bercakap orang marah. Pegawai-pegawai semua depa bukan seronok pasal naik barang. Barang naik sesetengah seronok tetapi sesetengah tidakkah seronok, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik cukuplah Yang Berhormat, banyak sudah diceritakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading. Cukuplah.

Tuan Hoo Seong Chang: Yang Berhormat bagi Jerai, ini ada berkaitan dengan tadi ada sebut tentang selain daripada peranan yang dimainkan oleh sukarelawan pemantauan harga ini dan bagaimana usaha tambahan kementerian untuk sama-sama kita memikul tanggungjawab ini. Selain daripada kita harapkan pihak NGO, termasuklah sukarelawan pemantauan harga ini membantu pihak kementerian, kementerian sendiri pun mengambil inisiatif selain daripada kita

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Larut, apa soalan? Ada berkaitan dengan

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya tidak berbahas dan saya hendak bertanya sedikit boleh? Tanya kepada orang yang berkenaan. Saya rasa Yang Berhormat saya pun ada hadir satu seminar yang dianjurkan oleh Bahagian Penguat Kuasa dan saya telah membangkitkan perkara tentang penguat kuasa ini, di mana seolah-olah penguat kuasa ini dia orang tidak takut.

Kalau kita ada undang-undang, ada penguat kuasa yang begitu tegas dan serius tentang aduan yang diambil, kompelin-kompelin yang diterima mungkinlah sesuatu yang positif dapat dilakukan. Masalahnya mereka menganggapkan bahawa penguat kuasa ini kadang-kadang tidak konsisten. Dia macam hangat-hangat tahi ayam, Tuan Pengerusi. Dia bermusim, kita tidak boleh bermusim.

Itu sebab saya melihat, selain daripada kempen yang perlu diperhebatkan lagi, kempen kesedaran, kita gunakan saluran-saluran seperti media elektronik, televisyen, serapkan benda-benda ini daripada rancangan hiburan yang mendatangkan keuntungan. Apa salahnya kita mendidik pengguna kita dari masa ke semasa menerusi iklan-iklan yang lebih mendatangkan manfaat daripada iklan-iklan yang tidak menguntungkan, yang boleh memperkecilkan mana-mana pihak umpamanya.

Dan, saya melihat kalau kita terpaksa bersaing, bersainglah, kalau kerana kawalan harga ini. Galakkan lagi pasar-pasar lambak, pasar-pasar malam ini supaya lebih ramai peniaga-peniaga kecil, umpamanya di kampung-kampung bermula dengan perniagaan. Banyakkan lagi. Kita jangan takut kalau katakan supermarket besar seperti TESCO, saya pun tidak pernah pergi.

Banyaklah. Kita takut, takut apa? Bersainglah. Kita buat pasar-pasar lambak begitu banyak tetapi jangan kita bagi persepsi bahawa adanya pasar malam, pasar lambak ini, seolah-olah itu barang-barang yang telah ditolak, barang-barang yang tidak ada kualiti.

Apa salahnya pasar malam ini kalau kita pergi di negara-negara maju untuk makluman Jerai, kalau kita pergi ke umpamanya Milan, Milano, saya pernah pergilah. Pasar malam di sana kalau kita tengok kasut yang dijual Tuan Pengerusi, Yang Berhormat berkualiti tinggi, harga murah, apa salah? Biar banyakkann lagi pasar-pasar lambak, pasar-pasar malam ini, waima masa kita berkempenn pilihan raya kecil di Pengkalan Pasir ini biar banyakkann lagi supaya kita bersaing, barulah bila kita bersaing, katakanlah Sri Gading letakkan harga murah, Jerai letak harga murah, saya letak harga naik, saya kalah. Baru dua, tiga hari yang sudah saya berjumpa dengan seorang bumiputera

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dia mencuba...Tuan Pengerusi, saya hendak beri contoh, dia mencuba menjual bunga ini, bunga plastik, kedai sebelah menjual RM100 satu, dia letak RM60, orang datang kedai dia. Barulah tidak ada mereka yang berani mengambil kesempatan tentang menaikkan harga ini. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang apa yang telah saya sebutkan tadi apakah kementerian melihat, kita tidak hanya boleh beri alasan, kurang kita punya *enforcement* hendak menangkap mereka dan menahan mereka, ini alasan sudah lapuk. Kita mesti melakukan lebih tegas, orang boleh buat, kenapa kita tidak boleh buat. Di manakah motivasi kita ke arah ini? Minta sedikit penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat Larut. Memang benarlah kalau ikut kita hendak kawalkan harga barangan ini bukan semua barangan kita dapat kawal, saya sebut awal-awal tadi iaitu cuma 46 jenis barangan yang dapat kita kawal iaitu 21 barangan kawalan sepenuh masa dan 25 kawalan musim perayaan dan juga di bawah secara pentadbiran 12 jenis barangan yang kita tentukan harga siling. Maka saya setuju tentang....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih sahabat saya Setiausaha Parlimen. Macam mana sebenarnya harga-harga barangan ini dinilai? Terutama macam Jerai kata di peringkat awal tadi, pengilang-pengilang, macam mana dia meletakkan harga? Ukuran macam mana sesuatu barangan itu nilainya sekian. Ambil contoh Tuan Pengerusi, saya terkejut Tuan Pengerusi waktu saya berpeluang pergi ke Beijing *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Beijing di mana?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Di Beijing...

Seorang Ahli: Di mana Beijing itu?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terperanjat saya Tuan Pengerusi, terperanjat, dalam saya menunggu beberapa rakan saya membeli-belah saya duduk dalam kereta. Tiba-tiba datang seorang nyonya tua, bawa stoking 10 helai, harganya 30 yuen, maknanya 15 ringgit duit kita, jadi kalau 15 ringgit bahagi 10, satu ringgit setengah, stoking Yang Berhormat berjenama bos.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Nanti Tuan Pengerusi, sabar Tuan Pengerusi, sabar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau hendak buat cerita ini memang ambil masa lama.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, tidak. Stoking yang berjenama bos ini saya beli di satu *supermarket* besar di Kuala Lumpur ini, berjenama bos, harganya RM24 ringgit satu. Dia beri saya dalam satu *bundle*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sepasang ke satu Yang Berhormat?
[Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sepasanglah, sepasang. Dan saya sekarang pakai stoking bos Tuan Pengerusi, yang dibeli di negeri China, 10 iaitu 30 yen maknanya lebih kurang duit kita RM15 ringgit, maknanya satu pasang, RM15 ringgit....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa soalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini soalan, ini soalan. Jadi maknanya begitu murah barang ini, tetapi kenapa di Kuala Lumpur kita beli RM24 satu pasang? Mungkin orang akan kata bahawa di negara China, buruhnya murah. Kalau murah pun takkanlah - itu nyonya itu bawa, nyonya itu mungkin sudah untung lagi, agaknya di kilang berapa harganya? Mungkin agaknya 50 sen. Maknanya di negeri China kilang boleh mampu menurunkan harga sebegitu rendah yang mendapat keuntungan. Sebab itu kalau hendak pergi membeli-belah ke China Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat boleh pergi beli banyak sedikit, balik pakailah. [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu yang saya hendak tanya Tuan Pengerusi. Jadi macam mana polisi di negara kita ini, dalam meletakkan harga ini, apakah ikut suka pengilang itu, tidak ada ukuran-ukuran yang tertentu. Macam juga di Bandung kalau kita beli sepatu yang jenama....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, lima minit sudah pakai tahu?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, Ini ambil contoh Tuan Pengerusi, macam mana harga dengan sepatu yang berjenama, ia jauh lebih murah. Tali pinggang yang saya pakai ini... [Dewan menjadi riuh seketika]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *Cukuplah* Yang Berhormat, tidak payah, cukuplah, cukup, cukup....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, di Kuala Lumpur RM220 ringgit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of order*, daripada stoking masuk tali pinggang selepas itu apa pula? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya beli di Jakarta....

Seorang ahli: Oh, Jakarta!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup, cukup, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Nilai duit kita rupiah itu ditukar duit kita lebih kurang RM30 ringgit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Sri Gading, saya memang.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini contoh, saya beri contoh Tuan Pengerusi, bagaimana....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukup, saya memang bersabarlah Yang Berhormat. Kalau saya tidak bersabar Yang Berhormat, kalau saya tidak bersabar Yang Berhormat saya akan minta Bentara jemput Yang Berhormat pergi kantin minum kopi, cukup. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, tidak....itu sebab dalam pepatah Melayu kata, 'jauh perjalanan luas pengalaman,' eh pandangan kah atau pengalaman?

Beberapa ahli: Pandangan pun betul!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okeylah, dua-dua betul, jadi kita buat satu perbandingan, macam mana di negara orang, jauh lebih murah daripada negara kita, bukan kerana kita bebaskan sesiapa sahaja boleh buat harga mereka yang tertentu dengan harapan untung yang lebih, soal pengguna hendak beli mahal atau tidak mahal itu soal kepada pengguna, ini jenis kerajaan Tuan Pengerusi, jadi macam mana kerajaan melihat perkara ini? Kalau benda ini agaknya perkara yang baru, sila siasat dan sila kaji untuk kepentingan rakyat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup, cukup..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, saya pun cukup Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukup, tidak payah tanya lagi Yang Berhormat, mintalah ya.

Tuan Hoo Seong Chang: Ya, terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Tuan Pengerusi, saya sebutkan tadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Hoo Seong Chang: Saya cuba pendekkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, cubalah.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Pengerusi, saya sebutkan tadi sebenarnya cuma 46 jenis barangan yang dapat kita kawal, itu tidak ada problem, tidak ada masalah. Selain daripada itu, harga barangan yang lain, misalnya saya pada awal-awalnya sudah pun sebut, 63 tempat pusat pungutan harga ini kita mengawal 255 jenis barangan keperluan, itu tidak dapat kita kawal semua sekali barangan di seluruh negara. Tetapi dengan rujukan harga yang kita pantau ini, apabila kita lihat satu barangan menaikkan harga mungkin pada kita terasa tidak munasabah, kita akan panggil pengilang dan juga peniaga sebab apa mereka menaikkan harga ini dengan apa alasan dan sebagainya.

Biasanya apabila kita bertemu dengan mereka ini, banyak dapat kita selesaikan iaitu kalau dari segi kos pengeluaran dan sebagainya itu memang dari segi sebab-sebab yang tertentu, tetapi kalau pada kementerian kita pun ada cara untuk kita mengira. Kalau kita rasa tidak munasabah, kita nasihatkan mereka supaya turunkan harga dan biasa mereka terima. Mungkin Yang Berhormat Sri Gading sebutkan tentang harga di tempat lain mungkin di luar negara. Saya lihat mungkin dari segi standard ataupun kualiti barangan pun dikira ambil kira. Di Malaysia saya rasa ada barangan yang sama tetapi kualiti yang lain, harga berbeza juga. Jadi pihak kementerian selain daripada kita mengadakan kawalan harga bagi 46 ataupun bekalan kita tetapkan supaya tidak

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, soal kualiti saya ingat tidak jauh beza, stoking Tuan Pengerusi itu benang, kualitinya lebih kurang sahaja. Saya pun pakai bos yang dibeli RM22 ringgit tadi, lebih kurang sahaja dia punya getah sama, sama grip, sama ketat, sama sedap, memang sedap Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, itu kedua-dua boleh hantar buat kajian dan ujian, kita tengok.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak maknanya barangannya itu pun ada kualiti jadi kalau beli RM1.50 di kilang mungkin RM0.50 tetapi di Kuala Lumpur macam saya kata cerita tali pinggan ini semua orang apabila saya berjalan semua dia orang tengok ini beli mana tali pinggang koboi ini [*Ketawa*] jadi kualiti dia dua tahun Tuan Pengerusi saya pakai. Jadi nilai RM30.00 dengan RM220.00, jauh maknanya rakyat Malaysia selama ini ditipu oleh peniaga-peniaga yang mengaut keuntungan berganda-ganda. Ini harus agaknya menjadi renungan pihak kementerian macam mana hendak mengatasi penipuan-penipuan yang dikenakan pada rakyat Malaysia yang tidak berdosa. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat ambil ingatanlah.

Tuan Hoo Seong Chang: Ya terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan Yang Berhormat cuma saya tadi kata mungkin ini salah satu daripada sebab dia kualiti kadang-kadang menentukan harga dia saya setuju. Dari pihak kementerian ini selain daripada 46 jenis barangan yang dapat kita kawal dengan bekalannya dengan harganya, di peringkat kementerian juga kita

berusaha. Misalnya kita menjalankan kempen beli barangan harga rendah, misalnya dari segi untuk kita kawal ataupun memberi pilihan yang lebih kepada para pengguna di mana kalau kita sediakan ataupun adakan kerjasama dengan *hypermarket* ataupun pusat membeli belah ataupun ruang perniagaan yang ada kalau mereka sanggup untuk bekerjasama dengan pihak kementerian.

Memang sudah ada kempen ini supaya kita tentukan di setengah-setengah tempat ini kita minta dapat kerjasama daripada pihak berniaga supaya diturunkan harga untuk *item-item* yang tertentu. Maka kita edarkan ataupun memberitahu orang ramai setakat hari ini mungkin barang-barang seperti ini dapat harga murah ataupun mereka buat tawaran kepada para pengguna supaya kita nasihatkan ataupun memberitahu orang awam supaya kita beli barang kalau rasa harga yang lebih munasabah ataupun rendah kita pergi kawasan itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jerai.

Tuan Hoo Seong Chang: Dan buat masa yang sama, sekejap nanti, dan buat masa yang sama kita sentiasa mengadakan kesedaran ataupun memberitahu pada pengguna di mana para pengguna sendiri yang akan menentukan nasib mereka iaitu kita katakan pengguna bijak kita jalankan kempen pengguna bijak supaya kita dapat melihat dari segi barangan dengan harga mereka ini kita bandingkan harga.

Jangan sesuka hati beli barang sahaja tetapi kita bandingkan harga di tempat ini dengan tempat yang lain mana harga yang lebih murah, mana harga yang lebih berpatutan baru kita pilih barang di kawasan yang tersebut maka dengan usaha untuk mengadakan kempen beli barangan harga rendah buat masa yang sama dengan kempen pengguna bijak di mana kita mendidik para pengguna supaya mereka lebih bersedia untuk mengadakan kadar yang lebih menguntungkan mereka. Ini dari sudut kita menjalankan kempen kita sama-sama kita memberi keuntungan kepada pihak pengguna. Ya sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Boleh Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat Larut baru balik daripada Milan kemudian Yang Berhormat Sri Gading baru balik daripada Beijing, saya baru balik daripada Yan lah. [*Ketawa*]

Tetapi dalam perjalanan saya singgah makan Tuan Pengerusi. Saya hendak tahu sekarang ini *service tax* walaupun bukan berkait dengan kementerian Yang Berhormat tetapi dia berkait dengan pengguna. *Service tax* ini dibayar oleh pengguna. Kita makan di R&R tepi jalan kita makan di kedai-kedai, restoran-restoran kadang-kadang kita layan diri kita sendiri. Boleh tidak kementerian bagi tahu Kementerian Kewangan, pihak Kastam supaya *service tax* ini dikenakan kepada orang yang jual. Kita pengguna kita pergi makan, saya berhenti R&R saya beli kuih pau dua biji pagi tadi *breakfast* dengan milo O satu.....

Seorang Ahli Parlimen: [*Menyampuk*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dua biji sahaja kuih pau, itu pun kecil punya bukan besar punya kuih pau. *[Ketawa]* Dia *top up 5% service tax*, pasai apa saya hendak bayar beli kuih pau sahaja pun kena. Jadi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini terkeluar daripada butiran.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan ini *cost* naik Tuan Pengerusi pengguna, saya sebagai pengguna bukan saya seorang. Ini baru ini balik raya, balik Deepavali.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kalau ini macam kompaun lain ini tax naik semua kementerian jagalah ini jaga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan ini kementerian Menteri dalam kabinet cakap dalam kabinet supaya *service tax* untuk yang *self service* di R&R tidak usah dikecualikan. Yang meniaga kacang pun kena bayar *service tax*, you beli kacang itu kacang rebus itu Tuan Pengerusi yang naik asap sedikit kacang rebus itu yang Arau suka makan sebab itu badan macam ini punya besar pun kena *service tax*. Yang botol tidak kena *coca cola* itu semak tidak kena sebab dia dicaj di kilang. Sebab apa hak yang masak lauk apa semua kena *service tax* jadi ini juga menjadi beban kepada pengguna. Inilah saya minta kepada kementerian pakatlah dengan kementerian bagi tahu Kastam tidak usahlah *service tax*, restoran besar-besar boleh.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau Ahli Yang Berhormat yang buang masa Parlimen siapa hendak jaga, siapa hendak bertanggungjawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi ini bukan buang masa Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada sedikitlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia orang pergi jauh dapat pengalaman saya dekat pun pengalaman Tuan Pengerusi. Takkan kuih pau dua biji pun hendak *service tax*, milo O pun hendak *service tax* jadi macam mana Tuan Pengerusi. Saya minta bawah pihak kementerian kalau hendak jaga pengguna hak ini lah kalau tanya siapa dia marah Tuan Pengerusi. Kita balik satu raya-raya. Raya Cina ke Deepavali ke balik satu van bawa anak-anak turun makan jumlah pi jumlah mai katalah RM30.00 dia *top up 5%* berapa 5% berapa? Lima kali tiga adalah RM1.50 tidak pasai-pasai kena bayar sewa buat apa. Kuih pau kita ambil sendiri, nasi kita ambil sendiri, air kita bawa sendiri tidak ada *service* apa pun kena *tax* pasai apa. Jadi yang inilah pengguna. Terima kasih Tuan Pengerusi terima kasihlah.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat dari Jerai. Sebenarnya Tuan Pengerusi saya walaupun dalam bidang kuasa kementerian yang lain tetapi sama fikiran ini sebenarnya. / setuju sangat tentang cadangan ini memang di pihak kementerian, ini bidang kuasa kewangan tetapi kita sama-samalah bayangkan keadaan yang sebenar dan juga

harapkanlah supaya kerajaan, bukan kata tidak kutip cukai tetapi sektor-sektor yang sesuai ataupun tidak.

Misalnya kalau R&R dan sebagainya patut kita lihat dari skop yang lebih luas, saya setuju sangat tetapi pandangan ini harus kita sampaikan kepada pihak Kementerian Kewangan.

Tuan Lau Yeng Peng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Puchong apa lagi?

Tuan Lau Yeng Peng: Harga naik...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa, apa harga naik?

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada nyatakan bahawa kalau seseorang pengguna itu kalau hendak beli sesuatu barang ataupun sesuatu perkhidmatan, kita sepatutnya memberi satu perbandingan dahulu sebelum kita membuat sebarang keputusan untuk membeli. Ini memang satu cara yang baik dan juga satu pengajaran yang baik tetapi kadang-kadang ini kalau barang-barangan ataupun perkhidmatan itu di bawah sesuatu mereka ada *cartel* ataupun sesuatu persatuan dimana mereka naik harga secara bersama-sama.

Sebagai contoh di kedai kopi, mereka ada persatuan kedai kopi di sesuatu tempat. Bila mereka naik harga 20 sen atau 30 sen secawan kopi itu bagi pengguna pergi mana pun harga yang sama harga yang telah dinaikkan itu. So saya hendak tanya bagaimana kementerian Yang Berhormat untuk mengawal dalam keadaan macam ini supaya kepentingan pengguna dapat dijamin pada masa-masa akan datang. Saya hendak tahu apakah cara dan juga apakah mekanisme untuk menunjukkan bahawa pengguna dapat satu harga yang sepatutnya atau satu harga yang adil dalam masa-masa hadapan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Tuan Pengerusi memang benarlah kalau kita lihat dari segi mungkin dari segi sektor perkhidmatan ataupun kedai-kedai makan ini, apa yang kita boleh buat selain daripada kita adakan kempen pengguna bijak ini, kita harapkan supaya semua kedai-kedai khususnya kedai-kedai makan. Walaupun ada persatuan misalnya Persatuan India Muslim, Restoran India Muslim dia sanggup bekerjasama dengan pihak kementerian supaya keseluruhan kedai-kedai ataupun ahli mereka, di kedai mereka paparkan harga dengan harga tidak berubah. Misalnya kalau walaupun ada kenaikan 20 sen seliter diesel ini, mereka tetap dengan harga yang lama jadi kita pun juga galakkan supaya banyak lagi persatuan-persatuan sektor perkhidmatan dan juga kedai-kedai makan ataupun restoran supaya bekerjasama dengan pihak kementerian mengadakan cara macam ini dapat kita sama-sama menentukan harga pasaran ini supaya lebih stabil.

Untuk makluman Yang Berhormat ataupun Dewan yang mulia ini, memang kita mengadakan banyak siasatan ataupun juga pemeriksaan. Tadi saya dengar Yang Berhormat

bagi Hulu Langat juga mengatakan sama ada kes-kes ataupun pemeriksaan di peringkat akar umbi ini termasuk di bandar, luar bandar dan sebagainya sama ada ada pemeriksaan.

Sukacita dimaklumkan bahawa, dalam *figure* yang saya ada ini, misalnya pada tahun ini sehingga hujung bulan Oktober ini, kita telah pun menjalankan pemeriksaan premis perniagaan ini sebanyak 821 ribu, 841 pemeriksaan. Di antaranya memang ada peniaga-peniaga yang melanggar undang-undang ataupun peraturan-peraturan di mana kes-kes tindakan yang kita ambil ini 11,444 dan kes kena denda kompaun pun banyak juga. Jadi kita sentiasa ada menjalankan pemeriksaan ke premis-premis perniagaan dan di mana kalau kita lihat ataupun kita mendapati bahawa mereka melanggar peraturan, tetap kita ambil tindakan.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam tadi ada mengatakan bahawa cara macam mana kita buat aduan kepada kementerian. Sukacita dimaklumkan di sini ialah selain daripada para pengguna dapat menghubungi pejabat-pejabat penguat kuasa di seluruh negara, di mana setiap daerah biasa kita ada satu cawangan dan selain daripada kita dapat melaporkan kepada pejabat penguatkuasaan di semua daerah untuk lebih mudah kita menggunakan *hotline*. Tadi dia tanya sama ada kita ada *hotline* untuk kita membuat aduan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, *hotline* itu 1-800-886-800, itu *hotline*. Selain daripada itu, kita juga mengadakan e-aduan. Lebih memudahkan lagi e-aduan. E-aduan kpdnhep.gov.my. ini satu kemudahan yang ada untuk kita membuat aduan. Lebih mudah lagi, kementerian telah pun menyediakan sistem ataupun sms yang dapat kita memberi kemudahan kepada para pengguna supaya dapat menyampaikan aduan melalui sms iaitu nombor dia 3663, saya ulangi 3663.

Jadi ini lebih mudah untuk kita menjalankan tugas kami untuk menerima secara aduan supaya kita dapat ambil tindakan. Saya cuma ingin menekankan di sini, khususnya dalam musim perayaan. Kita memang faham, khususnya apabila ada musim perayaan, misalnya kementerian telah pun menetapkan pelaksanaan skim kawalan harga, barang-barang pengguna dalam musim perayaan, iaitu mulai 15hb Oktober, hingga 28hb Februari, kita tetapkan tempoh tarikh ini untuk kita mengawal harga barangan. Saya cuma secara ringkasnya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, setakat kita mulakan kempen ataupun skim ini, iaitu mulai 15hb Oktober, sehingga 18 November. Jadi dalam tempoh masa ini, bilangan pemeriksaan, kita menjalankan 104,631 kes kesemua ruang perniagaan. Bilangan lesen, kita tentukan lesen supaya mereka mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh pihak kementerian. Bilangan lesen yang kita keluarkan 38,252 dan walaupun ada kes berlaku, setelah kita menjalankan pemeriksaan, ada 116 kes yang kita dapati bahawa mereka melanggarkan peraturan.

Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini, dengan adanya tindakan penguatkuasaan, memang ada hasil untuk kita menentukan supaya para peniaga dapat mengikuti peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak kementerian dan mudah-mudahan

dengan adanya kerjasama dari semua pihak, kita dapat mengawal supaya harga barangan pada musim perayaan lebih stabil....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang penguatkuasaan. Saya kira penguatkuasaan hanya datang daripada satu pihak, daripada pihak kerajaan sahaja. Saya kira tidak berapa berkesan. Seandainya kuasa pada pengguna itu, dan untuk memberi kuasa kepada pengguna, memperkasakan pengguna, saya ingin mencadangkan kalau sekiranya persatuan-persatuan pengguna yang cukup banyak terdapat sekarang ini, diberi peruntukan khas, misal kata yang disebut sebagai peruntukan per kapital seperti mana yang pernah dilakukan di negara-negara maju seperti di England, di Australia di mana persatuan-persatuan yang mendapat peruntukan ini mempunyai satu *power*, satu kuasa yang tidak boleh dipermudahkan oleh pihak peniaga dan penjual itu. Apa pandangan Yang Berhormat? Sebab saya juga berada dalam persatuan pengguna, saya sendiri lihat kuasa itu, peruntukan itu cukup untuk kita mengadakan kegiatan-kegiatan kita supaya benar-benar kita ada *authority*, kuasa untuk kita menyekat perletakkan harga secara sembarangan itu.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya walaupun kita ada peraturan-peraturan ataupun undang-undang yang sedia ada. Tetapi buat masa ini kita masih belum boleh serah kepada pihak pengguna untuk menguatkuasakan peraturan yang sedia ada. Tetapi kementerian memang akan berjanji bersama-sama dengan pihak NGO khususnya persatuan-persatuan pengguna supaya kita bekerjasama lebih rapat lagi, supaya segala aduan yang diberi itu tetap kita ambil tindakan. Saya cuma ingin sentuh pada akhir sekali untuk isu kenaikan harga barang. Selain daripada apa yang saya sebut tadi tentang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pendang.

Tuan Hoo Seong Chang: Biar saya habiskan sedikit dahulu baru Yang Berhormat tanya. Tadi saya kata, kita memang ada kempen untuk membeli barang harga rendah dengan harga *market* dan sebagainya. Satu cara untuk kita membantu pihak IKS, di mana selain daripada kita dapat kerjasama daripada pihak *hypermarket*, *supermarket*, pusat membeli belah untuk menggunakan kemudahan yang ada untuk kita beli harga barang yang murah, tetapi buat masa yang sama, dengan adanya kita buat promosi kepada pihak *hypermarket*, *supermarket* dan sebagainya, di sebaliknya kita dapat membantu pihak IKS untuk memasarkan pasaran mereka.

Jadi dengan kita mengadakan kempen untuk beli barangan harga rendah, buat masa yang sama dapat kita mempromosikan barangan buatan domestik ataupun *local* ini supaya khususnya pihak IKS mendapat manfaat daripada skim ataupun program yang kita anjurkan. Jadi selain daripada itu, akhir sekali satu saluran, untuk kita membantu pihak pengguna, iaitu melalui Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia. Ini adalah satu saluran yang paling efektif dan juga berkesan. Iaitu tadi salah seorang Ahli Parlimen ada bangkit tentang kes-kes yang telah

dibawa kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia ini, memang benar ada 5000 lebih kes telah pun dibawa kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia dan sukacita.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan Hoo Seong Chang: Biar saya habiskan ayat ini. Sukacita dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, sebenarnya kalau 100 kes dirujuk kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, sebenarnya 40 kes secara automatik apabila Tribunal *serve notice* kepada para peniaga 40% dapat kita selesaikan dan 20% apabila ada perundingan sebelum kita ada pembicaraan, kita ada rundingan dua pihak dapat setuju, dapat kita selesaikan 20%. Dia kata cuma 40% harus kita melalui cara perbicaraan untuk menentukan nasib pengguna ini.

Jadi keseluruhan ini, kita cuma failkan RM5 untuk kita failkan kes kepada tribunal dan dalam tempoh 60 hari dapat kita selesaikan kes ini. Dan setakat ini, untuk tahun yang lepas, tahun 2004, semua kes dapat diselesaikan. Dan untuk tahun ini, sehingga hari ini, lebih kurang 80% kes-kes yang telah dikemukakan kepada tribunal juga dapat kita selesaikan. Jadi saya yakin dengan adanya kempen-kempen dan juga peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak Kementerian dan adanya satu saluran lagi iaitu melalui Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia dapat kita menyelesaikan masalah ini.

Seorang Ahli Yang Berhormat: Penjelasan.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya rasa Yang Berhormat sana dulu.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak balik kepada kawalan semasa perayaan tadi ini. Tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang barang-barang kawalan. Dua barangan yang timbul di sini tentang harga kawalan, terutamanya tentang biasanya kawalan harga ini pada barangan asas sahaja, tidak kepada barangan yang diperkaya ataupun *enrich* ataupun *fortified* formula. Misalnya dari segi susu, tepong, gula, misalnya. Jadi itu masalah barangan yang dikawal harga.

Yang keduanya, tentang barangan diskaun. Biasanya, bila tiba musim perayaan, kita dapati banyak pasar raya mengadakan diskaun. Dia kata harga dikurangkan 70% misalnya, 80%, 20%. Soalannya, apakah kementerian telah memantau harga sebelum diletakkan diskaun tersebut. ataupun mereka hanya tulis harga diskaun 80%, tetapi sebenarnya hanya turun 20% atau 10% sahaja daripada harga asal. Jadi apakah kementerian telah menjalankan pemantauan sebelum diletakkan harga diskaun tersebut. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, sebenarnya saya ada sebut tadi, memang kita tidak dapat mengawal semua harga keperluan dalam musim perayaan. Tetapi setakat apa yang kita kawal ini, memang ada kesannya. Selama ini kita praktiskan cara ini, kita mendapat hasil. Tentang harga diskaun ini, memang kementerian sentiasa memantau.

Kita memantau sebab setiap satu permohonan harus dikemukakan kepada pihak kementerian untuk mendapat kelulusan. Jadi bila kita tetapkan tarikh dan juga cara untuk

mereka memasarkan barangan mereka dengan harga diskaun ini, kementerian sentiasa menghantar pegawai untuk mengawal sama ada di tempoh enam bulan dahulu, harga macam mana? Misalnya, dalam tempoh dalam enam bulan sebelum tarikh dimulakan diskaun ini, kita memantau enam bulan harga pasaran macam mana?

Jadi selepas ditentukan harga pasaran sebelum tarikh mula diskaun ini, harga berapa? Jadi tidak ada cara mereka menipu para pengguna. Saya faham erti Yang Berhormat iaitu kalau misalnya harga pasaran sebelum ini sebenarnya, RM1.00 tetapi dia jual bila kata ada diskaun, dia jual harga 0.30 sen, kata ada 70% diskaun. Itu benarlah. Tetapi kalau dia kata, dahulu memang ada RM7.00, sekarang dia jual RM1.00, ada beberapa peratus diskaun. Memang kita tidak benarkan. Jadi kita akan kaji supaya enam bulan sebelum tarikh mereka mulakan skim ataupun program jual murah ini kita dapat memantau, dan setiap permohonan akan dapat diluluskan oleh pihak kementerian.

Dato' Ronald Kiandee: Ya, penjelasan. Saya ingin tahu sama ada kementerian bercadang untuk memperbesarkan skop tuntutan dalam tribunal pengguna ini. Sekarang ada limit lebih kurang 20 ribu, sama ada ianya diperbesarkan untuk tuntutan yang lebih besar daripada had yang ada sekarang?

Yang kedua, saya ingin tahu bercakap tentang kesedaran kepenggunaan ini, kementerian tidak lama dulu telah menubuhkan jawatankuasa pengguna di peringkat daerah di mana pegawai daerah merupakan pengerusi kepada jawatankuasa ini. Sejauh manakah jawatankuasa ini berkesan? Dengan ketiadaan peruntukan yang diberi daripada kementerian untuk mengadakan seminar berbentuk taklimat penerangan kepada lebih ramai pengguna di daerah. Dan sejauh manakah ianya berkesan ketika sekarang ini dalam konteks ianya tidak diberi peruntukan yang mencukupi daripada kementerian.

Dalam konteks yang sama, sama ada kementerian dalam keadaan yang sekarang ini, kelemahan yang ada sekarang daripada jawatankuasa pengguna daerah ini, sama ada kementerian bercadang dalam tahun depan atau pelaksanaan Rancangan Malaysia ke Sembilan ini untuk memberikan sedikit bentuk peruntukan kepada jawatankuasa untuk membolehkan mereka mengadakan aktiviti-aktiviti pada peringkat daerah untuk memberikan kesedaran kepada lebih ramai penduduk terhadap kepenggunaan yang harus mereka sedari.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat Beluran. Tuan Pengerusi, sebenarnya di peringkat daerah majlis pengguna daerah, memang ada peruntukan yang disalurkan kepada mereka. Saya akui, mungkin aktiviti yang dijalankan itu memang tidak mencukupi dan segala permohonan itu memang kita sentiasa memberi bantuan kepada mereka. Cuma aktiviti yang dijalankan itu harus kita memperluaskan lagi. Itu saya setuju. Dan bukan setakat peringkat daerah, majlis pengguna peringkat daerah, pihak NGO pun mereka kalau ada memohon untuk mendapat bantuan sentiasa pihak kementerian memberi kerjasama dan ubah suai kepada mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah menjawab sepanjang satu jam. Ada banyak lagi?

Tuan Hoo Seong Chang: Lepas saya menjawab ini, mungkin ada beberapa perkara lagi saya jawab, saya akan pendekkan jawapan saya untuk kita berikan peluang kepada kementerian yang lain.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cuma Tuan Pengerusi, sebelum..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat! *[Ketawa]*. Yang Berhormat bila... Yang Berhormat baru masuk ya!

Tuan Hoo Seong Chang: Yang Berhormat, biar saya jawab itu soalan dulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya Tuan Pengerusi, ini

Tuan Hoo Seong Chang: I jawab, sebenar ada satu lagi. I jawab dulu, kemudian baru bagi peluang. I jawab dulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Tuan Hoo Seong Chang: Tribunal, tribunal Beluran itu. I jawab dahulu, baru bagi peluang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Hoo Seong Chang: Tentang tuntutan *award* itu, dahulu memang RM10 ribu. Sekarang sampai RM25 ribu. Memang di peringkat kementerian, memang kita ada membincangkan perkara ini sama ada itu wajar kita naikkan *award* ini, sehingga RM50 ribu. Kita memang ada perbincangan. Tetapi belum dapat kelulusan. Bagaimanapun kita akan bercadang supaya perkara ini dapat ditumpukan kepada kemudahan ataupun untuk membagi keuntungan kepada pihak pengguna supaya kita cuba nak bincang supaya naikkan *award* itu daripada RM25 ribu dengan satu tahap yang lebih tinggi. Kalau tak dapat RM50 ribu pun, sekurang-kurangnya lebih daripada RM25 ribu. Itu ada dalam usaha kita mengenai perkara ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak *reverse* sikit Tuan Pengerusi. Dapat keizinan Tuan Pengerusi. Ini berkaitan harga sale ini, harga jualan. Gudang-gudang pusat-pusat membeli-belah lah selalu mendapat kelulusan daripada kementerian untuk sale barang dia lah. Dia kata, *reduce* 50%, potong harga 50%. Kadang-kadang dia kata harga runtuh. Dia nak menarik penggunalah datang berkerumun ke pusat membeli belah dia, harga RM98 dah potong 50%, betulkah harga itu RM98 selepas dipotong 50%? Tidakkah sebelum itu pun harganya RM90. Tetapi apabila digunakan *sale* tu, harganya kadang-kadang lebih mahal daripada harga biasa. Apakah pihak kementerian tahu, tahu benar-benar.

Jadi, kata baju tu RM98 dia kata, dah *sale* 50%. Kita ingat RM98 dia potong 50%, kita nak bayar RM49 sahaja. Tak, dia kata inilah harga yang telah dipotong 50%. Tetapi soalnya, barangan itu harganya, sebelum dia isytiharkan *sale* itulah harganya. Tidakkah *sale* ini peluang penipuan yang dilakukan oleh gudang-gudang membeli belah ini kepada orang ramai. Jadi, saya

ada pertanyaan Tuan Pengerusi apakah Kementerian menyiasat, mengkaji, menilai, mengetahui, aa.. apa lagi bahasa yang seumpamanya [*Ketawa*] - maklum, faham harga sebenarnya supaya sekali lagi Tuan Pengerusi rakyat dan orang ramai tidak tertipu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Tuan Pengerusi, saya akui memang ada peniaga yang tidak beretika ini melakukan kegiatan ini. Seperti yang saya sebutkan tadi, sebelum satu permohonan dibuat ataupun bila satu permohonan dikemukakan kepada Kementerian, kita kena *check* dulu, setakat mana harga dia?

Jadi misalnya kalau harga yang ditawarkan itu sebelum tarikh kita mengadakan *cheap sales* ini RM100 misalnya, apabila dia kata, kita mula *cheap sales* ini dia kata potong 50%, bererti dia harus jual RM50.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Setiausaha Parlimen, dalam buku dia boleh *check* begitu, enam bulan, tetapi kebanyakan gedung ini, *supermarket*, bila *cheap sales* dia keluarkan barang-barang yang baru yang tidak ada dijual sebelum *cheap sales* diadakan. So kebanyakan *cheap sales* yang sehingga mencecah 70% diskaun itu, adalah merupakan barang-barang yang tidak dijual sebelum *cheap sales* dijalankan. Jadi bagaimana Kementerian boleh memantau harga enam bulan sedangkan barang itu barang baru, kebanyakan gedung begini, *you will see*. *Tray-tray* jualan 70% yang di tepi-tepi, bukan yang bergantung-gantung, yang di tepi *on the walkway* dalam *supermarket*.

Yang *cheap sales*, yang betul-betul yang enam bulan itu, itu betul ada 50%, 30% *but on item-item* yang *odd sizes*. Kalau baju yang saiz S, kalau kasut yang XL, itu *you will see*, itu memang betul adalah barang jenama yang *odd sizes*, itu memang dipantau oleh Kementerian. Tetapi bagaimana Kementerian memantau barang-barang baru yang dikeluarkan ketika *cheap sales* diadakan? Ini soalan.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat Beluran. Barang baru yang dimaksudkan itu sama ada dia tidak pernah jual di *supermarket* itu ataupun pernah ada di pasaran cuma dia tidak dijual di *hypermarket* dan *supermarket*, itu masih boleh kita tentukan sebab di pasaran memang sudah ada barangan tersebut. Kalau kata barang itu memang tak pernah wujud di pasaran ini, ini sukarlah untuk kita menentukan sama ada barangan itu harga berapa, itu terpulung kepada kebijaksanaan para pengguna.

Kalau harga barangan di dalam pasaran, walaupun dia tidak jual di kedai tersebut, memang kita dapat memantau harga yang ada. Tetapi kalau you sebut barang baru ini yang tak pernah wujud di pasaran itu, memang mungkin tidak sesiapa pun boleh mengatakan bahawa harga patut itu harga berapa, itu terpulung kepada kebijaksanaan pengguna untuk lihat sama ada wajar kita beli atau kita pilih pilihan yang lain, itu terpulung kepada pengguna. Tetapi setakat ia ada dalam pasaran, kita dapat memantau perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa saya sudah ambil masa yang panjang untuk kita bincang tentang isu kenaikan harga ini. Saya mungkin ingin beralih kepada beberapa tajuk yang dibawa

oleh Ahli Yang Berhormat khususnya Bagan sebut tentang SSM ini, saya rasa saya akuiilah kesedaran para peniaga tentang memperbaharui lesen pendaftaran perniagaan. Sebab pada satu laporan yang saya terima di mana dalam satu tahun sahaja lebih kurang 7 juta denda telah pun dikenakan kepada para peniaga, ini disebabkan mungkin ramai yang tidak tahu sama ada tempoh satu tahun ini yang mereka memperbaharui lesen mereka, memang mereka tidak sedar bahawa tarikh telah pun lepas. Dan sukacita saya ingin jelaskan di sini, untuk kita memperbaharui lesen perniagaan ini, kita boleh memperbaharui satu tahun, dua tahun dengan tiga tahun. Tak semestinya satu tahun, mungkin boleh satu tahun, dua tahun, ataupun tiga tahun dan denda yang dikenakan itu memang ikut tempoh berapa lama telah pun lepas tarikh pembaharuan.

Dan satu lagi saya minta supaya SSM dapat memberi kerjasama iaitu mereka pun telah bersetuju untuk menghantar notis peringatan, iaitu kalau para peniaga rasa takut dia lupa tarikh tamat lesen mereka, mereka boleh mohon melalui satu borang bayar RM5, apabila sampai satu bulan sebelum tempoh tamat lesen perniagaan mereka, dapat SSM . hantar notis kepada mereka untuk menyedarkan mereka supaya dalam masa yang cukup itu dapat dia memperbaharui lesen tersebut. Mungkin melalui cara ini, selain daripada kita memberitahu orang awam boleh memperbaharui satu tahun, kalau dia takut dia lupa, dia boleh bayar dua tahun ataupun tiga tahun dan lagi selamat mereka kalau boleh bayar RM5 untuk mereka pohon notis peringatan, mungkin kita dapat mengelakkan daripada lupa ataupun perkara-perkara yang saya rasa tidak perlu kita tanggung denda tersebut.

Yang Berhormat dari Batu Gajah yang sebut tentang.....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Air botol minuman dan mineral *water*.

Tuan Hoo Seong Chang: Sebenarnya untuk makluman Dewan yang mulia ini, harga air mineral dan harga air minuman sebenarnya bukan harga kawalan. Ia cuma merupakan satu harga rujukan ataupun *recommended price*, iaitu supaya kita ingatkan kepada para pengguna, sebenarnya harga yang patut kita rujuk ini misalnya kata 85 sen RM1.20 dan sebagainya adalah satu harga rujukan supaya para pengguna dapat menilai mana tempat yang jual pada harga yang berpatutan, mungkin satu pilihan kepada mereka. Itu bukan di bawah akta untuk kita kawal harga tersebut. Tentang harga....

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau tak dikawal pun

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Gajah dan Sri Gading, mana satu saya nak tanya Setiausaha Parlimen dulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Setiausaha Parlimen.

Cik Fong Po Kuan: Sudah habis jawab tak soalan saya?

Tuan Hoo Seong Chang: Pada Batu Gajah dulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pasal soalan Batu Gajah ini ada kaitan.

Cik Fong Po Kuan: Sokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Setiausaha Parlimen berikan

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Johor jual air ke Singapura satu liter.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, beri peluang kepada Batu Gajah, sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Oh ya, saya setuju

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tapi saya nak tahu apa makna, kepada orang ramai, kepada *consumer* kalau pihak kementerian hanya buat *recommendation of a ceiling price* tapi langsung tidak dipandang berat oleh penjual-penjual minuman ini. Kalau kita tanya ada sesiapa di sini pun pernah beli air minuman pada harga 55 senkah untuk 500ml?

Seorang Ahli: Tak pernah.

Cik Fong Po Kuan: Tak pernah. Dan juga kata, agar orang ramai boleh buat pilihan, kalau kita naik KTM tidak ada pilihan.

Seorang Ahli: [Ketawa]

Cik Fong Po Kuan: *From morning until night you are in the train*, tidak ada pilihan untuk beli air pada harga yang lain. Jadi ini KTM bawah kerajaan, *airport* KLIA, kita boleh pergi hotel juga. Mungkin di Puduraya kita ada pilihan tapi pernahkah sesiapa beli 55 sen untuk air minuman? *I'm not talking about* air mineral, air minuman yang dicadangkan *ceiling price*, menjadi rujukan penjual 55 sen, tak pernah sesiapa beli. Dan Parlimen ini, operator sini RM2, label ialah PWTC, dan saya juga ingin tahu berapakah syarikat pembekal minuman ini yang *manufactured* air mineral, air minuman ini yang telah mendapat kelulusan pihak kementerian. Saya boleh nampak berbagai-bagai beza, Petronas pun ada air minuman label dia sendiri, PWTC ada label dia sendiri, PLUS ada label sendiri, Barisan Nasional ada label sendiri.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Cik Fong Po Kuan: Ada tak masa pilihan raya, ada?

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Jadi saya rasa

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Barisan Nasional itu percumalah.

Cik Fong Po Kuan: Saya nak tahu apakah ada satu penguatkuasaan dari aspek bahawa air minuman yang dibekalkan, yang dijual adalah selamat untuk diminum, kualitinya terjamin selain daripada harga *ceiling price* yang dicadangkan agar dirujuk oleh pembekal atau penjual, ini tidak langsung dipandang berat. Jadi saya pohonlah agar *consumer* kita tidak rugi

setiap kali apabila berkenaan dengan kawalan harga atau cadangan *ceiling* harga ini. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, walaupun saya sebut tadi tentang harga air mineral dan air minuman ini cuma satu harga rujukan, saya sedarlah bahawa memang tempat lain, bukan semua tempat kita dapat bekalan seperti yang membekalkan air mineral ataupun air minuman tu dengan harga rujukan itu. Tapi apabila saya buat lawatan ke tempat-tempat misalnya *supermarket*, *hypermarket* ini memang ada harga. Sebelum itu memang tinggi tetapi sudah turun apabila ada harga rujukan. Saya setuju kalau kita pergi hotel, mungkin kita dapat harga yang sedemikian, kalau memang rasa nak pergi satu tempat yang mungkin mengambil masa yang panjang, nasihat saya mungkin kita bawa sendirilah.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat, saya

Tuan Hoo Seong Chang: *Wait, wait, wait.* Nanti, nanti, saya cuma beri cadangan sahaja, tapi kita di peringkat kementerian akan buat lagi perbincangan dan rundingan kepada pihak-pihak yang tertentu termasuklah di Parlimen mungkin kita akan bincang balik

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading.

Cik Fong Po Kuan: Satu soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Nantilah saya punya *turn*lah, saya punya *turn* baliklah sudah.....

Cik Fong Po Kuan: Sama-sama.

Beberapa Ahli: Lady *first* lah.

Cik Fong Po Kuan: Tadi tak panggil, hari ini orang sekarang.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hayya, apalah awak marah saya apa bikin. Yang Berhormat, saya ingat sampai masanya kementerian kena kawal harga ini. Kita tak boleh biarkan berlarutanlah. Singapura beli air Johor.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu lain Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Nantilah dulu, belum habis saya punya ayat you mana faham saya punya ayat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Satu ribu gelen, tiga sen. Now dengarlah saya punya alasan, you tak sabarlah apa ini, ada kaitanlah ini. Singapura beli air mentah daripada Johor tiga sen seribu gelen.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sekarang perkara yang kita bangkitkan air kota.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Taklah sekejap Tuan Pengerusi, saya hendak bagi contoh supaya jelas faham. Ini Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ini orang Johor, dia faham apa yang saya cakap itu sama, kami dua sama dalam ADUN. Kemudian kita beli air yang

diproses oleh Singapura - tadi air mentah 3 sen 1,000 ribu gelen. Kita beli balik air yang diproses oleh Singapura PUB dia, 50 sen 1,000 gelen. Ini 500 apa benda tadi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini tak akan dapat jawapan daripada Setiausaha Parlimen.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi maknanya, air ini sebenarnya bukanlah harga yang begitu mahal, bukanlah harga begitu mahal tetapi apabila di sini RM1.50, RM2.00 sebotol, ini cekik darah rakyat Dato'. Pihak kementerian bukan saya hendak salahkan tetapi agaknya sampai masanya pihak kementerian kena tengok ini supaya bermaharajalela, apa perkataan yang betul, Jerai tolong saya, bermaharajalela tidak berlaku atau dibiarkan. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Hoo Seong Chang: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya untuk ringkaskan perkara ini saya dengar pandangan-pandangan daripada Ahli Yang Berhormat. Walaupun setakat ini cuma harga rujukan, saya akan bawa pandangan tersebut ini, pada saya pun rasa mungkin munasabah untuk kita bincang dalam kementerian, kalau perlu satu tindakan yang lebih kita akan cadangkan kepada pihak kementerian, kemudian akan buat sesuatu untuk kita selesaikan perkara inilah.

Saya sendiri pun rasa perlu kita fikirkanlah khususnya untuk air mineral atau air minuman.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Selama ini Yang Berhormat pun Yang Berhormat, selama ini Yang Berhormat pun bawa air bersamalah mana-mana pergilah? Biasa, biasa saya bawa sendirilah Yang Berhormat betul. Lima puluh lima sen kena caj.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya kena bawa air Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, ada bawa air kah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tak ada bawa air.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak bawa air ya. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya buang air. *[Ketawa]*

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Pengerusi, saya rasa saya sudah ambil masa yang panjang, tetapi cuma tiga empat perkara saya cepat saya memberi sedikit jawapan di sini iaitu misalnya Ahli Yang Berhormat Kota Melaka mengatakan tentang isu harta intelek ini saya setuju tentang walaupun kita hormati harta intelek tetapi di mana kawasan yang tertentu itu harus kita fikirkan satu persediaan yang lebih konkrit harus kita bincangkan. Saya berterima kasihlah kepada Pemuda MCA Kebangsaan telah pun kemukakan banyak pandangan dan cadangan tersebut dan saya akan membawa perkara ini dalam perbincangan dan juga.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: MCA ada pergi itu Pasir Maskah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, nak bercakap bangun.

Tuan Hoo Seong Chang: Itu luar daripada bandar kita tak pergi. Kemudian bandar Kuching tentang kekurangan simen di Sarawak ataupun Kuching itu memang ada terima laporan

tersebut, mungkin sama dengan keadaan apabila berlaku di negeri Johor, tetapi isu ini kita telah pun ambil tindakan sewajarnya. Mudah-mudahan dalam masa yang tersingkat ini dapat kita selesaikan masalah ini. Saya di sini cuma ingin meminta maaf kepada Yang Berhormat Ipoh Barat dan juga kepada Cheras mungkin kes-kes spesifik ini tidak dapat saya putarkan sekarang dan mungkin dalam masa yang pendek ini saya akan kemukakan secara bertulis kepada Yang Berhormat, saya minta maaf.

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan. Mengenai itu masalah kekurangan simen. Yang saya bangkit itu bukan sahaja itu masalah kekurangan simen tetapi *the reason behind it, the monopoly of cement industry* di Sarawak. Soalan yang saya bangkitkan tadi adakah apa-apa sekatan atau tarif yang akan dikenakan sekiranya peniaga ingin import simen daripada Semenanjung Malaysia ke dalam Sarawak kerana dalam sesi yang lalu, tahun lalu saya ada satu soalan bertulis mengenai soalan ini. Jawapan yang saya terima adalah tidak ada apa-apa sekatan, tetapi semasa saya pergi kastam di Sarawak dan tanya *shipping* agen, mereka kata ada tarif dan yang mana yang betul?

Adakah tarif itu dikenakan oleh Kerajaan Pusat atau kerajaan negeri kerana itu juga berkaitan dengan satu syarikat yang dimiliki oleh isteri dan anak-anak Ketua Menteri Sarawak. Oleh itu mungkin ada terlibat salah guna kuasa politik. Oleh itu, saya ingin tahu adakah apa sekatan atau *condition of tariff* untuk simen diimport ke dalam Sarawak?

Tuan Hoo Seong Chang: Yang Berhormat, terima kasih. Tuan Pengerusi, isu simen ini sebenarnya adalah di bawah kawalan harga dan harga yang ditetapkan oleh kementerian kalau ada sedikit perbezaan mungkin dari segi kos pengangkutan dan sebagainya tetapi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi saya tidak boleh jawab di sini sebab kita ada siasatan tentang perkara ini. Walau bagaimanapun, saya akan memastikan supaya bekalan, yang penting ialah bekalan yang cukup akan diberi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Petra Jaya bangun.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya ingat *last*, Yang Berhormat *last and then we close*.

Tuan Chong Chieng Jen: Ini dia langsung tidak jawab soalan saya bangkit ini. Itu apa kawalan, kawalan harga apa perbezaan harganya? Kenapa di Sarawak satu paket RM12.50 di sini RM3.00, RM4.00. terlalu beza itu besar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tak apa, tak apa. Petra Jaya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Sebenarnya isu simen ini pada saya telah lapuk, ia berlaku dua minggu lepas dan saya sebagai Setiausaha Agung Dewan Setiausaha Bumiputera Sarawak telah menyiasat dan mendapat tahu sebenarnya isu yang timbul adalah berkaitan dengan masalah pembekal, *clinker* ialah bahan untuk membuat simen. Jadi ada kerosakan *clinker* kepada pembekal CMS Cimen, jadi di sinilah timbulnya masalah dan benda ini sebenarnya telah selesai dan kita telah mendapat jaminan daripada CMS Simen yang telah mengimport secara besaran *clinker* daripada luar negara.

Dari segi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bandar Kuching bahawa timbulnya monopoli sebenarnya tidak wujud. Saya setuju dengan Setiausaha Parlimen tadi mengatakan memang tidak wujud sebab simen adalah di bawah kawalan, harga kawalan dan apa yang berlaku ialah disebabkan simen ini kalau kita hendak import daripada luar, kalau kita nak jadi *distributor* mereka memerlukan modal yang besar untuk mengimport dari luar, jadi tak ramai yang mampu menyimpan stok yang banyak tetapi sebab CMS Simen telah membuat simen yang bermutu sama dengan yang ada dijual.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat cukup.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof:jadi ini telah menyelesaikan masalah sebenarnya. Jadi saya tak mahu kalau kita ada anggapan yang sekadar untuk mendapat gimik politik. Jadi Setiausaha Parlimen minta perelaskan sebenarnya kedudukan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup.

Tuan Hoo Seong Chang: Okey, terima kasih Yang Berhormat Petra Jaya. Setakat yang dijawabkan, sedikit penjelasan sedikit kepada.....

Tuan Lim Hock Seng: Bagi peluang saya tanya sedikit.

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat saya ada satu soalan yang sangat *simple question*, ada apa tarifkah dikenakan? Ada apa-apa sekatan *condition* yang akan dikenakan, bolehkah Yang Berhormat pergi siasat? Kastam yang memungut tarif, adakah itu benar?

Tuan Hoo Seong Chang: Saya akan siasat dan segala pertikaian itu dapat kita beri jawapan secara bertulis.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi.....

Tuan Hoo Seong Chang: Saya rasa cukup setakat ini. Saya mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat yang tadi mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa.....

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Jangan lari dahulu, senang, *simple also cannot answer*kah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Gores dan menang.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Hoo Seong Chang: Tidak payah suara lantang macam ini, nanti, nanti kalau *you* ada satu soalan yang boleh saya jawab itu tidak payah sampai tahap itu saya pun ada jawab soalan itu.

Tentang gores dan menang ini saya berkaitan di sini memang kementerian tidak kompromi kepada mana-mana pihak. Kalau terlibat dengan skim cepat kaya ataupun permit termasuk gores dan menang tetap tidak akan ambil tindakan dan segala laporan yang diterima kalau Yang Berhormat ada pun, tolong sampaikan kepada saya, tidak akan kita kompromi tentang perkara ini.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon penjelasan.

Tuan Hoo Seong Chang: Tentang apa?

Cik Fong Po Kuan: Gores dan menang, gores dan menang.

Tuan Hoo Seong Chang: Ok, *last ya? Last.*

Cik Fong Po Kuan: Ya, perkara kes gores dan menang, tadi Yang Berhormat Menteri ada kata 10 kes, 100 kes, 40 kes selesai dan saya pernah rujuk banyak kes gores dan menang memang benar kes selesai tetapi persoalan berapakah syarikat yang telah diambil tindakan?

Kalau kita buat cairan maklumat, RM10 kita boleh tahu syarikat-syarikat yang membuat ini cara gores dan menang ini terletak atas satu kawasan yang sama. Berapakah syarikat yang telah di tutup? Saya rasa....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sabar, Yang Berhormat sabar.

Cik Fong Po Kuan: Saya rasa saya tidak pernah tengok dalam surat khabar mana-mana rampasan pernah dibuat di syarikat. Syarikat ini saya tahu di mana, di Bukit Mertajam, Taman Sri Rambai.

Bukan satu beberapa atas nama beberapa tetapi kawasan yang sama jadi hanya cagak selesai, selesai kami tidak boleh lepaskan, tidak boleh kompromi. Kami hendak tahu berapa tindakan telah diambil? Saya pernah jumpa dengan pegawai *consumer*, dia kata kami tidak boleh tutup,.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Perlahan sedikit Yang Berhormat, perlahan, perlahan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Cik Fong Po Kuan:.....kalau sudah tutup nanti dia tidak boleh pulangkan wang kepada pihak yang menuntut, jadi saya pohonlah satu jawapan yang lebih baik, yang lebih mendalam, yang lebih jelas dan jangan bagi satu *general statement*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat Batu Gajah.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Pengerusi saya tadi sebut tentang 100 kes, 40 selesai itu di bawah Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia. Tentang perkara gores dan menang ini memang ada kita dapat 44 kes yang telah pun dilaporkan dan segala laporan itu kita memang ada ambil tindakan dan kalau ikut nilai sini, nilai rampasan berjumlah RM1.7 juta telah pun kita ambil tindakan. Jangan salah faham yang saya kata tadi 100 kes 40 selesai iaitu mengenai kes-kes telah pun dibawa kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, jadi setakat ini saya ucapkan terima kasih

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Tuan Lim Hock Seng: Bukan saya hendak tanya bila jawapan akan diberi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ha ya, saya punya bila?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia akan bagi nanti.

Tuan Hoo Seong Chang: *I give you in boundary ya?*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sudah.

Tuan Hoo Seong Chang: *I give you in one week.*

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah.

Tuan Hoo Seong Chang: Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah habis sudah dia tutup sudah, dia sudah tutup sudah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak belum sentuh langsung.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia bagi dia kata bagi jawapan bertulis hendak?

Tuan Lim Hock Seng: Kalau tidak bagi?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Hock Seng: Semua janji mahu bagi, mahu bagi satu minggu pun tidak bagi semua.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

5.33 ptg.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM213,761,000 untuk Maksud B.25 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM213,761,000 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM8,000,000 untuk Maksud P.25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM8,000,00 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

**Maksud B.26 [Jadual] –
Maksud P.26 [Anggaran Pembangunan 2006] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala B.26 dan Kepala Pembangunan P.26 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Larut.

5.34 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin turut mengambil bahagian dalam B.26 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, bawah butiran 03002, 12003, 09800, 00613 terima kasih Yang Berhormat Menteri yang turut hadir pada perbahasan ini.

Sebelum itu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kementerian terutama sekali tentang projek Institut Pengajian Tinggi Kemahiran MARA di Parlimen Larut, di mana pembelian tanah telah pun selesai cuma saya ingin bertanya bila tender projek ini akan mula di keluarkan.

Saya Tuan Pengerusi, hendak menyentuh tentang UDA yang merupakan di antara agensi di bawah kementerian ini walaupun UDA tidak disebut dalam bajet ini tetapi ia ada kaitan dengan kementerian. Saya ingin bertanya apakah fungsi UDA sekarang ini? Apakah UDA benar-benar melihat kesungguhan untuk membantu para bumiputera? Kerana dasar penerbitan UDA ini adalah untuk melihat pencapaian kaum bumiputera di kawasan bandar tetapi sejak akhir-akhir ini kita lihat peranan UDA begitu mendukacitakan dan mengecewakan. Bahkan saya sendiri telah berkesempatan secara tidak langsung dengan Pengerusi UDA kebetulan bekas Ahli Parlimen Larut yang sungguh kecewa.

Kalau Pengerusi UDA sendiri kecewa dengan perjalanan UDA bagaimana orang-orang lain? Saya agak hairan, di manakah letaknya peranan lembaga pengarah sebuah agensi kerajaan yang kita tahu mengaut keuntungan yang begitu banyak? Siapa yang tidak kenal UDA? Kalau pengerusi sendiri kecewa dengan fungsi pengurusan UDA ini bagaimana dengan orang lain?

Tuan Pengerusi, kalau boleh kita mintalah supaya UDA ini dirombak semula mengikut landasan ketika objektif UDA inimumula-mula ditubuhkan. Kalau boleh kita tahu UDA ini tertumpu kawasan bandar tetapi apa salahnya UDA ini juga turut kita ubah dasarnya membantu kawasan-kawasan luar bandar. Kalau hari ini U, D, A, UDA *Urban Development Authority* dengan izin kita tukar kita tambah URDA, *Urban Rural Development Authority*, apa salahnya? Untuk membantu memajukan kawasan-kawasan luar bandar bagi membantu MARA, Pengerusi MARA ada di sini daripada kawasan Parit Buntar yang banyak menanggung beban terutama sekali hendak mengutip hutang.

Pada hari ini tahniah diucapkan pada Yang Berhormat Menteri kerana pendekatan melantik, akan melantik agensi-agensi swasta syarikat-syarikat bagi membantu untuk memungut segala hutang hampir RM100 juta. Saya tadi pun hendak sebut Ketua Pengarah MARA juga, terima kasih kerana begitu prihatin tentang Institut Pengajian Tinggi Kemahiran MARA di Larut ini, saya harap dapat dipercepatkan, syabas kepada Ketua Pengarah yang boleh menerima panggilan telefon. Tentang UDA ini tadi Tuan Pengerusi saya bagi contoh, hasil keuntungan di Puduraya sahaja kebetulan dahulu saya pernah menjadi Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan. Kalau mengikut pengiraan secara kasar tidak kurang daripada RM1 juta sebulan keuntungan yang diperolehi oleh UDA di Terminal Bas Puduraya yang hari ini kita lihat terminal bas ini yang didirikan dalam tahun 60an tetapi tidak ada sebarang perubahan.

Saya ingin mencadangkan keadaan Terminal Bas Puduraya ini yang begitu daif, kesesakan dan pernah berlaku kematian penumpang dan Terminal Bas Puduraya ini merupakan satu terminal di tengah-tengah bandar raya menjadi satu mercu tanda. Kalau satu bulan RM1.5 juta kita katakanlah hasil keuntungan dengan bas-bas yang masuk, platformnya disewakan, tempat-tempat perniagaan yang disewakan, tempat jualan tiket yang disediakan apa salahnya UDA membangunkan semula terminal bas ini. Tidak kiralah bangunan 50 tingkat, 60 tingkat dengan lengkap dengan segala hotel, restoran dengan satu terminal bas yang menjadi satu contoh yang baik kepada negara kita ini. Tidak ada sebab UDA yang telah menjanjikan untuk mengubah suai Puduraya ini sudah berkali-kali dengan perbelanjaan saya tidak silap saya RM20 juta tetapi sehingga ke hari ini banyak berbolak-balik. Kerana kita melihat kepentingan awam di terminal bas milik UDA ini. Saya berharap kehadiran Yang Berhormat Menteri akan dapat memberi penjelasan apakah struktur UDA ini perlu diubah mengikut kesesuaian pada masa ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahajalah yang ingin saya sentuh di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kemaman.

5.40 ptg.

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi atas Butiran 00602 – MRSM dan 03004 mengenai Pembangunan Francais.

Tuan Pengerusi, pertamanya saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada kementerian dalam usaha mereka mengembangkan konsep MRSM ke seluruh negara yang begitu berkesan terutama sekali melahirkan ramai pelajar bumiputera yang cemerlang. Di negeri Terengganu sendiri, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih selepas Terengganu berubah kerajaan di bawah Kerajaan Barisan Nasional, pihak kementerian telah bersedia untuk membina banyak MRSM di negeri Terengganu setelah antaranya telah ditutup di bawah Kerajaan PAS

yang lepas dan ucapkan terima kasih juga kerana salah sebuah daripada MRSM akan turut di bina di kawasan Kemaman, tempat saya. Terima kasih banyak.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menyampaikan beberapa pandangan bahawa MRSM begitu berjaya dari segi melahirkan pelajar-pelajar dalam bidang sains tetapi dalam dunia sekarang, sains bukanlah segala-galanya. Pembinaan pelajar-pelajar dalam bidang pengurusan sepatutnya dimulakan di peringkat bawah. Ada baiknya, ada cadangannya yang mengatakan bahawa MRSM patut juga diseimbangkan dengan penubuhan maktab-maktab rendah pengurusan di peringkat yang sama. Mungkin ini adalah cadangan yang sepatutnya dipertimbangkan oleh pihak kementerian.

Perkara yang kedua berkenaan pembangunan francais sebagaimana yang dinyatakan dalam penyata kita bahawa kerajaan di bawah kementerian telah membelanjakan sebanyak RM100 juta bagi Program Pembangunan Francais di mana antaranya ialah Program Francais Siswazah yang saya percaya adalah salah satu daripada usaha kementerian untuk menggalakkan siswazah-siswazah kita dan juga untuk mengatasi masalah siswazah yang menganggur sekarang ini untuk membiasakan diri mereka dengan program-program francais dalam melahirkan usahawan-usahawan baru terutama di kalangan bumiputera.

Ianya sesuai dengan hasrat pihak kerajaan sendiri untuk menjadikan Malaysia ini sebagai salah sebuah daripada *hub* francais di Asia Tenggara. Namun begitu, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian tentang apakah kriteria yang pihak kementerian gunakan untuk memilih peserta-peserta francais ini? Berapakah kejayaannya? Berapa lama mereka dapat bertahan? Berapa banyakkah di antara mereka telah maju dan muncul sebagai usahawan francais yang dianggap berjaya? Dan berapa ramai yang gagal di pertengahan jalan?

Apatah lagi terdapat beberapa pandangan-pandangan yang mengatakan antara syarikat-syarikat yang dipilih oleh kementerian untuk dijadikan *franchisor* untuk melahirkan *franchisees* ini dipilih di kalangan syarikat-syarikat francais yang diragukan kemampuan mereka sehingga akhirnya geran yang diberikan kepada peserta-peserta dikatakan sebahagian besarnya ditelan oleh *franchisor* itu sehinggakan *franchisee* mereka yang menyertai program ini berhadapan dengan kesempitan kewangan dan tidak mampu untuk meneruskan perniagaan mereka di peringkat itu.

Antara isu yang selalu ditimbulkan bahawa *franchisor* yang dicadangkan ataupun yang telah dikahwinkan oleh pihak kementerian tidak mampu untuk menyediakan stok-stok secara konsisten sebagaimana yang dijanjikan dalam perjanjian di antara *franchisor* dengan *franchisee*. Tiada khidmat sokongan yang berterusan antara *franchisor* kerana *franchisor* itu tidak ada kemampuan yang besar. Misalnya, pelajar dikatakan peserta diberikan geran sebanyak RM100,000 tetapi RM40,000 terpaksa dibayar sebagai lesen untuk menggunakan jenama-jenama yang ditentukan oleh *franchisor* yang berkenaan tetapi mereka tidak menyediakan perkhidmatan yang berterusan.

Tiada program ataupun aktiviti pemasaran yang dibuat oleh *franchisor* yang berkenaan sehinggakan mereka membayar yuran untuk pengiklanan tetapi tidak ada iklan yang dibuat oleh mereka, tiada penyelidikan produk, harga bahan mentah yang terlalu tinggi disediakan yang terpaksa dan dipaksa dibayar oleh peringkat *franchisee* dan dikatakan ada penyelewengan dalam sistem *point of sale* di mana pihak *franchisee* bahawa mereka tidak mendapat layanan yang adil di sini. Beberapa isu lain yang ditimbulkan di sini bahawa misalnya ada beberapa *franchisor* yang berkaitan dengan makanan yang tertera di sana dengan produk-produk yang dikatakan mempunyai sijil halal dari JAKIM tetapi sebenarnya sijil yang sebenarnya tidak diberikan oleh pihak JAKIM dan sebagainya. Beberapa isu sebenarnya baru-baru ini ditimbulkan dalam TV misalnya, ada restoran-restoran francais yang dikatakan disokong oleh pihak kementerian yang lantainya menggunakan jubin-jubin yang menggunakan ayat suci al-Quran juga memberikan kesan kepada pengusaha-pengusaha ataupun usahawan-usahawan berkenaan.

Saya kira ini mungkin pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh mereka yang baru menceburkan diri dalam industri francais ataupun usaha-usaha yang seperti ini. Banyak yang mengatakan bahawa kelemahan-kelemahan *franchisee* kerana mereka sendiri tidak mempunyai disiplin sebagai usahawan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka memenuhi keperluan-keperluan untuk berada dalam satu industri francais yang memerlukan disiplin yang tinggi. Sebab itulah kita ingin tahu, kenapa mereka ini dipilih?

Sekarang ini orang katakan mengapa siswazah masih menganggur? Kalau menganggur, mereka ini tidak ada keupayaan. Mengapa mereka ini tidak dipilih di kalangan yang sanggup bekerja di dalam industri francais yang lain? Misalnya pelayan di *Kentucky Fried Chicken*, di *McDonald* dan sebagainya tidak dipilih di kalangan mereka yang sudah membiasakan diri dengan disiplin-disiplin yang tertentu. Saya kira sudah tentu pihak kementerian ada jawapannya untuk diberitahu kepada Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Santubong.

5.48 ptg.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun sealiran dengan Yang Berhormat bagi Kemaman, khususnya berhubung dengan pembangunan usahawan.

Tuan Pengerusi, sebelum itu saya ingin bertanya kepada kementerian berhubung dengan Perbadanan Kemajuan Negeri di bawah 00113 – Sarawak. Ada peruntukan RM3.5 juta yang diagihkan. Persoalan saya ialah berbangkit daripada apa yang berlaku tiga, empat tahun lepas yang mana kementerian telah bersetuju menubuhkan tempat perhentian di sepanjang jalan dari Miri ke Kuching yang sepanjang 973 kilometer, tidak ada satu pun tempat perhentian R&R. Jadi kadang-kadang kita melihat sepanjang jalan. Saya dalam dua, tiga minggu ini ada pergi ke

tempat yang tidak jauh, 400 kilometer saja ke Saratok. Jadi, saya nampak kadang-kadang kita melihat orang berhenti di tepi jalan, berselindung di sebalik lori ataupun bas atau pun keretanya "melepas", oleh sebab tidak ada tempat lain hendak dibuat.

Jadi, cadangan yang dibuat tiga tahun lepas, apa telah terjadi dan adakah perancangan untuk meneruskan keperluan itu oleh sebab kalau kita lihat secara kenyataannya memang betul bahawa keperluan untuk mengadakan arena perhentian bas, lori dan kereta di sepanjang perjalanan itu perlu dibuat. Apakah masalah yang dihadapi kalau perkara itu tidak dibuat?

Yang kedua, Tuan Pengerusi ialah berhubung dengan pembangunan usahawan. Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kemaman tadi, saya memang bersetuju bahawa salah satu daripada masalah pembangunan usahawan ialah berhubung dengan latihan dan dorongan yang awal kerana anak-anak bumiputera tidak mempunyai latihan ataupun amalan yang mereka warisi daripada ibu bapa mereka. Oleh sebab itu, mereka tidak melihat berjual di kedai sebagai seorang usahawan ataupun peniaga. Jadi mereka mempunyai latar belakang yang begitu pendek sekali untuk menjadi seorang usahawan.

Dalam bidang pengurusan, banyak bijak pandai telah menyebutkan bahawa kepakaran daripada sains dan matematik adalah tidak mencukupi menjadi seorang usahawan. Kalau kita lihat *scientist-scientist* daripada dunia *Eastern Europe* dahulu mewakili 40% daripada *scientist-scientist* dan para bijak pandai tetapi tidak keluar ke *market place* oleh kerana tidak ada pengurusan yang bijak dan pandai kalau dibandingkan dengan Amerika.

Jadi dalam keadaan sedemikian, kita mesti membimbing anak bangsa menjadi pengurus dari awal lagi. Cuba dekat-dekat dengan pengurusan keusahawanan. Memang elok sekali kalau kita mengambil orang yang telah terlibat dengan industri itu macam mana yang disebut oleh Yang Berhormat Kemaman. Sekali lagi saya hendak menyokong soalan ini kerana inilah kalau kita hendak betul-betul membangunkan bumiputera dalam bidang ini kita kena melihat strategik apa pendekatan yang kita buat. Dan dalam keadaan yang sama juga pegawai pelatih yang memberi latihan kepada inkubator-inkubator MARA di seluruh negara umpamanya, persoalan saya, adakah mereka mempunyai latar belakang, pengalaman dan pengetahuan yang khusus untuk melatih usahawan.

Sebenarnya kalau kita kaji ilmu keusahawanan ini susah hendak melatih, melainkan orang itu meminati bidang-bidang tertentu kerana keusahawanan itu bukan satu ciri-ciri perdagangan sahaja, jual beli macam itu sahaja. Ciri-cirinya jauh lebih banyak dan lebih mendalam daripada itu termasuk minda, tingkah-laku, perangai (*tribute*) semua sekali kepada seseorang. Jadi ini memerlukan satu budaya yang kena kita perkenalkan kepada mereka yang mengambil bahagian dalam apa-apa sahaja latihan.

Ekoran dari sini saya ingin bertanya dengan pihak menteri dan kementerian apakah perhubungan ataupun kerjasama yang telah dibuat oleh pihak kementerian dengan pihak-pihak lain umpamanya MARDI, FAMA dan sebagainya kerana pihak MARDI dan FAMA banyak

membuat penemuan-penemuan produk yang baik-baik. Umpamanya pihak MARDI mempunyai pengeluaran pelbagai sos cili, bermacam-macam sos dan bermacam-macam kuih-muih dan produk lagi dan mempunyai mesin-mesin untuk mengeluarkan benda-benda itu. Tetapi malangnya usahawan kita tidak mengetahui di mana hendak mencari dana untuk membeli benda-benda ini supaya boleh mereka terlibat dengan perkara ini.

Jadi pendekatan mestilah dibuat dengan pihak-pihak penyelidik ini dengan kementerian ataupun jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang mempunyai dana untuk memberi dana kepada usahawan-usahawan yang ingin terlibat dengan perkara yang sama supaya jangan yang kiri bercakap yang kanan tidak tahu, yang kanan buat tapi kiri tidak tahu. Kita kena bekerjasama dengan mana-mana agensi barulah kita boleh membangunkan satu komuniti usahawan yang mendapat saingan di luar kerana masalah yang dihadapi oleh pihak usahawan bumiputera ialah daripada segi *capital* ataupun sumber kewangan.

Rata-rata bank-bank kita di seluruh Malaysia memang tidak membantu usahawan-usahawan kecil-kecilan khususnya usahawan bumiputera yang tidak mempunyai harta benda. Bila hendak pinjam di sini, tanya tanah cagaran dipinta, pinjam di sini tanah cagaran dipinta termasuklah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani umpamanya. Kalau hendak pinjam sumber kewangan walaupun mana-mana program pun, itulah kenapa orang Sarawak tidak boleh buat apa-apa benda kerana tanah adat itu tidak ada *title*, tidak boleh dicagar kepada pihak bank.

Jadi, dalam keadaan sedemikian kita mencari satu mekanisme macam mana hendak membantu usahawan-usahawan ini supaya dana mencukupi disediakan dan tidak mempunyai syarat-syarat yang begitu menekan sangat supaya dapat membantu masyarakat bumiputera yang tidak mempunyai harta benda yang hendak dicagar ataupun digadaikan ke pihak bank. Jadi Tuan Pengerusi, sekian sahaja perbincangan sahaja dan saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey, Jerai. Lepas itu.....ya, Jerai.

5.24 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya hendak mengucapkan tahniah dan syabaslah kepada menteri dan semua keluarga Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang pada saya kira sejak saya melihat daripada dahulu sampai sekarang dia ada peningkatan dari segi matlamat penubuhan kementerian itu sendiri. Walaupun kita terpaksa membetulkan sedikit demi sedikit tetapi kita boleh melihat kejayaan untuk menguasai kaum bumiputera di dalam bidang keusahawanan, pendidikan dan sebagainya.

Cuma Tuan Pengerusi, saya melihat tadi memang betul-betul di dalam kementerian ini UDA sudah tidak ada lagi. Ini bermakna UDA sudah di luar bidang kawalan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Bermaknanya UDA bukan lagi milik. Itulah fahaman saya apabila tidak ada di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Jadi saya hendak minta daripada Yang Berhormat Menteri supaya memperjelaskan kepada Dewan yang mulia ini dan juga masyarakat status kedudukan UDA sama ada UDA ini telah di MBO kan secara sah ataupun oleh pihak pengurusan. Kalau telah di MBO kan.....

Seorang Ahli: MBO?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:*management by out*, adakah ini benar dan kalau ini benar adakah ini mendapat kelulusan daripada pihak menteri ataupun pihak kerajaan kerana ini adalah pusaka kita yang telah kita amanahkan. Satu agensi yang kita amanahkan untuk meletakkan bumiputera kita di dalam tempat-tempat yang begitu strategik, membangunkan imej orang bumiputera supaya orang bumiputera yang kurang berkemampuan ini dapat berada di dalam ruang-ruang perniagaan yang lebih baik untuk bersama-sama dengan bukan bumiputera untuk kita mengaut sedikit keuntungan daripada pertumbuhan ekonomi negara. MARA telah berjaya dari segi matlamat dan penubuhannya.

Tuan Markiman bin Kobiran: [*Bangun*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Hulu Langat.

Tuan Markiman bin Kobiran: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya Jerai. Berkenaan dengan UDA yang telah di MBO atau telah dihilangkan daripada senarai ini Yang Berhormat Jerai, saya mohonlah kalau Yang Berhormat Jerai dapat panjangkan kepada pihak kementerian adakah ketika melelong, menjual atau melupuskan UDA ini pihak kementerian kembali kepada Dewan yang mulia ini atau kepada pertimbangan pihak kerajaan atau kepada pertimbangan badan-badan yang dahulunya menyuarakan peranan UDA terutama sekali untuk membantu bumiputera memiliki premis-premis perniagaan di kawasan bandar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya amat bersetuju dengan sahabat saya Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Fasal kita hendak tahu ini adalah satu badan amanah yang cukup besar. Fasal baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan kita ada pula Yayasan Amanah Harta yang sepatutnya tidak wujud dah kerana ada UDA. Tetapi mungkin kerana UDA telah gagal ataupun telah dipesongkan matlamat penubuhannya menyebabkan kerajaan memikirkan satu cara iaitu dengan mengadakan Yayasan Amanah Harta.

Saya difahamkan UDA juga telah menjual sahamnya kepada kumpulan-kumpulan tertentu. Kalaulah kita sayangkan UDA, Yang Berhormat Menteri, saya minta kepada Yang Berhormat Menteri supaya menyelamatkan UDA kerana UDA banyak juga telah.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terkejut saya. [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan ke tidak, Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bagi, bagi. Tidak bagi pun tidak boleh ini. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya setuju dengan Jerai. UDA ini amanah. UMNO memberikan amanah tubuhkan UDA untuk menentukan Melayu mempunyai hak hartanah di bandar. Amanah besar betul. UMNO kata amanah besar! Kerajaan kata amanah besar! Menteri kata amanah besar! Pihak pengurusan.....

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Kata apa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pihak pengurusan menyelewengkan tujuan asal kerana kepentingan-kepentingan tertentu. Dosa siapa hendak kita tanggung? Dosa siapa? Ini masalahnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: UMNO, kerajaan, pemimpin berusaha bersungguh-sungguh hendak menentukan Melayu ada muka di bandar.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:tapi kerana pengurusan gagal dosa ini harus dipupuk di atas batu jemala pengurusan!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tindakan-tindakan harus dilakukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, ini bukan soal cukup. Ini masalah maruah Melayu. Gagal. Saya ingat Tuan Pengerusi, UMNO memperjuangkan Melayu ini tidak berhenti-henti tetapi pegawai-pegawai yang mengendalikan amanah ini curang, khianat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita harap Jerai yang juga bersemangat Melayu ini harus kita semua penuh dengan kesedaran. Kita tunggu jawapan Menteri, *final* dia dalam Parlimen ini. Terima kasih Tuan Pengerusi memberi laluan kerana hendak meluahkan rasa kekecewaan kepada agensi yang begini berharga kepada Melayu, tetapi digagalkan oleh Melayu sendiri. Terima kasih Jerai.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai, oleh kerana tidak ada kepala sekali imbas pun cukuplah, nanti Menteri jawablah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia tidak ada kepala tetapi ada ekor Tuan Pengerusi. Ni saya sedang pegang ekor. Saya bersetuju cuma nada petang ini saya *slow* sikit kerana kecewa, kerana *frust*. Saya merasakan.... bukan menangis, tetapi saya merasakan apakah bangsa saya sendiri pun yang kita amanahkan buat kerja macam ni. Apa erti kekayaan di atas penyeksaan dan pengkhianatan kepada bangsa. Apakah kita hendak kesenangan, kekayaan dunia dan kita menggadaikan hak maruah bangsa kita Sri Gading!

Jadi saya mengharap kepada Menteri walaupun telah terlepas saya mintalah gunalah kebijaksanaan Menteri yang muda, yang tidak cakap banyak tetapi buat kerja supaya Khazanah beli balik hak yang telah kita jual itu dan ambil balik bubuh bawah kementerian dan carilah pengurusan yang amanah, pengurusan yang mempunyai semangat kasih sayang kepada bangsa ini untuk menguruskan semula, untuk meletakkan martabat bangsa kita di persada perniagaan di Malaysia ini. Kita tidak boleh kata orang kita tidak boleh berniaga. Saya ada sahabat, dia berniaga cucuq sahaja orang Kedah kata, "Kuih". Kalau kita beli macam tepung talam, cucuq badak, spera, ni namanya cucuq.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Di Johor kata cucuq tu cucuklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Bukan, bukan. Ini saya hendak *clear* takut orang silap, kadang-kadang saya kata lain orang faham lain. Cucur atau orang belah Kedah kata, "Cucuq", macam cucuq kodok, cucuq pisang itu cucuqlah kuih-kuih tradisi Melayu. Di KLCC nama dia "La Cucur" dan pemilik dia adalah di sebelah saya daripada Arau, isteri dia berniaga. Tuan Pengerusi tahukah dia sanggup bayar RM25,000 sebulan sewa tapak di KLCC untuk berniaga. Ini bermakna orang kita boleh berniaga, boleh pi duduk tang tu, boleh berniaga. Kalau tidak boleh RM29,000 lari dah. Satu bulan RM29,000 cuma jual cucuq sahaja. Tak tahulah Arau dia buat cucuq kodok macam mana dia ramas saya tidak tahu. Jadi maknanya orang kita boleh, memang perniagaan bukan perkara yang mudah.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ketereh bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Ha, bila mai? Apa khabaq?

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Sila, sila. Macam mana Kelantan bagus?

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Alhamdulillah, Pengkalan Pasir insya-Allah menang. Terima kasih Jerai, saya terdengar di luar Dewan tadi Yang Berhormat bercakap mengenai UDA. Saya juga terpanggil untuk bercakap sedikit hendak tambah. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Bila sebut soal UDA, UDA ini apabila ditubuhkan dahulu ia ada satu *authority*, ada satu kuasa untuk mengambil alih mana-mana premis, membeli atau memiliki mana-mana tempat dalam bandar untuk dijadikan tempat perniagaan dan diberikan kepada bumiputera, itu semasa UDA duduk di bawah kerajaan, tetapi apabila UDA sudah menjadi *public listed* sudah dikuasai oleh orang lain tidak kerajaan, maka kuasa ini sudah tidak ada. Maka apakah pandangan Yang Berhormat kehilangan kuasa ini menyebabkan kita sudah tidak ada ... UDA sudah tidak ada taring. Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya kuasa ini dikembalikan kepada UDA dan UDA kembali seperti *function* yang asal. Ini adalah pusaka daripada Tun Abdul Razak yang mahu melihat Melayu berjaya di bandar. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Ketereh. Sebab itulah tadi saya mengatakan bahawa ...saya sebak ni Tuan Pengerusi, walaupun Sri Gading dengan penuh ni... saya sebak sebab saya merasakan pusaka kita ini telah hilang. Pusaka di mana harapan anak bangsa kita ini menumpang mencari sedikit rezeki di bandar-bandar besar telah pun hanyut disebabkan pengkhianatan pihak pengurusan. Kalau zaman dahulu kala siapa yang khianat kepada perjuangan disula, ini zaman dahulu. Zaman yang tidak ada, siapa juga, betul tak Sri Gading? Siapa sahaja yang mengkhianati perjuangan bangsa disula.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, gulunglah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak kira disula kot mana? Tetapi hari ini saya minta daripada Yang Berhormat Menteri, boleh lagi kita pujuk elok-elok ambil balik pasal tanah ni *prime* yang diberi oleh kerajaan kepada mereka. Patutkah terlepas? Kita ada anak bangsa yang keluar dari universiti, yang berkelulusan, yang berpengalaman, yang berkebolehan

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Lailahaillallah, Tuan Pengerusi, astaghfirullahal'azim.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Daripada tadi UDA, saya ingat Menteri dah faham juga tu. Empat orang sudah cakap pasal UDA.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ok, saya pergi pasal DARA pula. Kalau tidak ada UDA kita pergi pula pasal DARA. Saya hendak mengucapkan terima kasih. Terima kasihlah kepada kementerian kerana Tekun. Tekun ni bagus, pasal orang luar bandar berniaga jual nasi, jual apa semua bolehlah pinjam duit sedikit sebanyak.

Sebenarnya Tuan Pengerusi, hendak menjadi orang berniaga ni bukannya mudah. Hendak suntik budaya berniaga kepada seseorang itu bukan mudah. Kita tengok orang Tionghoa berniaga, tetapi depa susah kita tidak nampak yang kita nampak masa depa senang sekarang ni. *[Bercakap bahasa Mandarin]* Dengan izin.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tu dia nak mai pi kot tulah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah habis.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bercakap bahasa Mandarin]* Dia berniaga. *[Bercakap bahasa Mandarin]* Dia orang berniaga tidak makan tidak tidur berusaha, barulah dia berniaga hari ini. Kepong *[Bercakap bahasa Mandarin]*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ok, jadi Tekun usaha, tolong dan bangunkan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya telah beri peluang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sikit lagi, sikit. Tuan Pengerusi cukup baik. Saya tahu, kita bubuh seorang tokoh politik dalam Bank Rakyat hari ni Bank Rakyat bayar dividen banyak mana? Ni Bank Rakyat di bawah kementerian ni juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dividen 14%-15%, ni dia orang hendak masuk pi, pasal apa? Sebab pengurusannya bagus. Tidak begitukah Tuan Pengerusi? Tuan Pengerusi biasa jadi Chairman, saya tahu. Masa tu Tuan Pengerusi jadi *Chairman* Bank Rakyat untung. Sekarang pun untung, pasal apa? Pasal pengurusan bagus. Padahal waktu tu kalau Tuan Pengerusi hendak jual pun boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, sudah lebih 3 minit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: 3 minit Tuan Pengerusi ye!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Last sekali Tuan Pengerusi, saya hendak kepada kementerian, terima kasihlah. Saya difahamkan bahawa institut pengajian tinggi akan dibuat di Yan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Amboi terima kasih pun tak boleh ni. Kesianlah. Jadi terima kasih Dato' Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain pun hendak cakap juga Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tolonglah, di Yan pun tidak ada apa, jadi kalau masuk institusi pengajian tinggi ni bolehlah anak-anak kampung mengaji. Yang lain-lain tu tak apalah, sahabat-sahabat saya siapa yang hendak tolong tanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Bukit Bintang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Oklah, terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih.

6.08 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk Butiran 010100 - Pentadbiran dan 010200 - Usahawan dan 010300 - Pembangunan.

Tuan Pengerusi, tidak boleh sesiapa pun menafikan bahawa MARA adalah satu Majlis Amanah Rakyat bumiputera ditubuhkan khususnya untuk membentuk, melatih dan mewujudkan usahawan bumiputera dan mempertingkatkan tahap usaha niaga dan sektor perdagangan dan

perindustrian. Untuk ini MARA telah ditugaskan menjalankan lapan aktiviti iaitu perkhidmatan, penganjuran pelajaran, pendidikan menengah, kemahiran, pendidikan profesional, usahawan dan kenderaan. Peruntukan yang sedia ialah RM230,342,600.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya, jika bumiputera itu kaya mempunyai harta dan tokoh korporat besar, apakah mereka juga akan memohon bantuan MARA?

Jika ya, maka dasar sebenarnya dan dasar MARA sudah seleweng. Akan tetapi jika benar MARA untuk membantu golongan miskin dan tidak berada di kalangan masyarakat bumiputera, itu adalah wajar dan disokong.

Tuan Pengerusi, akan tetapi dalam hubungan hari ini, usaha MARA untuk membantu golongan miskin, rakyat bumiputera hendaklah diperluaskan. Istilah bumiputera itu hendaklah diberikan taksiran semula supaya meliputi rakyat Malaysia sebagai keturunan lahir di Malaysia, asalnya mereka miskin, daif dan perlu dibantu. Saya tidak minta MARA menyediakan kuota yang besar, memadai pada peringkat permulaan, MARA boleh menyediakan kuota kecil seperti 10 hingga 20 peratus untuk rakyat Malaysia di perbagai keturunan yang miskin.

Saya sering didatangi aduan ibu bapa, warga negara Malaysia sebagai keturunan yang miskin, yang berpendapatan tidak tetap tentang kesukaran mereka untuk memasukkan anak mereka dalam pendidikan kemahiran selepas tamat sekolah menengah kerana ketidakmampuan mereka untuk mendaftar mereka di institusi swasta yang mengenakan yuran yang tinggi. Apakah ruginya sebanyak 10 hingga 20 peratus disediakan untuk pelajar sekolah menengah berbagai keturunan jika dibandingkan dengan 8 hingga 90 peratus tempat untuk bumiputera.

MARA kena mulakan proses mengintegrasikan rakyat dan program untuk semua rakyat bagi menghadapi cabaran 2020 supaya percubaan tahap demi tahap dilaksanakan. Dengan ini, kita tidak akan jumpa rakyat Malaysia berbagai keturunan tercicir dari arus perdana pembangunan negara. Kerajaan mengalu-alukan sektor swasta yang berjaya membantu kerajaan mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang berdaya saing dengan masyarakat perdagangan dan perindustrian Malaysia yang lain, apakah caranya? Kerajaan hanya menggalakkan tetapi tidak memberi jalan yang boleh menarik minat mereka.

Salah satu cara ialah kerajaan hendaklah mewujudkan program menaja angkat usahawan bumiputera yang baru berlatih, termasuk syarikat rakyat Malaysia yang lain, oleh syarikat korporat yang besar dengan mewujudkan satu Unit Menaja angkat Usahawan dalam syarikat mereka, yang mana kerajaan hendaklah menyediakan insentif yang sesuai, insentif cukai. Pelepasan cukai korporat, menyalurkan subsidi latihan oleh kerajaan kepada syarikat ini supaya ia boleh melatih syarikat yang menjadi anak angkat.

Kerajaan boleh menjimatkan kos negara dalam aspek memberi latihan kepada golongan usahawan baru. Tidak ada syarikat korporat yang sanggup berbelanja besar untuk membuat kerja-kerja ini tetapi atas nama untuk mempercepatkan proses membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian di negara ini, kerjasama seumpama ini amat diperlukan. Sebagai

mengenang budi syarikat-syarikat kecil yang berjaya setelah ditaja angkat ini, bolehlah memberi sagu hati kepada syarikat menaja angkat sebagai membalas jasa. Sikap bergotong-royong dan saling bekerjasama dan bantu-membantu itu boleh menyegerakan integrasi antara pelbagai lapisan rakyat dan keteguhan sebahagian mereka menjunjung semangat Malaysia.

Tuan Pengerusi, sekarang ini wujudlah jurang yang dalam antara berbagai golongan rakyat dan perniagaan di antara satu sama lain tidak bersatu-padu dan hidup berprasangka. Untuk menghapuskan ini, kaedah yang saya sebutkan tadi boleh menguji kaji dan diperbaiki dari masa ke semasa supaya golongan dan peluang serta kejayaan ekonomi Malaysia dapat diagihkan sama rata. MARA boleh menjadi pangkalan untuk melaksanakan ujian ini dan nama serta peranannya hendaklah ditukar sebagai Majlis Amanah Rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

6.15 ptg

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Sabak Bernam ingin menyentuh, pertama Butiran 01502 – Tabung Ekonomi Usaha Niaga - yang menyokong apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jerai berkaitan dengan TEKUN. TEKUN adalah satu-satunya pinjaman kewangan yang cukup memberi kesan yang baik kepada rakyat di luar bandar. Sabak Bernam sangat menghargai projek ini dan Sabak Bernam ingin mencadangkan supaya pinjaman TEKUN ini dikembangkan bukan setakat projek runcitan tetapi juga boleh mencakupi projek tanaman kontan dan penternakan, yang dalam tempoh 3 ke 7 bulan projek itu boleh mendatangkan pulangan yang akan membolehkan petani itu membayar balik pinjaman tersebut.

Itu perkara yang pertama dan perkara yang kedua, Sabak Bernam ingin mencadangkan supaya satu jawatankuasa pembangunan usahawan dan koperasi di peringkat daerah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Ahli Parlimen sendiri supaya Ahli-ahli Parlimen ini dapat memainkan peranan yang khusus secara aktif untuk memastikan bahawa hasrat, wawasan kementerian ini untuk membangunkan usaha di pelbagai peringkat, khususnya di peringkat kawasan masing-masing dapat dijayakan. Jadi dalam jawatankuasa ini, bolehlah dimasukkan antara lain, MARA, begitu juga dengan institusi kewangan dan jabatan-jabatan yang lain seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan dan jangan ketepikan yang penting Jabatan Belia.

Ini kerana Sabak Bernam yakin bahawa kementerian ini boleh menjadi satu kementerian yang boleh membantu secara khusus membangunkan usahawan belia di peringkat kawasan yang akan membolehkan mereka mempunyai pendapatan RM1 ribu ke atas kalau di Sabak Bernam dan ini akan mengelakkan dan mengurangkan penghijrahan belia ke bandar. Ini akan membolehkan belia mengembalikan identiti mereka. Kalau ini dapat dibantu Sabak Bernam yakin bahawa persatuan-persatuan belia yang malap ataupun lemah di peringkat daerah ataupun khususnya di peringkat kawasan Parlimen dapat dibantu.

Yang Berhormat akhir sekali, di kawasan Sabak Bernam sedang dibangunkan satu bandar ilmu. Jadi, di kawasan ini terdapat institusi pendidikan dan latihan seperti Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Politeknik dan yang baru siap bernilai RM60 juta, Institut Perakaunan Negara. Jadi, di kawasan ini Sabak Bernam ingin mencadangkan supaya satu Institusi Kemahiran MARA dapat dibina kerana kita telah mengenal pasti ataupun telah membuat *survey*, kajian kawasan Utara Negeri Selangor dari Kuala Selangor sampai Sabak Bernam, begitu juga dari kawasan Bagan Datok ke Perak. Kawasan-kawasan ini tidak ada lagi institusi seperti ini. Jika ia dibina, kita yakin bahawa ia akan memberi manfaat yang sangat besar kepada belia-belia kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sepanggar, selepas itu Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, selepas Yang Berhormat bagi Tanjong. Selepas itu pula Menteri menjawab.

6.19 ptg.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi,. Saya ingin menyentuh mengenai Butiran 00608 - Penilaian dan Kaunseling/Bimbingan Usahawan. Sememangnya kaunseling atau bimbingan ini kita alu-alukan agar usahawan-usahawan dapat meneruskan perjalanan perniagaan dan juga pengusahaan mereka sendiri. Tetapi ingin saya mohon penjelasan, berapa ramaikah yang telah mendapat peningkatan setelah diberi kaunseling dan bimbingan di tempat-tempat di seluruh negara ini? Dan, berapa ramaikah yang telah berjaya untuk meneruskan perusahaan mereka.

Seterusnya saya ingin juga menyentuh mengenai Program Giat Mara ini di mana sejak program dijalankan, ramai muda-mudi bumiputera yang telah berkecimpung dalam pengusahaan dan juga pembinaan dalam semua bidang. Apa yang dikesalkan ialah kita tidak mempunyai susulan untuk mempertingkatkan lagi daya upaya serta memberi bahan-bahan yang baru untuk mempertingkatkan pengusahaan dan juga program-program peningkatan mengenai Giat Mara ini.

Memang tidak dinafikan bahawa program ini telah memberi banyak kemudahan-kemudahan khasnya kepada muda-mudi kita di luar bandar dan saya mohon agar program ini dapat diperbesarkan dan diperluaskan di tempat-tempat semua kawasan Parlimen jika tidak ada halangan untuk mempertingkatkan dia.

Satu lagi ingin saya sentuh di sini mengenai Butiran 03005 Masyarakat Perdagangan, Perindustrian Bumiputera. Ini saya rasa memang banyak telah memberi tunjuk ajar dan juga mempertingkatkan daya perdagangan dan perindustrian bagi bumiputera. Tetapi ini juga telah kita dapati bahawa tidak begitu banyak bumiputera yang betul-betul ke tahap yang boleh dibanggakan. Bolehkah kita cadang agar kita harus bergabung dengan kaum-kaum yang lain yang kita tahu bahawa memang kaum-kaum yang lain misalnya daripada kaum Tionghua di mana mereka telah begitu berjaya dalam bidang-bidang seperti ini supaya kita dapat betul-betul

memberi satu penggemblengan usaha untuk perdagangan dan perindustrian ini. Oleh kerana memang bagi bumiputera ini saya rasa ini bukan kita tidak dididik dari kecil maka sebab itu mungkin kita tidak dapat begitu, perjalanan itu tidak begitu menonjol bagi kaum bumiputera.

Saya juga ingin menyentuh mengenai 04000 Pusat Pembangunan Kemahiran di mana Pusat Pembangunan Kemahiran ini memang baik sekali dan saya cadangkan agar setiap daerah atau pun kawasan Parlimen supaya diadakan pusat seperti ini. Dengan ini saya menyokong.

Tuan M. Kula Segaran: [Bangun]

Tuan Chow Kon Yeow: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Barat.

6.24 petang

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lima minit.

Tuan M. Kula Segaran: Ya Tuan Pengerusi saya ingin bahas mengenai 020000 mengenai pembangunan dan Koperasi. Tuan Pengerusi Koperasi memainkan satu peranan yang besar dalam arena ekonomi. Saya ingin hendak tahu berapa Koperasi yang telah didaftarkan dan di antaranya berapa Koperasi yang masih aktif dalam negara ini.

Bukankah betul banyak di antara koperasi-koperasi ini yang nampaknya menjalankan perniagaan tetapi tidak membawa keuntungan bukan sahaja bagi ahli-ahli koperasi tetapi juga kepada pihak-pihak yang *joint venture* dengan mereka, di mana dikatakan banyak koperasi yang saya sendiri tahu yang terlibat dalam kemahiran untuk *oil palm industries* dikatakan pihak-pihak usahawan-usahawan kecil memberi tanah-tanah mereka kepada Koperasi untuk mengusahakan *oil palm-oil palm* tersebut tetapi banyak di antara tempat-tempat di mana tanah-tanah itu diberi semua itu tidak menjalankan perniagaan tersebut, tidak membayar dividen-dividen itu, apakah kawal selia yang sedang dibuat oleh Koperasi kementerian ini.

Bolehkah kementerian memberitahu sebanyak berapakah penglibatan, saya tahu Koperasi banyak di antara koperasi-koperasi yang sedia ada juga membawa keuntungan dan ada koperasi-koperasi tanah yang saya sendiri tahu lebih dari dua tiga bilion yang mereka ada. Itu ada yang banyak yang baik tetapi ada banyak di antaranya juga yang menyeleweng dari matlamat yang ia dibenarkan ditubuhkan. Jangan kita lupa banyak pada tahun 90-an banyak *corporative-corporative* telah di, *corporative* macam Central Corporative Bank telah menjadi muflis dan telah ditutup apa terjadi kepada harta bendanya, apakah terjadi kepada pemegang-pemegang syer kepada Corporative Central Bank.

Setakat ini ramai di antara mereka atau semua pemegang-pemegang syer tidak mendapat apa-apa wang balik walaupun syarikat itu telah muflis dan ada banyak wang di antaranya. Juga baru-baru ini juga kita baca di surat khabar ramai di antara kakitangan kerajaan yang tidak mengambil apa-apa wang gaji balik bila cukup bulan. Apa terjadi bila banyak di antara

koperasi dibenarkan menggunakan khidmat ANGKASA memotong gaji sampai bukan setakat 60% lebih dari 60% kakitangan kerajaan ini adalah satu proses yang unik di mana pihak lain mana-mana pun tidak dibenarkan memotong gaji kakitangan kerajaan melainkan hanya koperasi-koperasi melalui ANGKASA.

Apakah ia dibenarkan apakah kawal selia yang dibuat oleh kementerian supaya kakitangan kerajaan tidak lagi menjadi *hiding and running away* kerana tidak ada cukup wang pemotongan mereka yang dibenarkan atau diwajibkan dari segi undang-undang melibatkan mereka dalam situasi muflis. Apakah tindakan yang diambil oleh kementerian ini supaya perkara ini tidak terjadi dan kita semua tahu banyak *corporate* di benarkan menjual harta benda elektrik dan sebagainya kepada kakitangan kerajaan walhal banyak di antaranya tidak pernah dijual hanya transaksi wang yang tukar tangan.

Benda itu barang-barang elektrik yang dikatakan dibeli oleh pihak-pihak kakitangan kerajaan tidak dibeli hanya koperasi-koperasi itu menggunakan modal wang sahaja dan pemotongan gaji ini dan ini meluas. Ini mengakibatkan ramai di antara kakitangan-kakitangan kerajaan terpaksa meminjam wang dari Along.

Tuan Pengerusi selain dari itu saya juga ingin merujuk kepada 010800 iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri terutamanya di negeri Perak di mana di katakan sebanyak RM247 juta telah diagihkan beberapa projek beberapa tahun ini. Kita semua tahu di negeri Perak seberapa lama Perpaduan Kemajuan Negeri Perak hampir-hampir muflis tidak ada keuntungan hanya yang menguntungkan adalah pekerja-pekerja dibayar gaji, gaji pun dibayar lambat tetapi bangunan-bangunan yang ditubuhkan seperti di Simpang Pulai dan di Jelapang semua itu tidak memberi apa-apa keuntungan. Di Jelapang di mana bangunan 20 tingkat kalau dibina lebih 3 tahun dahulu menjadi satu *white elephant* apakah kawal selia yang dibuat oleh kementerian ini supaya bukan sahaja kita mengagihkan wang-wang kepada pihak-pihak berkenaan tetapi juga memberi ajaran-ajaran yang tertentu mereka perlu mengikuti sistem di mana bila meminta wang atau mendapat wang bantuan dari kerajaan persekutuan mereka menggunakan wang-wang itu untuk pembangunan ekonomi untuk semua masyarakat terutamanya orang-orang di mana menerima wang tersebut.

Soal akhir Tuan Pengerusi saya ingin mengatakan mengenai seperti yang dikatakan oleh kawan saya dari Bukit Bintang mengenai wang-wang yang diagihkan kepada Mara yang patut juga memberi pertolongan kepada semua masyarakat. Jangan kita kira hanya untuk sesuatu kaum sahaja tetapi lebih baik kalau ditumpukan betul-betul kepada *hardcore poor*, terutamanya Kadazandusun, Dayak, masyarakat minoriti India di mana dikatakan dengan izin, *the highest alcoholic rates, highest dropout rate, highest unemployment rate, highest gangsterism, highest single mother* dalam negara ini, mereka memerlukan pertolongan dan ini adalah satu di antaranya di mana kita mengagihkan banyak wang kepada kementerian. Saya harap tindakan diambil supaya pihak-pihak ini dikenal pasti dan pertolongan diberikan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tanjong.

6.30 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Butiran 020000 – Pembangunan dan Koperasi. Saya ingin merujuk kepada secara khusus masalah yang dihadapi oleh Koperasi Belia Nasional (KOBENA) kebelakangan ini. Khususnya selepas keputusan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi mengarahkan National Railway Cooperative Limited (NRCL) untuk menuntut pelaburannya sebanyak RM7 juta daripada KOBENA ini. KOBENA ini mengikut laporan akhbar telah menghadapi masalah kewangan sejak awal 90-an dan di samping itu KOBENA juga menghadapi kesukaran untuk membayar hutang sebanyak RM6.4 juta kepada Storage Enterprise Port Klang Sdn. Bhd. Inilah salah satu koperasi yang menghadapi masalah seperti mana yang diujahkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tadi.

Juga dilaporkan bahawa Ibu Pejabat KOBENA ini di Kampung Baru disita oleh pegawai mahkamah baru-baru ini. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan yang sudah diambil untuk membaik pulih KOBENA ini sehingga menjadi sebuah koperasi yang berjaya dan akan membawa manfaat kepada ahli-ahlinya.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh tentang Butiran 010200 – Usahawan, mengenai keperluan perdagangan mencukupi dan dapat memenuhi keperluan serta memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan mengikut keadaan dan perkembangan semasa iaitu berhubung dengan kenderaan perdagangan. Saya rasa kementerian dan Kerajaan Pusat serta Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat sedar tentang masalah pengangkutan awam di negeri Pulau Pinang yang pada masa kini amat kecoh.

Antara masalah yang dihadapi di sana adalah teksi yang masih enggan menggunakan meter perjalanan dan saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan yang diambil untuk memastikan pengusaha-pengusaha teksi akan akhirnya menggunakan meter untuk mengira perjalanan dan bukan sistem yang dipakai sekian lama ini yang menimbulkan pelbagai aduan dari pengguna. Baru-baru ini memang wujudnya banyak aduan dari pelancong-pelancong yang mendakwa pemandu-pemandu teksi meletakkan *charge* yang amat luar biasa untuk membawa mereka ke destinasi-destinasi pelancongan di dalam pulau. Baru-baru ini pun dilaporkan bahawa EXCO Pelancongan Negeri amat terdesak apabila beliau membuat lawatan ke negeri-negeri seperti Singapura dan sebagainya. Aduan utama yang beliau terima adalah berkenaan dengan *charge* teksi yang berlebihan, tidak mengikut meter dan sebagainya.

Jadi saya merasa masalah ini sudah berlarutan untuk banyak tahun, iaitu sebelum Yang Berhormat Menteri memegang jawatan ini pun sudah wujud dan negeri Pulau Pinang masih menjadi negeri yang tidak memakai sistem bermeter ini. Satu masalah yang menimbulkan kekecohan dalam pengangkutan awam di negeri Pulau Pinang, khususnya di pulau adalah perkhidmatan mini bas yang nampaknya tidak terkawal langsung. *Mini bus* ini tidak mematuhi jadual masa, tidak mengikut jalan-jalan yang ditetapkan dan dipercayai menggunakan satu

sistem pajak dari pemilik-pemilik ataupun pengusaha pemegang lesen yang dibenarkan untuk beroperasi di negeri Pulau Pinang ini dipajakkan kepada pemandu-pemandu individu kerana di bawah sistem pajak ini mereka ingin mengaut keuntungan dan tidak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Jadi ini menimbulkan banyak masalah dan aduan daripada para pengguna dan menimbulkan ataupun menjadi satu faktor mengapa lalu lintas di Pulau Pinang ini senantiasa diganggu oleh *mini bus* dan bas-bas yang besar.

Akhirnya saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyentuh tetapi lesen teksi. Saya ingin tahu daripada kementerian, apakah sistem yang kini dipakai untuk mengeluarkan permit teksi. Ramai menganggap bahawa kaum Cina merupakan golongan yang membuat *business* dengan senang dan mengaut keuntungan, tetapi masih ada segolongan pemandu teksi yang tulen di mana saya ada satu kes dan juga ada membawa kepada perhatian kementerian bahawa kes-kes pemandu teksi yang *genuine* yang selama ini membuat pelbagai permohonan kepada LPKP pernah dijemput untuk temu duga, tetapi akhirnya mereka mungkin atas dasar-dasar menggalakkan penyertaan bumiputera dalam sektor ini, ramai di kalangan pemandu-pemandu teksi bukan bumiputera yang tulen yang benar-benar membawa teksi itu tidak dapat diberikan lesen untuk mereka.

Dalam kes Encik Tan Piak Tak ini, saya rasa surat pun diadakan, beliau kini pun sudah berumur 60 tahun lebih, memang mungkin tidak layak lagilah untuk mohon dan mendapat permit. Tetapi dia ingin menyuarakan perasaannya untuk menyedarkan pihak kementerian dan kerajaan bahawa bukan semua rakyat keturunan Cina senang-lenang tetapi ada golongan-golongan tertentu yang berharap sangat mendapat lesen untuk mencari nafkah yang sah dan sah, tetapi akhirnya oleh kerana dasar-dasar yang tertentu, mereka dipinggirkan dan diketepikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Jadi saya berharap kementerian akan menjelaskan apakah sistem yang digunakan sekarang dan apakah cara untuk menggalakkan lebih ramai rakyat bukan bumiputera untuk mendapat lesen dalam bidang pengangkutan perdagangan awam. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kudat, tidak lebih lima minit, Yang Berhormat.

6.39 ptg.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin hanya menyentuh satu, dua butiran. Yang pertama iaitu Butiran Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera, 03005. Seperti mana yang kita tahu bahawa Dasar Ekonomi Baru telah pun diwujudkan semenjak 1970 dengan hasrat untuk memberikan ekuiti kepada bumiputera sebanyak 30% di dalam kekayaan ekonomi negara. Tetapi setelah Dasar Ekonomi Baru tamat pada tahun 1990 dan dilanjutkan sehingga hari ini, nampaknya ekuiti bumiputera hanyalah mencecah 18%. Pada satu ketika sebelum krisis ekonomi 1997, kita telah mencapai 21%, tetapi hari telah pun kpd menurun kepada 18%. Daripada 18% ini, sebahagian besar daripada ekuiti-

ekuiti bumiputera ini adalah dipegang oleh institusi-institusi kerajaan dan institusi amanah seperti TNB dan juga agensi-agensi seperti Tabung Haji dan juga simpanan-simpanan di dalam EPF dan juga institusi-institusi kerajaan.

Oleh itu saya nak bertanya kepada kementerian apakah sebenarnya *substantive achievement* yang telah diperolehi ataupun dimiliki oleh bumiputera khususnya di dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Kalau kita melihat hari ini, penyertaan bumiputera di dalam perdagangan dan perindustrian, di mana-mana khususnya di bandar-bandar di Malaysia adalah masih lagi di tahap yang rendah. Dan kalau kita melihat sebahagian besarnya masih lagi berniaga di warung-warung dan berniaga di tempat-tempat yang tidak begitu selesa dan tidak menampakkan satu kejayaan yang begitu *substantive*.

Oleh itu, saya minta supaya kementerian ini memberikan statistik pencapaian bumiputera yang *substantive* di dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Berapakah bumiputera yang telah berjaya khususnya di dalam pembangunan SME dan berapakah bumiputera yang berjaya di dalam bidang-bidang seperti korporat dan juga bidang-bidang yang lain.

Yang kedua, saya ingin menyentuh tentang soal Butiran 09504 - Kursus dan Khidmat Nasihat Kontraktor. Seperti mana yang kita tahu baru-baru ini memang telah diberitakan bahawa kontraktor-kontraktor bumiputera khususnya kelas-kelas F, yang memiliki kelas F telah pun mencecah sehingga 40 ribu kontraktor di Malaysia ini.

Dan diberitakan Timbalan Perdana Menteri menyatakan bahawa inilah merupakan satu rekod yang besar bagi sebuah negara di mana kontraktor adalah antara yang mempunyai jumlah yang terbesar sekali di dunia. Jadi apa yang menjadi persoalan di sini ialah, dengan pemberian lesen-lesen kontrak yang tidak terkawal ini telah menjadi persaingan sengit khususnya kepada kontraktor-kontraktor ini, kerana dengan kekurangan peluang pekerjaan yang dapat diberikan kepada mereka, ini akan menimbulkan banyak masalah. Kerana mereka ini apabila mendapatkan lesen-lesen daripada kerajaan, mereka terpaksa mendapatkan, menggunakan banyak modal dan juga terpaksa menggunakan banyak usaha untuk mendapatkannya, tetapi setelah mereka memiliki lesen-lesen ini, mereka tidak mempunyai cukup kerja. Oleh sebab itu, adakah kerajaan bersedia mengkaji supaya setiap lesen-lesen ini haruslah diberikan tapisan yang begitu lebih baik supaya memastikan bahawa tidak ada penyalahgunaan di dalam pemberian lesen-lesen ini.

Kerana seperti yang kita tahu, ada juga pihak-pihak yang menanggung di air yang keruh iaitu menggunakan bumiputera untuk mendapatkan syarikat-syarikat tertentu untuk mendapatkan lesen-lesen ini semata-mata untuk kegunaan sebuah syarikat yang sudah tentu mungkin bukan dimiliki oleh syarikat bumiputera. Dan ini juga kalau kita lihat di beberapa negeri tertentu khususnya di Sabah dan Sarawak, negeri-negeri juga ada mengeluarkan lesen-lesen kontraktor bumiputera iaitu misalnya di negeri Sabah kita juga ada satu lesen yang dipanggil Pusat

Kontraktor Sabah (Pukonsa) iaitu untuk membolehkan syarikat-syarikat untuk mendapatkan kerja-kerja bagi kerja-kerja yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Dan dengan mengambil kira lesen-lesen ini, sudah tentu lebih banyak lagi atau lebih ramai lagi yang mendapat lesen-lesen ini tetapi mereka ini bersaing sesama sendiri sehingga banyak daripada mereka selepas mendapat lesen ini menjadi mufliis kerana mereka terpaksa bersaing dan menawarkan harga yang lebih rendah terhadap kerja-kerja yang ditawarkan oleh kerajaan.

Oleh itu persoalannya, apa yang saya minta di sini, ialah supaya kerajaan membuat kajian semula tentang pemberian-pemberian lesen ini dan berharap...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yaacob]: masa dah cukup Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri:supaya satu perkara yang lebih telus dan lebih teratur untuk memastikan bahawa setiap lesen-lesen ini yang diberikan ini tidak diberikan secara sesuka hati. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yaacob]: Cukuplah, tak adalah. Saya jemput Yang Berhormat Menteri jawab.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Mohamed Khaled bin Nordin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut serta dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Pembangunan Koperasi. Sebelum saya membangkitkan perkara-perkara yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sukalah terlebih dahulu saya menjawab kepada kedudukan mengenai status beberapa projek yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang perlu dilakukan di dalam kawasan masing-masing. Pertamanya, ialah projek IKM Selama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut.

Sukalah saya nyatakan bahawa buat ketika ini projek ini adalah dalam penyediaan konsep dan tender bagi projek ini akan dilakukan mengikut jangkaan dalam bulan Mac 2006. Dan bagi Kolej Kemahiran Tinggi Mara di Yan (KKTm) dan juga MRSM di Kemaman, ianya adalah di peringkat perolehan tapak. Insya-Allah, tahun hadapan peruntukan untuk memperolehi tapak sudah pun diberikan. Setelah kita selesai memperolehi tapak yang sesuai, maka insya-Allah projek itu akan dilaksanakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Manakala, bagi Sabak Bernam, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah institusi kemahiran mara di Sabak Bernam. Sukacita dimaklumkan bahawa buat ketika ini kita hanya mencadangkan sebuah MRSM yang baru yang akan dibina di Tanjung Karang Selangor di bawah Rancangan Malaysia

Yang Kesembilan dan kita tidak ada secara khusus untuk membina apa-apa institusi MARA di dalam kawasan Parlimen Sabak Bernam di bawah Rancangan Malaysia yang Kesembilan.

Tuan Pengerusi, beberapa Ahli Yang Berhormat daripada Larut, Jerai, telah membangkitkan mengenai UDA. Mereka telah menyuarakan dan mempersoalkan apakah peranan UDA untuk membantu bumiputera dan juga apakah kedudukan UDA dan sama ada perlu dilihat kembali mengenai peranan UDA dan sebagainya. Soalnya, pada hari ini saya tidak nafikan bahawa memang adanya perasaan kecewa ataupun tidak puas hati mengenai kedudukan UDA kerana kalau kita lihat setelah UDA dikorporatkan sebagai UDA Holding, dan kemudiannya disenaraikan di papan utama bursa Malaysia pada tahun 1999, maka itu bermakna UDA terpaksa melihat soal antara membuat keuntungan sebagai sebuah syarikat yang telah disenaraikan dan juga dalam soal untuk melaksanakan tanggungjawab sosialnya.

Jadi di sinilah sebenarnya, yang timbul masalah ketidakpuasan ataupun kekecewaan yang dilahirkan, seolah-olah UDA telah tidak memainkan peranannya, malah telah memberi perhatian yang lebih kepada soal untuk membuat keuntungan dan tidak lagi melihat kepada soal untuk melaksanakan tanggungjawabnya. Dan saya percaya walaupun Yang Berhormat bagi Larut sebentar tadi telah menyatakan Pengerusi UDA kecewa dengan peranan dan fungsi UDA, saya percaya bahawa itu bukanlah keadaan yang sebenarnya.

Mungkin Yang Berhormat bagi Larut tersalah dengar. Yang Berhormat Pengerusi UDA mungkin menyuarakan bahawa dia memerlukan supaya UDA kembali ke peranan asalnya. Dan inilah juga yang merupakan kedudukan dan pandangan daripada Kementerian. Kementerian berpendapat bahawa usaha-usaha untuk membantu bumiputera di bandar memerlukan sebuah agensi yang khusus. Dalam soal ini kita bersetuju dengan pandangan yang telah dilahirkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu jika soal pencapaian bumiputera di bandar masih lagi jauh, maka sudah tentulah peranan UDA itu perlu dipertahankan dan UDA perlu dikembalikan balik kepada fungsi asalnya. [*Tepuk*].

Jadi dalam soal ini memanglah kementerian telah pun menyampaikan pandangannya kepada kerajaan kerana walaupun UDA ini pengawasannya diletak di bawah kementerian, tetapi UDA bukan dimiliki oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Ia dimiliki oleh Khazanah dan juga oleh pemegang-pemegang sahamnya. Jadi kita telah mencadangkan kepada kerajaan supaya UDA ini sama seperti Syarikat Perumahan Negara, sama seperti PNS supaya dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan, oleh Kerajaan. Dan dengan demikian, maka sudah tentulah UDA boleh memainkan peranan dan juga tanggungjawab sosialnya.

Jadi atas sebab itulah dari segi kementerian kita bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat, UDA perlu dikembalikan balik ke fungsi asalnya mungkin tidak sebagai sebuah agensi di bawah Akta Parlimen kerana ada kelemahan dan kekurangan tetapi sebagai sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan, oleh Kementerian Kewangan. Mungkin tidak juga oleh Khazanah tetapi oleh Kementerian Kewangan seperti PNS, seperti Syarikat

Perumahan Negara dan sebagainya. Dan kita telah pun kemukakan perkara ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk persetujuannya.

Dan mengenai cadangan supaya UDA meluaskan peranannya ke luar bandar, sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawa pada ketika ini kedudukan bumiputera di bandar masih lagi berada di satu kedudukan yang tidak memuaskan. Jadi kalau kita luaskan peranannya nanti kepada luar bandar, maka sudah tentulah kita tak akan mencapai maksud untuk kedudukan bumiputera di bandar. Jadi kita memang perlu satu agensi yang khusus untuk melihat kedudukan bumiputera dalam bandar dan pada perkiraan kementerian perlulah UDA yang sedia ada, yang sekarang ini disenaraikan di papan utama, dikembalikan balik dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila, ya Yang Berhormat Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat yang melihat pentingnya UDA ini dikembalikan balik kepada lubuk asalnya. Cuma saya ingin bertanya selepas Yang Berhormat mengatakan bahawa perkara ini akan disampaikan ataupun mungkin telah dimaklumkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan apakah harapan tentang kemungkinan UDA ini akan dikembalikan balik di bawah Kementerian Yang Berhormat.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Saya tak dapat nak beri jawapan kerana keputusan bukan di tangan saya tapi sebagai Menteri yang menjaga soal-soal untuk membangunkan MPPB, khususnya di luar bandar dan juga di bandar, saya berpendapat bahawa perlu ada satu agensi, sama ada UDA ataupun agensi baru yang mungkin berperanan macam UDA untuk membantu dan memainkan peranan merealisasikan kehadiran bumiputera untuk berniaga dalam bandar.

Dan agensi ini juga boleh membantu Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera, jadi atas itulah pada pendirian kementerian. Tetapi kalau hendak dibuat satu agensi yang baru, maka sudah tentulah akan berlaku aset-aset kepunyaan UDA, kita mungkin tidak lagi boleh memiliki aset yang sedemikian. Jadi pada perkiraan kita, adalah wajar supaya UDA yang sedia ada itu dipertahankan dan dikembalikan balik kepada fungsi asalnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Puchong ya.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya nak tanya dengan soalan yang pendek sahaja iaitu mengenai Yayasan Amanah Harta yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2006 ini yang telah memperuntukkan sebanyak RM2 bilion lebih, saya ingat ada satu tujuan yang lebih kurang sama dengan UDA iaitu untuk memiliki hartanah untuk kaum bumiputera di bandar.

Adakah Yang Berhormat bercadang untuk menggunakan wang Yayasan ini untuk membeli kembali UDA daripada pemegang-pemegang saham sekarang ataupun Yang

Berhormat bercadang untuk mengekalkan UDA sebagai satu entiti di kementerian dan pada masa yang sama kita memperuntukkan ataupun kita menubuhkan Yayasan. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat. Mekanisme untuk bagaimana kita dapat kembalikan balik UDA itu terserah kepada Kerajaan Pusat. Kita hanya menyatakan pendirian dan pandangan kita dan kita berpendapat bahawa antara kedua-dua agensi itu, yang pertama Yayasan Amanah, ia dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ia adalah agensi yang bukan di bawah kementerian saya, manakala UDA pula walaupun merupakan sebuah agensi di bawah kementerian ini, ia boleh memainkan peranan sebagai pelaksana untuk Yayasan Amanah. Sebab UDA memainkan peranan sebagai sebuah syarikat pemaju, manakala Yayasan Amanah hanya pemegang, pemilik harta dan sebagainya. Jadi dua fungsi yang berbeza.

Kalau kita ada Yayasan Amanah, tetapi tidak mempunyai mekanisme untuk membina, membeli rumah kedai dan sebagainya maka sudah tentulah akan terbantut usaha Yayasan. Akhirnya Yayasan perlu juga mempunyai satu agensi ataupun instrumen untuk mencapai matlamatnya. Jadi kita tidak nampak adanya persamaan malah kedua-dua agensi itu lengkap-melengkapi di antara satu dengan yang lain, malah kewujudan Yayasan itu adalah pertambahan ataupun peningkatan usaha kerajaan untuk membantu bumiputera supaya kehadiran mereka di bandar dapat direalisasikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Pontian.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai sila duduk.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Jerai, Pontian Jerai belakang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey, okey.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Minta maaf Jerai. Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Apa pandangan Yang Berhormat, apa yang berlaku kepada UDA berbalik kepada UDA semula. Apa pandangan Yang Berhormat tentang keadaan UDA yang lalu sehingga kita terpaksa mewujudkan Holding dan disenaraikan semula. Kalau Yang Berhormat berpeluang untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, apakah kesilapan yang paling asas berlaku dahulu supaya ia tidak berulang di masa yang akan datang, lebih-lebih lagi melalui penubuhan satu agensi yang baru ini.

Kalau boleh Yang Berhormat ada dua, tiga ataupun mungkin lebih agaknya yang Yang Berhormat fikir sedalam-dalamnya masalah UDA yang lalu itu, tapi mungkin Dewan ini tak jelas, mungkin kita sebagai rakyat di luar mungkin tidak begitu jelas untuk mengelakkan persepsi yang negatif terhadap usaha kerajaan. Apakah Yang Berhormat boleh rumuskan dalam satu, dua point mungkin. Terima kasih.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu telah pun dijawab apabila kebanyakan Yang Berhormat membangkitkan rasa tidak puas hati terhadap UDA. Rasa tidak puas hati adalah kesan daripada penyenaian UDA, UDA bergerak sebagai sebuah syarikat yang hanya melihat kepada soal keuntungan. Dan seperti yang telah saya nyatakan tadi, pertimbangan ataupun perimbangan antara melihat kepada keuntungan untuk memuaskan *shareholdemya* dan tanggungjawab sosial UDA itu sendiri yang telah tidak diberikan perhatian, maka timbul isu-isu dan masalah ketidakpuasan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dan dalam keadaan kita ingin menekankan kepada usaha kita untuk menentukan matlamat kita melahirkan MPPB dapat kita capai, maka kita perlu lihat kembali soal kewujudan UDA ini sebagaimana yang kita bangkitkan dalam perbahasan dalam sidang Parlimen pada hari ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, saya bersama dengan Pontian, maksud Pontian tadi memanglah kita faham *dicorporatizekan*, tetapi apakah matlamat permulaan itu kerana kita kena ambil iktibar Yang Berhormat Datuk, iktibar supaya kita belajar daripada kesilapan, daripada UDA jadi UDA Holdings, kemudian jadi *public listed company*. Jadi penubuhan UDA dia ada matlamat, fokus dia tapi bila jadi UDA Holdings, dia jadi mencari keuntungan *bottom line* apatah lagi apabila menjadi *public listed*, dia sudah lari jauh menyimpang daripada matlamat penubuhan UDA.

Jadi macam mana pihak kementerian boleh, ialah mungkin bukan masa Yang Berhormat atau masa siapa, saya tak tahu, terlupa bahawa agenda perjuangan asal penubuhan UDA itu telah diselewengkan. Dan saya nak mencadangkan, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Larut tadi supaya kalaulah ditakdirkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju supaya kita ambil balik UDA, saya hendak diletakkan di bawah - kami bersetujulah, saya ingat Larut pun bersetuju, saya pun bersetuju, diletakkan balik di bawah kementerian Yang Berhormat dan kita meletakkan pegawai-pegawai yang lebih bertanggungjawab supaya senang kita berurus maklumlah bila Kementerian Kewangan ini dia banyak fungsi, tanggungjawab, tugas dia, jadi mungkin tidak ada khusus satu kementerian yang hendak bertanggungjawab tentang pembangunan, tentang . letaknya *entrepreneurs* Melayu, usahawan Melayu.

Jadi kita mencadangkan supaya dia balik kepada kementerian asal dengan bentuk yang baru, *approach* yang baru tetapi matlamat asal dia tak lari. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju? Terima kasih.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Kalau kita nak balik kembali melihat mengapa UDA melalui proses yang sedemikian. Semasa UDA menjadi agensi kerajaan, ia menghadapi beberapa kelemahan, pertama ia bergerak bersaing dengan sektor swasta, gaji sebagai anggota kerajaan begitu rendah maka tidak ada *loyalty*, kesetiaan anggotanya bekerja di UDA dan banyak

yang tidak lama dalam UDA, dan ia tidak dapat mengekalkan pengalaman dan sebagainya. Jadi atas sebab itulah Akta UDA itu dibubarkan dan UDA dikorporatkan.

Dalam masa UDA dikorporatkan, kita sedar bahawa kita melalui zaman kemelesetan dan UDA menghadapi masalah untuk mendapat sumber kewangan dan sebagainya. Di atas sebab itulah dilakukan proses penyenaian. Tetapi seperti yang telah kita sedia maklum, proses penyenaian itu, UDA kerana dia mempunyai *share holder* maka ia lebih mementingkan soal keuntungan. Jadi, itu semua memang kita sedar dan kita akan ambil iktibar daripada pengalaman yang telah kita lalui itu.

Mengenai soal terminal bas yang dimiliki oleh UDA yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut, sukalah saya maklumkan bahawa buat masa ini UDA masih menunggu keputusan daripada kerajaan sama ada untuk *dicentralize* terminal-terminal bas di Kuala Lumpur ataupun mengekalkan terminal sedia ada.

Sebelum ini telah terdapat cadangan untuk membina terminal bas di Bandar Tasek Selatan untuk bas yang datang dari selatan di Kem Wardieburn, Gombak bagi Timur dan di Airport Subang bagi bas yang datang dari utara. Jadi, tidak ada keputusan daripada kerajaan mengenai soal ini. Untuk Pudu Raya, setakat ini UDA telah pun melaksanakan kerja-kerja ubah suai dengan kos sebanyak RM10.6 juta dan dijangka siap pada bulan hadapan, iaitu Disember 2005.

Beralih kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman, supaya dalam MRSM yang sedia ada ataupun yang akan dibina pada masa-masa yang akan datang supaya dilihat juga kepada kurikulum yang tidak hanya berasaskan kepada pengajian mata pelajaran sains. Sukacita dimaklumkan bahawa kurikulum ataupun subjek khusus keusahawanan sememangnya telah pun diletakkan dalam kurikulum untuk sekolah-sekolah di MRSM. Soal sama ada kita mewujudkan sekolah-sekolah jenis baru, bukan sahaja MRSM tetapi sekolah mungkin Maktab Rendah Teknik ataupun Maktab Rendah Usahawan dan sebagainya, perkara-perkara tersebut kita akan memberikan pertimbangan.

Yang Berhormat bagi Santubong juga telah membangkitkan mengenai soal pegawai pelatih yang perlu ada pengalaman dan sebagainya. Pihak kementerian sememangnya telah melihat dan tentukan supaya dalam usahanya untuk memberi ataupun menyediakan program-program latihan keusahawanan yang disediakan oleh kementerian. Kita menentukan supaya pegawai-pegawai kita juga mendapat latihan dan juga pendedahan dalam bidang keusahawanan, di samping kita juga mendapatkan bekalan latihan daripada pihak luar iaitu *outsourcing* dalam usaha kita untuk mengadakan program-program keusahawanan dan sebagainya. Perkara ini dilaksanakan oleh INSKEN, Institut Keusahawanan Negara iaitu sebuah institut yang ada dalam kementerian yang sememangnya bertanggungjawab untuk menyediakan latihan dan juga bimbingan kepada usahawan-usahawan yang memerlukan.

Begitu juga dengan soal yang dibangkitkan iaitu kerjasama program keusahawanan dengan pihak-pihak yang lain. Saya ingin memaklumkan bahawa kementerian memang melaksanakan pelbagai program kerjasama dengan pelbagai agensi teknikal seperti MARDI, FRIM, SIRIM, MIT, Institusi Pengajian Tinggi, UTM dan sebagainya dalam membangunkan usahawan-usahawan bumiputera. Melalui program-program ini yang telah kita perkenalkan kita telah dapat melihat usahawan-usahawan bumiputera ataupun masyarakat bumiputera yang ingin menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya mereka telah meningkat dari semasa ke semasa. Sememangnya usaha kita untuk meningkatkan lagi usaha sama dengan agensi-agensi luar ini akan kita teruskan di masa-masa akan datang.

Yang Berhormat bagi Kemaman juga telah membangkitkan mengenai beberapa isu yang dihadapi oleh mereka yang terlibat dalam perniagaan secara francais. Sukalah saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan itu sememangnya kita dapati berlaku tetapi tidaklah berlaku secara menyeluruh dalam program-program francais yang disediakan oleh pihak kementerian.

Sukacita dimaklumkan bahawa semenjak penekanan diberikan kepada program francais dan menjadikan ia sebagai *plate sheet*, program pembangunan usahawan kementerian, pelbagai jenis perniagaan francais telah pun diperkenalkan untuk kita melibatkan golongan masyarakat bumiputera supaya menyertainya. Bukan sahaja tertumpu kepada soal makanan, bidang makanan tetapi termasuk juga dalam sektor-sektor yang lain seperti automotif, pusat rawatan kecantikan, pelancongan, pembelajaran dan asuhan, kedai buku, kesihatan, pakaian, *aerometry* dan sebagainya.

Perkara-perkara yang dibangkitkan tadi adalah perkara yang ada kaitannya dengan francais dalam bidang makanan. Dalam soal ini pihak kementerian sentiasa melakukan pemantauan, mewujudkan mekanisme pengawalan dan pentadbiran dan juga melihat kepada soal-soal yang boleh menyeragamkan operasi dan juga peraturan *franchisor* supaya ia tidak mendatangkan keburukan kepada francais.

Dan, benar seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat, dalam perniagaan secara francais ini, kedua-duanya, *franchisor* dan francais mempunyai tanggungjawab. Pihak kementerian dalam melihat kepada banyaknya pertikaian ataupun isu dan masalah yang telah dibawa kepada kementerian, kita sedang meningkatkan lagi penguatkuasaan kita terhadap perniagaan secara francais ini supaya perkara-perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat ataupun masalah-masalah lain yang mungkin timbul dari masa ke semasa akan dapat kita hadapi dan kita atasi.

Suka jugalah dinyatakan bahawa dalam program pembangunan francais yang diusahakan oleh pihak kementerian ini, walaupun kita dapati penyertaan yang ramai daripada mereka yang berminat tetapi akhirnya yang berjaya, yang akan dipilih untuk menyertainya perlu lulus temu duga yang dijalankan oleh pihak kementerian dan juga PNS iaitu agensi yang

bertanggungjawab untuk membangunkan francais. Mereka juga perlu lulus ujian psikometri yang dijalankan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad.

Jadi, kita meletakkan kriteria yang ketat dan juga tinggi dan kerana itu walaupun ramai yang menyatakan hasrat untuk menyertainya, akhirnya yang berjaya, kita hadkan kepada mereka yang melepasi ujian yang telah ditetapkan seperti yang telah saya katakan tadi.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong, peruntukan untuk SEDC, khususnya pembangunan R&R di Sarawak, sukalah dinyatakan bahawa pada tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, PKEN Sarawak telah melalui peruntukan yang kita beri telah membina R&R di Sebakoi, di 'Midlaya' dan di Bekenu. Sementara di Kuala Tatau adalah dalam proses permohonan tapak dan dijangka dapat kita laksanakan pada tahun hadapan.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang dan juga Yang Berhormat bagi Ipoh Barat telah melahirkan pandangan yang saya kira ini merupakan satu soal dasar supaya peranan dan tanggungjawab MARA diperluaskan kepada golongan bukan bumiputera. Kerana ini melibatkan soal dasar dan selagi matlamat penubuhan MARA itu masih lagi tertumpu pada soal bumiputera, maka kita akan beri perhatian kepada perkara yang dibangkitkan oleh kedua-dua Yang Berhormat itu.

Yang Berhormat Sabak Bernam telah mencadangkan supaya TEKUN memberi pertimbangan kepada aktiviti pertanian dan juga penternakan dan tidak hanya melibatkan ataupun mengkhususkan kepada soal-soal peruncitan. Saya ingin maklumkan bahawa TEKUN memang ada menyalurkan pinjaman kepada aktiviti penternakan yang menjana pendapatan mingguan ataupun bulanan.

Antara aktiviti yang diberi pinjaman adalah seperti penternakan ikan dalam sangkar, penternakan ayam, lembu dan sebagainya dan sementara pembiayaan kepada pertanian tanaman kontan, TEKUN akan mempertimbangkan mengikut kesesuaian dan juga daya maju projek. Itu bermakna ia tidak hanya terhad kepada soal-soal pembiayaan peruncitan tetapi termasuklah seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat.

Soal untuk mewujudkan Jawatankuasa Pembangunan Usahawan Daerah, sukacita dimaklumkan bahawa pihak kerajaan melalui Kabinet minggu yang lepas telah pun meluluskan penubuhan Majlis Pembangunan Usahawan Daerah yang tanggungjawabnya menyelaras dan mengesan pelaksanaan program pembangunan usahawan supaya ianya benar-benar dapat dilaksanakan dan ianya benar-benar dapat dirasai di peringkat akar umbi.

Soal pelaksanaannya, permulaannya akan dipertimbangkan oleh pihak kementerian dan kemungkinan kita akan melancarkan pembentukan majlis ini pada awal tahun hadapan. Yang Berhormat daripada Sepanggar.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat Sabak Bernam bangun. Ya Yang Berhormat Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri terima kasih banyak atas dua soalan itu, Yang Berhormat Sabak Bernam tadi sebenarnya tertinggal satu perkara yang saya anggap pentinglah. Kita pernah mencadangkan supaya pihak kementerian menghasilkan suatu bentuk buku direktori yang suatu ketika kementerian ini telah menghasilkan saya ingat ada di tangan saya iaitu buku direktori usahawan Malaysia edisi khas bumiputera.

Saya lihat saya masih menggunakan buku ini dan ia sangat bermanfaat walaupun Yang Berhormat Menteri tempoh hari ada menyatakan supaya melayari laman *web*. Baru-baru ini melalui PID, Pusat *Internet* Desa saya telah melayari laman *web* kementerian ini dan saya wajar dipertingkatkan. Saya tidak mahu menyatakan kekurangan tetapi saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Menteri agar buku seperti ini dapat diwujudkan sebab ia sangat membantu usahawan bumiputera khususnya, apa pandangan Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat, kita menyambut baik pandangan daripada Yang Berhormat supaya dapat kita sediakan satu direktori usahawan bumiputera itu kerana ia memang merupakan satu perkara yang sedang dipertimbangkan oleh pihak kementerian.

Dalam soal ini ia ada kaitannya dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepanggar dan juga Yang Berhormat Kudat yang menyatakan bahawa belum ada bumiputera usahawan yang boleh dibanggakan yang menyatakan bahawa tidak dapat hendak dilihat di tonjolkan *substantive achievement*. Itu yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kudat sebentar tadi dan ini semua kerana kita tidak ada maklumat mengenai usahawan yang telah kita lahirkan dan sebagainya.

Saya ingin nyatakan bahawa ada satu masalah yang dihadapi oleh kementerian dalam soal untuk kita mendaftar ataupun untuk kita mendapat maklumat mengenai usahawan kerana apa pun yang dapat kita daftarkan hanyalah usahawan yang ada hubungan dengan kita, yang ada hubungan dengan pihak kementerian yang mendapat bantuan dan sokongan daripada kementerian.

Yang itu kita tidak ada masalah untuk mendaftar sama ada mereka mendapatkan pinjaman ataupun mereka menyewa premis-premis daripada kementerian, yang itu kita ada maklumat mengenainya dan mungkin kita akan mendaftar dan membuat direktori mengenainya. Antara salah satu daripada tanggungjawab Majlis Pembangunan Usahawan Daerah juga adalah untuk mendaftar usahawan-usahawan yang sedemikian dan kalau pun untuk kita mengetahui jumlah usahawan bumiputera yang telah mendapat bantuan dan sokongan daripada kementerian walaupun ia tidak menggambarkan jumlah usahawan yang sebenar, kita dapati bahawa setakat hari ini sejumlah 284,479 usahawan yang bergiat aktif di dalam perniagaan telah berjaya dibangunkan oleh pihak kementerian di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Sudah tentulah

284,000 itu tidak termasuk usahawan-usahawan yang lain yang berjaya yang dibangunkan oleh kementerian lain di dalam sektor-sektor yang lain yang tidak menjadi tanggungjawab kementerian.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: *[Bangun]*

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Dalam soal kita untuk membangunkan direktori ini, dalam soal untuk kita menunjukkan *substantive achievement* dalam sektor-sektor yang tertentu, kementerian mempunyai halangan ataupun masalah-masalah seperti yang telah saya nyatakan tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam soal direktori ini, buku usahawan ini, adakah pihak kementerian bekerjasama dengan dewan-dewan perniagaan bumiputera yang sedia ada untuk mendapatkan senarai usahawan-usahawan untuk masuk dari segi kegiatan mereka atau menentukan sama ada mereka berjaya ataupun tidak, terima kasih.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Dalam usaha kita untuk menyediakan direktori itu akhirnya memang kita akan mendapat dan perlu mendapat kerjasama daripada mereka kerana saya percaya usahawan-usahawan itu sendiri antaranya menjadi ahli kepada persatuan itu dan sudah tentulah melalui persatuan ataupun dewan tersebut kita boleh membuat perbandingan dan kita boleh menentukan kesahihan maklumat-maklumat yang diberi oleh usahawan-usahawan tersebut.

Mengenai soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepanggar mengenai tidak ada tindakan susulan program untuk bekas pelatih Giat MARA, setelah dimaklumkan bahawa MARA telah menjalankan program latihan pembentukan usahawan khas bagi pelatih lepasan Giat MARA yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan dan MARA juga menyediakan kemudahan pembiayaan dan perniagaan untuk pelatih-pelatih tersebut dan dalam Rancangan Malaysia Ke sembilan kita akan memperhebatkan lagi usaha kita bukan sahaja untuk pelatih daripada Pusat Giat tetapi daripada IKM dan juga daripada Institusi Pendidikan MARA supaya dapat kita galakan mereka yang mendapat latihan kemahiran ini supaya menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya mereka. Yang Berhormat Kudat telah membangkitkan mengenai kontraktor-kontraktor khususnya kontraktor Kelas F.

Sukacita saya maklumkan bahawa kedudukan khususnya kontraktor kelas F, usaha untuk memperbaiki kedudukan mereka dan menentukan bahawa kelas ini akan hanya kita lihat kontraktor yang benar-benar tulen dan sebagainya akan dibawa kepada jemaah menteri pada hari Rabu ini untuk pertimbangan dan juga kelulusan dan selepas daripada keputusan Kabinet itulah maka pihak kementerian akan umumkan hasil keputusan cadangan-cadangan dan yang telah kementerian kemukakan kepada pihak kerajaan untuk tatapan umum, jadi kena tunggu sehingga hari Rabu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya hendak khusus kepada kontraktor Kelas F di mana di Sabak Bernam sendiri terdapat lebih 300 kontraktor Kelas F dan kita di situ dapati kontraktor ini bagi Sabak Bernam dia ada 3 kategori; yang tulen, separuh tulen dan tidak tulen.

Yang tulen ini maknanya memang dia melaksanakan kerja itu sendiri dan mereka memang di peringkat umur yang cukup aktif, yang tidak tulen dia ada pekerjaan lain tetapi dia pun turut memantau, yang tidak tulen ini sebenarnya dia mungkin mak diakah, bapa diakah ataupun isteri dia yang tidak buat apa tetapi di situ adakah pihak kementerian telah mengkaji secara mendalam isu-isu perkara ini sebelum mengambil satu-satu keputusan supaya kontraktor yang tulen ini yang biasanya golongan muda dapat benar-benar dibantu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat semua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu telah pun dijadikan sebagai asas kajian kita dan mekanisme untuk mengatasinya juga akan dikemukakan kepada pihak Jemaah Menteri untuk keputusan, jadi bersabarlah saya kira pengumuman mengenai keputusan itu akan dibuat pada hari Jumaat iaitu tidak beberapa lama lagi.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Minta penjelasan sekejap. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya amat terpanggil dengan soal kontraktor kelas F ini Yang Berhormat Dato' Menteri. Kenyataan di surat khabar baru-baru ini yang menyatakan hanya kontraktor kelas F itu dibenarkan melaksanakan apa jua projek kerajaan yang dibagi. Tetapi persoalan saya di sini, adakah pihak kementerian betul-betul memberi satu kajian mengapa kelas-kelas, pemilik kontraktor kelas F ini tidak begitu berkesan, mengapa ia terdapat segolongan antara mereka ini menyewakan lesen ini kepada orang-orang yang kadang-kadang bukan bumiputera yang melaksanakan projek itu. Adakah pihak kementerian telah turun ke bawah menjumpai golongan kontraktor-kontraktor menyoal mereka mengapa ini harus terjadi? Sekian.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Dalam usaha kita untuk menyediakan laporan dan membuat cadangan serta pembaikan kepada sektor ini kita telah berunding dengan banyak pihak dan di antaranya termasuklah persatuan-persatuan kontraktor termasuk kontraktor kelas F. Cadangan kita itu telah pun kita bawa kepada mereka untuk kefahaman mereka dan persetujuan mereka juga. Jadi sekarang hanyalah untuk dibawa ke kabinet untuk keputusan muktamad daripada kerajaan. Jadi perkara yang di nyatakan oleh Yang Berhormat itu semuanya memang telah kita lakukan.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Ipoh Barat telah membangkitkan beberapa perkara mengenai kedudukan koperasi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini bilangan koperasi yang telah didaftarkan ialah sebanyak 4,744 buah koperasi yang didaftarkan dan daripada jumlah itu yang aktif lebih kurang 88% dan soal yang dibangkitkan mengenai

masalah koperasi Kobena dan tuntutan terhadapnya, oleh kerana perkara ini adalah dalam tindakan mahkamah maka saya rasa adalah wajar untuk saya tidak memberi sebarang ulasan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai Kobena dalam Dewan yang mulia ini.

Mengenai pinjaman pengguna, kenyataan Yang Berhormat yang menyatakan bahawa yang membeli barang sebenarnya tidak mengambil barang tetapi mengambi duit. Pekeliling Ketua Pendaftar mengenai perkara ini yang telah dikeluarkan sebagai Pekeliling Blg.1/1992 adalah jelas. Sekiranya ada bukti, sekiranya ada aduan maka ia membolehkan tindakan diambil terhadap koperasi tersebut.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Tanjong juga telah membangkit mengenai Kobena, jawapan yang sama yang telah diberikan, telah membangkitkan kedudukan pengangkutan awam di Pulau Pinang khususnya mengenai teksi yang enggan menggunakan meter. Perkara ini sebenarnya pihak teksi di Pulau Pinang ada mengemukakan permohonan supaya kadar tambang di sana dapat dinaikkan kerana isu-isu tertentu yang dihadapi oleh mereka dan perkara ini sedang diberi pertimbangan oleh pihak kementerian dan walau bagaimanapun, itu tidak bermakna teksi di Pulau Pinang tidak boleh tidak menggunakan meter. Jadi, dalam soal teksi yang tidak menggunakan meter maka sekali lagi kita memerlukan kerjasama dari orang ramai untuk membuat aduan supaya tindakan boleh diambil terhadap mereka yang telah menyalah guna peraturan iaitu tidak menggunakan meter dan mengenai sistem bas di Pulau Pinang...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]; Jerai Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Dato' Paduka Haji Badaruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Ini Penang, teksi dan kereta sewa dua yang berbeza

Dato' Paduka Haji Badaruddin bin Amiruldin: Boleh saya cakap pasal kereta sewa, pasal kereta sewa ni kawasan luar bandarlah, macam belah Yan, belah Arau apa semua tu. Jadi Yang Berhormat, saya telah berkali-kali sudah merasmi mesyuarat agong depa. Kebanyakan pemandu teksi ini merayu supaya kerajaan memikirkan sesuatu, kalau nak naik harga tambang rakyat marah, tetapi mereka menanggung kerugian dan tidak berbaloi dari segi pelaburan mereka. Jadi dengan kos kenaikan minyak dan kos harga penyelenggaraan (*maintenance*), jadi apakah kementerian boleh cari satu kaedah, jalan untuk memberi sedikit subsidi, mungkin ini terlibat Kementerian Kewangan. Tetapi mungkin juga sebagai contoh cukai jalan itu dikecualikan atau didiskaun, macamlah kita bagi satu diskaun kepada teksi yang menggunakan lebuh raya. Jadi begitu juga dari segi subsidi alat-alat ganti, mungkin ini dapat diambil kira oleh pihak kementerian kerana pertamanya saya ingat mereka dengan bas-bas dah banyak, bas ekspres pun dah banyak. Jadi ini menyebabkan mereka menanggung kerugian.

Dan satu lagi Yang Berhormat Dato', saya rangkumlah, Tuan Pengerusi, supaya senang, tak payah bangkit dua tiga kali, apakah rasionalnya pihak MARA sekarang mengadakan pula pengangkutan bas ataupun bas ekspres, sedangkan dulu kita ada bas ekspres kemudian kita swastakan jadi Transnasional. Sekarang kita balik pula adakan bas ekspres. Adakah ini tidak berasing dengan pengusaha-pengusaha bas bumiputera yang sedang bergerak. Jadi saya nak tanya kepada Menteri, dua benda tu saja, terima kasihlah.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai soal kereta sewa, teksi supaya difikirkan subsidi dan sebagainya, itu memang kita berikan perhatian. Mengenai soal MARA menjalani kembali perkhidmatan bas ekspres, pertamanya ada setengah-setengah kawasan yang meliputi kawasan ataupun laluan sosial yang tidak mahu dijalankan perkhidmatan bas oleh syarikat swasta, maka kita berpendapat bahawa perlu untuk MARA menjalankan kegiatan di situ. Dan hari ini, semua laluan-laluan sosial luar bandar dan sebagainya dijalankan oleh bas MARA. Maka MARA memerlukan sumber untuk menjayakan perkhidmatan tersebut. itu yang pertama.

Kedua, kita dapati walaupun kita sudah lama memberi kepada syarikat bumiputera untuk mengendalikan bas ekspres dan sebagainya, satu perkara yang kita dapati tidak dibangunkan oleh mereka ialah peluang untuk bumiputera yang lain supaya terlibat sama ada dalam soal pengendalian, penyediaan, perkhidmatan, membaiki, menyelenggara kenderaan ataupun membekal *spare part*, tayar dan sebagainya. Jadi kita telah memberi peluang untuk MARA bukan semata-mata untuk mengadakan ataupun membuat perkhidmatan di atas laluan tertentu, tetapi pada masa yang sama MARA perlu membangunkan *value change* dalam perkhidmatan pengangkutan khususnya bas. Sekarang ini maknanya MARA sedang mengenal pasti syarikat-syarikat, bengkel-bengkel kereta di seluruh negara yang mana ada laluan bas MARA untuk kita serapkan sebagai sebahagian daripada Program Membangunkan Usahawan Pengangkutan.

Usahawan Pengangkutan yang hendak kita bangunkan bukan usahawan yang semata-mata memiliki bas ekspres tetapi lebih dari itu. Jadi kita dalam rangka untuk menyediakan peluang untuk bumiputera yang sekarang mengendalikan bengkel untuk menyertai Program *Smart Auto* MARA yang mana syarikat bas Mara akan menjadi payung dan mereka akan mendapat peluang untuk menjalankan kerja-kerja *maintenance*, servis, perkhidmatan dan sebagainya kepada bas MARA. Jadi ini sebenarnya tujuan kita di samping kita perlu membiayai laluan-laluan sosial.....

Untuk makluman Yang Berhormat, apabila kita menaikkan kadar tambang baru-baru ini MARA tidak menaikkan kadar tambangnya. Jadi, atas sebab itulah kita mengadakan ataupun memulihkan kembali supaya MARA dapat menjadi penggerak dan bila sampai masanya usaha itu telah dapat kita bangunkan, kita akan beri peluang kepada sesiapa untuk mengambil alih.

Jadi inilah sebenarnya tujuan kita melakukan itu kerana kita hendak lihat apabila kita bercakap mengenai bumiputera dalam sektor pengangkutan semuanya bukan kerana dia pegang

lesen bas. Tetapi ada yang buat *spare part*, ada yang membekal tayar, ada yang menyelenggarakan bengkel dan sebagainya.

Jadi *value chain* (rantai nilai) sektor itu kita tentukan supaya semuanya ada. Kita tidak hendak jadi macam sektor pemborong, kontraktor. Bila cakap Melayu dalam sektor pemborongan semuanya kontraktor. Tidak ada yang menjadi pembekal bahan binaan, tidak ada yang menjadi profesional konsultan dan sebagainya. Jadi ini sebenarnya yang sedang kita lakukan dan saya berharap mendapat kefahaman daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan memberi sokongan kepada usaha kita untuk menentukan MARA dapat menjayakan program tersebut.

Mengenai balik kepada soal teksi tadi ataupun pengangkutan awam di Pulau Pinang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong. Sukacita saya maklumkan bahawa sekarang ini kita sedang berbincang dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyusun semula sistem pengangkutan awam khususnya bas di Pulau Pinang termasuklah bas-bas mini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Mengenai soal lesen teksi yang diberikan, sukacita dimaklumkan bahawa kriterianya ialah:-

- i) perlu ada lesen memandu;
- ii) usia tidak melebihi 50 tahun;
- iii) lima tahun pengalaman; dan
- iv) bersih daripada jenayah.

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa dari segi pegangan bukan bumiputera khususnya kaum Cina yang memiliki teksi dan kereta sewa adalah sebanyak 12,000 orang. Mengenai masalah khusus yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, mengenai kegagalan beberapa pihak untuk mendapatkan lesen, sukacita saya maklumkan bahawa teksi di Johor Bahru, di Kuala Lumpur dan di Pulau Pinang kita mengehendkan pengeluarannya kerana kalau kita tidak mengawal pengeluarannya maka akan berlaku lambakan yang akhirnya akan menjejaskan pemandu ataupun pemilik teksi.

Setiap tahun kita mengeluarkan, kerana teksi ini hanya terdapat di tiga tempat. Di Johor Bahru 200, di Kuala Lumpur 300 dan di Pulau Pinang 200. Semenjak saya menjadi Menteri saya telah membuat keputusan tidak lagi boleh ada syarikat mohon lesen teksi tetapi hanya individu dan juga koperasi. Hari ini di Kuala Lumpur, di Johor Bahru dan di Pulau Pinang kita masih tangguhkan pengeluarannya kerana saya telah pun mengarahkan kepada LPKP untuk membuat kajian, berapakah sebenarnya keperluan teksi di ketiga-tiga bandar ini. Kalau terlampau banyak ianya akan memudaratkan semua yang menjadi pemilik sekarang. Tetapi kalau didapati masih kurang maka kita akan buka sekali lagi.

Kita perlu ingat bahawa dahulu memang kenderaan pengangkutan awam hanya teksi dan bas. Tapi sekarang sudah ada pelbagai jenis pengangkutan awam yang mungkin keperluan

untuk menggunakan perkhidmatan teksi tidak seperti dahulu dan mungkin juga jumlah teksi mengikut nisbah dengan penduduk sudah menjadi semakin banyak.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Jadi atas sebab itulah kita hendak buat kajian. Kalau kita hendak popular kita boleh bagi sesiapa sahaja hendak kita beri, tapi akhirnya industri teksi itu sendiri akan mengalami masalah dan akhirnya kita akan dapati teksi tidak boleh membawa rezeki apatah lagi membawa keuntungan. Jadi atas sebab itulah kementerian amat berhati-hati dalam soal untuk meluluskan lesen teksi dan saya berharap Yang Berhormat memahami perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa sebahagian ataupun kesemua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat telah dapat saya berikan jawapan. Jika ada mana-mana perkara yang tidak sempat untuk dijawab saya akan menyusulkannya dengan jawapan bertulis. Jadi saya ucapkan sekali lagi banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,621,603,700 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,621,603,700 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,528,900,000 untuk Maksud P.26 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,528,900,000 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

**Maksud B.27 [Jadual] -
Maksud P.27 [Anggaran Pembangunan 2006] -**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.27 dan Kepala Pembangunan P.27 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas. Ledang.

7.36 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus menjurus kepada Butiran 70000 di bawah kementerian ini. Alhamdulillah Tuan Pengerusi, di Muar telah pun sedia wujud, siap dan dirasmikan jambatan baru lengkap dengan Muar *bypass* yang panjangnya 13 kilometer dan mempunyai 11 *traffic light*. Panjang 13 kilometer, *traffic light*

ada 11. Dalam tempoh yang singkat ini Tuan Pengerusi, dalam tempoh dilancarkan sekarang dah mula digunakan. Dalam tempoh sebulan ini banyak berlaku kemalangan jalan raya di jalan tersebut walaupun ia adalah jalan empat lorong.

Saya tidak pertikaian kewujudannya malah kita mengalu-alukannya sekadar oleh kerana jalan tersebut melalui beberapa jalan kampung. Bagi orang kampung apabila jalan tersebut melalui jalan mereka, jalan mereka adalah dianggap sebagai jalan utama ataupun *major road*. Jalan yang empat lorong pada mereka dianggap sebagai *minor road* tetapi dari segi teknikal *of course*, dengan izin jalan yang empat lorong itu adalah jalan *major road* (jalan utama) dan jalan kampung (*minor road*) jalan yang tidak utama.

Oleh kerana masyarakat kampung menganggap jalan mereka adalah jalan utama, walaupun ada *traffic light*, ada lampu isyarat mereka terlepas pandang Tuan Pengerusi. Akhirnya berlakulah kemalangan jalan raya di persimpangan-persimpangan tersebut boleh dikatakan saban hari. Malam tadi saya lalu pun ada Tuan Pengerusi. Cuma saya hendak mencadangkan supaya untuk masa-masa akan datang bagi tempoh peralihan penggunaan tersebut mungkin terpaksa dibina sesuatu yang memudahkan masyarakat kampung yang menggunakan jalan kampung mereka, tetapi merentasi jalan lebuhraya tersebut, lebuhraya saya panggil dibina sesuatu yang mereka mudah peka dengan kewujudan persimpangan di hadapan mereka. Walaupun jalan tersebut besar, nampak tetapi mereka seolah-olah tidak perasan. Jadi mungkin perlu dibina sesuatu misalnya dengan izin, *yellow bar* kah, sesuatu yang boleh menyedarkan mereka tentang kewujudan jalan tersebut yang boleh mengundang kemalangan dalam tempoh yang singkat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Saya fikir Tuan Pengerusi untuk satu tempoh yang panjang tidak ada masalah.....

Tuan Pengerusi: Sri Gading.

Ir. Haji Hamim bin Samuri:tetapi untuk satu tempoh yang tertentu sebulan sehinggalah satu masa nanti orang ramai serasi dengan jalan tersebut. Terima kasih. Ya.

Tuan Pengerusi: Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terperanjat Tuan Pengerusi, Ledang kata orang Muar. Boleh tak perasan *traffic light*. Terperanjat saya, nasib baik saya bukan orang Muar saya orang Batu Pahat. Tetapi kalau rakyat, sikap seperti ini susahlah negara kita membangun. Payahlah, sudah dapat empat lorong. Saya lalu jalan ini Tuan Pengerusi, cantik. Memang betul 8 atau 9 *traffic light*. Tak kanlah *traffic light* pun hendak dilanggar. Ini bukan soal *traffic light* atau empat lorong. Ini soal rakyat tidak mematuhi undang-undang lalu lintas. Agaknya pandangan dan cadangan Ledang supaya rakyat mematuhi undang-undang lalu lintas.

Kalau itu dapat dilakukan saya ingat tidak timbul kemalangan. Dia empat lorong, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: 2 ke utara dan 2 ke selatan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cantik Tuan Pengerusi, untung orang Muar. Saya orang Batu Pahat iri hati pula. Saya juga ada empat lorong ini tetapi tidaklah sebanyak *traffic light* di Muar tu. Cuma 8 ke 10 kilometer ada 8 *traffic light*. Cuma saya lahirkan rasa hairan. Timbalan Menteri pun orang Muar juga. Tak tahulah macam mana. [Ketawa] Ketua Pemuda pun orang Muar juga. Tak tahulah orang Muar macam mana. Orang Johor lain tidak macam itu. Dia sahaja orang Muar, Muar tidak... ini Ledanglah. Jalan ini pula bukan dalam kawasan Ledang. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Pengerusi, ini bukan soal orang Muar atau soal lain tetapi tanyalah JKR bila jalan baru mula dibina itulah realitinya mungkin tidak perasan walaupun terpampang. Maksud saya kita lebih proaktif supaya disediakan supaya orang ramai lebih mudah peka.

Kedua Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan satu jalan yang melalui kawasan saya iaitu Jalan Muar ke Sungai Rambai yang sedang dibina sampai ke Alor Gajah tetapi di bahagian di satu *portion* di bahagian saya jalan tersebut sudah tiga tahun tidak siap. Kalau boleh dapatlah jawapan yang realistik daripada kementerian supaya dapat saya sampaikan kepada orang saya.

Ketiga Tuan Pengerusi, kita ada beberapa jenis jalan. Jalan Lebu Raya, Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri. Yang saya hendak bangkitkan ialah Jalan Negeri. Nampaknya walaupun Jalan Negeri diselenggarakan oleh JKR tetapi dari segi mutu jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan Jalan Persekutuan sedangkan saya difahamkan geran yang dikemukakan yang diserahkan kepada kerajaan Negeri adalah memadai jadi saya hendak tahu di manakah silangnya sehingga mutu jalan negeri yang diselenggarakan oleh JKR masih rendah mutunya sehinggalah sekarang samalah daripada dahulu sehingga sekarang.

Tuan Pengerusi, keempat saya hendak sebut tentang saya fikir Tuan Pengerusi juga mengalami peristiwa ini di mana kalau kita melalui Lebu-lebu Raya Persekutuan terutama Lebu Raya Utara-Selatan kita dapati di waktu malam banyak kenderaan seperti lori dan sebagainya yang meletakkan kenderaan mereka di kawasan R&R tetapi tidak cukup. Akhirnya kenderaan-kenderaan tersebut melimpah sehinggalah di tepi-tepi Lebu Raya yang pada saya amat berbahaya. Apakah kementerian ada rancangan untuk membesarkan lagi kawasan *parking* kawasan letak kenderaan besar ini, kenderaan perdagangan lori dan sebagainya di kawasan-kawasan R&R tersebut.

Kedua akhir Tuan Pengerusi, ialah tentang Projek Jalan Kampung yang dibina oleh JKR. Saya kagumlah, saya mengiktiraf *appreciate* dengan izin tentang mutu jalan tersebut, tentang ketebalan dan sebagainya itu saya tidak mempertikaikan. Sekadarkan banyak jalan-jalan

kampung yang dibina oleh JKR nampaknya tidak ada bahu jalan. Saya hendak tanya sekadarkan tidak ada bahu jalan itu kerana arahan daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, ataupun itu adalah memang penentuan kerja JKR. Saya difahamkan itulah yang diarahkan oleh JKR di peringkat Daerah.

Dan akhir sekali Tuan Pengerusi, saya hendak menyebut tentang bayaran kepada perunding-perunding kejuruteraan. Oleh kerana perunding-perunding kejuruteraan ini di bawah Kementerian Kerja Raya saya pernah menimbulkan perkara ini di Dewan ini tetapi tidak mendapat jawapan yang lengkap di mana bayaran kepada perunding-perunding biasanya dibayar terus sama ada oleh kontraktor, oleh pemaju kepada perunding-perunding.

Tetapi berlaku sedikit penyelewengan di mana pembayaran tersebut tidak dibayar sepenuhnya oleh pemaju dan sebagainya oleh syarikat-syarikat swasta kepada perunding tidak seperti bayaran kepada juru-juru ukur oleh syarikat-syarikat tertentu. Perbandingannya ialah bayaran kepada juru ukur melalui Lembaga Juru Ukur sedangkan bayaran kepada Jurutera Perunding tidak melalui Lembaga Jurutera Malaysia.

Yang Berhormat Menteri Kerja Raya baru-baru ini telah pun menjawab soalan saya tetapi oleh kerana tidak ada masa untuk bertanya saya ingin mengemukakan soalan tambahan mungkin pihak Timbalan Menteri boleh jawab kah, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya menyatakan bahawa sekiranya bayaran perunding kepada Jurutera Perunding melalui Lembaga Jurutera Malaysia, banyak kerja dilakukan.

Saya ingin mencadangkan supaya mungkin sebahagian daripada bayaran kepada perunding kita boleh tolak masukkan dalam dana di Lembaga Jurutera Malaysia sebagai sebahagian daripada menampung kos pengurusan. Mungkin pada masa yang sama kita boleh memperbanyakkan ataupun kita boleh melantik beberapa pegawai-pegawai baru di Lembaga Jurutera Malaysia *after all* dengan izin sekarang banyak graduan ataupun mereka yang ada kelulusan yang kekurangan kerja.

Saya fikir sekiranya berlaku Jurutera-jurutera Perunding sanggup mengeluarkan sebahagian daripada yuran mereka kepada Lembaga Jurutera Malaysia asalkan mereka mendapat bayaran yang setimpal. Kalaulah cadangan ini boleh dipraktikkan saya fikir industri Perunding Kejuruteraan akan berkembang dan tidaklah berlaku seperti sekarang di mana banyak penyelewengan sama ada dari segi bayaran tidak telus, bayaran tidak sempurna, menerima tekanan daripada pemaju-pemaju, daripada syarikat-syarikat swasta yang terpaksa ditanggung oleh Jurutera-jurutera Perunding dan sebagainya tidak sebagai mana bayaran yang sangat efisien yang dibayar oleh kerajaan atau pun agensi-agensinya kepada Jurutera-jurutera Perunding tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Seputeh.

19.47 malam.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan beberapa isu yang merujuk kepada 010000 Pengurusan Kementerian Kerja Raya. Isu pertama ialah tentang harga perumahan bagi penduduk Kampung Tayu,

Tuan Pengerusi, di sini ingin saya membangkitkan isu tentang peruntukan perumahan kepada penduduk setinggan yang telah membuka jalan kepada pembinaan Lebu Raya Sungai Besi oleh Bes Raya. Mengikut kontrak yang ditandatangani di antara penduduk terlibat dengan Bes Raya yang menetapkan rumah kos rendah akan dijual kepada penduduk setinggan dengan harga RM25,000 dan rumah mereka sepatutnya siap dibina pada tahun 1999 ataupun tahun 2000.

Kesannya rumah yang sekarang dibina oleh YTL telah pun dinaikkan harga kepada RM42,000 dan hanya akan siap pada dua tahun yang akan datang. Saya faham bahawa kos pembinaan rumah sekarang telah pun naik berbanding dengan tahun yang lepas tetapi penduduk setinggan yang menanti-nantikan rumah itu juga telah sengsara dan mereka terpaksa membayar sewa rumah dan berpindah ke tempat jauh untuk menjimatkan kos mereka.

Selain itu beberapa orang di antara mereka telah pun tidak sempat pindah ke rumah baru itu dan telah meninggal dunia. Peningkatan harga rumah kos rendah ini adalah amat tidak adil kepada para penduduk setinggan yang miskin ini. Selain itu subsidi sewa bulanan RM300 yang sepatutnya dibayar oleh LLM kepada mereka telah pun berhenti selama satu tahun.

Di sini saya ingin menyeru pihak kementerian untuk terus membayar subsidi sewa bulanan RM300 kepada mereka. Selain itu pihak kerajaan haruslah mengekalkan harga jualan RM25,000 seunit seperti mana yang termaktub dalam perjanjian di antara Bes Raya dengan penduduk setinggan ini kerana mereka adalah golongan yang miskin dan ini juga harus dianggap sebagai pampasan kerajaan ke atas kesengsaraan mereka.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga membangkitkan mengenai masalah dengan pembinaan Lebu Raya Bertingkat yang merentasi kawasan kediaman.

Baru-baru ini isu lebu raya bertingkat yang melalui kawasan kediaman di Kuala Lumpur telah menimbulkan banyak masalah kepada penduduk yang bermastautin di Kuala Lumpur, khususnya golongan yang berpendapatan sederhana dan atasan yang telah menggunakan banyak wang simpanan mereka ataupun mungkin wang simpanan seumur hidup mereka untuk membeli rumah dan di sini saya ingin merujuk kepada masalah yang diakibatkan oleh Lebu raya Bertingkat Kuala Lumpur-Putrajaya terhadap penduduk di Sri Petaling dan juga Duta-Ulu Klang Expressway (DUKE) terhadap penduduk di sepanjang jalan Khalsa.

Kedua-dua kes ini menunjukkan bahawa Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) melaksanakan projek lebu raya dengan cara yang amat tidak mesra rakyat. di samping langsung tidak mempedulikan dengan garis panduan pelaksanaan projek jalan raya yang ditetapkan oleh LLM sendiri dan juga Jabatan Alam Sekitar. Dari segi laporan EIA, laporan itu

menyatakan bahawa Lebuhraya Bertingkat Kuala Lumpur–Putrajaya mempunyai jarak sebanyak 20 hingga 50 meter *set back* daripada bangunan di sepanjang lebuhraya tersebut tetapi kesannya laporan EIA itu tidak menyentuh langsung dengan reaksi dan impak sosial penduduk terhadap *set back* sebanyak 2.3 meter bagi rumah teres di Jalan 2/149 di Sri Petaling.

Macam manakah LLM boleh meluluskan satu projek lebuhraya yang melanggar *set back* yang ditentukan oleh jabatan mereka sendiri. Apabila isu masalah jarak 2.3 meter di antara lebuhraya bertingkat dengan belakang rumah teres berkenaan dibangkitkan oleh penduduk dan wakil rakyat, apa yang kita lihat ialah pertelingkahan di antara DBKL dengan LLM di mana kedua-dua pihak menyalahi di antara satu sama lain. Penduduk di Sri Petaling dan saya tidak kira siapa betul dan siapa salah. Yang pentingnya ialah kepentingan pembeli rumah dan juga penduduk yang terlibat harus dipertahankan oleh kerajaan.

Tuan Pengerusi, penduduk di kawasan yang terlibat ini dan saya tidak membantah pembinaan jalan raya dan juga lebuhraya tetapi isunya ialah apabila kerajaan ingin membina lebih lebuhraya, khususnya lebuhraya bertingkat, kerajaan juga harus mengambil kira reaksi dan impak sosial terhadap penduduk di kawasan terlibat. Sehubungan dengan itu saya ingin bertanya, apakah rancangan kerajaan terhadap rangkaian pengangkutan di Lembah Klang? Apakah pembinaan lebuhraya bertingkat ini berada juga dalam Pelan Induk Kuala Lumpur 2020? Apakah masalah yang wujud di antara perumahan Sri Petaling Jalan Khalsa ini menunjukkan bahawa kerajaan sebenarnya tidak mempunyai pelan yang menyeluruh terhadap rangkaian jalan raya dan juga sistem pengangkutan di Lembah Klang dan juga kekurangan koordinasi di antara agensi kerajaan yang terlibat dalam kelulusan projek lebuhraya iaitu di antara DBKL dan LLN. Macam manakah kerajaan akan membetulkan masalah kekurangan koordinasi ini dan juga mengelakkan perkara ini daripada berlaku pada masa yang akan datang?

Tuan Pengerusi, memandangkan dinding di rumah teres di kedua-dua belah Lebuhraya Bertingkat Kuala Lumpur–Putrajaya ini telah pun retak dan juga kajian yang dijalankan oleh IKRAM juga telah pun dijalankan. Di sini saya ingin bertanya, apakah siasatan dan juga laporan IKRAM terhadap keretakan yang berlaku di dinding rumah teres di Sri Petaling ini. Saya juga ingin sekali lagi merayu kepada Kementerian Kerja Raya supaya mengambil alih rumah teres di Jalan 2/149 di Sri Petaling dan juga di rumah banglo di Jalan Khalsa di Kuala Lumpur dengan harga pasaran demi memberi keadilan kepada para pembeli rumah dan juga tuan punya rumah kerana para penduduk ini langsung tidak menjangka lebuhraya bertingkat akan dibina begitu dekat dengan rumah mereka. Jadi kerajaan hanya dilihat menjalankan dengan adil sekiranya tuan punya rumah ini diberitahu pada saat mereka menempah rumah berkenaan dengan rancangan kerajaan untuk membina lebuhraya berdekatan dengan rumah mereka.

Sekiranya kerajaan sanggup membayar pampasan sebanyak RM38 bilion kepada syarikat konsesi lebuhraya kerana kegagalan mematuhi perjanjian di antara kerajaan dengan konsesi. Kenapakah kerajaan tidak sanggup mengambil alih rumah teres di Jalan 2/149 di Sri

Petaling yang bernilai lebih kurang RM30 juta sahaja? Sekiranya kerajaan mengambil alih rumah teres yang terlibat, dia hanya meningkatkan kos pembinaan lebuhraya daripada RM1.3 bilion kepada RM1.33 bilion sahaja, masih kurang daripada pampasan sebanyak RM38 bilion yang dibayar oleh kerajaan kepada syarikat konsesi.

Di sini akhir ucapan saya dan mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab ini boleh menghulurkan bantuan kepada penduduk yang amat memerlukan pertukaran polisi dan juga bantuan Kementerian Kerja Raya. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ya, Langkawi.

7.55 mlm.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada 02011 dan 0100. Jadi saya hendak tanya kepada JKR yang telah membangunkan banyak jalan di Langkawi dan yang saya hendak tanya ialah mengapa lambat sangat dibuat jalan antara Kuah ke airport yang telah memakan masa lebih kurang 2 tahun sudah, sampai sekarang belum selesai lagi. Mungkin masih tidak selesai sehinggalah tahun hadapan ataupun mungkin 2007, jadi minta dipercepatkan.

Keduanya ialah jalan pantai antara Temoyong dan Porto Malai atau Kedawang, bilakah ia akan dibina? Kerana dengan adanya jalan ini, maka pengunjung-pengunjung ataupun pelancong akan menikmati satu bahagian lagi keindahan Langkawi.

Yang ketiganya ialah berkenaan dengan jalan di Alor Setar, depan hospital. Saya ingat sejak bulan 2 tahun ini sehingga sekarang ini pun belum selesai lagi, itu hanya lebih kurang 50 meter sahaja. Mengapakah begini? Kerana ini salah satu yang memalukan dan mengganggu kenderaan yang berulang-alik antara Alor Setar dengan Langgar ataupun Alor Setar dengan Kodiang. Jadi, Tuan Pengerusi itulah tiga perkara yang saya kemukakan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Santubong.

7.57 mlm.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya pun tidak banyak, macam cerita Langkawi jugalah. Saya sedih juga dengan Langkawi ini, dua tahun tidak siap.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh dalam soal 010100 dalam Pengurusan Latihan Kementerian Kerja Raya. Jadi dari dalam butiran ini, saya ingin bertanya dengan pihak kementerian soal latihan dan pengalaman kepada jurutera-jurutera, khususnya mereka yang terlibat dalam perancangan dan pengawalseliaan kerja-kerja di JKR. Saya masih berpendapat bahawa jurutera-jurutera yang kita ada jarang pernah diberi kursus *advanced training* dan *courses* selepas mendapat ijazah di peringkat universiti dan oleh kerana itu maka negara kita tidak mempunyai mereka yang mempunyai pengalaman yang luas dan pernah saya mencadangkan dalam Dewan ini supaya jurutera-jurutera dalam JKR, khususnya diberi *attachment duty* setahun ataupun 6 bulan ataupun dua tahun di negara-negara yang membangun

yang mana mereka membuat bangunan-bangunan yang besar, projek-projek mega, projek-projek yang menggunakan teknologi-teknologi canggih membuat jambatan, bangunan dan sebagainya.

Kalau kita lihat Tuan Pengerusi, pembangunan Twin Towers Petronas umpamanya, hampir kesemuanya pembinaan di buat oleh kepakaran daripada luar, bahkan *nature of concrete* yang menggunakan satu teknologi tinggi sebagai *support pillar* kepada Petronas itu dibuat daripada Chicago kerana kita tidak mempunyai teknologi, tidak mengetahui teknologi tinggi berhubung dengan *high density* konkrit ini. Jadi persoalan saya, apakah latihan diberi kepada mereka ini supaya bangunan jangan berlaku macam MATRADE yang mana rangkanya daripada besi yang kita tidak tahu macam mana mereka buat, yang mana perkara ini banyak dibuat di Amerika. Apakah tindakan kerajaan supaya pakar kita dalam JKR betul-betul mempunyai kepakaran bukan, amalan yang *trial and error* dibuat sepanjang perkhidmatan mereka membuat benda-benda yang senang sahaja seperti rumah teres, *double storey*, enam *storey*, tujuh *storey* tetapi bila berubah kepada satu teknologi baru, berubah kepada sistem baru, kita sudah tidak tahu kerana pengalaman tidak ada.

Jadi saya mencadangkan kepada kementerian supaya jurutera-jurutera JKR jangan hantar KSU lah jangan hantar orang kanan yang tidak pergi ke bawah. JKR yang betul-betul pegawai dia jurutera dia yang pergi ke bawah itu diberi latihan yang khusus, kepakaran yang khusus dan latihan *attachment* yang khusus ke luar negara. Itu soalan yang pertama.

Yang kedua Tuan Pengerusi ialah berhubung dengan Butiran 09280 – Membina Jalan-jalan. Tuan Pengerusi, saya juga berasa sedih sini kalau kita.....

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [*Bangun*]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:sebelum itu, Yang Berhormat hendak tanya? Sedikit, sedikit sahaja.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Pengerusi, sedikit sahaja fasal tadi dia sentuh kursus tadi. Adakah Santubong ingin mencadangkan kepada JKR bahawa JKR dahulu ada Ikram. Adakah sekarang JKR ada satu peruntukan cukup untuk menghantar jurutera-jurutera mereka berkursus di Ikram yang telah diswastakan. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya tidak tahu Ikram ke 'Ikrom' ke apa benda itu saya tidak tahu. Yang saya tahu tiap-tiap orang yang dikatakan pakar itu mesti diberi kepakaran yang mencukupi. Mereka yang dikata terlatih itu mesti diberi latihan yang mencukupi. Jurutera yang keluar daripada universiti walaupun mempunyai master dan sebagainya, kepakaran pengalaman belum lagi mencukupi, tanya mana-mana orang *academician*, tanya mereka yang lulus daripada universiti itu. Kerana orang yang pandai kibar jala dia tangkap ikan ialah orang daripada kampung. Tetapi apabila diberi latihan sampai ke ijazah dia lebih bijak lagi menggunakan jala dan mengguna jala yang elok. Ini perbezaan orang yang mempunyai ijazah dan orang yang mempunyai pengalaman, inilah pengalaman yang saya hendak supaya jurutera kita dihantar.

Bila kita dengar projek mega yang dibuat di Amerika, dibuat di Sweden kita hantar jurutera kita. Pakar sebagai bekerja kena melihat sendiri dengan *hands on* kepakaran daripada mereka ini supaya mereka balik membawa kepakaran ini ke negara kita. Sebagaimana saya sebut hal konkrit tadi, jadi Tuan Pengerusi saya hendak tanya jalan di Sarawak.

Saya terima kasihlah kepada JKR sebab jalan di Sarawak sudah siap yang berapa tahun saya minta daripada Betong sampai ke Kayu Malam itu sudah siap. Yang daripada Kuching ke Serian sudah siap tetapi macam *design* jalan itu. *I was a road designer* Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *I was a road designer. Design* jalan itu buat macam *after thought* sahaja, lurus lepas itu tidak ada dia buat macam ada orang yang hamil, bunting, orang sekarang kata orang bunting. Dia buat macam itu jadi kalau *speed limit* kita *90 km per hour, all of a sudden* kita nampak jalan macam ini, [*Sambil menunjuk isyarat*] *you are in danger*, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi kenapa *design* jalan yang begitu tidak elok, tidak betul sekali. Jadi saya berharaplah kementerian selepas buang duit RM200 juta lebih itu janganlah buat dia macam *design technical assistant* zaman tahun 1960-an dahulu itu. Kalau jurutera JKR itu elok pandai, konsultan itu elok pandai dia mesti *come out with the design* yang memang patut-patut *world class*. Tuan Pengerusi saya sokong terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: [*Bangun*]

Tuan Markiman bin Kobiran: [*Bangun*]

Tuan Lau Yeng Peng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Bera ya.

8.04 malam

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak merujuk di bawah butiran mengenai naik taraf jalan. Cuma tiga isu ringkas yang saya hendak bangkitkan. Yang pertamanya ialah mengenai tiadanya tempat berhenti kenderaan semasa kecemasan di sepanjang Lebuhraya Pantai Timur (LPT). Misalnya contoh daripada Karak ke Temerloh, persimpangan di Temerloh, tempat berhenti cuma satu iaitu di R&R dan sepanjang jalan itu tidak ada tempat pemberhentian semasa kecemasan. Dan ini amat membahayakan jika kereta mengalami kerosakan, jika pemandu terasa mengantuk dan sebagainya tidak ada tempat untuk berhenti. Jadi saya amat berharap supaya diwujudkan tempat-tempat pemberhentian kecemasan kereta di sepanjang Lebuhraya Pantai Timur.

Yang keduanya ialah mengenai.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Bera, Tuan Pengerusi saya minta izin.

Tuan Pengerusi: Ya ada boleh?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya bersetuju dengan Bera, maknanya lebuh raya mesti ada tempat yang *emergency*, tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa kita mencadangkan kepada PLUS supaya di setiap tol itu diadakan pasukan polis pengawasan. Kerana saya Tuan Pengerusi, kadang-kadang kita balik malam lepas Dewan Rakyat Tuan Pengerusi, saya biasa ikut tahu-tahu terkejut lori di ekor dia lampu tidak ada langsung Tuan Pengerusi, di kepala sahaja lampu dok suluh jalan ekor tidak ada apa. Jadi ini yang menyebabkan kebanyakan bas-bas yang melanggar belakang lori. Jadi kita hendak mencadangkan, bolehkah melalui Yang Berhormat mencadang kepada kementerian supaya peraturan setiap lori-lori lampu dia kena banyak juga macam bas ekspres supaya orang daripada belakang tahu, di depan itu dari jauh kita sudah tahu ada kenderaan besar.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat setuju tidak?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Saya setuju kalau betul dengan kementerian ini saya setuju. Saya takut ini di bawah Kementerian Pengangkutan tetapi kalau betul jadi saya jadikan cadangan Yang Berhormat itu sebagai cadangan saya kepada pihak kementerian. Boleh macam itu?

Tuan Pengerusi: Ya boleh.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Yang keduanya.....

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Tuan Pengerusi saya minta boleh sedikit Bera. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Bera. Saya pernah lalu laluan Lebuhraya Pantai Timur ini (LPT) dan saya sebut dalam ucapan saya hari itu. Kebetulan saya mengalami kerosakan kereta. Saya dapati *service* yang diberikan oleh pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur ini dia punya *service* kereta tol ini teruk. Saya terpaksa tunggu tujuh jam untuk dapat dan bila dia datang pun dia hanya beritahu saya hanya boleh tarik sampai kepada tol Gombak dan tidak boleh bawa kepada tempat yang terdekat, berbeza dengan PLUS. Kalau di PLUS dia boleh kata lalu *every half and hour*, ada kerosakan sahaja dia akan datang serta-merta. Jadi bolehkah Yang Berhormat sebab Yang Berhormat selalu menggunakan lebuh raya ini tiap-tiap minggu, itu yang pertama.

Yang kedua saya lalu kali yang kedua saya dapati pandangan sayalah ini *I'm not highway user* sebab saya di Kelantan tidak ada *highway* jadi saya pakai jalan kampung sahaja. Dia punya jalan Lebuh raya Pantai Timur ini saya rasa *substandard* berbanding dengan PLUS sebab setiap kali kita ambil *corner* yang lebih sedikit lepas pada Temerloh itu dia akan terbabas. Jalan itu saya tengok tidak setaraf dengan jalan lebuh raya yang dibuat oleh Pantai Barat.

Apakah kerana kita Pantai Timur ini kita belah Pantai Timur jalan murah sedikit ke ataupun *concessionaire* ini macam mana pandangan Yang Berhormat terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat supaya dikerapkan tol trak tadi untuk membantu kenderaan yang rosak dan sebagainya. Mengenai standard jalan itu saya harap supaya pihak kementerian memberikan jawapannya.

Satu lagi yang hendak saya bangkitkan ialah mengenai menaik taraf jalan lebuhraya daripada Kuala Lumpur ke Karak. Saya ucapkan tahniah kerana pihak kementerian melalui agensinya melalui syarikat yang diberikan kontrak ini sedang giat untuk menaik taraf jalan tersebut. Walau bagaimanapun, cara kerja-kerja pembaikan ini amat menimbulkan keresahan dan menimbulkan banyak aduan yang kurang puas hati daripada pengguna jalan. Misalnya tiga lorong yang ada, dua lorong ditutup dan dibuka hanya satu lorong. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, biasanya daripada tol Gombak sehingga ke terowong Genting Sempah kita cuma memerlukan masa 10 hingga 15 minit tetapi kerana banyaknya lorong tol ditutup, lorong yang digunakan hanya satu lorong, ia mengambil masa sampai satu jam untuk sampai ke Genting Sempah. Begitu juga di tempat-tempat lain sehinggalah sampai ke Karak, banyak kawasan-kawasan yang ditutup dua lorong dan ditinggalkan satu lorong.

Saya ingin mencadangkan kalau boleh melalui kementerian nasihatkan pihak yang menjalankan kerja ini. Kalau hendak tutup juga tutup waktu tengah malam sehingga subuh, waktu kenderaan tidak banyak. Dan yang keduanya jangan tutup di waktu hujung minggu, jangan di antara hari Jumaat hingga hari Ahad kerana masa itulah orang bercuti, sekarang ini kita bekerja lima hari seminggu untuk menggalakkan pelancongan ramai orang melancong ke Kuantan ke Pantai Timur dan sebagainya.

Dengan siapnya lebuhraya ini akan menggalakkan pelancongan, tetapi kerana masalah kesesakan, kerana pembaikan jalan ini, menyebabkan orang tidak pergi lagi ke Pahang dan sebagainya. Jadi saya harap pihak kementerian gunakan budi bicara untuk meminta pada pihak yang berkaitan supaya menyelesaikan masalah membaik pulih jalan ini atau naik taraf jalan ini, dengan cadangan tersebut....

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: [Bangun]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Boleh Tuan Pengerusi, saya bagi jalan?

Tuan Pengerusi: Boleh.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya dari Bera. Tuan Pengerusi, saya salah seorang pengguna boleh kata setiap hari di jalan Lebuhraya pantai Timur dan juga Karak-Kuala Lumpur. Sejak empat lima tahun yang lepas, saya perhatikan Lebuhraya Karak-Kuala Lumpur ini sentiasa dibaiki. Saya kadang-kadang naik hairan Tuan Pengerusi, saya harap Yang Berhormat bagi Bera dapat memasukkan

sedikit soalan saya ini dalam ucapan Yang Berhormat dan saya minta kalau boleh bertanya kepada kementerian, berapa kalikah, berapa kerapkah Lebu Raya Karak-Kuala Lumpur ini dibaiki. Sebab kadang-kadang saya lihat, kon-kon yang ada seolah-olah tidak bergerak. Sejak lima tahun tidak bergerak. Apabila sebelah kiri dibaiki, lebih kurang 1, 2 kilometer, sudah siap lebih kurang 4, 5 bulan belah kanan pula dibaiki. Kemudian belah kanan bila sudah siap, mungkin 4, 5 bulan yang berikutnya, sebelah kiri pula dibaiki. Tidak jauh jarak bezanya. Jadi saya bimbang, saya ragu, apakah mungkin kontraktor yang membaiki jalan ini, sentiasa duduk di situ sahaja?

Bermakna dia mendapat projek di kawasan ini, Lebu Raya Karak-Kuala Lumpur tadi, dan mungkin ada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku. Saya minta penjelasan daripada... saya minta supaya Yang Berhormat masukkan perkara ini, bertanya perkara ini dan harap kerajaan dapat menjawab. Saya tidak hendak, sebab kadang-kadang lepas dibaiki, sekejap sahaja jalan sudah rosak dan menyulitkan pengguna-pengguna jalan raya berkenaan, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Masa cukup Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih, saya setuju untuk masukkan soalan itu dalam ucapan saya. Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ucapkan tahniah kerana pihak kementerian telah pun mewujudkan laluan Smart Tag di tol-tol Lebu Raya Pantai Timur, Smart Tag dan juga Touch 'n Go. Malangnya sehingga ke hari ini, tidak ada lorong, laluan ataupun tempat-tempat untuk menjual Touch 'n Go ataupun untuk menambah nilai Touch 'n Go tersebut. Bayangkanlah dari Kuantan hingga ke Kuala Lumpur, memakan masa yang lama dan memerlukan kewangan yang banyak untuk ditambah nilai. Tidak ada di mana-mana. Di Temerloh tidak ada, di sepanjang jalan tidak ada. Jadi yang boleh kita hendak tambah nilai adalah di Kuala Lumpur sahaja, itu pun di tempat-tempat seperti di Damansara, Jalan Duta dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Masa cukup Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Jadi, oleh itu saya mengharapkan supaya pihak kementerian mengambil serius perkara ini supaya mewujudkan tempat-tempat tambah nilai ataupun laluan-laluan tambah nilai di tol-tol di kawasan jalan raya di Lebu Raya Pantai Timur tadi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Puchong.

8.13 mlm.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ringkaskan.

Tuan Lau Yeng Peng: Saya teruskan kepada beberapa perkara yang menjurus kepada kawasan saya. Butiran yang ingin saya bahaskan ialah mengenai 10001 iaitu Projek Penswastaan Jalan (PBT), iaitu sebanyak RM325 juta dan ini adalah satu perkara yang agak

penting dalam kawasan saya. Kawasan saya ada dilalui oleh satu lebuh raya yang penting iaitu LDP atau Lebuh Raya Damansara–Puchong di mana ada banyak persoalan daripada penduduk di Puchong bahawa di manakah jalan alternatif ke Subang Jaya atau ke USJ. Kalau tidak silap saya, setiap konsesi, kita mesti ada satu jalan alternatif yang *reasonable*. Di sini saya cadang kepada kementerian bahawa tiada banyak cadangan, *in fact* ada banyak kelulusan telah diluluskan di mana satu jalan penyambung dari LDP ke USJ 1 melalui satu jambatan. Semasa saya menjadi Ahli Majlis MPSJ, saya tahu bahawa kelulusan telah diberikan, tetapi masalah kekurangan kewangan dari pihak PBT dan juga kerajaan negeri dan saya berharap kementerian dapat memberikan bantuan yang secukupnya kerana ini satu jalan alternatif yang memberikan kemudahan dan juga kesenangan kepada semua pengguna jalan raya baik di Lebuh Raya LDP ataupun di kawasan Puchong ataupun di kawasan USJ 1 dan juga di Subang Jaya.

Baru-baru ini, 6 bulan yang lalu di mana satu *emergency* berlaku, iaitu runtuhannya Lebuh Raya LDP itu telah memberi satu kekecohan di mana pengguna-pengguna LDP ini tidak ada jalan alternatif untuk keluar masuk ke Puchong. Kecuali kita terpaksa gunakan Lebuh Raya LDP, di mana mengalami risiko runtuhannya daripada Lebuh Raya LDP beberapa bulan yang lalu. Ini selain daripada penghubung yang baik dan sebagainya, ini nombor satu.

Nombor dua saya hendak bincangkan juga mengenai membina persimpangan bertingkat iaitu Butiran 21000, ini telah saya bangkitkan beberapa kali iaitu jambatan bertingkat untuk menyambungkan di Bandar Kinrara dengan Sri Manja. Sri Manja iaitu di PJ Selatan. Saya ingat ini sangat penting kerana ini untuk mengurangkan kesesakan jalan raya bukan sahaja di PJ Selatan, tetapi juga di kawasan-kawasan tertentu, terutamanya di taman dan juga Bandar Kinrara di Puchong.

Saya berharap jugalah kementerian ini dapat mempercepatkan lagi pembinaan ini yang telah tertangguh, bagi saya lebih dari 10 tahun. Perkara yang ketiga yang ingin saya bangkitkan mengenai 070700 iaitu Bayaran Balik Pinjaman (LLM). Saya hendak tahu apakah pinjaman ini dan bilakah pinjaman ini digunakan? Dan saya juga ingin memberi satu komen mengenai LLM, mengenai *design* untuk Lebuh Raya KL-Putrajaya di mana sebahagian laluan akan melalui Puchong dan saya bercadang bahawa *design* dia mungkin diubah sedikit, di mana satu jalan keluar masuk dapat dibuat atau dibina berdekatan dengan Bandar Putra Permai, di mana saya harap pembinaan ini akan memudahkan lalu lintas ke kawasan Yang Berhormat Timbalan Menteri juga iaitu di Sepang. Ini juga akan memudahkan lagi lalu lintas ke kawasan Puchong, bukan sahaja di Puchong di Sepang juga. So, itu ialah perkara ketiga.

Tuan Pengerusi: Ringkaskan.

Tuan Lau Yeng Peng: Akhir sekali mengenai memperelok jalan-jalan raya Butiran 70000 iaitu saya hendak tahu, adakah peruntukan telah diperuntukkan bagi memperelok lagi jalan-jalan di Jalan Batu 9, di Jalan Puchong ke Batu 6 yang berdekatan dengan Taman Kinrara itu kerana ini saya ingat saya pernah mendapat aduan daripada Yang Berhormat bagi Seputeh

mengenai jalan berlubang di sana dan saya berharap kementerian ini dapat mempercepat lagi peruntukan itu bagi pembinaan jalan-jalan di kawasan ini kerana mungkin ini juga akan mempermudah lagi lalu lintas ataupun pengguna-pengguna pergi ke kawasan Yang Berhormat Timbalan Menteri juga dari kawasan Old Klang Road. I *think* saya tahulah apa yang Yang Berhormat tahu apa yang saya maksudkan itu. Sekian sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi bagan.

8.19 mlm

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. saya merujuk kepada Butiran 070600 - Bayaran Pampasan Tol bernilai RM155 juta. Tuan Pengerusi, saya minta Menteri memberi satu penjelasan mengapa ia perlu RM155 juta untuk membayar pampasan tol kepada konsesi-konsesi. Adakah ini bermakna bahawa konsesi-konsesi tol di Semenanjung sini kerana kerajaan tidak membenarkan mereka meninggikan bayaran tol, maka mereka perlu dibayar. Sekiranya ya, sila berikan butir-butir berkenaan dengan RM155 juta ini.

070700 - Bayaran Balik Pinjaman (LLM) RM90 juta. Saya juga minta penjelasan mengenai jumlah RM90 juta ini, sama ada kerajaan pinjam kepada LLM atau LLM pinjam bagi kerajaan. 02000 - Skim Mengatasi Kesesakan Lalu Lintas Pulau Pinang RM20 juta. Saya minta Butiran mengenai projek mengatasi kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang ini. 02500 - Baik Pulih Laluan Persekutuan dan juga 71000 – Memperelok Dan Membaik Pulih Jalan.

Tuan Pengerusi, kebanyakan laluan-laluan atau jalan-jalan Persekutuan dan jalan negeri, apabila diperbaiki atau diturap semula tidak lama lagi, iaitu dalam masa dua hingga tiga bulan sahaja, ia menjadi lagi *pothole-pothole* di sana dan sini.

Dalam hal ini, saya menyeru kerajaan supaya menekankan juruteknik-juruteknik yang dipertanggungjawabkan menjaga kerja-kerja ini perlu menjalankan tanggung jawab mereka dengan mengawasi dan memastikan standard dan mutu kerja jalan selepasnya yang hendak diserahkan kepada JKR adalah mematuhi piawaian dan bukan pada masa inspection bersama-sama dengan kontraktor. Kontraktor itu akan membawa juruteknik itu pergi ke restoran-restoran dan seterusnya membawa beliau pergi ke tempat hiburan dan juruteknik itu seterusnya akan meluluskan penerimaan kerja-kerja ini.

Ini akan mengakibatkan kerugian kerajaan kerana kerja-kerja yang tidak mematuhi piawaian ini akan merugikan kerajaan dalam hal perbelanjaan dan juga akan menyulitkan para pengguna-pengguna jalan. Dan dalam hal ini, saya nampak banyak kejadian seperti ini.

Tuan Pengerusi, 12401 – Meminda dan Membaharui Bangunan Kerajaan Persekutuan - Semenanjung. Saya menyeru kerajaan supaya boleh memeriksa bangunan-bangunan sekolah khususnya SJK(C) dan SJK(T) yang uzur dan lama. Tidak lama baru-baru ini ada berlaku anai-anai telah merosakkan lantai bangunan dan ada juga menjadi maut dalam hal ini. Saya dan ramai rakyat tidak ingin melihat bahawa maut ini terjadi kepada siapa-siapa seperti murid, guru-guru, atau orang-orang awam.

Tuan Pengerusi, satu hal lagi, iaitu Jambatan Pulau Pinang. Baru-baru ini, iaitu pada 14 Hari bulan, saya ada membangkitkan satu perkara iaitu konsesi jalan Pulau Pinang. Jambatan Pulau Pinang siap dibina pada tahun 1985. Dalam laporan tahunan LLM 2003, tempoh konsesi ialah 24 tahun dan 8 bulan. Ini bermakna sekiranya kami ambil tahun 1985, maka konsesi akan tamat pada 2009 bulan 8. Tetapi sehingga ini, kami mendapat tahu konsesi Jambatan Pulau Pinang akan tamat pada 2018. Jadi, Setiausaha Parlimen Kerja Raya telah menjawab bahawa beliau akan menjawab soalan ini secara bertulis kepada saya. Tetapi hari ini, sudah dekat 10 hari, masih belum ada satu jawapan. Saya berharap Yang Berhormat boleh menjawab ini secara bertulis atau secara lisan kepada saya ini. Sekian sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Pontian. *Last* sekali.

8.25 malam

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada 050600 - Pengurusan Projek di bawah Jabatan dan juga 010200 – Perancangan dan Pembangunan di bawah Kementerian.

Tuan Pengerusi, saya masih teringat lagi Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, apabila menyentuh tentang soal bangunan MATRADE yang tergendala, termasuk projek MRR2, dan juga Projek Lumut Naval Dockyard, yang di bawah pengawasan Jabatan Kerja Raya. Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa salah satu daripada faktor yang menyumbang kepada kegagalan penyempurnaan projek ini ialah JKR tidak terlibat dalam soal pelantikan kontraktor-kontraktor berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya kira sudah sampai masa Kementerian Kerja Raya memikirkan pendekatan dan mencari jalan cara mana dan bagaimana supaya perkara yang seumpama ini dapat dielakkan daripada berulang. Kalau hampir RM220 juta dibelanjakan untuk tujuan perancangan di peringkat kementerian, tentu ianya juga melibatkan soal tenaga-tenaga mahir dan pakar yang ada di kementerian, tanggung jawab untuk menilai dan juga melantik kontraktor-kontraktor untuk tujuan melaksanakan projek-projek yang telah dirancang oleh kementerian-kementerian yang ada di negara kita. Itu yang pertama.

Yang keduanya, di bawah peranan Kementerian Kerja Raya juga. Kalau tak silap saya, hasrat PSDC, *Personel Service Development Corporation* ini untuk mengeksport tenaga nasional ke luar negara, tergendala atau terbantut oleh kerana CIDB ini yang ditugaskan untuk ataupun yang sepatutnya menyuntik modal ke dalam penubuhan ataupun ke dalam PSDC untuk mengeksport tenaga-tenaga profesional ke luar negara. Ini tidak berlaku atas sebab-sebab teknikal, atas sebab-sebab perundangan.

Jadi bolehkah pihak kementerian menjelaskan kepada kita, apakah yang menghalang CIDB untuk melaksanakan hasrat sebagaimana di dalam Bajet 2005. Kalau ia tidak dapat dilaksanakan, apakah langkah-langkah kementerian untuk mengatasi persoalan yang sedemikian?

Yang keduanya, dalam soal yang berkaitan, CIDB juga dalam masa yang sama ditugaskan untuk melibatkan diri di dalam tender-tender antarabangsa di luar negara. Adakah kementerian berhasrat atau bercadang untuk melihat kepada kekuatan mahupun kelemahan yang ada di dalam CIDB itu sendiri, apabila mereka melibatkan diri dalam tender-tender international ini, lebih-lebih lagi kalau kita merujuk kepada struktur CIDB itu sendiri.

Bukanlah saya bertujuan untuk nak memperkecilkan akan kebolehan pentadbiran CIDB, tetapi tidak ada tersebut di mana-mana kementerian menjalankan satu bentuk *exercise*, satu bentuk usaha untuk menarik pakar-pakar dari luar, ataupun dari luar itu maknanya dalam negara tetapi bukan daripada anggota pentadbiran awam. Ini kerana biasanya CIDB ini akan dipengerusikan oleh sama ada orang dalaman, bekas Ketua Setiausaha atau bekas Ketua Pengarah. Itu saya kira kalau lihat dari segi pengalaman atau *networking* di peringkat antarabangsa elok juga dipertimbangkan sekiranya tenaga-tenaga pakar dari luar diambil untuk menerajui lembaga seperti CIDB ini supaya dengan kita memberi peluang kepada diri kita sendiri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa cukup.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Tidak hanya terikat kepada

Tuan Pengerusi: Masa cukup Yang Berhormat.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Ada satu, dua perkara lagi.

Tuan Pengerusi: Baik, cepat, ringkaskan.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Jadi adakah pihak kementerian boleh memikirkan kerana kita setiap kali apabila, cubalah Yang Berhormat Tuan Pengerusi bayangkan, dah dua Bajet 2005, hari ini kita dah mula berbincang soal Belanjawan 2006, kejayaan CIDB keluar dengan modal yang begitu besar, dengan sumber pendapatan, sumber kewangan yang begitu kukuh, kejayaan yang dicapai oleh CIDB dalam memperoleh kontrak-kontrak di luar negara kerana bila CIDB dapat banyak kontrak, ia dapat dikongsi oleh kontraktor-kontraktor tempatan.

Tuan Pengerusi: Baik, habis?

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Limpahan tu ada,

Tuan Pengerusi: Sudah?

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Belum Tuan Pengerusi, ada sikit lagi.

Tuan Pengerusi: Gulung sajalah.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Nak gulung ya? Tak usah esoklah Tuan Pengerusi, saya habiskan waktu ini juga, Tuan Pengerusi ada masa 15 minit tu.

Tuan Pengerusi: Kalau dapat seorang Ahli yang

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Jadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya yakin dan percaya kerajaan khususnya Kementerian Kerja Raya boleh dengan peruntukan yang diberi besar di bawah pengurusan dan perancangan dan pembangunan, boleh merancang supaya lembaga-lembaga, agensi-agensi yang ada di bawah Kementerian Kerja Raya ini dapat dimantapkan, dapat diperkukuhkan dan dielakkan daripada berulangunya masalah yang sama

kepada projek-projek yang telah saya sebutkan tadi daripada berulang sekali lagi. Jadi terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, saya ambil seorang lagi, Hulu Langat. Cepat sikit, lima minit.

8.32 malam.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh Butiran 60000, Butiran 81000, Butiran 80000 dan Butiran 89000 berkenaan dengan pengambilan balik tanah, membina jalan-jalan baru dan menaik taraf jalan yang sedia ada. Tuan Pengerusi, masalah kegagalan pemegang konsesi lebuhraya untuk menyiapkan Jalan Raya Kasih atau Lebuhraya Kasih atau Kajang-Seremban telah mendatangkan kesan yang cukup besar yang dialami oleh penduduk-penduduk di sekitar kawasan Semenyih.

Jalan yang dahulunya sepanjang 3 km boleh dilalui dalam masa kurang daripada 10 minit, sekarang mengambil masa 40-50 minit atau ada ketikanya menjangkau kelewatan sehingga 1 jam. Kelewatan yang berlaku oleh pemegang konsesi Lebuhraya Kasih ini juga mengakibatkan banyak masalah lain. Soalan saya kepada pihak kementerian adakah dokumen tender atau *turnkey agreement* dengan izin yang ditandatangani oleh Kasih Sdn. Bhd. dengan pihak kerajaan terjumlah di bawah dokumen yang diklasifikasikan sebagai dokumen rahsia. Bolehkah dokumen itu dikemukakan untuk diperhatikan dan kalau tidak saya ingin mendapat pengetahuan.

Kegagalan Kasih untuk menyiapkan lebuhraya ini sejak 6 setengah tahun yang lalu, apakah bentuk penalti yang dikenakan kepada pemegang konsesi ini. Berapakah kadarnya? Adakah bayaran telah dibuat oleh pengendali lebuhraya ini kepada pihak kerajaan? Pada 25 Oktober yang lalu, Menteri daripada kementerian ini telah menyatakan bahawa ada cadangan untuk melanjutkan tempoh pemegang konsesi ini untuk menyiapkan lebuhraya berkenaan. Dan syarat yang dikenakan ialah supaya Kasih membawa masuk sebuah syarikat lain yang disenaraikan di bawah bursa saham bagi menentukan kewangan syarikat tersebut bagi menyiapkan lebuhraya berkenaan.

Soalannya, adakah IJM Corporation Berhad yang dicadangkan dibawa masuk bersama-sama dengan Kasih yang menggunakan jenama baru Lekas, mampu untuk menyiapkan projek ini. Adakah projek ini terus terbengkalai selama 6 tahun lagi apabila konsesi baru ditandatangani kemudian. Pengusaha konsesi ini Tuan Pengerusi, telah gagal untuk menyiapkan walaupun satu persimpangan bertingkat daripada lapan persimpangan bertingkat yang telah dikehendaki untuk disiapkan. Kegagalan ini menyebabkan semua kerja tanah yang dilakukan oleh pemegang konsesi ini terbiar dan akibatnya banjir lumpur sentiasa berlaku di perkampungan-perkampungan di sekitar kawasan Hulu Langat.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mendapat pengesahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang ini semua tanda-tanda lencongan jalan, *road sign*, semua bentuk amaran keselamatan lalu lintas telah diambil keluar daripada persimpangan lebuhraya ini

dengan Jalan Persekutuan menyebabkan pengguna-pengguna jalan raya di situ terdedah dengan kemalangan jalan raya.

Tuan Pengerusi, walau apa pun keputusan pihak Kementerian, walau apa pun pertimbangan pihak kerajaan mengenai konsesi ini, saya ingin menyeru bagi pihak rakyat kawasan Hulu Langat, ambillah pertimbangan untuk melebarkan jalan yang sedia ada, yang panjangnya tidak sampai 15 km, yang kosnya dianggarkan kurang daripada RM50 juta untuk memudahkan memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, dalam pada kita mewujudkan negara kita sebagai sebuah *education hub*, University Nottingham telah menubuhkan universitinya dan telah dibuka dengan rasminya pada dua bulan yang lalu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang terletak di pekan Semenyih. Terdapat lebih kurang 1,200 pelajar luar negara yang belajar di universiti ini. Adakah kita mahu melihat pelajar-pelajar daripada luar negara ini tersekat, tersangkut atau terjerat oleh sebab kesesakan lalu lintas yang diakibatkan oleh kegagalan pemegang konsesi ini. Banyak lagi institusi

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Markiman bin Kobiran: Sikit lagi, sikit. Banyak lagi institusi-institusi pengajian tinggi yang telah ditubuhkan dan telah beroperasi di kawasan ini. Di antaranya Kolej Profesional MARA atau Kolej Politech MARA, begitu juga dengan kolej tinggi yang juga di bawah kendalian Majlis Amanah Rakyat.

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi merayu pihak kementerian untuk menimbangkan dengan segera bagi mengambil tindakan segera bagi melebarkan jalan persekutuan yang sedia ada daripada Kajang, Semenyih, Branang bagi membolehkan laluan ini digunakan kepada pengguna-pengguna jalan raya yang mengelak daripada kesesakan lalu lintas daripada menggunakan lebuh raya Seremban-Kuala Lumpur yang selalunya akan memilih jalan kedua iaitu jalan lama Seremban-Kuala Lumpur sebagai jalan pilihan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bertukar sebagai Majlis.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa 22 November 2005.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.39 malam.